

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KEPIMPINAN ISLAM TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD  
DI MALAYSIA (1981-2003)**



**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2018**



Awang Had Salleh  
Graduate School  
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(*Certification of thesis / dissertation*)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(*We, the undersigned, certify that*)

MUNIROH ABDUL ROHMAN

calon untuk Ijazah  
(*candidate for the degree of*)

PhD

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:  
(*has presented his/her thesis / dissertation of the following title*):

**"KEPIMPINAN ISLAM TUN DR MAHATHIR MOHAMAD DI MALAYSIA (1981-2003)"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(*as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation*).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **30 November 2017**.

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:  
November 30, 2017.*

Pengerusi Viva:  
(*Chairman for VIVA*)

Prof. Dr. Norshuhada Shiratuddin

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar:  
(*External Examiner*)

Assoc. Prof. Dr. Hj S. Salahudin Hj Suyurno

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Dalam:  
(*Internal Examiner*)

Assoc. Prof. Dr. Rusdi Omar

Tandatangan  
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penya: Dr. Hj Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri  
(*Name of Supervisor/Supervisors*)

Tandatangan  
(Signature)

Tarikh:  
(Date) **November 30, 2017**

## **Kebenaran Mengguna**

Penyerahan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Doktor Falsafah Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah tidak dibenarkan sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan/komersial, kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

## Abstrak

Dalam tempoh 22 tahun (1981-2003) Tun Dr. Mahathir Mohamad menjawat jawatan Perdana Menteri, pelbagai dasar dan pembangunan diperkenalkan oleh beliau untuk memajukan Malaysia. Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mendapat pengiktirafan dan menjadi contoh kepada negara-negara Islam yang lain. Namun, terdapat kritikan pertikaian terhadap kepimpinannya yang dikatakan bersifat sekular. Perkara ini menjadi polemik dalam kalangan ahli politik, agamawan dan akademik sehingga menyebabkan masyarakat terkeliru. Justeru, kajian ini dijalankan mengkaji kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sepanjang kepimpinan beliau. Oleh itu, kajian ini memfokuskan latarbelakang Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin, serta mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan Islam beliau. Kajian ini juga menganalisis kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad berdasarkan persepsi ahli politik dan akademik. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan kajian kes. Data kajian diperolehi melalui kaedah dokumentasi, pemerhatian dan temu bual. Manakala analisis data kajian menggunakan Nvivo. Hasil kajian mendapati dasar yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pengaplikasianya berteraskan kepimpinan Islam. Contohnya; Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Mahkamah Syariah serta Bank Islam membuktikan hal ini. Setiap dasar dan pembangunan tersebut merupakan identiti kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tidak bercanggah dengan prinsip asas Islam. Oleh itu, kajian ini diharap dapat dijadikan panduan kepada pemimpin yang akan datang.

**Kata kunci:** Kepimpinan Islam, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri, Malaysia

## Abstract

Within 22 years (1981-2003) Tun Dr. Mahathir Mohamad assumed the post of Prime Minister, various policies and developments introduced by him to build a better Malaysia. The leadership style of Tun Dr. Mahathir Mohamad has been recognized and exemplified by other Muslim countries. However, there are criticisms and disputes about his allegedly secular leadership. This has become a polemic among politicians, religious leaders and academics, causing people to feel confused. Thus, this study aims to investigate the Islamic leadership of Tun Dr. Mahathir Mohamad throughout his leadership. Therefore, this study focuses on Tun Dr. Mahathir Mohamad's background as the leader, and identify the characteristics of Islamic leadership practiced by him. The study also analyzes the impact of Islamic leadership of Tun Dr. Mahathir Mohamad based on the perceptions of politicians and academics. This study uses a qualitative approach based on case studies. The data were obtained through documentation, observation and interview methods. Meanwhile, data analysis using Nvivo. The findings show that the policy introduced by Tun Dr. Mahathir Mohamad and the applications are based on the Islamic leadership. For example, the Basic Application of Islamic Values, National Development Policy, Clean, Efficient and Trustworthy, Syariah Courts and the establishment of Bank Islam proved this. Every policy and development is the identity of Tun Dr. Mahathir Mohamad which does not contradict the fundamental principles of Islam. Therefore, it is hoped that this study can be used as guidance for future leaders.

**Keywords:** Islamic leadership, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Prime Minister, Malaysia

## **Penghargaan**

Bismillahirrahmanirrahim, pertama kali saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada penyelia utama saya, Dr. Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri yang tidak jemu memberi panduan, bimbingan, kepakaran, idea dan kesabaran dalam menyempurnakan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Dr. Sven Alexander Schottmann yang terlibat untuk memberi inspirasi dan tunjuk ajar pada peringkat awal perjalanan Ph.D.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi bantuan kewangan di bawah biasiswa My Ph.D (My Brain15).

Penghargaan yang tidak terhingga juga diucapkan kepada semua informan yang terlibat dalam kajian ini kerana sudi meluangkan masa dan tenaga untuk ditemu bual. Terima kasih juga kepada rakan-rakan di Universiti Utara Malaysia yang sudi berkongsi suka duka sepanjang perjalanan Ph.D saya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih khas kepada kedua ibu bapa saya Abdul Rohman B. Ebau Noi dan Allahyarhamah Ku Paridah Bt Ku Idris yang sentiasa memberi inspirasi dan dorongan untuk mengejar impian saya. Tidak dilupakan kepada dua orang adik perempuan yang dikasih Nazirah Bt Abdul Rohman dan Nor Syafina Bt Abdul Rohman di atas kesabaran dalam perjuangan yang perlu saya lalui bagi menyiapkan pengajian siswazah saya. Perjalanan sebagai seorang pelajar Ph.D bukan satu perjalanan yang mudah. Tanpa sokongan, kebijaksanaan, kekuatan dan ketabahan yang diberikan, saya tidak dapat membayangkan diri saya mencapai fasa terakhir dalam perjalanan Ph.D saya.

## Isi Kandungan

Kebenaran Mengguna.....	i
Abstrak.....	ii
Abstract.....	iii
Penghargaan.....	iv
Isi Kandungan .....	v
Senarai Jadual.....	ix
Senarai Rajah.....	x
Senarai Lampiran.....	xii
Senarai Nama Singkatan.....	xiii
<b>BAB SATU PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang kajian.....	1
1.2 Latar belakang Masalah.....	35
1.3 Pernyataan Masalah.....	36
1.4 Objektif Kajian.....	38
1.5 Persoalan Kajian.....	38
1.6 Kepentingan Kajian.....	39
1.7 Batasan Kajian.....	39
1.8 Kerangka Kajian.....	40
1.9 Limitasi Kajian.....	41
1.10 Definisi Istilah.....	41
1.11 Kesimpulan.....	42
<b>BAB DUA SOROTAN KARYA.....</b>	<b>44</b>
2.1 Pengenalan.....	44
2.2 Kajian Literatur.....	44
2.3 Teori Kepimpinan.....	53
2.4 Model Kepimpinan Islam.....	63
2.5 Kepimpinan Khulafa' Arrasyidin yang Ideal.....	73
2.6 Kesimpulan.....	74
<b>BAB TIGA KAEDAH KAJIAN.....</b>	<b>75</b>
3.1 Pengenalan.....	75
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	75
3.3 Persampelan.....	76

3.4 Instrumen Kajian.....	78
3.5 Pengumpulan Data.....	78
3.6 Analisis Data.....	81
3.7 Laporan Kajian.....	86
3.8 Kesimpulan.....	88
<b>BAB EMPAT ANALISIS KANDUNGAN.....</b>	<b>89</b>
4.1 Pengenalan.....	89
4.2 Dasar dan Pembangunan.....	89
4.3 Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam.....	99
4.4 Demokrasi.....	110
4.5 Sistem Kad Perakam Waktu.....	124
4.6 Kemiskinan Orang Melayu.....	139
4.7 Kepimpinan Islam.....	152
4.8 Kempen Kepimpinan Melalui Teladan.....	159
4.9 Mahathirisme.....	176
4.10 Malaysia Boleh.....	181
4.11 Perpaduan.....	189
4.12 Wawasan 2020.....	193
4.13 Negara Islam.....	212
4.14 Tamadun Islam.....	230
4.15 Kesimpulan.....	240
<b>BAB LIMA DAPATAN ANALISIS TEMU BUAL SECARA MENDALAM....</b>	<b>241</b>
5.1 Pengenalan.....	241
5.2 Latar Belakang Informan Kajian.....	244
5.3 Prosedur Temu bual.....	250
5.4 Kesan Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.....	251
5.5 Kesimpulan.....	306
<b>BAB ENAM PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN.....</b>	<b>307</b>
6.1 Pengenalan.....	307
6.2 Latar Belakang yang Mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad Menjadi Seorang Pemimpin Terkenal.....	307
6.3 Ciri-ciri Kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad Sebagai Perdana Menteri di Malaysia.....	310
6.4 Kesan Kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia Berdasarkan	

Persepsi Ahli Politik dan Ahli Akademik.....	321
6.5 Model Kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.....	328
6.6 Implikasi Kajian.....	331
6.7 Limitasi Kajian dan Kajian Akan Datang.....	331
6.8 Kesimpulan.....	333
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>334</b>



## **Senarai Jadual**

Jadual 1.1 Enam trait kepimpinan daripada Stogdill (1969).....	8
Jadual 1.2 Informan yang gagal dihubungi oleh penyelidik.....	40
Jadual 1.3 Informan-informan yang berjaya ditemui bual oleh penyelidik.....	241



## **Senarai Rajah**

Rajah 1.1 Kerangka kajian.....	40
Rajah 1.2 Keseluruhan tema kajian.....	85
Rajah 1.3 Indeks jenayah di Malaysia, 2011-2014.....	204
Rajah 1.4 Bilangan pelajar yang mengikut pengajian pelbagai peringkat di universiti awam, swasta dan kolej universiti swasta di Malaysia (2000-2013).....	210
Rajah 1.5 Populasi penduduk dan tahap insiden kemiskinan 1970-2012.....	211
Rajah 1.6 Model Kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.....	329



## **Senarai Lampiran**

Lampiran A: Soalan Temu Bual.....352



## **Senarai Nama Singkatan**

UMNO	United Malayan Nasional Organization
DEB	Dasar Ekonomi Baru
BN	Barisan Nasional
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBB	Persatuan Bangsa Bersatu
PRU	Pilihanraya Umum
DAP	Democratic Action Party
S46	Semangat 46



# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

Bab ini menerangkan latar belakang kajian, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka kajian, limitasi kajian dan definisi istilah dalam kajian ini.

### **1.1 Latar belakang Kajian**

Kajian ini mempunyai latar belakang kepimpinan yang terbahagi kepada kepimpinan, persoalan dalam bidang kepimpinan iaitu pemimpin dilahirkan atau dibentuk?, trait kepimpinan dan gaya kepimpinan.

#### **1.1.1 Kepimpinan**

Kepimpinan merupakan aspek penting menentukan samada sebuah negara berjaya mencapai matlamat hendak dicapai (Cribbin, 1981; Moten, 2011). Walau bagaimanapun, terdapat banyak definisi kepimpinan namun bagi kajian ini istilah kepimpinan adalah selari dengan kenyataan oleh Bernard (1984) sebagai

*“the behaviour of an individual while he is involved in directing group activities” .*

Kepimpinan bukan aktiviti bersifat teori tetapi perhubungan keakraban antara pemimpin dengan pengikut. Keberkesanan kepimpinan bergantung kepada pemimpin, pengikut dan sumber situasi. Untuk mencapai keberkesanan menjalankan tugas pengurusan pemimpin mesti mendiagnosis tingkah laku kepimpinan dalam konteks persekitaran (Aminuddin, 1990). Yukl (2006) menjelaskan kepimpinan memberi

gambaran individu yang berkuasa dan dinamik, memerintah tentera atau empayar. Selain dari itu, Kaiser, Hogan dan Craig (2008) menyatakan kepimpinan adalah tingkahlaku mempunyai keupayaan dalam mengubah haluan bagi organisasi. Kepimpinan juga perlu memilih kriteria-kriteria tertentu dalam usaha mencapai objektif organisasi. Pemimpin dapat menangani perubahan-perubahan ini, membawa organisasi yang diterajui ke arah kecemerlangan. Walau bagaimanapun, ramai penyelidik dalam bidang kepimpinan dan pengurusan cenderung melihat kepimpinan sebagai penyumbang utama kepada pencapaian organisasi. Hal ini diakui oleh Jackson, Meyer dan Wang (2013) yang menjalankan kajian kepimpinan berdasarkan komitmen dan budaya.

Oleh itu, Jamaie Hamil (2003) dan Van Wart (2013) menjelaskan keberkesanan kepimpinan adalah petunjuk utama menjadi asas sistem politik yang stabil sama ada ketika mengatasi konflik dalaman, perancang dasar dan strategik untuk peningkatan pembangunan negara. Untuk mencapai kepimpinan yang berkesan, ia dikaitkan dengan sifat, nilai dan tingkahlaku beretika. Oleh itu, kepimpinan beretika adalah agen perubahan bagi elemen penting dalam budaya organisasi dan akan mempengaruhi prestasi organisasi (Bennis & Nanus, 1985; Hassan, Silong, & Muslim, 2009). Pemimpin boleh memantau orang bawahan agar mengikut kriteria yang dipilih bertujuan untuk pembangunan dan kejayaan di samping mempertahankan corak kerja berpasukan yang erat.

Keberkesanan kepimpinan politik dilihat secara transparensi melalui beberapa faktor kepimpinan yang utama iaitu dominasi etnik, tahap kepintaran serta pendirian pemimpin (Hamil Jamaie, 2006). Dominasi etnik memberi interpretasi jika pemimpin

mewakili etnik dari kelompok masyarakat yang dominan dalam sesebuah negara, maka ia tidak banyak menghadapi halangan dalam menjalankan tugas. Situasi ini memudahkan pemimpin untuk melaksanakan dasar yang memihak kepada kelompok yang diwakili. Manakala tahap kepintaran merujuk kepada keupayaan pemimpin dalam mencetuskan idea, perubahan, penilaian secara kritis dan strategi diatur secara konsisten terhadap halangan yang sedang dan bakal dihadapi (Nurul Hudani Md Nawi & Ma'rof Redzuan, 2014). Keupayaan pemimpin berkenaan dinilai daripada sesuatu halangan yang timbul dan cara mengatasi halangan berkenaan. Untuk mengatasi kedua-dua rintangan ini, kepimpinan politik akan memanipulasi dasar dan segala sumber yang terdapat dalam negara atas alasan untuk politik pembangunan.

Di samping itu, untuk melahirkan individu sebagai pemimpin yang berpotensi, perlu memiliki ciri-ciri berkeupayaan kepimpinan. Malah, daya kepimpinan ini wujud semulajadi yang terbina daripada personaliti diwarnai oleh faktor situasi serta keadaan. Oleh itu, Max Weber (1968) dan Andre Delbecq serta Robert J. House (2012) menegaskan kepimpinan berasaskan daya kepimpinan semulajadi daripada personaliti merupakan kepimpinan daripada model karismatik. Karisma pemimpin merujuk kepada individu yang memiliki keupayaan luar biasa bahkan Weber menjelaskan ia adalah “mukjizat anugerah” menunjukkan kaliber pemimpin berdasarkan personaliti tanpa sebarang dorongan kebendaan atau paksaan.

Malah, Weber menjelaskan lagi pemimpin berkarismatik memiliki kualiti individu yang membezakannya dengan orang lain kerana dikurniakan kuasa dan kualiti yang luar biasa. Dengan anugerah tersebut, individu muncul sebagai pemimpin yang berkarisma kerana diberikan taraf dan penghormatan yang luar biasa. Weber turut

membicarakan konsep ini berdasarkan kepimpinan politik seseorang melalui penggunaan kuasa dan autoriti. Justeru, terdapat tiga model autoriti iaitu autoriti perundangan, autoriti tradisi dan autoriti karismatik (Jackson, 2013; Max Weber, 1968).

Autoriti perundangan dijelaskan oleh Weber bergantung kepada kesahan pola dan aturan normatif serta hak bagi orang-orang yang memperoleh autoriti untuk melaksanakan kuasanya. Kepatuhan terhadap autoriti ini dikawal oleh garis panduan tidak diasaskan oleh perasaan peribadi dan boleh diamalkan oleh individu atau kumpulan yang memegang sesuatu jawatan. Autoriti tradisi pula bersandar kepada kepercayaan secara tradisi dan sukar diubah kerana telah tertanam secara tradisi. Ianya berkaitan kepercayaan menjadi budaya daripada tradisi lama tentang kesahihan kedudukan individu tetap atau kekal berada di bawah satu autoriti tradisi.

Manakala autoriti karismatik pula berasaskan kepada kurniaan khusus dan luar biasa, memiliki ciri kewiraan serta dijadikan contoh oleh orang bawahan. Individu yang memiliki autoriti secara prinsipnya akan dipatuhi kerana kepercayaan terhadap ketokohan, idea, kewibawaan atau tindakan termasuk dalam ruang pemahaman orang yang dipimpin terhadap pengertian karisma pemimpinnya. Namun begitu, Max Weber (1968) dan Andre Delbecq serta Robert J. House (2012) menyatakan kepimpinan karismatik ialah pemimpin yang dianggap karisma memiliki ciri-ciri keupayaan membezakan dirinya dengan orang lain atau wujud dalam imaginasi pengikutnya. Weber juga mengakui terdapat unsur yang menentukan kesahan karisma adalah pengiktirafan orang bawahan terhadap autoriti serta kewibawaan yang terdapat pada pemimpin. Seterusnya beliau menyatakan kepentingan pemimpin memiliki ciri-ciri

karismatik kerana menunjukkan kemampuannya sebagai pemimpin yang memiliki keupayaan bagi membolehkan seorang pemimpin mengekalkan kuasanya.

Selain itu, untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bermoral Sayid Qutb menegaskan kepimpinan yang diamalkan berlandaskan kepada prinsip yang digariskan dalam Islam. Demi mencapai matlamat ini, Sayid Qutb berpendapat pemimpin mempunyai kedudukan tinggi dan berpengaruh. Namun begitu, kekuatan dan prasarana yang ada menyebabkan rakyat meletakkan harapan tinggi kepada pemimpin. Malah dengan kekuatan ini, pemimpin mampu mencorak pemikiran rakyat (Ibrahim Mazlan, 2003). Dalam suasana pemimpin untuk mendapat kuasa serta pengiktirafan, mereka perlu bijak menguruskan organisasi. Perubahan-perubahan yang berlaku sama ada di luar atau dalam organisasi perlu diatasi dengan baik (Mat Chek, 2003). Malah, setiap krisis dan bantahan perlu dicari penyelesaiannya. Sehubungan itu, kewibawaan pemimpin diperlukan bagi membawa perubahan di samping peka dengan isu yang muncul dan mereka tidak seharusnya membiarkan setiap permasalahan tanpa tindakan positif.

Ketua atau pemimpin merupakan asas penting bagi menentukan kejayaan dan kecemerlangan organisasi. Sebuah organisasi tidak akan berjaya mencapai objektif dan matlamatnya tanpa kepimpinan yang baik dan berkesan. Tanggungjawab pemimpin adalah berat dan tidak semudah yang disangkakan (Zenger John & Folkman Joseph, 2005). Namun begitu, Mat (2012) menegaskan untuk menjadi seorang ketua yang baik dan berkesan bukan sahaja perlu mempunyai daya kepimpinan tetapi harus menjadi seorang pengurus yang berkaliber.

M.G. Herman (1977) dan Malike Ibrahim (2015) menyatakan aktor utama bagi kepimpinan politik ialah individu yang diberikan kuasa oleh unit politik diwakili dengan menggunakan sumber serta memilih tujuan yang memberi kesan terhadap tindakannya. Kuasa dan autoriti diperoleh melalui proses yang betul seperti pilihanraya atau lantikan oleh institusi perundangan. Kemudian proses ini akan menyusun kabinet dan lapisan akar umbi yang menjamin kelangsungan kedudukannya. Namun begitu, program dan dasar kerajaan yang disusun akan cenderung kepada kelompok yang diwakili dan tindakan itu akan memberi kelebihan kepada usaha untuk mengekalkan kesinambungan kepimpinan politik.

Manakala Manning dan Curtis (2009) menjelaskan untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam kepimpinan, ketua mempunyai kebolehan tentang bagaimana memikat hati semua orang, memotivasi dan menggalakkan orang bawahan bagi mencurahkan segala keupayaan dan komitmen mereka dengan cara yang terbaik serta menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi. Perkara ini turut dijelaskan oleh Maxwell (2008) menjelaskan pemimpin merupakan pengaruh dan menjadi daya tarikan bagi orang bawahan dan tidak lebih dari itu. Malah, pemimpin bukan sahaja mendapat pangkat atau kedudukan bahkan pemimpin berperanan menjadi pengaruh kepada orang lain atau masyarakat menjadi pengikutnya (Kaiser, Hogan & Craig, 2008).

### **1.1.2 Pemimpin dilahirkan atau dibentuk?**

Dalam konteks ini, terdapat pendapat mengatakan pemimpin dilahirkan dan sesetengah pandangan menyatakan sifat kepimpinan perlu dibentuk dan diperolehi melalui pendidikan rasmi atau pengalaman (Avolio, 1999). Justeru, pemimpin

sememangnya dilahirkan dengan mempunyai ciri-ciri ataupun *aura* yang membezakan mereka daripada individu biasa. Ertinya, pemimpin sejak mereka dilahirkan sudah memiliki ciri-ciri pemimpin (Silva, 1999). Walau bagaimanapun, dalam memahami sama ada pemimpin dilahirkan atau dibentuk adalah kritikal kerana sikap ini berada ketika situasi keputusan pengambilan, kenaikan pangkat dan pembangunan.

Terdapat persoalan yang diutarakan dalam bidang kepimpinan, adakah pemimpin dilahirkan atau dibentuk? Justeru, Mat Zain (1993) berpendapat *Leaders are born, not made*. Perkara ini disebabkan pada zaman dahulu, terdapat strata dalam masyarakat. Oleh itu, kedudukan kepimpinan diwarisi mengikut keturunan dan kelas-kelas yang terdapat dalam kumpulan masyarakat. Apabila sistem stratA mula mengalami kemusnahan dan pemimpin yang menduduki ‘takhta’ kepimpinan datang dari semua kelas dan lapisan masyarakat maka manusia mula mempercayai kepimpinan bukanlah sesuatu yang wujud dengan kelahiran seseorang (Claar, Jackson, & TenHaken, 2014).

### **1.1.3 Trait Kepimpinan**

Trait kepimpinan dikenali teori orang-orang besar atau orang kenamaan. Oleh itu, Burns (1978) dan Bennis serta Goldsmith (1997) menyatakan kepercayaan bagi trait kepimpinan adalah pemimpin yang dilahirkan, bukannya dibentuk, dipelajari atau diberikan latihan. Oleh itu, pemimpin boleh dikenali ketika kecil lagi berdasarkan trait yang diturunkan mengikut generasi (Zaharuddin, 2016). Contohnya, anak-anak daripada keturunan berpolitik lebih berpeluang menjadi ahli politik pada masa hadapan. Hasil daripada sorotan kajian-kajian lepas, Stogdill (1969) telah menemui

beberapa trait kepimpinan. Trait kepimpinan dikategorikan kepada enam seperti dalam jadual 1.1 dibawah:

Jadual 1.1

*Enam trait kepimpinan daripada Stogdill (1969)*

Bil	Trait Kepimpinan	Keterangan
1,	Keupayaan	Kecerdasan, kewaspadaan, kemudahan bahasa, keaslian dan pertimbangan.
2.	Pencapaian	Kecerdasan dan kesarjanaan.
3.	Tanggungjawab	Boleh bergantung, inisiatif, kecekapan, kelangsangan, yakin diri dan cemerlang.
4.	Penyertaan	Kebolehsosialan, kerjasama, kebolehadaptasian dan jenaka.
5.	Status	Aras fikiran, status, kemahiran, keperluan dan minat.
6.	Situasi	Aras fikiran, status, kemahiran, keperluan dan minat.

Namun begitu, Bass dan Avolio (1990) mengkategorikan pemimpin berjaya mempunyai trait berteraskan pencapaian, tanggungjawab, penglibatan, kedudukan dan situasi. Di samping itu, Manning dan Curtis (2009) menyenaraikan beberapa trait dan kualiti kepimpinan antaranya; bersemangat, berwawasan, berkebolehan, mantap, prihatin, berkeyakinan, berterusan, berkarsisme, berintegriti, daya tahan yang tinggi iaitu sabar dan tabah. Ini juga dapat dilihat dalam agama Islam yang mempersoalkan berkaitan gaya kepimpinan dalam Islam.

#### **1.1.4 Gaya Kepimpinan**

Gaya kepimpinan merupakan cara pemimpin menggunakan kuasa yang dimiliki sebagai alat untuk mempengaruhi pengikut supaya berusaha mencapai matlamat organisasi (Mat, 2012). Oleh itu, Muhammad Saqib Khan, Irfanullah Khan, Qamar Afaq Qureshi, Hafiz Muhammad Ismail, Hamid Rauf (2015) dan Bennis (2009) menjelaskan bahawa gaya kepimpinan bagi pemimpin terbahagi kepada enam gaya kepimpinan. Antaranya;

Gaya kepimpinan *Instructional* muncul sekitar tahun 80an di Amerika Syarikat. Oleh itu, fokus gaya kepimpinan adalah kualiti pemimpin dalam menggerakkan orang bawahan memiliki pemikiran kreatif dan kritis serta mengamalkan sikap positif dan berinovatif (Bibi & Kassim, 2011; Nor Azni Abdul Aziz, Foo Say Fooi, 2014).

Selain itu, Gaya kepimpinan *Autocratic* dikenali gaya kepimpinan kuku besi. Pemimpin mempunyai gaya kepimpinan mementingkan status atau kedudukannya sebagai orang yang berkuasa. Oleh itu, pemimpin *Autocratic* mahu kuasa yang diberikan kepada kumpulannya. Namun begitu, Akor (2014) berpendapat pemimpin yang mengamalkan berada dalam keadaan tertentu. Hal ini kerana pemimpin yang mengamalkan gaya ini dapat menyelesaikan masalah dengan berkesan. Justeru, gaya kepimpinan ini kebanyakannya tidak disukai oleh orang bawahan dan sering menimbulkan kesan negatif kepada organisasi.

Pemimpin yang mengamalkan gaya kepimpinan *Democratic* memberikan banyak kebebasan dan tanggungjawab kepada orang-orang yang mereka pimpin (Iqbal N, 2015). Pemimpin ini bersikap terbuka dalam pelbagai bidang termasuk menerima

cadangan dan pandangan daripada orang-orang bawahan serta memberikan kebebasan mereka dalam menjalankan tugas.

Pemimpin yang mengamalkan gaya kepimpinan *Laissez Faire* tidak begitu berminat dengan urusan yang diamanahkan kepadanya. Oleh itu, Muhd Akmal, Razaleigh, Rosli, Zanariah dan A'dawiyah (2015) berpendapat pemimpin biasanya tidak mempedulikan kerja mahupun hasilnya, malah kuasa yang terdapat pada pemimpin tidak digunakan. Justeru, pemimpin jenis ini akan membiarkan semua keputusan dibuat oleh orang bawahannya.

Bagi memahami gaya kepimpinan *Contingency*, Fiedler (1964) menyatakan terdapat dua gaya utama dalam kepimpinan ini iaitu gaya kepimpinan yang berorientasikan tugas kerja orang bawahan dan pemimpin yang berorientasikan hubungan kemanusiaan. Selain itu, terdapat tiga dimensi kritis dalam situasi kepimpinan yang menolong dan menentukan jenis gaya kepimpinan *Contingency* yang berkesan, iaitu kuasa kedudukan, struktur tugas dan hubungan pemimpin dengan orang bawahan.

### **1.1.5 Gaya Kepimpinan Islam**

Setiap manusia lahir ke muka bumi sebagai khalifah. Perkara ini dinyatakan oleh Mad Shah (2006) menerangkan terdapat petikan daripada hadis yang bermaksud setiap orang adalah khalifah mempunyai tanggungjawab masing-masing di muka bumi. Allah s.w.t. menjanjikan ganjaran pahala sekiranya manusia menyempurnakan tanggungjawabnya dan akan diberikan balasan dosa jika gagal. Islam mementingkan kepimpinan. Perkara ini seperti dinyatakan oleh Mohd Rejab (1985) menjelaskan

hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said dan Abu Hurairah r.a. menyebut Nabi Muhamad telah bersabda;

“Apabila tiga orang keluar bermusafir maka hendaklah mereka melantik seorang seorang daripada mereka sebagai ketua (amir)”.

Konsep kepimpinan Islam mempunyai pengertian yang luas. Dalam Islam, Shakti (2012) menjelaskan manusia yang lahir sebagai pemimpin, iaitu pemimpin kepada diri sendiri sebagai ketua keluarga, ketua masyarakat, ketua institusi dan ketua negara. Ketua negara bertanggungjawab kepada rakyat, pemimpin bertanggungjawab kepada pengikut, pengurus bertanggungjawab kepada pekerja, suami bertanggungjawab kepada isteri dan anak-anak dan seterusnya. Oleh yang demikian, semua manusia mempunyai kuasa memimpin.

Kepimpinan dititikberatkan dalam Islam. Oleh itu, kepimpinan Islam dirujuk kepada istilah-istilah yang diertikan *al-Khalifah*, *al-Imamah*, *al-Wali*, *al-Ri'asah*, dan *Ulil-Amri* (Mohd Rejab, 1985; Shakti, 2012). Justeru, Fadhil Siddiq (1994) menjelaskan kepimpinan dengan Islam tidak dapat dipisahkan firman Allah s.w.t dalam surah *al-Baqarah* ayat: 30 bermaksud:

Ingatlah ketika tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi."Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan khalifah di bumi itu, orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah pada hal kami sentiasa bertasbih dan memuji Engkau dan menyucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".

Sehubungan itu, Ahmad (2013) menyatakan kepimpinan Islam mempunyai objektif tersendiri iaitu kaedah pengarahan dan pembentukan masyarakat berdasarkan kepada keimanan terhadap Allah s.w.t. Kepimpinan Islam merupakan amanah merangkumi urusan dunia dan akhirat. Justeru, Islam meletakkan kepimpinan sebagai pengganti kepada fungsi kenabian bertujuan menjaga agama Islam dan mengatur masyarakat di dunia. Hal ini kerana teori kepimpinan Islam adalah berlandaskan prinsip-prinsip perjuangan Nabi Muhammad s.a.w serta menjadi contoh ikutan yang terbaik pada setiap masa dan tempat. Kepimpinan baginda bersifat sejagat dan boleh diikuti oleh setiap manusia.

Dalam Islam semua manusia sama taraf di sisi Allah s.w.t. Malah, kelebihan dan keistimewaan seseorang berdasarkan ketakwaan dan ketaatan mereka kepada Allah s.w.t. Justeru, Mad Shah (2006) hubungan antara pemimpin dengan pengikut dalam Islam berdasarkan asas kemanusiaan, bertimbang rasa dan bekerjasama. Pemimpin dan pengikut memainkan peranan mengikut hak dan tugas masing-masing (Solahuddin Ismail, 2009). Hubungan ini diibaratkan seperti hubungan nakhoda dengan anak kapal dan penumpang. Masing-masing mempunyai peranan, tugas dan tanggungjawab bagi memastikan keselamatan kapal dan sekiranya masing-masing mementingkan diri sendiri bukan sahaja tidak sampai ke destinasi yang dituju kemungkinan akan ditimpa kecelakaan di tengah laut. Sehubungan itu, dalam menjalankan peranan pemimpin dan pengikut perlu mengikut peraturan dan hukum yang ditetapkan oleh Allah s.w.t (Ahmad Sabri, Ahmad Zaharuddin Sani & Rosli, 2014).

Perkara ini dilihat melalui huraian daripada Rasulullah s.a.w., pengikut mesti taat setia kepada pemimpin. Justeru, umat Islam telah dididik supaya berdisiplin khususnya dalam mentaati pemimpin dengan cara mematuhi arahan pemimpin selagi pemimpin berkenaan tidak menyalahi hukum Allah s.w.t. Selain itu, Mad Shah (2006) menyatakan umat Islam perlu memberikan sokongan dan kerjasama kepada pemimpin seperti berdiri teguh di belakang pemimpin sambil mempertahankan kewibawaan pemimpin sama ada lisan atau tulisan. Manakala pemimpin Islam mestilah bersedia menerima nasihat dan teguran daripada pengikutnya.

### **1.1.6 Tugas Pemimpin Islam**

Setiap pemimpin Islam mempunyai tugas dan tanggungjawab dalam legasi kepimpinan (Muhsin Akmal et al., 2015). Antara tugas pemimpin Islam adalah;

Pertama, taggungjawab utama pemimpin adalah menegakkan hukum Allah di muka bumi. Malah, pemimpin perlu menjalankan kepimpinan berlandaskan syariat Islam, iaitu menegakkan keadilan (Wahid, 2006). Kedua, dakwah Islamiah bermaksud menyampaikan seruan Islam kepada manusia (Mad Shah, 2006). Dalam melaksanakan tugas organisasi, pemimpin perlu mengingatkan pengikut supaya melaksana dan menghayati Islam dalam kehidupan mereka sama ada berkaitan dengan individu, sosial, politik, pendidikan serta ekonomi. Justeru, pemimpin Islam bertanggungjawab dalam perkara ini kerana mereka mempunyai kuasa dan sumber.

Ketiga, taghut ialah perkara yang memesongkan manusia daripada Allah seperti yang dinyatakan melalui para rasul-Nya. Oleh itu, pemimpin Islam bertanggungjawab menghapuskan taghut untuk membuka jalan kepada kebenaran dalam organisasinya.

Contohnya, pemimpin perlu mengajak pengikutnya solat, mengingatkan supaya tidak minum minuman keras, berjudi dan berbohong. Keempat, agama Islam adalah pembimbing ke arah kebenaran. Untuk mencapai matlamat ini, umat Islam diwajibkan berjihad. Tugas ini berkekalan hingga ke akhir hayat. Ini juga merupakan tugas pemimpin yang dilaksanakan dalam organisasi (Solahuddin Ismail, 2009).

### **1.1.7 Prinsip Asas Kepimpinan Islam**

Majoriti ulama bersepakat mengatakan sumber perundangan utama dalam kepimpinan Islam berpegang kepada prinsip asas Islam (Wan Hassan, 2009) iaitu; Pertama, Al-Quran diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan Jibrail a.s. untuk panduan bagi umat manusia. Selain itu, al-Quran juga diturunkan untuk mendidik manusia dalam menjalani kehidupan di dunia dengan baik kerana mereka yakin adanya hari pembalasan kelak. Al-Quran turut mengajak manusia supaya memerhati tanda-tanda kekuasaan Allah yang ada di langit dan di bumi (Mikdar Rusdi, 2011; Zakaria, Stapa, Noranizah, Yusuf & Abdul Fatah, 2012).

Kedua, al-Hadis merupakan sumber kedua selepas al-Quran mempunyai peranan dalam usaha menjana manusia yang berkualiti dan memiliki nilai-nilai modal insan yang tinggi. Al-Hadis adalah gambaran kehidupan, pemikiran, tingkah laku dan akhlak Rasulullah s.a.w. Berdasarkan hakikat itu, tingkah laku Rasulullah s.a.w. dianggap “suri teladan” menentukan hal tuju gelagat manusia. Oleh itu, Nurul Izzati Nazirmuddin dan Nazirmuddin Ahmad (2011) menjelaskan Saidatina Aisyah apabila ditanya, bagaimakah akhlak Rasulullah s.a.w. Saidatina Aisyah menjawab akhlak Rasulullah s.a.w. ialah al-Quran. Sehubungan itu, al-Hadis adalah apa yang

disandarkan kepada Nabi Muhamad s.a.w. dari sudut ucapan, perbuatan dan pengakuannya.

Ketiga, *Al-Qiyas* adalah menyamakan masalah yang tidak terdapat hukumnya dalam nas dengan masalah yang dinyatakan hukum kerana terdapat persamaan antara kedua masalah tersebut yang boleh dikombinasikan dengan alasan sesuatu hukum dibuat. Pada permulaan Islam, Sulaiman (1982) menyatakan *al-Qiyas* dikenali sebagai *al-Ra'y* bermaksud pemahaman perundangan dan digunakan sebagai suatu istilah umum bagi menggambarkan daripada unsur *Ijtihadiyyah*. Kemudian, *al-Ra'y* berkembang menjadikan istilah berasingan dan konsep perundangan yang dikenali *al-Qiyas*. Walau bagaimanapun, majoriti ulama berpendapat metod *al-Qiyas* boleh diterima pakai dan dijadikan sebagai hujah menentukan hukum berdasarkan beberapa dalil, antaranya; al-Quran, al-Hadis, perbuatan atau tindakan para sahabat Baginda s.a.w. Bahkan ia diolah serta dikaji berdasarkan kesesuaian masa dan tradisi setempat. Perkara ini akan melahirkan beberapa metod ijtihad dalam kalangan sarjana Islam.

Ketiga, pengertian *al-Ijma'* diterima pakai oleh majoriti ulama ialah persepakatan para ulama mujtahidin dari umat Nabi Muhammad s.a.w. yang berada pada masa atau zaman tertentu semasa sesuatu hukum berlaku (Abi 'Ali, 1984). Malah, mengikut majoriti ulama, *al-Ijma'* bersandarkan kepada dalil syarak kerana memperkatakan sesuatu perkara tanpa berlandaskan dalil adalah dianggap sebagai suatu kesalahan. Sandaran *al-Ijma'* terdiri daripada nas-nas dari al-Quran dan al-Hadis, *al-Qiyas*, al-'Urf serta jenis *ijtihadiyyah* yang lain (Abu Talib, 1990; Wan Hassan, 2009).

Oleh itu, Zaydan (1989) berpendapat al-Ijma' merupakan satu prinsip yang diterima pakai dalam usaha menjamin kebenaran hukum yang baru, hasil daripada kepakaran ulama melalui penggunaan *al-qiyas*, *al-'urf* dan mekanisme ijtihad yang lain. Di samping itu, ia menyumbang kepada kesahihan hukum terhadap kes-kes baru yang belum pernah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. melalui beberapa kitab usul fiqh terdapat jenis al-Ijma' yang dihubungkan dengan masa terjadi, tempat kejadian atau orang yang melaksanakannya.

Keempat, pemimpin dibantu oleh sebuah Majlis Syura yang ahli-ahli dipilih oleh rakyat. Justeru, Daud Mustafa (1988) menjelaskan al-Maududi berpendapat jawatan pemimpin akan berterusan selagi dipercayaai oleh rakyat namun jika berlaku sebaliknya, pemimpin perlu mengosongkan jawatan itu apabila rakyat hilang kepercayaan kepadanya dan pemimpin perlu bersedia menerima kritikan secara terbuka daripada rakyat. Walau bagaimanapun, Majlis Syura bertanggungjawab menggubal undang-undang dalam lingkungan yang ditetapkan oleh syarak. Ia juga diberikan mandat sepenuhnya untuk membuat keputusan ke atas isu-isu yang menimbulkan konflik dan pendapat dalam kalangan ulama'.

Selain itu, terdapat ciri-ciri bagi pemimpin Islam menurut al-Quran dan Hadis yang dinyatakan oleh Imam Al-Nawawi (1995) antaranya; pertama, taat kepada Allah dan Rasulnya. Firman Allah Taala bermaksud;

“Katakanlah (wahai Muhammad): Taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Oleh itu jika kamu berpaling (menderhaka), maka sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang kafir.” (Ali-Imran:32)

Kedua, beriman dan beramal Soleh. Firman Allah Taala bermaksud;

“Sesungguhnya orang-orang yang kafir dari Ahli Kitab dan orang-orang musyrik itu akan ditempatkan di dalam Neraka Jahannam, kekallah mereka di dalamnya. Mereka itulah sejahat-jahat makhluk.”  
(Al-Bayyinah:7)

Ketiga, bersolat. Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w.;

“Kelak akan memerintah pembesar-pembesar yang bijaksanaanya ada yang kamu kenal baik dan tak baik. Maka siapa membenci yang tidak baik lepaslah dia daripada dosa bahkan sesiapa mengingkarinya selamatlah dia. Tetapi sesiapa yang rela bahkan mengikuti yang tidak baik maka berdosalah ia”. Sahabat bertanya bolehkah membunuhnya? Nabi menjawab: “Tidak, selagi bersolat” (HR.Muslim 4/1820).

Keempat, takut kepada Allah s.w.t. Firman Allah Taala bermaksud:

“(Mengapa mereka bersikap demikian), adakah kerana hati mereka mengandungi penyakit (kufur) atau kerana mereka ragu-ragu (terhadap kebenaran hukuman) ataupun kerana mereka takut bahawa Allah dan RasulNya akan berlaku zalim kepada mereka? (Allah dan RasulNya tidak sekali-kali akan berlaku zalim) bahkan mereka lahir sendiri orang-orang yang zalim.” (An-Nur:50)

Kelima, memimpin dengan Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Firman Allah bermaksud:

“Dan hendaklah Ahli Kitab Injil menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah di dalamnya dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.” (Al-Maidah:47)

Keenam, adil. Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w.;

Maksudnya: “sesungguhnya orang-orang yang berlaku adil akan berada di atas panggung cahaya di sebelah kanan Allah, kedua-dua sisi itu baik keadaan dan kedudukannya iaitu orang-orang yang berlaku adil dalam hukum, adil pada keluarga dan adil dalam tugas yang dikuasakan kepada mereka” (HR. Muslim 4/1794).

Ketujuh, amanah. Firman Allah Taala bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).” (Al-Anfal:27)

Kelapan, menipu atau berbohong. Firman Allah Taala bermaksud:

“Kecelakaanlah bagi tiap-tiap pendusta yang berdosa.” (Al-Jaatiyah:7)

Kesembilan, benar. Firman Allah Taala yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.”  
(At-Taubah:119)

Kesepuluh, berilmu. Firman Allah Taala bermaksud:

“ Orang-orang yang zalim itu (tidak berfikir), bahkan menurut hawa nafsu mereka (melakukan syirik) dengan tidak berdasarkan pengetahuan. Maka tiada sesiapa yang dapat memberi petunjuk kepada orang yang telah disesatkan oleh Allah (disebabkan bawaannya sendiri) dan tiada pula bagi mereka sesiapa yang dapat menolong melepaskan mereka dari azab.” (Ar-Rum:29)

Kesebelas, tidak zalim. Firman Allah Taala bermaksud:

“Kemudian orang-orang yang zalim (penderhaka) itu mengubah perkataan (perintah Kami) yang dikatakan kepada mereka dengan melakukan sebaliknya; maka Kami turunkan ke atas orang-orang yang zalim itu bala bencana dari langit, dengan sebab mereka sentiasa berlaku fasik (menderhaka).” (Al-Baqarah:59)

Keduabelas, tidak menyesatkan. Firman Allah Taala bermaksud:

“Dan mereka berkata lagi: Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua-ketua dan orang-orang besar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang benar. Wahai Tuhan kami, berilah mereka azab sengsara dua kali ganda dan lakanatkanlah mereka dengan lakanat yang sebesar-besarnya!” (Al-Ahzab:67-68)

Ketigabelas, tidak mementingkan diri sendiri. Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w.  
bermaksud:

“sepeninggalanku nanti akan ada pembesar-pembesar negara yang mementingkan diri sendiri dan bertindak dengan tindakan yang tidak kamu suka” (HR. Muslim 4/1811).

Keempatbelas, berjasa kepada manusia. Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud:

“sesiapa yang ingin bebas daripada Neraka dan mahu masuk ke Syurga, maka hendaklah ia menemui kematianya dalam beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah ia berjasa kepada umat manusia sesuai dengan yang diinginkan oleh masyarakat itu” (HR.Muslim 4/1812).

Kelimabelas, tidak menyulitkan keadaan. Sepertimana hadis dari Aisyah r.a. berkata:

Aku mendengar Rasulullah s.a.w. berdoa di rumahku, katanya; “Ya Allah, sesiapa yang menjabat suatu jabatan dalam pemerintahan umatku lalu dia menyulitkan urusan mereka maka persulitkanlah pula dia dan sesiapa yang menjabat suatu jabatan lalu dia berusaha menolong mereka maka tolonglah dia” (HR.Muslim 4/1795).

Keenambelas, sompong. Firman Allah Taala bermaksud;

“sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sompong takbur dan membangga-banggakan diri.” (An-Nisa’;36)

Ketujuhbelas, tidak mengharap dan meminta-minta jawatan sebagai pemimpin.

Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud;

“Demi Allah, aku tidak akan mengangkat seseorang untuk memangku pekerjaan ini kepada seseorang yang memintanya dan tidak pula kepada orang yang mengharapkannya” (Muttafaq ‘alaih).

Kelapanbelas, tidak rasuah dan menerima hadiah untuk kepentingan atau balasan.

Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud;

“Nabi melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah” (HR. Abu Daud (3580), Tirmidzi (1337) dan Ibnu Majah (2313).

Kesembilanbelas, tidak menggelapkan harta dan wang rakyat serta negara.

Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud;

“Barangsiapa yang kami angkat di antara kamu memangku suatu jabatan lalu disembunyikannya terhadap kami sebuah jarum atau yang lebih kecil daripada itu maka perbuatannya adalah penggelapan. Dia akan datang pada hari kiamat membawa barang yang digelapkannya itu” (HR.Muslim 4/1801).

Keduapuluh, memakmurkan rakyat dan negara. Sepertimana sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud;

“Tidak seorang pun Amir yang menguasai atau memerintah kaum Muslimin tetapi dia tidak berjuang dengan bersungguh-sungguh dan tidak memberi pengarahan untuk kemakmuran mereka, nescaya Allah tidak membolehkannya bersama-sama mereka ke Syurga” (HR.Muslim 4/1798).

Keduapuluhsatu, tidak mengikut hawa nafsu. Firman Allah Taala bermaksud;

“Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta dia menurut hawa nafsunya dan tingkah-lakunya pula adalah melampaui kebenaran.” (Al-Kahfi:28)

Di samping itu, Islam membenarkan perlantikan pemimpin secara dipilih atau dilantik berdasarkan sumber asas dalam Islam (Mat, 2012). Namun, selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. perlantikan pemimpin tertinggi dalam kepimpinan Islam adalah imam atau khalifah yang diikuti oleh wazir, gabenor, kadi dan ketua tentera. Selain itu, Zakaria (1986) menegaskan bahawa tingkah laku pemimpin dalam mentadbir negara mestilah mengamalkan nilai-nilai mulia.

Islam mementingkan kepimpinan dalam semua urusan pekerjaan di dunia, sama ada urusan pemerintahan atau organisasi sosial. Persoalan mengenai kepimpinan sering dijadikan perbincangan serta merangkumi keseluruhan aspek kehidupan. Sehubungan itu, Sardiman AM (2005) menyatakan ramai pemimpin yang memimpin pada masa kini, namun bagi seorang pemimpin yang membawa perubahan signifikan dalam kehidupan manusia amatlah wajar untuk dikaji dan dicontohi.

### **1.1.8 Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Dalam konteks Malaysia, tokoh negarawan yang menjadi kebanggaan rakyat ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau sering mendapat pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa ( Ahmad, 2011; Ghazali, 2012; Idris, 2006; Maidin, 2004; Pandian, 2005). Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan subjek kajian yang menarik dan fokus utama dalam perbincangan dan menjadi kajian yang berterusan. Malah, Zariza (1997) menjelaskan terdapat buku dan kajian tentang pemikiran dan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad serta sejarah kehidupan beliau sama ada berdasarkan wacana atau sumber-sumber lain yang dihasilkannya.

Oleh yang demikian, Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan bekas Perdana Menteri Malaysia yang keempat dan dilantik memegang jawatan berkenaan pada 16 Julai 1981 bagi menggantikan Tun Hussein Onn. Sebagai bekas Perdana Menteri yang memegang kuasa pemerintahan selama dua puluh dua tahun, Tun Dr. Mahathir Mohamad mendapat perhatian dan liputan meluas daripada pelbagai kalangan masyarakat (Shuib, Saludin, Feigenblatt, Keling, & Ajis, 2010). Selain itu, Ahmad (2011) menyatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad disifatkan sumber berita sensasi bagi

kebanyakan agensi berita tempatan dan antarabangsa kerana cara dan pendekatannya yang tersendiri dalam mentadbir Malaysia.

#### **1.1.8.1 Latar Kehidupan Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Latar ini menjelaskan kisah kehidupan Tun Dr. Mahathir Mohamad dari segi sejarah hidup, penglibatan beliau dalam politik dan pencapaian serta sumbangan yang diberikan.

Sehubungan itu, Abdul Wahid (2016) menjelaskan permulaan hidup Tun Dr Mahathir Mohamad bermula kehidupan yang pahit sehingga menjadikan beliau dewasa dan matang. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dari kecil dididik dengan penuh kasih sayang tetapi terikat dengan peraturan oleh ayah dan ibunya. Keterlibatan dalam kepimpinan ketika beliau remaja sehingga zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu. Semua latar peristiwa yang berlaku banyak mencorakkan pemikiran serta gagasan ideanya untuk menjadi dewasa sebagai seorang yang istimewa dan lain dari yang lain.

#### **1.1.8.2 Sejarah Hidup Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Tun Dr. Mahathir Mohamad dilahirkan pada 10 Julai 1925 namun didaftarkan sebagai 15 Disember 1925. Walau bagaimanapun, rakyat menyambut pada 20 Disember 1925 sebagai tarikh kelahirannya di Kedah sebagai anak bongsu daripada adik-beradik hasil perkongsian perkahwinan antara Mohamad Iskandar dengan Wan Tempawan Wan Hanapi. Oleh itu, Pandian (2005) menjelaskan Mohamad Iskandar dikenali sebagai Master Mohamad Iskandar dan seorang yang menyumbang kepada kemajuan pendidikan. Beliau pernah menjadi guru di sekolah Inggeris milik kerajaan pada tahun

1908. Beliau juga dikenali kerana perkembangan pendidikan di Kedah serta merupakan guru besar pertama sekolah beraliran Inggeris di Alor Setar yang dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid. Namun begitu, Master Mohamad Iskandar meninggal dunia pada tahun 1950 manakala Wan Tempawan Wan Hanapi pada tahun 1966.

Di samping itu, Mohamad (1999) menyifatkan bapanya seorang berdisiplin dan berorientasikan pendidikan yang membentuk keperibadian Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala ibunya berperanan sebagai suri rumah tangga yang menyediakan kasih sayang serta memastikan pengetahuan agama sebagai wajib. Sikap ini dilihat dan diwarisi oleh Che Det iaitu nama timangan Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika di rumah bagi melengkapkan diri dengan disiplin dan keazaman serta mempunyai latar belakang keluarga, pendidikan dan agama.

Tun Dr. Mahathir Mohamad mendapat pendidikan awal di Sekolah Laki-Laki Melayu di Seberang Perak, Alor Setar tempoh dua tahun sebelum menyambung di sekolah kerajaan beraliran Inggeris di Alor Setar. Selain berminat dengan bidang perniagaan, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga tidak ketinggalan untuk membaca dan menulis sehingga memenangi hadiah peraduan karangan bahasa Inggeris. Beliau pernah menjadi editor majalah sekolah dan pustakawan kelas tetapi minat ke arah bidang sukan tidak begitu memberangsangkan bahkan Tun Dr. Mahathir Mohamad lebih berminat membaca (Mohamad, 2012).

Selepas Perang Dunia Kedua berakhir dan penjajahan British pada tahun 1945, beliau meninggalkan bidang perniagaan serta menyambung pengajian di sekolah kerajaan

beraliran Inggeris, Kolej Sultan Abdul Hamid, Kedah sehingga memperolehi *Senior Cambridge Certificate* dengan cemerlang. Pada tahun 1947 hingga 1953, beliau mengikuti kursus *journalism* walaupun menjadi penuntut perubatan di King Edward VII College, Singapura. Pada awalnya Pandian (2005) menyatakan minat sebenar Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah bidang undang-undang. Namun, apabila ditawarkan biasiswa kerajaan negeri, beliau berharap menyambung pengajian di England dalam bidang undang-undang tetapi terpaksa ke Singapura kerana kerajaan menganggap wujud kekurangan dalam bidang perubatan. Justeru, beliau merupakan antara 7 pelajar Melayu mendapat tempat di kolej tersebut tetapi pada akhir pengajian, hanya 4 orang sahaja yang berjaya termasuk Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali.

Sehubungan itu, sewaktu di peringkat pengajian, beliau bertemu dengan Tun Dr. Siti Hasmah Mohamed Ali dan perhubungan ini berakhir sehingga ke jinjang pelamin pada 5 Ogos 1956. Hasil perkahwinan itu dikurniakan 5 orang anak, 2 putera dan 3 puteri serta mengambil 2 orang anak angkat. Mereka terdiri daripada Marina, Mirzan, Melinda, Mokhzani, Mukhriz, Maizura dan Madzar.

Kebolehan beliau bukan sahaja dalam bidang pendidikan, penulisan dan perniagaan malah menunjukkan bakat dalam bidang kepimpinan. Sewaktu di Kolej Perubatan, beliau dilantik menjadi Presiden Persatuan Muslim. Ketika berniaga di Pekan Rabu, beliau dilantik menjadi Ahli Eksekutif Majlis Perbandaran. Jawatan seperti ini digunakan oleh beliau untuk mengetengahkan masalah yang melanda masyarakat Melayu yang dilihat dibelenggu oleh kemunduran ekonomi.

Beliau memperoleh ijazah dalam bidang perubatan pada tahun 1953 dan mula berkhidmat untuk kerajaan pada tahun 1954 sebelum dipindahkan ke Hospital Besar Alor Setar pada tahun 1956. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Langkawi untuk enam bulan sebelum berhenti daripada perkhidmatan kerajaan pada tahun 1957 untuk memulakan perkhidmatan sendiri di bawah nama klinik MAHA di Jalan Tuanku Ibrahim yang kemudiannya berpindah ke Pekan Melayu pada tahun 1959.

Klinik MAHA adalah antara lima klinik di Alor Setar pada tahun 1957 dan yang pertama dibuka oleh seorang yang berbangsa Melayu. Selain itu, klinik ini juga dikenali sebagai Klinik Dr UMNO kerana rawatan yang diberikan secara percuma terutama kepada golongan yang tidak berkemampuan dan di samping rawatan langsung di rumah pesakit. Namun begitu, Zariza (1990) menyatakan seiring dengan perkhidmatan yang diberikan, beliau masih meneruskan minat ke atas perniagaan sehingga pernah melabur dalam firma farmasi, ejen harta tanah, perlombongan dan pemaju perumahan. Malah, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga gemar memasak, hiasan dalaman dan hobi yang paling digemari adalah pertukangan sehingga memiliki bengkel sendiri di kediaman beliau. Antara hasil pertukangan beliau adalah bot. Beliau pernah menghadiri kursus pendek mengenai pertukangan sewaktu mengadakan lawatan ke Britain.

### **1.1.8.3 Penglibatan dalam Politik**

Penglibatan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam politik bermula ketika beliau berumur awal 20an. Perkara ini jelas kerana beliau telah menyumbang dalam Persatuan Melayu Kedah (PMK). Malah, selepas kekalahan Jepun dan kembalinya British

dengan dasar Malayan Union (MU), Tun Dr. Mahathir Mohamad serta rakan-rakan dari PMK bertindak secara bersembunyi menentang cadangan MU terutamanya dengan melekat poster pada tengah-tengah malam yang memberi mesej politik, mengajurkan aktiviti di sekolah dan acara berkumpulan memobilisasi sokongan penduduk menentang British. Selain itu, Mohamad (1981) mengakui beliau turut melibatkan diri dalam Kesatuan Pemuda Malaysia, Kedah dan penglibatan UMNO bermula sejak ia ditubuhkan pada tahun 1946.

Pada tahun 1959, beliau ditawarkan bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) tetapi beliau menolaknya. Akhirnya, pada tahun 1964 beliau bersetuju bertanding kerusi Parlimen Kota Setar Selatan. Justeru, Pandian (2005) menjelaskan tahun 1964 boleh dianggap sebagai tarikh bermulanya kegiatan politik Tun Dr Mahathir Mohamad secara aktif, iaitu 18 tahun selepas menjadi ahli biasa UMNO. Beliau berkhidmat di kawasan ini sehingga 1969 sebelum tewas kepada calon PAS iaitu Yusof Rawa.

Walau bagaimanapun, Zariza (1990) menyatakan apabila berkhidmat di bawah parti Perikatan beliau juga lantang mengkritik dasar kerajaan Tuanku Abdul Rahman dan juga tidak ketinggalan Lee Kuan Yew sehingga beliau digelar *Ultra*. Selain itu, sepanjang tempoh tersebut (1964-1969) beliau turut digeruni serta disegani sehingga menampakkan kebolehan sebagai pemimpin yang berwibawa namun masih tidak mendapat tempat dalam kabinet Tunku Abdul Rahman. Namun begitu, beliau dilantik dalam delegasi kerajaan Malaysia ke PBB di samping menyertai seminar yang bertemakan hal ehwal antarabangsa di Universiti Humburg.

Justeru, Mohamad (1999) mengakui isu antarabangsa telah menarik minat beliau sejak menuntut di Singapura dan beliau juga mengikuti perkembangan di Asia terutama perkembangan politik dan sosial di India, Pakistan dan Indonesia yang menentang Belanda. Perkembangan di negara-negara ini mempengaruhi beliau untuk mengutamakan orang Asia. Tun Dr. Mahathir Mohamad kembali aktif dalam politik selepas meninggalkan perkhidmatan perubatan di hospital kerajaan dan membuka klinik sendiri. Malah, latihan perubatan banyak membantu beliau menjalankan tugas sebagai ahli politik yang berkesan. Perkara ini dapat dilihat menerusi Mohamad (1999) menyatakan bahawa:

*“... I go through the routine of observing all aspects of the problem, including its historical dimensions, analyzing it in detail to identify all the signs and symptoms, then I do lab test and finally I reach a conclusion and prescribe a course of action.”*

Pada awal penglibatan, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyalahkan kepimpinan UMNO ke atas taraf hidup masyarakat Melayu sehingga membawa kepada peristiwa rusuhan perkauman pada 13 Mei 1969. Perkara ini dilihat melalui Mohamad (1999) yang menegaskan:

*“... I blamed the political leadership of UMNO for the riots and wrote a strong letter to the Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, urging him to resign”.*

Justeru, beliau merasakan suatu dasar diskriminasi positif perkauman perlu bagi mewujudkan keseimbangan ekonomi antara kaum yang berbilang serta dasar ini ternyata menjadi pusat tumpuan kepimpinan beliau kemudiannya. Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga dikenali sebagai *Young Turk* telah menulis surat bertarikh 17 Jun 1969 kepada Tunku bertujuan menyatakan kekecewaan beliau ke atas dasar dan

kegagalan Tunku memperbaiki taraf hidup masyarakat Melayu. Malah, beliau mengkritik idea keharmonian kaum yang berjaya memenuhi kepentingan masyarakat Cina. Beliau juga kurang senang dengan kelantangan orang Cina dan kelembutan Tunku dalam soal bahasa serta bilangan orang Cina dalam pentadbiran.

Walau bagaimanapun, surat tersebut adalah maklumat peribadi namun ia sampai ke tangan wartawan sehingga menjadi satu dokumen terbuka. Perkara ini menyebabkan pemimpin UMNO tidak mempunyai pilihan melainkan memecat beliau daripada menganggotai parti UMNO. Pemecatan Tun Dr. Mahathir Mohamad bertujuan menyakinkan masyarakat bukan Melayu bahawa golongan ekstremis yang dirujuk kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad akan dihukum namun perkara ini kurang meyakinkan orang Melayu mengenai keupayaan parti UMNO untuk mempertahankan hak-hak mereka.

Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengadakan pertemuan dengan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) sehari sebelum beliau dipecat serta satu petisyen bersama hampir 1600 tandatangan meminta Tuanku meletak jawatan telah diserahkan kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam perhimpunan di Auditorium Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Namun begitu, Pandian (2005) menyatakan terdapat persoalan yang timbul iaitu apakah Tun Dr. Mahathir Mohamad akan menulis surat sedemikian rupa jika beliau berjaya mempertahankan Kerusi Parlimen beliau? Apa yang menarik di sini ialah kekalahan dalam pilihan raya 1969 membolehkan beliau pada akhirnya menjadi wira masyarakat Melayu dan parti Melayu. Hal ini merupakan sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam sejarah politik Malaysia.

Tun Dr. Mahathir Mohamad menerima keputusan tersebut. Namun begitu, sebelum bertindak beliau sudah menyedari risiko yang memendekkan karier politik beliau tetapi disebabkan kepentingan masyarakat yang diutamakan maka beliau meneruskan hasrat tersebut supaya sesuatu akan dilakukan bagi meningkatkan martabat bangsa Melayu. Selepas dipecat, Tun Dr. Mahathir Mohamad berada dalam buangan politik kerana ramai yang takut untuk menemuinya sehingga ada kempen untuk memulau perkhidmatan klinik beliau terutama dalam kalangan orang Cina.

Selepas dipecat beliau menyertai semula seminar atau ceramah yang dianjurkan oleh pihak tertentu tanpa mengira parti sebagai seorang berbangsa Melayu yang prihatin. Namun, beliau tidak pernah berfikir untuk menyertai parti pembangkang mahupun menubuhkan parti sendiri kerana tidak mahu mewujudkan perpecahan dalam kalangan orang Melayu meskipun pernah hadir di pentas ceramah PAS sewaktu pilihan raya kecil Merbok, Kedah serta pentas rapat umum PAS Kapar, Selangor. Malah, pada waktu yang sama beliau menulis kertas kerja untuk seminar Pemuda UMNO di Morib. Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak membuat sebarang permohonan untuk menyertai semula UMNO pada ketika itu.

Pada ketika dalam buangan, beliau menulis buku *The Malay Dilemma* yang diharamkan pengedarannya di Malaysia kerana didapati mengkritik Tunku dan dasar kerajaan meskipun ada beranggapan ia diharamkan kerana pandangan yang ekstrem ke atas orang Melayu. Selepas Tunku bersara dan perlantikan Tun Razak sebagai Perdana Menteri, terdapat beberapa usaha dibuat untuk membawa semula Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam UMNO. Malah, pelbagai desakan dan jaminan bahawa beliau bebas bergerak menyebabkan beliau bersetuju untuk kembali aktif dalam

UMNO. Selain itu, beliau dilantik menjadi ahli Majlis Tertinggi pada tahun 1972 dan menjadi senator serta Pengerusi FIMA pada tahun 1973. Pada tahun 1974, beliau kembali bertanding dalam pilihan raya umum dan dilantik sebagai Menteri Pendidikan.

Justeru, Pandian (2005) menjelaskan penampilan Tun Dr. Mahathir Mohamad menyerlah pada waktu itu membolehkan beliau terpilih sebagai salah seorang Naib Presiden UMNO dalam pemilihan tahun 1975. Pada waktu itu, keadaan Tun Razak semakin uzur dan beliau meninggal dunia pada tahun 1976. Tun Hussein telah memilih Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru selepas menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Perlantikan itu mendapat perhatian ramai kerana dilihat sebagai tokoh kontroversi memandangkan tindakan beliau ke atas guru-guru dan pergerakan pelajar. Sehubungan itu, beliau juga dilabel sebagai *Ultra* atau *Ekstremis* oleh masyarakat bukan Melayu.

Karismatik kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menonjol selari dengan jawatan yang disandang apatah lagi Tun Hussein menghidap penyakit jantung. Pembedahan yang dilalui serta keadaan beliau yang membimbangkan menyebabkan beliau membuat keputusan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Kemudian, Tun Dr. Mahathir Mohamad diberi menerajui kerajaan Malaysia mulai 16 Julai 1981 ketika berusia 55 tahun iaitu sebagai Perdana Menteri Keempat Malaysia.

#### **1.1.8.4 Pencapaian dan Sumbangan**

Ketika beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia terdapat pelbagai pembangunan yang dibina sehingga diberi gelaran sebagai ‘Bapa Pemodenan Malaysia’ iaitu

seorang negarawan ulung yang membawa Malaysia ke mercu kejayaan sehingga mendapat penghormatan negara-negara asing (Case, 1991). Malaysia turut menjadi pusat pelaburan baru di Asia Tenggara dan alternatif kepada pelabur-pelabur asing selepas Singapura. Antara kejayaan projek-projek mega yang dikaitkan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Koridor Raya Multimedia (MSC), Menara Berkembar Petronas (Petronas Twin Tower), Menara KL (KL Tower), Jambatan Pulau Pinang, Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton), Perusahaan Otomobil Kedua Negara (Perodua), Litar Formula One Sepang, pembangunan Putrajaya dan mengalihkan pusat pentadbiran negara daripada ibu negara Kuala Lumpur ke Putrajaya (Ghazali, 2012).

Namun, selepas persaraan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat pada 31 Oktober 2003, nama Tun Dr. Mahathir Mohamad berada kemuncak kegemilangan di persada antarabangsa. Justeru, beliau telah mendapat anugerah Tun iaitu anugerah penghormatan tertinggi di Malaysia kerana perkhidmatan cemerlang sebagai Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun iaitu satu era kepimpinan yang lama di Asia Tenggara selepas Suharto.

Walau bagaimanapun, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membawa Malaysia melalui fasa-fasa pembangunan dan kemajuan yang begitu pesat dalam tempoh 22 tahun dahulu. Pelbagai program telah dirangka, dilaksana dan direalisasikan dalam tempoh dua dekad pemerintahan beliau yang mencakupi bidang pembangunan sosial, ekonomi, politik dan kebudayaan. Antaranya, Dasar Pandang ke Timur, Dasar Pensyarikatan Malaysia, Dasar Penswastaan, Dasar Kependudukan 70 Juta dan Dasar

Perindustrian Negara. Dasar-dasar ini dilaksanakan menerusi kempen dan program seperti ‘Kempen Bersih, Cekap dan Amanah’, ‘Kepimpinan Melalui Teladan’, ‘Penerapan Nilai-nilai Islam’, ‘Kerajaan Elektronik’, dan ‘Koridor Raya Multimedia’. Oleh itu, Abdul Muati @ Zamri Ahmad (2007) menyatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad juga turut memperkenalkan Wawasan 2020 yang merupakan aspirasinya dalam meletakkan Malaysia sebaris dengan negara-negara maju yang lain di dunia.

Islam menjadi teras utama di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sejak beliau mengambil alih kepimpinan negara. Malah, Pandian (2005) menjelaskan dasar Islamisasi Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh dianggap sebagai “Islam Mahathir”. Proses Islamisasi Mahathir memainkan peranan dalam merangka, melaksanakan sesuatu dasar dan seterusnya menjadi tonggak kepada kepimpinan yang sedia ada.

Di samping itu, Mohamad (1976) menjelaskan bidang kepimpinan akan menentukan corak dan arus kemajuan sebuah masyarakat, jika dilihat maju mundurnya sebuah masyarakat pasti mempunyai ikatan rapat dengan kepimpinannya. Namun, kepimpinan bukan sahaja membawa kebahagiaan dan kemuliaan tetapi keruntuhan, ini dilihat bagaimana keadaan masyarakatnya yang kuat dan luas kuasa negaranya boleh jatuh dan hancur dalam sekilip mata. Malah, kekuatan, kecekapan, dan keberanian yang terdapat dalam masyarakat tidak lagi mampu dipertahankan kedudukannya. Masyarakat sentiasa berhubung dengan pemimpin tetapi pemimpin tidak mempunyai gaya kepimpinan yang diterima oleh masyarakat. Oleh itu, dalam keadaan yang tidak menentu arah, masyarakat akan ditewaskan oleh musuh mereka atau akan hancur ditangan mereka sendiri.

Ironinya, Pandian (2005) menegaskan gaya kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan unik berbanding dengan gaya kepimpinan sebelumnya. Hal ini kerana sejak mula memegang kepimpinan negara pada tahun 1981, rakyat mengharapkan perubahan dan memandangkan Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan tokoh yang berwawasan, berjiwa rakyat, radikal, berani dan sentiasa dahagakan kemajuan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing. Kesemua ciri-ciri ini memenuhi ciri-ciri kepimpinan berkarismatik, populis dan pragmatik (James, 1987). Oleh itu, beliau merupakan kelompok kecil yang digelar *thinking politician* kerana kepimpinan berteraskan pemikiran yang cintakan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Oleh yang demikian, Mohamad (1994) menegaskan bahawa ciri-ciri kepimpinan yang mewarnai beliau terdiri daripada empat iaitu: kepimpinan efektif akan menentukan kejayaan sesebuah negara. Selain itu, pemimpin mempunyai idea yang luar biasa dan orang-orang bawahan tidak digalakkan mempersoalkan sesuatu keputusan sebaliknya melaksanakan dengan penuh ketekunan untuk kejayaan serta sentiasa menghargai nilai-nilai positif dan bukan bangsa bagi menentukan kejayaan.

Bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad, kepimpinan bukan suatu keistimewaan tapi tanggungjawab. Ia bukan kesenangan tetapi memerlukan pengorbanan dan bekerja keras. Namun begitu, Dasuki Ahmad (2004) menegaskan kepimpinan Islam bukan hanya sekadar kontrak antara pemimpin dengan masyarakat tetapi melibatkan hubungan antara pemimpin dengan Allah S.W.T.

Dalam kalangan pemimpin dunia Islam nama Tun Dr. Mahathir Mohamad dijulang, beliau dianggap sebagai wira kerana berani bersuara lantang dan tidak apollogetik mempertahankan hak dan kepentingan negara membangun dari dunia Islam. Malah pandangan beliau diminta oleh pemimpin di luar negara berhubung dengan pelbagai isu. Sehubungan itu, Idris (2006) menegaskan ciri-ciri ini berkaitan ideologi kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ini kerana memiliki ideologi kepimpinan merupakan proses sosial. Pemimpin masyarakat yang tidak mempunyai ideologi atau kepercayaan kepimpinan mantap mungkin sukar untuk mempertahankan kuasa kepimpinannya.

Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad digambar bukan sahaja sebagai *a true statesman* dunia tetapi juga seorang yang membawa Malaysia ke persada dunia. Pandian (2005) menjelaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad diberi penghormatan oleh Sistem Penyiaran Televisyen *Al-Jazeera* yang menggunakan bahasa Arab untuk saluran berita global di mana beliau menekankan perlunya negara-negara Islam berpadu untuk membaiki imej Islam di mata dunia. Kesemua pengiktirafan berdasarkan sumbangan beliau kepada dunia Islam menyebabkan pengumuman persaraan beliau daripada dunia politik mendapat reaksi dunia Islam sehingga ada yang menganggap ketiadaan beliau akan meninggalkan kekosongan besar kepada umat Islam dalam arena politik antarabangsa.

Masyarakat dunia sudah mengenali siapa Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menggantikan Tun Hussein Onn pada tahun 1981. Beliau dikenali sebagai pemimpin yang tegas dan berani dalam mentadbir negara serta menghadapi berbagai tentangan baik dari dalam maupun luar negara. Walau bagaimanapun, Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya memimpin Malaysia sehingga berlaku keadaan dinamika

kehidupan sosial, ekonomi dan politik yang kadang radikal serta kontroversial (Ghazali, 2012; Rashid, 2006). Namun, berkat kerja keras dan pantang menyerah, Tun Dr. Mahathir Mohamad mampu membawa perubahan signifikan bahawa Malaysia menuju ke arah yang maju.

Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang pemimpin yang selalu dipuji, tidak kurang juga dicela. Malah, beliau turut menerima kritikan dan penghargaan. Dasar-dasar yang dicanangkan sentiasa membuat orang terkejut dan sinis tetapi dengan ketegasan dan keyakinannya, tindakan-tindakan yang diambil ternyata membawa kejayaan. Bahkan kita tahu bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad berhasil membawa Malaysia keluar daripada krisis ekonomi dan krisis multidimensional, sehingga membawa Malaysia berjaya dalam kancah persaingan dunia global.

Justeru, kajian kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad unik dan kadangkala kontroversial inilah yang menarik untuk dikaji.

## **1.2 Latar belakang Masalah**

Kebangkitan semula Islam di Malaysia pada tahun 1980an mencetuskan fenomena menjurus pengembalian bangsa Melayu kepada identiti dan Islam (Dasuki Ahmad, 2004). Malah, gelombang kebangkitan akibat kehilangan identiti diri dalam masyarakat Islam dengan melihat kegagalan masyarakat Islam dalam bidang ekonomi dan politik akibat daripada sistem kapitalisme Barat. Implikasinya, beberapa dasar ekonomi dan sosial yang dibentuk berasaskan kepada pendekatan Islam seperti pengenalan sistem perbankan Islam dan takaful Islam serta penerapan nilai-nilai Islam.


Pembangunan Islam pada tahun 1980an dikaitkan kembalinya Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada zaman kepimpinan di Malaysia. Dibawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, kerajaan Malaysia dilihat menyokong dasar-dasar berkaitan pembangunan Islam. Justeru, Mutalib (1993) menjelaskan kesungguhan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap pelaksanaan Islam kian menyerlah setelah beliau menjadi Perdana Menteri.

Dalam konteks Malaysia pada masa kini Mohamad (2000) menegaskan masyarakat Islam tidak perlu bangga dengan fakta sejarah atau pencapaian orang Islam sebelum ini kerana masyarakat Islam bukan berada pada kedudukan tertinggi. Namun, Pandian (2005) menyatakan ramai yang beranggapan kegemilangan Tun Dr. Mahathir Mohamad tergambar dengan Wawasan 2020 sebagai matlamat dalam mencapai status negara maju bagi sebuah negara Islam. Selain itu, ia dianggap sebagai landasan dalam membentuk masyarakat yang mampu bersaing dalam ekonomi dan teknologi setanding dengan negara maju yang lain tanpa mengabaikan kepentingan Islam. Ini bersesuaian dengan agenda Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mempromosi pembangunan ekonomi dan modenisasi untuk kesejahteraan rakyat bersesuaian dengan kehendak Islam. Konsep Islam berasaskan kepada model pembangunan dalam kepimpinan Islam dijadikan strategi oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai elemen dalam legitimasi kepimpinan beliau.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Penyelidikan ini bertitik tolak daripada kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dilabel dengan liberal serta sekular oleh rakyat di Malaysia (Abu Bakar Hussain, 2011). Perkara ini dinyatakan oleh Mohd Zuhdi Marzuki selama 22 tahun kepimpinan

Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau memperkenalkan dasar dan amalan pemerintahan yang merugikan negara dan rakyat. Malah, Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya menghakis kuasa Raja-raja Melayu melalui dua pindaan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1983 dan 1993 (MalaysiaKini, 2017). Selain itu, sikap anti Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad terserlah apabila beliau membela seorang berpemikiran anti-hadis bernama Dr. Kassim Ahmad. Dr. Kassim Ahmad adalah orang yang menolak hadis Nabi dan berpandangan tiada syahadah atau persaksian ke atas Nabi Muhammad s.a.w. dalam kalimah syahadah (Malaysia Today, 2017). Walau bagaimanapun, di peringkat antarabangsa Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membentuk reputasi sebagai seorang pemimpin Islam dengan integriti dan kredibiliti yang luar biasa sehingga beliau sentiasa mendapat sokongan daripada pemimpin dari negara Islam (Abdul Wahid, 2016; Pandian, 2005). Malah, Schottmann (2011) menjelaskan beliau juga diberi gelaran sebagai Harimau Asia diatas keberanian beliau yang luar biasa. Mengapakah perkara ini berlaku?



Penyelidikan ini juga dilihat kurangnya kajian memfokuskan kepada kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia. Maka dilihat ada penelitian dalam isu kepimpinan Islam pada masa kini. Hal ini kerana terdapat kajian lepas yang menjalankan kajian mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad dari segi pemikiran Islam oleh Zulfa Jamalie (2011), Kuasa Insaniah dan Imej-imej Selebriti daripada Junita (2014), pembangunan Islam oleh Ghazali (2012), Pemikiran daripada Abdul Muati @ Zamri Ahmad (2007), Warisan Ekonomi oleh Jomo (2010), Legasi Mahathir daripada Pandian (2005), Pembangunan Ekonomi oleh Noor Husna dan Mohd Rosdi (2016) manakala dalam bidang kepimpinan Islam terdapat kajian yang dinyatakan oleh Teik dan Hadiz (2010) mengkaji tentang Politik Islam dan Politik Ekonomi di Indonesia

dan Malaysia, teori gaya kepimpinan Barat diadaptasi daripada teori gaya kepimpinan Islam daripada Muhd Akmal (2015), Pemikiran Politik Islam di Aceh pada Abad ke 17M oleh Nordin (2012) dan pengaruh Trait Kepimpinan dalam Kalangan Imam (Abdul Mutualib, 2012). Penyelidikan ini dijalankan mengenai kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam menjalankan penyelidikan, penyelidik telah menetapkan objektif yang ingin dicapai. Antaranya ialah:

1.4.1 Untuk mengetahui latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi seorang pemimpin yang terkenal.

1.4.2 Untuk mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia.

1.4.3 Untuk menganalisis kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Secara umumnya, kajian ini dijalankan adalah mengetahui biografi Tun Dr. Mahathir Mohamad dan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia. Berdasarkan objektif, diharap kajian ini dapat menjawab persoalan berikut:

1.5.1 Apakah latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi seorang pemimpin yang terkenal?

1.5.2 Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia?

1.5.3 Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia

berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Melalui kajian yang dijalankan ini harap dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Antara kepentingan kajian yang dijalankan ialah:

- 1.6.1 Membuka peluang dan menarik minat generasi muda untuk mengkaji corak kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan lebih meluas dan terperinci serta dapat memberikan sumbangan kepada bidang ilmu kepimpinan Islam.
- 1.6.2 Melalui kajian ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan membuka peluang kepada pembuat dasar untuk mendalami bidang kepimpinan Islam.

### **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini mengalami keterbatasan kajian keranakekangan kewangan dan masa, kajian ini dijalankan semasa kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia. Selain itu, kajian ini terbatas juga kerana tiada informan untuk kaedah temu bual berstruktur daripada calon ahli politik yang terdiri dari kaum India dan Cina. Perkara ini dilihat apabila penyelidik menghubungi informan dari kaum tersebut terdapat elemen prejedis antara kaum. Oleh itu, situasi tersebut menyukarkan penyelidik untuk menemubual informal dan disamping kekangan wang dan masa. Oleh itu, calon-calon ahli politik yang pernah dihubungi oleh penyelidik untuk ditemu bual adalah berdasarkan jadual 1.2 dibawah;

## Jadual 1.2

*Informan yang gagal dihubungi oleh penyelidik*

<b>Nama Informan</b>	<b>Profesion</b>	<b>Tarikh Dihubungi</b>	<b>Tarikh Ditolak</b>
YB Gobind Singh Deo	Ahli Politik (DAP)	9 Jun 2016	25 Ogos 2016
YB Jagdeep Singh Deo	Ahli Politik (DAP)	22 Jun 2016	25 Ogos 2016
YB Lim Guan Eng	Ahli Politik (DAP)	1 Jun 2016	2 Jun 2016
YB Lim Kit Siang	Ahli Politik (DAP)	17 Jun 2016	25 Ogos 2016
YB Tony Pua	Ahli Politik (DAP)	1 Ogos 2016	25 Ogos 2016
YB Kasthuriraani Patto	Ahli Politik (DAP)	12 Julai 2016	29 Julai 2016
YB Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Ahli Politik (DAP)	12 Julai 2016	23 Ogos 2016
YB Dr Jayabalan A/L Thambyappa	Ahli Politik Parti Keadilan Rakyat	12 Julai 2016	25 Ogos 2016
YB Sivarasa Rasiah	Ahli Politik Parti Keadilan Rakyat	1 Ogos 2016	25 Ogos 2016
YB Surendran Nagarajan	Ahli Politik Parti Keadilan Rakyat	12 Julai 2016	25 Ogos 2016

## 1.8 Kerangka Kajian

Pengkaji berharap kajian ini dapat dijalankan berdasarkan penelitian kerangka kajian berdasarkan rajah 1.1:

## **1.9 Limitasi Kajian**

Kajian ini menyentuh semua perkara berkaitan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad secara sepantas lalu dari aspek latar belakang diri, keluarga, pendidikan, persekitaran untuk memberi gambaran awal tentang Tun Dr. Mahathir Mohamad. Perkara ini penting untuk diketahui kerana ia menjadi faktor yang mempengaruhi pembentukan peribadi, pemikiran, dan tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Justeru, kajian ini mengkaji ketika Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981 hingga 2003. Hal ini disebabkan kajian kepimpinan Islam dilakukan kerana terdapat dasar dan pembangunan ke arah Islamisasi sejak dari awal kepimpinan beliau hingga bersara.

## **1.10 Definisi Istilah**

Kajian ini mendefinikan istilah Kepimpinan Islam, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Malaysia.

### **1.10.1 Kepimpinan Islam**

Kepimpinan Islam didefinisikan oleh Ahmad (2013) merupakan satu proses yang menggerakkan manusia untuk memenuhi kehendak Islam dalam jangka masa pendek dan panjang yang mampu menghasilkan satu wawasan untuk memenuhi matlamat Islam. Kepimpinan Islam merujuk kepada kepimpinan yang digariskan oleh Allah s.w.t. melalui sumber asas dalam agama Islam iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah. Maka, kajian ini melihat kepimpinan Islam berdasarkan gaya kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika beliau menjadi Perdana Menteri di Malaysia.

### **1.10.2 Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan Perdana Menteri keempat mula memimpin Malaysia pada 16 Julai 1981 (Joyce Cheah Lynn-Sze, 2016). Beliau diberi gelaran sebagai Bapa Pemodenan Malaysia kerana membangunkan Malaysia dengan pelbagai dasar dan pembangunan termasuk KLCC, Menara Kuala Lumpur, KLIA, Jambatan Pulau Pinang, Proton dan Putrajaya.

### **1.10.3 Malaysia**

Malaysia sebuah negara Islam yang dibahas dan dicerakinkan oleh para ulama silam dan moden. Malaysia sebagai negara yang berbilang kaum dan menepati ciri minimum bagi sebuah negara Islam (Mohd Izhar Ariff, Ezad, Mohamad, Zulfazdlee Abul Hassan, Mohd Al-adib, & Salmy Edawati, 2012). Menerusi ciri minimum sebuah negara Islam, Malaysia sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang perlu mengiktiraf hak-hak golongan bukan Islam daripada pelbagai aspek seperti hak kebebasan mendirikan rumah ibadat, beragama, berpolitik dan bersosial, selagi mana hak-hak tersebut tidak menindas umat Islam serta membawa kemudarat untuk negara. Manakala Ahmad Sabri (2014) menjelaskan perlembagaan menentukan bidang kuasa pemerintahan, bentuk sesebuah kerajaan dan hak-hak rakyat. Perlembagaan juga menyatakan kuasa dan peranan setiap institusi seperti eksekutif, perundangan dan kehakiman.

## **1.11 Kesimpulan**

Kajian gaya kepimpinan merupakan topik yang universal dan dikaji serta ditulis. Oleh itu, pengkaji memilih Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai bahan kajian kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang pemimpin yang memimpin Malaysia

selama 22 tahun dan beliau terdiri daripada kalangan rakyat biasa dan mempunyai pengalaman pahit pada zaman penjajahan. Sifat keperibadian, minat yang cenderung kepada orang Melayu telah mendorong beliau membangunkan Malaysia daripada sebuah negara pertanian kepada sebuah negara perindustrian. Selain itu, keberanian beliau yang sangat luarbiasa mengharumkan nama Malaysia di persada dunia serta mendapat pengiktirafan daripada para pemimpin dunia yang lain. Di samping itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad memainkan peranan yang aktif dalam lingkaran dunia Islam menyebabkan ramai pemimpin Islam berasa dunia Islam akan kabur selepas persaraan beliau. Ini kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membentuk reputasi sebagai pemimpin Islam dengan integriti dan kredibiliti yang luar biasa dan sentiasa mendapat sokongan pemimpin negara Islam yang turut mempengaruhi kepimpinan beliau sehingga diberi gelaran sebagai Harimau Asia. Ini diakui oleh Perdana Menteri Lebanon, Rafic Hariri dan Presiden Sudan, Omar Hassan al-Bashir serta beberapa pemimpin yang lain.

## BAB DUA

### SOROTAN KARYA

#### 2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penyelidik mengemukakan sorotan karya yang relevan dengan kajian serta dikemukakan juga teori sebagai panduan bagi mengukuhkan lagi kerelevan kajian ini.

#### 2.2 Kajian Literatur

Kajian mengenai kepimpinan berkaitan Tun Dr. Mahathir Mohamad bukanlah suatu yang baharu. Namun begitu, kajian Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berdasarkan kepimpinan Islam di Malaysia masih kurang tumpuan oleh para sarjana luar negara dan pengkaji di Malaysia. Kajian penyelidikan dalam bentuk yang berbeza pernah dilakukan oleh beberapa orang sarjana di dalam dan luar negeri.

##### 2.2.1 Kepimpinan Islam

Walau bagaimanapun terdapat beberapa penulisan mengenai metodologi berkaitan kepimpinan Islam di Malaysia tetapi perbincangannya mempunyai pendekatan yang berbeza.

Terdapat juga kajian perbandingan mengenai politik Islam oleh Teik dan Hadiz (2010) bertajuk; *Critical Connections: Islamic Politics and Political Economy in Indonesia and Malaysia*. Kajian ini meneroka politik Islam di negara mempunyai majoriti Islam di Asia Tenggara, iaitu Indonesia dan Malaysia. Oleh itu, politik Islam di Indonesia dan Malaysia dikesan dalam kajian kes yang menunjukkan sebahagian besar politik Islam kontemporari tidak dapat dijelaskan merujuk kepada

Islam sahaja bahkan melalui identiti dan agenda Islam yang palsu dalam konteks moden mencetuskan persaingan sosial.

Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang bertajuk; teori gaya kepimpinan Barat diadaptasi teori gaya kepimpinan Islam (al-Quran) daripada Muhd Akmal, Razaleigh, Rosli, Zanariah dan A'dawiyah (2015) kajian memperlihatkan teori gaya kepimpinan menjadi dokongan Barat adalah diadaptasi daripada teori gaya kepimpinan Islam dibawakan imej baru sebagai penemuan baru tidak berkaitan Islam yang syumul. Kajian ini juga membahaskan teori kepimpinan dan teori gaya kepimpinan dan pihak Barat. Oleh itu, berdasarkan dalil dan kupasan dari al-Quran dan perbahasan para ulama Islam membongkar asal-usul teori kepimpinan Barat yang diadaptasikan daripada teori kepimpinan Islam. Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. sejak lebih 1400 tahun yang lalu membina asas kepimpinan yang kukuh dan mewariskan kepada kepimpinan berikutnya secara terancang sama ada sedar atau tidak disedari umat Islam, inti pati teori kepimpinan Islam tersebut disadur oleh Barat melalui pelbagai teknik dan cara.

Selain itu, Nordin (2012) menjalankan kajian tesis yang bertajuk; Pemikiran Politik Islam Di Aceh Pada Abad Ke 17 M: Kajian Perbandingan Antara Kitab Taj Al-Salatin, Sulalah Al-Salatin Dan Bustan Al-Salatin. Kajian dijalankan berdasarkan persamaan perbezaan dan hubungan antara tiga kitab ulama Muslim zaman klasik iaitu *Kitab Taj Al-Salatin*, *Sulalah Al-Salatin* dan *Bustan Al-Salatin* dengan buku-buku pemikir politik Islam zaman moden dan kontemporari. Kajian ini berbentuk kualitatif berkaitan kefahaman dan corak pemikiran. Pengkaji menggunakan pendekatan persejarahan dan dokumentasi. Selain itu, pengkaji menganalisis data

menggunakan kaedah analisis kandungan melibatkan ketiga-tiga kitab, isu kandungan manuskrip dan buku yang berkaitan. Hasil kajian mendapati 90% idea daripada pemikiran politik kitab-kitab tersebut ada persamaan manakala perbezaannya kira-kira 10% khususnya dalam aspek kepimpinan wanita. Antara ketiga-tiga kitab, Taj al-Salatin mempunyai pemikiran politik Islam terbaik. Dalam menilai persamaan, perbezaan dan hubungan kitab-kitab tersebut pula, pengkaji mendapati bahawa ada kesinambungan idea politik Islam dari zaman klasik, pertengahan dan moden. Perbezaan ketara dilihat pada zaman moden setelah banyak negara-negara Islam dijajah oleh negara Barat. Pemikiran politik ilmuan Islam di zaman moden ada terpengaruh dengan konsep sekularisme tajaan Barat yang memisahkan antara agama dengan politik. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati ada kesinambungan pemikiran kitab Taj al-Salatin, Sulalah al-Salatin dan Bustan al-Salatin dengan sarjana Muslim abad pertengahan iaitu al-Ghazali dan al-Mawardi. Taj al-Salatin dan Bustan al-Salatin telah menggunakan pendekatan Tasawuf Sunni seperti gaya kitab Nasihah al-Muluk karya al-Ghazali manakala Sulalah al-Salatin menggunakan pendekatan sejarah dan naratif penceritaan tentang kejadian masa lalu seperti teks Hikayat Raja-raja Pasai.

Bidang kepimpinan Islam juga terdapat dalam kajian tesis Rizqi (2010) bertajuk; Analisis Model Kepemimpinan Islami pada Cv. Dharma Utama Batu. Kajian ini bertujuan mengetahui konsep *Islamic Leadership Style* diterapkan oleh Cv. Dharma Utama. Kajian ini berbentuk kualitatif, pengumpulan data melalui metod observasi, wawancara dan dokumentasi. Dapatkan kajian mendapati model kepimpinan Islam melalui beberapa aspek iaitu: dari segi syarak, karakteristik dan prinsip kepimpinan Islam yang sesuai dengan ciri-ciri pemimpin.

Manakala Abdul Mutalib (2012) menjalankan kajian tesis yang bertajuk; *The Influence of Leadership Traits Toward Leadership Behavior Amongst Imams in Peninsular Malaysia*. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti ciri-ciri kepimpinan yang berpotensi mempengaruhi gelagat kepimpinan efektif para imam di Semenanjung Malaysia menggunakan kaedah soal selidik. Satu set soal selidik berstruktur telah diedarkan kepada 357 imam yang dipilih secara rawak di Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian mendapati kemampuan kognitif umum, keagamaan dan autonomi kerja para imam tidak berpotensi dalam mempengaruhi gelagat kepimpinan efektif secara signifikan. Kajian ini juga memperolehi keputusan yang signifikan mengenai potensi motivasi untuk memimpin yang berfungsi sebagai perantara secara separa kepada pengaruh personaliti terhadap gelagat kepimpinan.

### **2.2.2 Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Terdapat penulisan mengenai metodologi yang berkaitan kajian Tun Dr. Mahathir Mohamad tetapi perbincangannya mempunyai pendekatan yang berbeza.

Dalam konteks Malaysia terdapat kajian tesis daripada Zulfa Jamalie (2011) yang bertajuk; Analisis Pemikiran Mahathir Mohamad Mengenai Islam dan Pelaksanaan Dasarnya dalam Negara Malaysia. Kajian bertujuan mengenalpasti dan meneroka gagasan Mahathir Mohamad mengenai Islam dan kenegaraan, pandangan Mahathir terhadap Islam dan isu-isu kenegaraan moden dan pandangan Mahathir terhadap hubungan antara Islam dan kenegaraan serta dijalankan menggunakan pendekatan deskriptif analitis dalam bentuk kajian tokoh. Dapatan kajian mendapati Islam dalam pandangan Mahathir adalah agama sempurna yang bersifat dinamik dan

menghendaki kemajuan, agama rasional, agama keamanan dan fleksibel, agama yang sederhana dan bertoleransi. Oleh itu, Islam mesti difahami secara rasional, kritikal dan ditafsirkan semula berpandukan Al-Quran dan Hadis dengan berteraskan kepada *reason*, *argument* dan *logic* yang dipanggil sebagai ‘Islam Mahathir’. Selain itu, mengikut pandangan Mahathir terdapat pelbagai fahaman dan konsep berkait dengan masalah kenegaraan yang datang dari Barat, antaranya demokrasi, sekularisme, masyarakat majmuk ataupun terorisme tidak mesti diterima mahupun ditolak secara membata tuli.

Sehubungan itu, Junita (2014) menjalankan kajian tesis yang bertajuk; Kuasa Insaniah Negara Malaysia dan Imej-Imej Selebriti Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti dan memahami kuasa insaniah yang dibina oleh kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kajian menggunakan data diperoleh secara kajian perpustakaan, lapangan dan temu bual iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Pulau Langkawi. Kajian membincangkan Malaysia mengambil kira gambaran konteks serantau Asia Tenggara membangunkan kuasa insaniah. Dapatan Kajian mendapati Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai imej selebriti melalui prestasinya mahupun eksistensi media mengukuhkan dan mengekalkan kuasa insaniah dan kuasa bintang. Terdapat juga penerimaan awam dengan terciptanya para *social relationship* menerusi pemberian, penghargaan, penubuhan kelab peminat dan pengikut Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kajian memperlihatkan usaha kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Citra beliau membangunkan kuasa insaniah Malaysia menonjolkan kuasa bintang. Dalam kajian ini, merapatkan jurang ilmu mengenai sifat kuasa dalam Kajian Hubungan Antarabangsa dan Kajian

Budaya Popular serta Kajian Selebriti dengan menawarkan konsep kuasa bintang dalam kerangka teori kuasa insaniah.

Terdapat juga penulisan buku daripada Ghazali (2012) bertajuk; Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir. Buku memfokuskan aspek pembangunan tamadun yang diutarakan oleh Mahathir. Penulisan buku melihat faktor-faktor kemunduran dan cara mengatasi menurut pemikiran beliau. Antara yang menarik ialah mengenai pemikirannya memberi impak terhadap pembangunan Islam di Malaysia di samping menyentuh konsep Negara Islam berkait rapat dengan pandangan beliau.

Walau bagaimanapun, Abdul Muati @ Zamri Ahmad (2007) menjalankan penulisan bertajuk; Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Buku ini memfokuskan kupasan mengenai penghujahan logik dalam ucapan-ucapan yang disampaikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kupasan dan ulasan serta kritikan ke atas penghujahan Mahathir dibuat berdasarkan analisis terhadap ucapan yang disampaikan dalam Perhimpunan Agung UMNO sejak 1982 hingga 2003. Selama 22 tahun memegang tumpuk kepimpinan parti yang memerintah negara, beliau menyentuh pelbagai isu dalam ucapannya yang dikelompokkan kepada persoalan politik, ekonomi, sosiobudaya dan antarabangsa. Isu-isu tersebut dianalisis untuk struktur retorik, jenis dalil, jenis taakulan dan teknik retorik yang digunakan dalam merangka dan menyusun atur ucapannya setiap tahun. Analisis terhadap penghujahan ini memberi gambaran mengenai pemikiran beliau seterusnya memberi kefahaman tentang corak pemikiran pemimpin besar yang menjadikan Malaysia terkenal di mata dunia.

Manakala, Jomo (2010) menjalankan penulisan yang bertajuk; Warisan Ekonomi Mahathir. Buku ini menganggap dasarnya tidak patut dilihat sesuatu yang konsisten dan tidak pernah berubah. Malah, kebanyakan pembaharuan diperkenalkan sebagai langkah menghadapi cabaran besar yang terbaru, termasuk cabaran politik. Terdapat penyelewengan oleh kroni mengambil kesempatan, kepentingan demikian tidak merupakan dorongan tunggal bagi dasar serta institusi yang diperkenalkannya.

Oleh itu, Pandian (2005) menjalankan penulisan yang bertajuk; Legasi Mahathir. Buku ini menjelaskan perkembangan negara di bawah Tun Dr. Mahathir Mohamad dan membicarakan legitimasi politik sebagai kekuatan legasinya. Ia penting dalam konteks masyarakat pelbagai kaum memandangkan sokongan yang diterima dalam parti UMNO tidak memadai untuk berfungsi sebagai Perdana Menteri di platform kebangsaan. Di samping bergantung kepada kedinamikan sokongan dalam parti, beberapa faktor pengukuhan legitimasi yang baru diperlukan untuk menjamin pengekalan kuasa. Penulisan ini memberi tumpuan kepada faktor personaliti atau latar belakang beliau, dasar-dasar dan strategi ekonomi, kepentingan agama Islam yang bercirikan kesederhanaan, sains dan teknologi sebagai pemangkin generasi dan pengiktirafan antarabangsa selaku jurucakap negara membangun.

Namun begitu, penulisan buku yang bertajuk; *A Wise Man in a Crazy World* oleh Abdul Rahim Abdul Wahid (2016) menganggap Malaysia sebagai model berjaya dan mempunyai pengalaman menarik untuk bersaing dengan negara-negara perindustrian yang lain. Buku ini menerangkan terdapat teori daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad berkaitan kebangkitan, cita-cita, impian, inspirasi yang dibawa dengan teliti dapat dicapai. Buku ini menjelaskan peranan Tun Dr. Mahathir

Mohamad dan isu-isu dunia Islam sepanjang kerjaya politik beliau. Beliau sentiasa menyeru perpaduan. Buku ini dianggap satu dokumentari merekodkan pendirian yang digunakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan membuktikan sejauhmana beliau berpengaruh dan mengubah Malaysia bahkan semua negara Islam serta negara yang ingin membebaskan diri daripada kejahilan. Objektif buku ini membentangkan kenyataan bagi negara-negara dunia ketiga untuk belajar demi mencapai kemakmuran untuk generasi akan datang melalui usaha penyatuan dan potensi serta menolak penindasan Barat yang teus meminggirkan negara Islam. Selain itu, buku ini menerangkan impian Malaysia menjadi kenyataan dibawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan bagaimana beliau menjadikan sumber ekonomi dan politik berkembang untuk dijadikan rujukan bagi ahli-ahli politik dan pemimpin negara bagi seluruh dunia.

Di samping itu, Hitam (2016) menjelaskan dalam penulisan buku beliau yang bertajuk; *Frankly Speaking*. Buku ini menceritakan sejarah perletakan jawatan Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1986. Menerusi buku ini Musa Hitam mengimbau kembali nostalgia dari zaman dahulu hingga masa sekarang. Malah, semasa Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi perdana Menteri selama 22 tahun, beliau berpendapat peralihan politik yang baik berasaskan prestasi di bawah pemerintahan Tun Abdul Razak berdasarkan kesetiaan dalam berpolitik dan perkara ini kita masih lihat situasinya di Malaysia pada hari ini. Selain itu, beliau menerangkan Mahathir dan Mahathirisme dari segi positif dan negatif.

Walau bagaimanapun, Teik (1995) menjalankan penulisan buku yang bertajuk; *Paradoxes of Mahathirsm: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*.

Dalam buku ini menjelaskan Perdana Menteri Malaysia yang berjaya di Asia. Kepimpinan beliau meliputi setengah abad, dari beliau menjadi penulis mengenai hal ehwal kaum Melayu hingga beliau dinobatkan sebagai nasionalis Melayu menjadi jurucakap dunia ketiga dan pengamal modenisme Islam hingga ditakuti oleh sesetengah pihak. Mahathir Mohamad dikagumi oleh banyak pihak dari segi visi-visi yang beliau laksanakan termasuk pembangunan perindustrian negara sehingga digelar ‘Harimau Asia kelima’. Paradoxes of Mahathir’s merupakan satu ideologi politik merangkumi idea Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai nasionalis, kapitalisme, Islam, populisme dan autoritarian yang menjadi teras Mahathir.

Selain itu, Husna Shafie dan Syakir Rosdi (2016) menjalankan kajian jurnal bertajuk; *The Implications of Tun Dr. Mahathir Mohamad’s Leadership on Islamic Economic Development in Malaysia*. Kajian ini menjelaskan semasa Tun Dr. Mahathir Mohamad berjawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia, terdapat usaha mengevaluasi sistem ekonomi semasa iaitu berkeinginan menilai semula sistem ekonomi konvensional untuk ditukar kepada sistem ekonomi Islam. Evolusi dari satu tahap pemikiran Barat kepada tahap pemikiran Islam yang berlaku berikutnya anjakan paradigma ketara masyarakat daripada berminat kepada ekonomi konvensional beralih kepada kehendak ekonomi Islam. Perkara ini disebabkan pemikiran berbeza dengan cara kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang disifatkan lebih ke Barat daripada Islam. Dalam pada itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah melaksanakan dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan mengisyiharkan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam. Kajian ini menjawab persoalan tersebut, antaranya; bilakah masa masyarakat terdorong ke arah menggunakan ekonomi Islam? Adakah ia hasil implikasi kepimpinan Tun Dr.

Mahathir Mohamad secara tidak langsung dalam dasar Penerapan Nilai-nilai Islam? Apakah kriteria ekonomi Islam yang digunakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menarik minat masyarakat? Kertas kerja ini ditulis untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut dengan meneliti dan menganalisis implikasi kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pembangunan ekonomi Islam di Malaysia. Hasil menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah analisis kandungan didapati bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa menjadi Perdana Menteri Malaysia berperanan membangunkan ekonomi Islam di Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan berusaha mendekati negara Arab Saudi bagi mendapatkan maklumat daripada mereka dalam pelaksanaan sistem ekonomi berlandaskan syariah.

Oleh itu, kajian ini dijalankan berdasarkan kajian literatur serta meneliti kepada kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.

### **2.3 Teori Kepimpinan**

Teori adalah idea yang abstrak membantu penerangan sesuatu perlakuan (Infante, 2003; Miller, 2005). Dalam isu kepimpinan terdapat tiga teori yang popular iaitu Teori Atribut Pemimpin, Teori Karismatik, dan Teori Transaksi Transformasi (M. Weber, 1947a). Ketiga-tiga teori ini wujud daripada hasil penyelidikan ahli-ahli psikologi untuk meneliti perkembangan kognitif menjadi tunjang membuat sesuatu keputusan dan perlakuan.

Teori Atribut Pemimpin diperkenalkan oleh House dan Mitchell (1974) mempamerkan dua bentuk atribusi dalaman dan atribusi luaran mempengaruhi perlakuan individu. Oleh itu, pemimpin perlu mengetahui kesalahan bercorak

dalam daripada para pengikut seperti kekurangan kebolehan dan kemahiran. Terdapat anggapan kejayaan mengatasi atribusi dalam dan atribusi luaran bergantung kepada tindakan pembentukan pemimpin sendiri. Justeru, pemimpin dianggap unggul kerana mempunyai sifat-sifat terpuji sebagai pemimpin organisasi. Di samping itu, seiring dengan Teori Atribut Pemimpin lahir pula Teori Leader Member Exchange (LMX) iaitu Teori Penukaran Pemimpin Anggota Pengikut dipopularkan (Graen & Schiemann, 1978). Teori ini mencadangkan pemimpin mewujudkan pertemuan dan interaksi dengan pengikut. Setiap perhubungan dan kemesraan berdasarkan kualiti pertukaran idea dan maklumat. Pemimpin dan pengikut menetapkan peranan masing-masing dan pengikut yang mempunyai kualiti tertinggi berada dalam kumpulan.

Teori Pemimpin Karismatik mendapat perhatian banyak pihak. Pemimpin Karismatik diertikan sebagai kemampuan pemimpin memenuhi emosi pengikut secara berkesan (Weber, 1947b). Justeru, pengikut tidak menganggap pemimpin sebagai ketua tetapi bertindak sebagai tokoh (House, 1977). Oleh itu, pemimpin seperti ini dikenali ramai kerana memiliki lima ciri istimewa iaitu tahap keyakinan diri tinggi, mempunyai idea menyakinkan, semangat hebat, kecemerlangan dalam berkomunikasi dan mempunyai kekuatan peribadi menjadi ikutan ramai.

Kepimpinan karismatik sangat terkenal dalam dunia politik berbanding yang lain serta sifat karismatik pemimpin ini kekal lama. Walau bagaimanapun, pemimpin ini tidak begitu berjaya sebagai pemimpin organisasi awam dan swasta malah muncul sebagai negarawan apabila tercetusnya resolusi yang tidak dapat diselesaikan oleh para pemimpin lain. Di samping itu, kegagalan pemimpin karismatik digantikan

dengan pemimpin bercorak instrumental berfungsi untuk menggerakkan anggota organisasi. Ciri-ciri pemimpin instrumental dibayangkan menerusi kebijaksanaan dalam membentuk organisasi, pasukan bekerja, standard, dan pencapaian prestasi tinggi.

Sehubungan itu, Teori Transaksi Transformasi sedikit kelainan. Pemimpin Transaksi memberi motivasi kepada pengikutnya mencapai objektif organisasi. Ciri-ciri pemimpin transaksi daripada kesanggupan memberi ganjaran kontingen, mengambil tindakan apabila penyelewengan, mementingkan standard serta mengelak daripada risiko dan tanggungjawab. Selain itu, teori ini berbeza dengan kepimpinan yang bercorak transformasi. Pemimpin Transformasi mempunyai karisma, wawasan tinggi, kepakaran, intelektual serta pertimbangan yang betul dan bijaksana. Pemimpin Transformasi lebih positif dan memberi faedah kepada pengikut. Pemimpin ini mencapai matlamat, memahami nilai, moral dan etika masyarakat. Oleh itu, pemimpin berfikir secara kreatif, misi dan strategi dalam mencapai sesuatu kejayaan.

Justeru, terdapat perbezaan antara pemimpin transaksi dengan pemimpin transformasi namun masih mencapai matlamat. Pemimpin transaksi bertukar menjadi pemimpin transformasi jika memiliki kekuatan pemikiran dan kemahiran. Antara kemahiran diperlukan adalah kemahiran membuat jangkaan, kemahiran pujukan dan perbandingan, kemahiran memahami perubahan nilai, kemahiran pengupayaan dan kefahaman dalam memahami keperluan dan kehendak para pengikutnya.

Kepimpinan Islam menggabungkan nilai-nilai murni dan komitmen secara menyeluruh. Oleh itu, khalifah memainkan peranan sebagai pemimpin dan agen perubahan serta mengikut suruhan Allah s.w.t. dan Nabi Muhammad s.a.w. dalam mencapai kejayaan organisasi. Kepimpinan Islam berasaskan syarak keadilan, kesederhanaan, kebebasan bersuara, pembela kebenaran, dan keselamatan ummah.

Teori kepimpinan Islam berlandaskan prinsip-prinsip perjuangan daripada Nabi Muhammad s.a.w. Ini dilihat melalui Teori Pemimpin Agung. Teori Pemimpin Agung menjadi fokus perbincangan pada abad ke-19 dan ke-20. Idea hebat pemikiran ini berkembang dan diasaskan kepada pemimpin yang dilahirkan dengan seni kepimpinan secara semula jadi. Bakat dan kehebatan mereka sangat ketara. Malah, dalam sejarah dunia kepimpinan Islam dapat dilihat melalui Iskandar Zulkarnain yang Perkasa, Julius Ceasar, Napolean Bonaparte, Genghis Khan, Khalifah-Khalifah Islam yang mashyur dan pemimpin agung merentas semua zaman iaitu Nabi Muhammad s.a.w. Selain itu, prinsip-prinsip perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. lebih jelas berbanding dengan pemimpin-pemimpin agung sekular yang lain (Choudhury, 1993).

Islam melihat kuasa pemerintahan sebagai amanah. *Ulit Amri* atau pemerintah melaksanakan tugas mereka berdasarkan tanggungjawab *khilafah* yang diamanahkan secara individu dan kolektif. Selain itu, kepimpinan Islam dilihat sesuatu yang berkaitan dengan urusan pemerintahan, sistem negara, hubungan antara pemerintah dan rakyat, hubungan antarabangsa negara Islam mahupun bukan negara Islam, dan hubungan baik dengan penjajah.

Oleh itu, al-Mawardi seorang ahli politik dan ahli teori yang agung. Sehubungan itu, al-Mawardi menyentuh tajuk-tajuk penting dikaji oleh penulis-penulis pentadbiran umum yang moden melalui penulisan kitab beliau. Malah, Imam al-Mawardi menjalankan kajian mengenai kepimpinan yang dikenali *al-Imamah*. Beliau berpendapat pemimpin menjalankan tugas-tugas sendiri sama ada menjalankan polisi negara dan kepentingan agama. Perkara perlu ditekankan bagi pemimpin adalah kewajipan melantik orang layak dan amanah bagi sesuatu jawatan. Dua kriteria yang ditegaskan oleh Imam al-Mawardi akan menjamin pemimpin untuk komited terhadap tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Namun begitu, al-Mawardi (1880) menyatakan kepimpinan baik adalah pemimpin yang memenuhi syarat-syarat tertentu; (a) adil (b) ilmu pengetahuan membolehkan pemimpin berijtihad persoalan hukum dan peristiwa berlaku (c) sempurna pancaindera dari segi pendengaran, penglihatan dan percakapan (d) sihat anggota tubuh badan dari kekurangan yang menghalang pergerakannya (e) kemampuan berfikir tentang pentadbiran dan siasah rakyat (f) berani dan tegas yang mempertahankan negara dan melakukan jihad ke atas musuh (g) berketurunan mulia.

Justeru, melalui kriteria syarat tersebut Imam al-Mawardi menitikberatkan soal pemilihan dan perlantikan pemimpin bagi kepimpinan. Perkara ini disebabkan pemimpin yang menepati kriteria tersebut akan dilantik memastikan mereka menjalankan tanggungjawab dengan dedikasi, amanah, bertanggungjawab dan ikhlas bagi memastikan matlamat sebenar kepimpinan Islam tercapai.

Al-Maududi membuka perbincangan berkaitan kepimpinan Islam menghuraikan asas konsep kepimpinan Islam. Justeru, Daud Mustafa (1988) menjelaskan al-Maududi menyatakan Islam mengasaskan konsep kepimpinan Islam berdasarkan tiga prinsip, iaitu; pertama, tauhid sebagai titik tolak segala proses kepimpinan Islam iaitu keesaan-Nya, sifat-sifat kesempurnaan dan Maha Suci dari sebarang kekurangan Allah s.w.t. Justeru, ia menjadi nadi menggerakkan proses kepimpinan tersebut. Kedua, risalah adalah hukum Allah s.w.t. khususnya kepimpinan Islam yang diterima melalui wahyu oleh Rasulullah s.a.w. dan tertulis dalam al-Quran dan Sunnah. Rasulullah s.a.w. menunjukkan contoh dan teladan tentang perlaksanaan kepimpinan Islam. Malah, beliau merupakan pemimpin pertama dan pengasas Daulah Islamiyah berdasarkan kepimpinan Islam. Ketiga, khalifah merupakan manusia dan wakil Allah s.w.t. diamanahkan dengan tangungjawab melaksanakan amanah Allah s.w.t.

Sehubungan itu, al-Maududi meherangkan ciri-ciri amanah kepada manusia sebagai khalifah-Nya di dunia iaitu; (a) Amanah daripada Allah s.w.t dan manusia sekadar pemegang amanah dipertanggungjawabkan menunaikan tuntutan-tuntutannya. Malah, hak milik amanah tetap kepunyaan mutlak iaitu Allah s.w.t. (b) Manusia berhak menjaga amanah berdasarkan ketentuan Allah s.w.t. (c) Wujud batas-batas membolehkan amanah dilaksanakan (d) Manusia dikehendaki melaksanakan amanah mengikut kehendak Allah s.w.t. merupakan pemilik mutlak amanah.

Tidak wujud perbezaan masyarakat dalam manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. Malah, setiap orang mempunyai tugas dan tangungjawab memelihara amanah

ditentukan Allah s.w.t. Perkara ini menimbulkan satu keseragaman dalam kalangan masyarakat. Disini letaknya titik tolak demokrasi dalam Islam.

Walau bagaimanapun, al-Maududi menjelaskan negara Islam diketuai oleh ketua yang dikenali pelbagai istilah. “*Amir*” adalah ketua negara dipertanggungjawabkan menjalankan pentadbiran negara yang sama tarafnya dengan Presiden di negara-negara Barat pada hari ini. Oleh itu, al-Maududi menyenaraikan syarat-syarat yang ada pada calon “*Amir*”; i) seorang alim dengan ilmu-ilmu Islam ii) adil iii) sanggup menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang “*Amir*” iv) sihat akal dan tubuh badan v) bertaqwa dan cinta kepada Allah s.w.t.

Di samping itu, Sayyid Qutb meletakkan kepimpinan Islam berdasarkan empat prinsip: *Al-Hakimiyyah* iaitu (a) tertakluk kepada Allah s.w.t. (b) keadilan pemimpin (c) ketaatan rakyat (d) mengamalkan sistem syura’ dan musyawarah (Ab Majid, Mohamad Kamil, Ab Majid, Norafifah & Mohamad, 2012).

Perkara ini turut diperjelaskan Shukeri Mohamad (1997) iaitu; pertama, tertakluk kepada Allah s.w.t bermaksud kuasa tertinggi dalam memutuskan sesuatu polisi atau dasar negara ialah Allah s.w.t. Ini bererti keputusan yang dibuat selaras dengan syariat Islam. Justeru, polisi yang bercanggah dengan syariat Islam dikira melanggar prinsip di atas dan terbatal. Inilah tunggak terpenting menunjangi kepimpinan Islam kerana umat Islam dikehendaki menerima *uluhiyah* dan *rububiyyah* Allah s.w.t.

Kedua, keadilan pemimpin. Keadilan bermaksud tidak menyeleweng dari dasar-dasar ditetapkan kepimpinan Islam iaitu menunaikan tanggungjawab kepada orang yang berhak menerima serta tidak merampas hak orang lain. Ketiga, ketaatan rakyat bermaksud kepimpinan Islam tidak membezakan tanggungjawab dan hak-hak kepada seseorang mengikut perbezaan bangsa, keturunan dan bahasa. Hal ini kerana persamaan yang diakui oleh Islam manakala soal perbezaan agama dan status kerakyatan bukan faktor yang mengharuskan kezaliman atau penindasan serta penafian hak-hak dan layanan baik dalam negara mahupun legitimasi kepimpinan. Malah, rakyat bukan Islam berhak mendapat hak-hak asasi ditetapkan oleh negara Islam. Begitu juga mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang sama dengan orang Islam dalam membangunkan negara. Keempat, mengamalkan sistem syura dan musyawarah bermaksud membuat keputusan melalui perbincangan dan penelitian yang mendalam daripada pihak yang berautoriti serta pakar dalam pemerintahan negara. Melalui prinsip ini, pemilihan pemimpin negara dibuat. Begitu juga dengan perancangan-perancangan yang melibatkan pelbagai sektor dalam negara. Ia memberi saluran yang betul untuk mengemukakan pandangan dan kritikan terhadap penyelewengan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan mengemukakan nasihat, pandangan membina dan cadangan. Sistem syura suatu diwajibkan ke atas kerajaan Islam kerana melahirkan kekuatan dalam pemerintahan dan mengukuhkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun, Ibnu Khaldun menyatakan khalifah adalah seorang yang bertugas untuk memelihara dan melaksanakan syariat dalam memartabatkan urusan agama dan dunia. Dari aspek kepimpinan, Ibnu Khaldun menjelaskan pemimpin Islam perlu mempunyai iman mantap. Oleh itu, keimanan bertunjangkan keyakinan

dan ketaqwaan dapat melestarikan syariat Allah s.w.t. dalam segenap lapisan masyarakat.

Bagi memenuhi komitmen terhadap tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan Ibnu Khaldun menyarankan ummah perlu terdedah dengan gaya pemikiran kritis, kreatif, sensitif dan mahir mengkritik. Mengkritik bukan mencari kelemahan sesuatu pihak tetapi memperbetulkan sesuatu kesilapan. Selain itu, pemimpin berani menegur orang bawahan manakala pekerja bawahan juga berani berbuat demikian. Manusia mempunyai kuasa dan keupayaan berfikir. Ini jelas menggambarkan kepimpinan akan menghasilkan buah pemikiran serta pemimpin dan pengikut mempunyai kemampuan berfikir mencari jalan ke arah kecemerlangan ummah. Keupayaan berfikir merupakan hasil kuasa khas diletakkan dalam minda manusia.

Selain itu, Ibnu Khaldun berpendapat pemimpin terdiri daripada lelaki. Peranan lelaki sebagai pemimpin dilihat dengan jelas kerana para nabi tergolong dalam kalangan lelaki. Oleh itu, kaum Adam mempunyai kekuatan minda dan rohani bagi memimpin masyarakat.

Walau bagaimanapun, pemimpin mempunyai karisma untuk memimpin dan kerendahan diri dalam bergaul dengan masyarakat yang dipimpin. Selain itu, pemimpin juga mempunyai visi dan misi. Mereka bersifat kontemporari dan mampu berfikir jauh. Atas kesedaran tersebut, Khaldun (1984) menjelaskan pemimpin akan bersedia apabila menghadapi sebarang keadaan yang mendatang.

Umat Islam mempunyai kewajipan melantik pemimpin iaitu imam atau khalifah. Sehubungan itu, al-Ghazali (1987) menyatakan perlantikan pemimpin mempunyai kesan yang baik. Pemimpin yang dilantik dan ditaati melaksanakan peraturan dunia dengan sebaik hingga memudahkan pelaksanaan peraturan agama. Malah, tidak wujud pemisahan antara agama dan dunia. Beliau juga menolak tanggapan agama boleh berkembang apabila kehidupan dunia ditolak atau diketepikan.

Oleh yang demikian, al-Ghazali menggariskan dasar-dasar keadilan bagi pemimpin iaitu mengenali nilai kuasa, satu nikmat yang membawa kebahagiaan dunia dan akhirat. Di samping itu, pemimpin yang komited terhadap tanggungjawab akan mendapatkan nasihat dan pandangan daripada ulama' iaitu berusaha menyelesaikan setiap isu dan permasalahan dengan baik (Mohd Yunus, 2001). Oleh itu, Imam al-Ghazali menyenaraikan kriteria pemimpin baik iaitu; (a) menjauhkan sifat takbur dan sompong (b) menjatuhkan hukuman setimpal dengan kesalahan (c) jangan membiasakan diri mengikut hawa nafsu (d) menjalankan pengurusan dengan lembut dan mencari keredhaan orang yang dipimpin (e) setiap tindakan haruslah selaras dengan syara'.

Pemimpin dituntut berakhhlak mulia kerana ia berkesan dalam pembentukan kehidupan yang murni. Antara kewajipan akhlak dianjurkan oleh Islam ialah menunaikan janji, bekerja dengan ikhlas, mengingati Allah dalam setiap kerja yang dibuat, bersedia menolong semua orang dalam pekerjaan kebajikan dan taqwa, serta sedia memberi nasihat dan dinasihati.

Kesimpulan, teori-teori kepimpinan dinyatakan oleh para tokoh ilmuan Islam menunjukkan kepimpinan Islam menitikberatkan aspek ciri dan keperibadian pemimpin. Perkara ini dilihat dengan permulaan daripada pemilihan calon hingga perlantikan jawatan sebagai pemimpin. Ini menjelaskan pemilihan pemimpin yang baik menjamin komitmen terhadap tugas dan tanggungjawab diamanahkan. Oleh sebab itu, perkara ini dapat mengurangkan risiko penyelewengan, penipuan tambahan lagi kewibawaan pemimpin tidak perlu dipersoalkan lagi.

## 2.4 Model Kepimpinan Islam

Dalam kepimpinan Islam, terdapat dua model kepimpinan menjadi panduan oleh umat Islam iaitu Nabi Muhammad S.A.W dan *Khulafa' Arrasyidin*.

### 2.4.1 Kepimpinan Nabi Muhamad s.a.w.

Seorang pemimpin Islam memahami dan berpegang kepada asas ditetapkan oleh Islam iaitu aqidah, syariat dan akhlak. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. adalah model terbaik diutuskan oleh Allah s.w.t sebagai pemimpin ulung yang terpelihara dengan aqidah dan akhlak. Rasulullah s.a.w. mengutamakan konsep keteladanan dalam dasar kepimpinan Baginda (Ishak, 2011). Selain itu, kepimpinan Baginda lebih mengutamakan konsep *Uswatul Hasanah* iaitu pemberian contoh kepada para sahabat seperti Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qalam ayat 4 bermaksud:

“Dan sesungguhnya engkau Muhammad benar-benar berada dalam akhlak yang sangat agung”.

Oleh yang demikian, keteladanan Rasulullah s.a.w. tercermin dalam sifat-sifat Baginda seperti *siddiq, amanah, tabligh* dan *fatonah*.

#### **2.4.2 Kepimpinan *Khulafa’ Arrasyidin***

Zaman Nubuwah berakhir dengan kemangkatan Rasulullah s.a.w. Namun begitu, orang Arab tidak percaya Baginda telah wafat. Mereka lupa Baginda adalah seorang Rasul dan telah didahului oleh beberapa orang Rasul. Kemangkatan Baginda memberi tekanan besar kepada orang Arab dan mereka menyedari kekosongan ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w. jadi siapakah akan menggantikan Baginda? Bagaimanakah mereka menghadapi masalah “*khalifah*” yang menggantikan Nabi? Perkara ini terserah kepada pertimbangan syura di antara orang-orang Islam (Al-Saleh, 1997).

Di samping itu, Ibn Hisham (1930) menjelaskan jawatan “*khalifah*” diminati oleh ramai orang dan setiap kumpulan mencalonkan ketua untuk memimpin umat Islam. Oleh itu, golongan Ansar cenderung untuk menjawat jawatan “*khalifah*” disandang oleh tokoh suku “*Khazraj*” iaitu Sa’d Ibn ‘Ubadah. Walau bagaimanapun, situasi tersebut terhenti apabila tiba sesi pencalonan kerana beliau tidak berjaya menyatupadukan suku Aus dengan Khazraj. Perselisihan ini melemahkan usaha mereka untuk mencalonkan Sa’d tidak berjaya.

Manakala golongan Bani Hashim pula merasakan jawatan “*khalifah*” berada dalam kalangan mereka. Golongan Bani Hashim percaya Saidina ‘Ali Ibn Abi Talib adalah orang yang berhak di antara para sahabat untuk menjawat jawatan “*Khalifah*” memandangkan Saidina ‘Ali adalah anak angkat Rasulullah dan sepupu beliau serta suami kepada Saidatina Fatimah Az-Zahra anak perempuan Rasulullah. Selain itu, beliau juga orang yang mula memeluk agama Islam dan mempunyai pengetahuan luas jika dibandingkan dengan para sahabat yang lain.

Terdapat hadis diriwayatkan berhubung dengan wasiat Rasulullah mengenai jawatan “*khalifah*” yang berlaku pada tahun sepuluh Hijrah semasa Baginda menunaikan *Haji Wida’*. Oleh itu, Al-Saleh (1997) menjelaskan Saidina ‘Abbas iaitu bapa saudara Nabi telah menemui Saidina ‘Ali dan berkata;

“Hulurkan tangan kamu supaya aku berikan bai’ah kepadamu”.

Namun begitu, Saidina ‘Ali sibuk dengan uruskan pengurusan pengkebumian Rasulullah dan beliau melengah-lengahkan untuk menerima bay’ah tersebut. Mungkin kelengahan tersebut disengajakan oleh beliau untuk menghilangkan sebarang prasangka dalam kalangan orang Islam tugas “*Nubuwwah*” menjadi warisan dalam kalangan keluarga Nabi tetapi beliau sedar tugas “*Nubuwwah*” adalah wahyu yang ditentukan oleh Allah dan bukan suatu yang diwarisi (Ibn Hisham, 1930).

#### **2.4.2.1 Saidina Abu Bakar al-Siddiq**

Oleh yang demikian, fitnah yang hampir berlaku dipadamkan dan persoalan pemilihan “*khalifah*” dapat diselesaikan. Perkara ini diperjelaskan oleh Khaldun, (1984) dan (Al-Saleh, 1997) menyatakan keadaan ini berlaku selepas Saidina Abu Bakar al-Siddiq mengemukakan Hadis Rasulullah yang bermaksud;

“Imam-iman hendaklah dari suku Quraisy”

Kemudian, Saidina Umar al-Khattab menerangkan kepada golongan Ansar bahawa;

“Orang Arab tidak akan rela melantik ketua dari kalangan kamu sedangkan Nabi mereka dari suku lain”.

Setelah mendengar penerangan itu orang Ansar berkata;

“ kita pilih seorang ketua dari kami dan seorang ketua lagi dari kamu”.

Namun begitu, orang Muhajirin tidak dapat menerimanya. Selepas itu, Saidina Umar al-Khattab dan Abu ‘Ubaidah menyerahkan bay’ah kepada Saidina Abu Bakar al-Siddiq dan diikuti oleh orang Ansar kecuali beberapa orang dari suku Khazraj. Oleh itu, sebahagian besar daripada mereka bersetuju atas perlantikan tersebut secara ijma’ dan mereka yakin soal perlantikan diputuskan secara permesyuaratan antara mereka dengan golongan Muhajirin.

Justeru, Saidina Abu Bakar al-Siddiq memberikan ucapan kepada orang Islam menerangkan dasar yang diikuti. Beliau menjelaskan kepada mereka pemerintahannya akan dijalankan secara adil dan bertanggungjawab ke atas mereka di hadapan Allah dan mereka bertanggungjawab memberikan syura dan sokongan mereka kepadanya. Oleh itu, Ibn Hisham (1930) menjelaskan ucapan disampaikan di atas mimbar Rasulullah s.a.w.:

“Wahai kamu sekalian, aku telah dilantik menjadi pemerintah kamu dan aku bukanlah orang yang terbaik di antara kamu. Sekiranya aku melakukan kebaikan maka bantulah aku. Kebenaran adalah suatu amanah dan pendustaan adalah pengkhianatan. Orang yang lemah di antara kamu adalah kuat di sisiku sehingga aku memberikan hak kepadanya dengan izin Allah. Orang yang terkuat antara kamu adalah lemah di sisiku sehingga aku mengambil hak daripadanya dengan izin Allah. Patuhilah aku selagi aku mematuhi Allah dan Rasul-Nya, sekiranya aku menderhakai Allah dan Rasul-Nya maka tidak usahlah aku kamu patuhi”.

Seperti yang diketahui Rasulullah tidak meninggalkan dunia melainkan Baginda berjaya meluaskan pengaruh di Semenanjung Tanah Arab sehingga Baginda dikenali sebagai “raja negeri Hijaz”. Sehubungan itu, Al-Saleh (1997) berpendapat Baginda meninggalkan bentuk pemerintahan baik kepada Saidina Abu Bakar al-

Siddiq sebuah kerajaan bersatu di negeri Hijaz meliputi kota Mekah dan Madinah serta daerah-daerah yang berdekatan. Baginda menjadikan rakyat kerajaan tersebut suatu bangsa mempunyai keperibadian tersendiri. Di samping itu, Baginda mencetuskan masyarakat Islam dengan ikatan keagamaan serta persaudaraan orang-orang mukmin sebagai menggantikan perasaan perkauman kepada suku masing-masing.

Kesatuan politik ideal lemah setelah kewafatan Rasulullah s.a.w. dalam kalangan suku-suku yang patuh kepada agama Islam secara lahiriah. Contohnya; isu pembayaran zakat. Bagi mereka zakat merupakan satu pemberian. Mereka mengambil kesempatan dari kewafatan Rasulullah s.a.w. menggelakkan diri daripada menunaikan rukun Islam. Perkara ini diperjelaskan oleh al-Mawardi (1880) menyatakan pembayaran zakat bagi mereka bergantung pengenalan mereka kepada “*khalifah*” menggantikan Rasulullah s.a.w. situasi ini menggalakkan tercetusnya perpecahan dan mereka daripada golongan murtad. Oleh yang demikian, Saidina Abu Bakar al-Siddiq terpaksa memerangi golongan ini sehingga mereka kembali semula ke agama Islam serta berjanji untuk menunaikan rukun Islam. Jika mereka menggelak, mereka tidak akan diberikan perdamaian. Saidina Abu Bakar al-Siddiq meninggal dunia pada 22 haribulan Jamadil Akhir tahun 13H setelah berjaya menumpaskan gerakan orang Murtad dan berjaya mencapai kejayaan cemerlang dalam usaha memperluaskan daerah pemerintahan Islam.

#### **2.4.2.2 Saidina Umar al-Khattab**

Sebelum meninggal dunia, Saidina Abu Bakar al-Siddiq mengadakan kempen mencegah perpecahan dalam kalangan masyarakat Islam yang memerlukan

perpaduan menghadapi situasi yang timbul ketika itu. Beliau mengadakan perbincangan dengan para Sahabat melantik Saidina Umar al-Khattab sebagai “*khalifah*”. Justeru, mereka bersetuju dengan cadangan tersebut dan Saidina Abu Bakar al-Khattab membuat surat perlantikan seterusnya menyerahkan tanggungjawab “*khalifah*” kepada Saidina Umar al-Khattab setelah beliau meninggal dunia (Al-Saleh, 1997).

Selepas Saidina Abu Bakar al-Siddiq meninggal dunia, Saidina Umar al-Khattab dikenali dengan gelaran “*pengganti Abu Bakar*” atau dibahasakan “*pengganti kepada pengganti Rasulullah*”. Oleh kerana gelaran tersebut agak panjang lalu dinamakan sebagai “*khalifah*”(Khaldun, 1984). Sejak dari itu, gelaran tersebut ditujukan kepada “*ketua*” kerajaan Islam. Selain itu, satu gelaran ditambah kepada Saidina Umar al-Khattab selaras gerakan pembukaan Islam apabila golongan murtad kembali semula ke pangkuan Islam. Gelaran ialah “*Amir al-Mu'minim*”. Gelaran ini diambil dari perkataan “*Amir*” yang mulanya ditujukan kepada seorang pemimpin tentera.

Zaman pemerintahan Saidina Umar al-Khattab, zaman kegemilangan Islam menjadi kesinambungan zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar al-Siddiq. Saidina Umar al-Khattab merupakan khalifah Islam termasyur kerana zaman pemerintahannya terdapat penambahbaikan dalam bidang pentadbiran dan kewangan dijalankan. Beliau adalah orang pertama menu buhkan “*diwan*” iaitu jabatan. Sikap fleksibel dan pandangan jauh Saidina Umar al-Khattab mendorong beliau mengambil faedah daripada sistem yang digunakan oleh orang Byzantine dan Parsi di daerah-daerah pembukaan Islam. Malah, beliau membiarkan penggunaan matawang tempatan

walaupun terdapat ukiran-ukiran Kristian atau Parsi mempunyai lukisan rumah berhala. Selain itu, beliau memperakui nilai matawang rasmi seperti dikenali zaman Nabi dan zaman Saidina Abu Bakar al-Siddiq dengan penambahan perkataan “*harus*” untuk membezakannya matawang palsu.

Saidina ‘Umar al-Khattab memikirkan pemerintahan namun tiada penentuan yang diambil. Apabila beliau ditikam oleh Abu Lu’luah, seorang Majusi pada akhir tahun 23H dan beliau digesa oleh orang Muhajirin melantik seorang penggantinya. Beliau khuatir memilih pengganti ini. Perkara ini dinyatakan oleh Al-Saleh (1997) melalui kenyataan Saidina ‘Umar al-Khattab;

“ Kalau aku pilih seorang pengganti, maka sebenarnya langkah itu telah dilakukan oleh orang yang lebih baik dari aku dan kalau aku biarkan tanpa memilihnya, maka sebenarnya langkah demikian juga telah dilakukan oleh orang yang lebih baik dari aku”.

Namun begitu, beliau mengutamakan pemilihan tersebut dipilih berdasarkan enam orang tokoh Sahabat terkemuka dan mereka memilih salah seorang dari mereka sehingga orang ramai dapat memberikan Bay’ah kepadanya. Keenam-enam tokoh Sahabat ialah ‘Ali Ibn Abi Talib, ‘Uthman Ibn ‘Affan, Talhah Ibn ‘Ubaydillah, al-Zubayr Ibn ‘Awam, Sa’d Ibn Abi Waqqas dan ‘Abd Rahman Ibn ‘Auf. Mereka terdiri daripada ahli-ahli ditugaskan bermesyuarat memutuskan soal penting ini. Di samping itu, Saidina ‘Umar al-Khattab memberikan amanat kepada mereka (Al-Saleh, 1997), katanya;

“Aku dapati kamu sekalian adalah ketua kaum dan pemimpin mereka serta segala soal yang hendak diputuskan adalah terhenti di atas kamu sekalian”.

Langkah diambil oleh Saidina ‘Umar al-Khattab adalah bijak kerana Saidina ‘Ali ketua suku Bani Hashim, Saidina ‘Uthman ketua suku Umayyah, Talhah pula ketua suku Tamim, al-Zubayr ketua suku Bani Asad, manakala Sa’d dan ‘Abd Rahman ketua suku Bani Zahrah. Sesi mesyuarat dijalankan dan anggota memilih Saidina ‘Uthman al-Affan kerana ‘Abd Rahman adalah bapa mertuanya manakala Sa’d daripada kalangan keluarganya. Saidina ‘Uthman al-Affan adalah orang yang mula-mula menganut Islam dan beliau menjadi menantu Nabi sebanyak dua kali kerana beliau mengahwini Saidatina Ruqayyah dan Umm Kalthum. Kemungkinan pemilihan diambil kerana mereka khuatir Saidina ‘Ali Ibn Abi Talib dilantik “*khalifah*” maka jawatan tersebut diwarisi oleh keluarga Bani Hashim. Selain itu, mereka menaruh kepercayaan dapat memenuhi kehendak Saidina ‘Umar al-Khattab yang enggan melantik ‘Abdullah menggantikan beliau selepas kematiannya. Akhirnya tugas tersebut diserahkan kepada ‘Abd Rahman Ibn ‘Auf seterusnya mengisyiharkan pemilihan Saidina ‘Uthman al-Affan sebagai “*khalifah*” pada bulan Muharram tahun 24H.

Namun begitu, golongan Bani Hashim tidak begitu senang pemilihan tersebut melahirkan perasaan benci terhadap mereka ditugaskan melantik “*khalifah*” kerana sikap mereka anti Bani Hashim. Saidina ‘Ali terpaksa memberikan bay’ah kepada Saidina ‘Uthman al-Affan seperti dilakukan kepada Saidina Abu Bakar al-Siddiq dan ‘Umar al-Khattab sebelumnya.

#### **2.4.2.3 Saidina ‘Uthman al-Affan**

Dalam pemerintahan Saidina ‘Uthman al-Affan, beliau menyempurnakan gerakan pembukaan dilancarkan semasa zaman Saidina ‘Umar al-Khattab serta bergiat

menghantar tentera laut berjuang dengan orang Byzantin. Selain itu, Saidina ‘Uthman al-Affan berusaha mengumpulkan al-Quran dan menghantarnya ke daerah-daerah dikuasai oleh Islam.

Namun begitu, Saidina ‘Uthman al-Affan telah mengecewakan diri sendiri kerana sikap malu dan tunduk kepada keluarganya. Beliau melantik ramai gabenor dalam kalangan keluarganya untuk menggantikan gabenor dilantik oleh Saidina ‘Umar al-Khattab. Penduduk daerah tidak senang dengan langkah tersebut dan mereka mengharapkan supaya pemerintahan Saidina ‘Uthman al-Affan akan berakhir. Pemerintahan Saidina ‘Uthman al-Affan tergugat oleh golongan benci kepadanya. Saidina ‘Uthman al-Affan menunaikan amanah yang diberikan oleh ‘Abd Rahman Ibn ‘Auf yang meminta Saidina ‘Uthman al-Affan berjanji sebelum beliau diisyiharkan sebagai “*khalifah*” yang menyatakan beliau tidak boleh melebih-lebihkan golongan Bani Umayyah dari golongan lain (Al-Saleh, 1997).

Saidina ‘Ali Abi Talib mengecam Saidina ‘Uthman al-Affan yang melantik keluarganya namun Saidina ‘Uthman al-Affan menunjukkan sikap lemah lembut kepada mereka yang menentang beliau. Penentangan daripada penduduk di daerah-daerah pembukaan Islam dan beliau berjanji memperbaiki kesalahannya serta bertaubat kepada Allah s.w.t. Oleh itu, orang-orang yang menentang meninggalkan kota Madinah kemudian Saidina ‘Uthman al-Affan berucap menerangkan apa yang didengari beliau adalah benar. Apabila berita sampai kepada golongan menentangnya mereka kembali semula ke kota Madinah lalu mengepung kediaman Saidina ‘Uthman al-Affan. Mereka memaksa beliau meletakkan jawatan “*khalifah*” dari dirinya namun apabila beliau enggan melakukan sedemikian para penentang

bertindak membakar rumahnya dan beliau dibunuh ketika duduk di mihrab sambil membaca kitab suci al-Quran.

#### **2.4.2.4 Saidina ‘Ali Abi Talib**

Selepas Saidina ‘Uthman al-Affan terbunuh, orang ramai menemui Saidina ‘Ali Abi Talib sambil memanggil beliau “*Amir al-Mu’mimin*”. Justeru, beliau terpaksa menerima jawatan “*khalifah*” atas gesaan orang Arab dari daerah-daerah pembukaan Islam. Sejurus selepas itu, mereka menyertai perang Badar serta gologan Muhajirin dan Ansar. Para pengikutnya membahasakan Saidina ‘Ali Abi Talib dengan gelaran “*imam*” bermaksud menguatkan kekuasaan agama kepadanya ketika beliau mengimamkan sembahyang selaras dengan sebutan al-Quran kerana ia hampir kepada Islam jika dibandingkan dengan gelaran-gelaran yang lain.

Golongan pemberontak menggesa Saidina ‘Ali Abi Talib melucutkan jawatan gabenor-gabenor dilantik oleh Saidina ‘Uthman al-Affan. Saidina ‘Ali Abi Talib melucutkan jawatan gabenor-gabenor dan mereka mematuhi arahan “*khalifah*” kecuali Mu’awiyah menjadi gabenor di Syam. Selain itu, Mu’awiyah mempamerkan baju berlumuran darah dan dipakai oleh Saidina ‘Uthman al-Affan ketika pembunuhan berlaku di atas mimbar untuk membangkitkan semangat orang ramai supaya menuntut bela di atas kematian terbunuh.

Ketika Saidina ‘Ali Abi Talib dalam perjalanan ke Iraq, Saidatina Aishah dan para pengikut keluar menyekat angkatan Saidina ‘Ali Abi Talib. Malah, Saidatina Aishah mengarah pengikutnya dari atas tempat duduk di atas seekor unta menentang Saidina ‘Ali Abi Talib. Perang meletus antara kedua pihak sehingga unta

Saidatina Aishah dibunuh. Selain itu, turut sama yang terbunuh lebih kurang 70 orang mempertahankan Saidatina Aishah. Peristiwa tersebut dikenali perperangan “*Jamal*” bermaksud unta. Apabila selesai pertempuran, Saidina ‘Ali Abi Talib menemani Saidatina Aishah ke kota Mekah dengan kemuliaan dan Saidatina Aishah bertaubat kepada Allah s.w.t. Beliau menyesal di atas pertempuran darah orang Islam mengalir dalam peristiwa tersebut.

Namun begitu, mereka tidak berjaya membunuh Mu’awiyah tetapi mereka berjaya membunuh Saidina ‘Ali Abi Talib melalui Abd Rahman Ibn Muljim pada bulan Ramadhan. Sebelum melakukan pembunuhan tersebut beliau berkata kepada Saidina ‘Ali Abi Talib;

“Pemerintahan adalah bagi Allah dan bukan bagi engkau wahai  
Saidina ‘Ali Abi Talib”.

Dengan pembunuhan Saidina ‘Ali Abi Talib maka berakhir pemerintahan Khulafa’ al-Rasyidin dan memberi peluang terbuka untuk Mu’awiyah mengisytiharkan dirinya sebagai “*khalifah*” di Negeri Syam. Malah, beliau menguatkuaskan dasar “warisan” sistem pemerintahan bertentangan dengan agama Islam.

## **2.5 Kepimpinan Khulafa’ Al-Rasyidin Yang Ideal**

Pada peringkat kepimpinan Khulafa’ Al-Rasyidin membuktikan contoh-contoh utama dalam Islam tentang keadilan antara manusia. Rakyat menikmati kemakmuran, keamanan dan perdamaian dibawah naungan kerajaan. Namun begitu, sejauh manakah masyarakat hidup dengan kemajuan yang dicapai serta kejayaan dalam sistem kepimpinan yang mewujudkan keadilan politik dan sosial dalam

kalangan manusia seperti yang diingini oleh Saidina Abu Bakar al-Siddiq dan ‘Umar al-Khattab (Tahir, 2013). Semasa kepimpinan al-Rasyidin, Al-Saleh (1997) menerangkan kepimpinan Khulafa’ Al-Rasyidin bukan dari bentuk negara dunia malah ia lebih kepada ciri kenabian dan soal-soal akhirat. Oleh sebab itu, jika dilihat dari segi pakaianya adalah pakaian nabi-nabi, pertunjuk adalah pertunjuk wali-wali serta pembukaan adalah pembukaan raja-raja yang terbesar.

## **2.6 Kesimpulan**

Kepimpinan Islam satu proses pengarahan bagi memelihara Islam dan mempertahankan agama namun bukan menafsir dan menukar ganti kepimpinan tersebut. Dalam kajian ini kepimpinan Islam Tun Dr Mahathir Mohamad adalah unik kerana berlandaskan daripada ideologi cendekiawan Islam.



## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan kaedah digunakan dalam kajian serta justifikasi penggunaannya. Perbincangan bab ini dijelaskan mengenalkan pasti unit analisis, menghuraikan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

Othman Lebar (2012) menegaskan pelbagai pendekatan di bawah penyelidikan kualitatif, mempunyai matlamat sama iaitu memahami realiti sosial individu, kelompok dan budaya. Penyelidik menggunakan pendekatan untuk meneroka tingkah laku, perspektif, perasaan, pengalaman manusia dalam kehidupan mereka. Kajian kepimpinan merupakan kajian yang mencerminkan cara pemimpin bertindak balas pelbagai cabaran dan rintangan wujud. Malah, usaha memahami pemimpin mempunyai pengalaman dalam kepelbagaian agama, adat dan budaya adalah penting memahami fenomena ini daripada perspektif mereka dan bukan menjelaskan “di luar” perspektif (Joyce Cheah Lynn- Sze, 2016). Kajian ini dijalankan penyelidikan kualitatif kerana penyelidik mengetahui fenomena kepimpinan Islam Tun Dr Mahathir Mohamad di Malaysia.

#### **3.2 Reka bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian kualitatif Creswell (1998) keseluruhan penyelidikan daripada pengkonseptualan masalah kepada menulis laporan. Justeru, penyelidik memilih menjalankan kajian kes kualitatif melihat kesan kepimpinan Islam Tun Dr Mahathir Mohamad di Malaysia. Kajian kes digunakan sains sosial dan penjagaan kesihatan

melibatkan orang serta program. Terdapat kekeliruan tentang kaedah ini meskipun kajian kes digunakan pelbagai disiplin namun masih terdapat banyak keraguan tentangnya (Creswell (2007; Liamputtong, 2014).

Dalam kajian ini, Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan tokoh negarawan menjadi perhatian umum dan penyelidik memilih beliau sebagai fokus utama atau objek kajian berdasarkan kajian Zenger John dan Folkman Joseph (2004) mengakui pemimpin luar biasa akan meningkatkan produktiviti, mengurangkan perolehan, meningkatkan perkhidmatan dan mewujudkan tahap komitmen dengan orang bawahan. Oleh itu, penyelidik memilih menjalankan kajian menggunakan reka bentuk kajian kes kerana menemui perlakuan baharu, proses atau sebarang pengetahuan untuk diketahui dan beberapa kejadian kontemporari iaitu mengenai kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.

Selain itu, terdapat kajian menggunakan pendekatan kualitatif serta menjalankan reka bentuk biografi mengenai Islam dan Tun Dr. Mahathir Mohamad dari segi pemikiran Islam (Zulfa Jamalie, 2011), pemikiran Islam semasa beliau dalam pemerintahan (Yami, 2013) dan pemikiran Islam pasca persaraan (Mazlan, 2014) namun penyelidik belum menjumpai kajian kepimpinan Islam menjalankan kajian dengan reka bentuk kajian kes.

### **3.3 Persampelan**

Penyelidik memilih kerana penyelidikan kualitatif bergantung strategi persampelan bertujuan (Liamputtong, 2014; Patto, 2002).

### **3.3.1 Persampelan Bertujuan**

Persampelan bertujuan adalah cara pemilihan sampel daripada populasi khusus dan spesifik (Carpenter & Suto, 2008). Sampel dipilih berdasarkan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang tertentu (Othman Lebar, 2012). Persampelan bertujuan dipilih kerana penyelidik memilih informan kajian berdasarkan bidang dan kepakaran informan mengenai fenomena kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.

### **3.3.2 Saiz Sampel**

Pemilihan saiz sampel dalam penyelidikan kualitatif ialah memilih peserta penyelidikan secara bermakna dan strategis bukan membuat statistik atau untuk mendapatkan sampel yang boleh mewakili. Dalam penyelidikan kualitatif, Patto (2002) dan Othman Lebar (2012) menegaskan tiada set formula ketat dikenakan menentukan saiz sampel seperti penyelidikan kuantitatif. Proses persampelan dan permulaan penyelidikan, bilangan peserta yang dipilih secara tidak diketahui dengan tepat malah bukan suatu yang wajib dipatuhi sebagaimana kajian kuantitatif kerana pemberi maklumat diambil secara bertujuan membenarkan seorang responden yang menggambarkan keseluruhan kumpulan yang dikaji.

Justeru, saiz sampel data primer kajian ini untuk temu bual adalah Tun Dr. Mahathir Mohamad ditemubual pada 28 Jun 2016 jam 10.00 pagi di Yayasan Kepimpinan Perdana Putrajaya manakala saiz sampel data skunder daripada 10 orang informan dipilih daripada ahli akademik dan ahli politik. Penyelidik memilih saiz sampel sebanyak 10 orang informan kerana data hasil daripada kaedah temu bual berstruktur mencapai titik ketepuan ketika dianalisis.

### **3.4 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian utama digunakan kajian ini adalah penelitian kepada data hasil daripada semakan dokumen kajian perpustakaan, pemerhatian, temubual dan analisis kandungan.

### **3.5 Pengumpulan data**

Melalui kajian ini, penyelidik menggunakan pengumpulan data berdasarkan metod semakan dokumen kajian perpustakaan, pemerhatian, temu bual berstruktur dan analisis kandungan.

#### **3.5.1 Mengumpul Data daripada Sumber Primer dan Skunder**

Kajian ini mengumpul data primer menggunakan data temu bual dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala data skunder berdasarkan buku utama, teks ucapan, kenyataaan semasa, keynote (Oral), pengiktirafan, pusat pengajian dan dasar-dasar. Selain itu, data temubual bersama ahli politik dan akademik juga merupakan data skunder dalam kajian ini.

#### **3.5.2 Kajian Perpustakaan**

Antara Perpustakaan yang menjadi tumpuan penyelidik untuk mendapatkan sumber rujukan ialah Perpustakaan Sultanah Bahiyah UUM, Perpustakaan Pusat Islam UUM, Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perpustakaan Yayasan Kepimpinan Perdana, Perpustakaan Utama Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Utama Universiti Teknologi Malaysia, Perpustakaan Negeri Kedah, Perpustakaan

Arkib Negara Cawangan Kedah/Perlis, dan Perpustakaan Muzium Negeri Kedah Kaedah digunakan ialah semakan dokumen kepada sumber skunder diperolehi.

### **3.5.3 Pemerhatian secara langsung**

Dalam kajian ini, penyelidik melakukan pemerhatian secara langsung ke atas Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui kenyataan, ucapan, buku dan tulisan blog.

### **3.5.4 Temu bual**

Penyelidik menggunakan kaedah temu bual berstruktur mendapatkan maklumat khusus dari segi kepimpinan Islam dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.

### **3.5.5 Kajian Rintis**

Kajian rintis merupakan kajian kecil-kecilan dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan. Chuan Yan Piaw (2011) menjelaskan ia dilakukan untuk melihat kebolehlaksanaan sesuatu kajian bakal dilakukan. Ia merupakan aspek penting bagi kajian yang baik. Justeru, penyelidik menjalankan kajian rintis sebelum memulakan sesi temu bual berstruktur dengan informan dipilih serta dilakukan kepada kakitangan Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi melihat kebolehlaksanaan kajian ini.

### **3.5.6 Temu bual Dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Kajian ini merupakan kajian kepimpinan menggunakan reka bentuk kajian kes melihat kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia. Oleh itu, bagi mengukuhkan hasil kajian, penyelidik berhasrat menemu bual dengan data primer kajian ini iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Justeru, penyelidik menghantar

surat permohonan rasmi bertarikh 5 Mei 2016 melalui emel kepada staf bernama Puan Ima Bt Abu Bakar di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

Pada 24 Mei 2016 penyelidik mendapat jawapan positif iaitu penyelidik diberi peluang menemu bual Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Jun 2016 Pukul 10 pagi di Menara Al Bukhary, Kuala Lumpur. Namun begitu, atas sebab-sebab tidak dapat dielakkan, pihak Yayasan Kepimpinan Perdana terpaksa menundakan tarikh tersebut kepada tarikh 21 Jun 2016 pukul 10 pagi di Yayasan Kepimpinan Perdana. Walau bagaimanapun, penyelidik menerima sekali lagi penundaan tarikh temu bual daripada pihak Yayasan Kepimpinan Perdana kepada tarikh 28 Jun 2016 tetapi masa dan tempat tidak berubah. Penundaan ini dihubungi melalui emel kepada penyelidik.

Setelah beberapa kali ditunda, penyelidik diberikan peluang bertemu dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad bertempat di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 28 Jun 2016 pukul 10 pagi. Sesi temu bual dijalankan berlangsung selama 45 minit bermula pukul 10 pagi sehingga 10.45 pagi. Sesi temu bual ini menggunakan soalan-soalan berkaitan kepimpinan Islam dan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Sila rujuk Lampiran melihat protokol temu bual dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

### **3.5.7 Temubual Dengan Informan Kajian**

Bagi mengukuhkan hasil kajian, penyelidik menjalankan sesi temu bual dengan ahli akademik dan ahli politik untuk mengetahui kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia. Justeru, penyelidik menghantar surat permohonan rasmi melalui emel kepada setiap informan. Seterusnya, penyelidik mendapat

jawapan positif dan tarikh menemu bual informan ditetapkan. Temu bual ini dijalankan di Alor Setar, Jitra, Sintok, Pulau Pinang, Putrajaya, Shah Alam dan Terengganu. Sesi temu bual ini dijalankan selama 45 minit.

### **3.6 Analisis Data**

Penyelidik menganalisis data dalam kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis data temu bual berdasarkan perisian Nvivo 11.

#### **3.6.1 Analisis Kandungan**

Penyelidik menggunakan analisis kandungan untuk meneliti teks ucapan, buku, blog cheDet oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad di samping meneliti buku, jurnal dan al-Quran berkaitan dengan kepimpinan Islam dalam kajian ini.

#### **3.6.2 Analisis Temu Bual Perisian NVIVO 11**

Setelah selesai mengumpul data temu bual penyelidik memilih perisian Nvivo 11 untuk menganalisis data kajian ini. Oleh itu, terdapat proses data temu bual dianalisis iaitu; (a) Transkripsi data (b) Organisasi Data (c) Pelaziman Data (d) Koding (e) Tema (f) Kesahan dan Kebolehpercayaan.

#### **3.6.3 Transkripsi Data**

Langkah pertama analisis data ialah menyalin data dalam bentuk rakaman audio mengandungi temu bual penyelidik dengan informan, perbincangan kumpulan fokus, rakaman video atau catatan kerja lapangan. Hampir kesemua penyelidikan kualitatif melibatkan proses transkripsi. Namun begitu, kaedah ini tidak sesuai

untuk menulis nota ringkasan daripada rakaman pita kecuali perkataan ditranskripsikan secara perkataan demi perkataan.

Transkripsi dilakukan menyeluruh tanpa meninggalkan apa didengar dan diperhatikan misalnya memasukkan isyarat bukan verbal dalam transkripsi contohnya ketika temu bual dijalankan, keadaan tiba-tiba senyap. Ini berlaku disebabkan pertanyaan menyentuh emosi atau informan berhenti untuk berfikir. Malah, perkataan seperti “eh”, “em!” adalah petikan atau elemen penting dalam perbualan dan tidak patut ditinggalkan. Selain itu, ketawa atau gerakan badan juga memberi makna dan menambahkan maklumat dalam perkataan dibualkan. Proses transkripsi merupakan proses yang memerlukan perhatian, masa dan kesabaran penyelidik serta memberi peluang kepada penyelidik menyelami data diperolehi.

### **3.6.4 Organisasi Data**

Setelah transkripsi perlu menyusun data mengikut bahagian mudah untuk digunakan semula. Penyelidik memberi nombor pada temu bual atau kod atau membahagikan nota-nota lapangan kepada bahagian-bahagian tertentu mengikut tarikh data dipungut.

### **3.6.5 Pelaziman Data (membiasakan diri dengan data)**

Setelah lambakan data disusun mengikut bahagian-bahagian tertentu penyelidik membiasakan diri dengan data-data diperolehi. Proses pelaziman ialah mendengar kandungan temu bual dalam pita rakaman, membuat tontonan semula bahan berbentuk video, membaca dan membaca semula data-data, membuat memo dan ringkasan sebelum proses analisis secara formal bermula.

### **3.6.6 Koding**

Proses pengkodan langkah yang penting dalam proses menganalisis data kualitatif menggunakan sebarang pakej perisian computer melibatkan proses mengenalpasti petikan-petikan dalam teks dan menyimpan rujukan kepada petikan teks berkenaan dalam items database dipanggil *Node*. *Node* mengandungi rujukan dan mengekod petikan-petikan daripada dokumen disediakan. Di samping itu, koding melibatkan rujukan petikan dalam dokumen, perubahan dibuat ke atas isi kandungan dokumen secara automatik menggambarkan dibuat. Pengkodan memudahkan penyelidik memahami maklumat diperolehi dan menjadi panduan kepada penyelidik menentukan fokus kajian mereka. Penyelidik disarankan melakukan semakan terhadap koding sehingga kategori dan subkategori sampai ke tahap stabil dan tidak berubah. Keadaan ini dinamakan *saturated category*. Apabila tahap tepu data dicapai maka kategori dan subkategori yang tidak penting digugurkan dan proses koding bagi dokumen seterusnya diberhentikan. Apabila proses koding dilakukan ke atas data-data yang ada maka unit-unit data berkenaan berada dalam beberapa kategori berlainan dan tersimpan dalam *Node*.

### **3.6.7 Tema**

Justeru, tema timbul hasil daripada sorotan kajian lepas. Malah lagi banyak sorotan kajian lepas, banyak tema terhasil. Tema timbul daripada ciri-ciri fenomena dikaji. Selain itu, tema terhasil daripada definisi yang dipersetujui oleh profesional ataupun daripada nilai-nilai penyelidik, orientasi teoritikal dan pengalaman sendiri dengan perkara dikaji (Hamid, Omar, & Sariffudin, 2005).

Pada peringkat ini penyelidik mengenalpasti tema-tema yang timbul dan melakukan koding semula untuk membina takrifan terhadap kategori dengan baik. Kod-kod ditempatkan dalam kategori tertentu boleh juga dikenalpasti daripada sorotan kajian dalam analisis kerangka kajian. Malah, berdasarkan pendekatan kerangka kerja tema-tema yang timbul daripada data mengesahkan isu-isu yang dikenalpasti dalam kajian. Contohnya, koding ‘interaksi dengan kawan’ apabila dirujuk kajian lalu diistilahkan sebagai ‘interaksi secara kolaborasi’. Oleh itu, data akan mengesahkan dapatan dan proses ini penting bagi membenarkan penyelidik meneroka isu berkenaan dengan lebih jauh lagi.


### **3.6.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Isu kesahan dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan kualitatif merupakan isu diperdebatkan. Malah, Maxwell (1996) mendefinisikan kesahan berkaitan soal ketepatan atau kredibiliti sesuatu deskripsi, kesimpulan, penerangan, interpretasi, bentuk pernyataan atau laporan. Kesahan bergantung kepada perhubungan kesimpulan kita dengan dunia sebenar. Justeru, Othman Lebar (2012) berpendapat tidak ada satu metod yang memastikan kita memahami dan menjelaskan aspek-aspek dunia dikaji.

Kebolehpercayaan merujuk dapatan kajian diulang semula. Sekiranya kajian diulang, adakah menghasilkan keputusan yang sama? Disamping itu, Piaw (2011) menyatakan kebolehpercayaan penyelidikan berdasarkan keupayaan kajian untuk memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran sama diulangi. Jika pengukuran pada kali kedua dilakukan, nilai diperoleh serupa maka kajian dikatakan mempunyai kebolehpercayaan tinggi. Persoalannya bukan sama ada dapatan yang

sama ditemui semula tetapi sama ada keputusan atau dapatan kajian adalah tekal data dikumpul. Penyelidik menggunakan pelbagai teknik memastikan keputusan adalah tekal (Othman Lebar, 2012). Antaranya; 1) Pendirian penyelidik 2) Triangulasi 3) Jejak audit.

Di samping itu, triangulasi data bertujuan menjamin kebolehpercayaan dan kesahan dalam penemuan kajian. Perisian Nvivo melaksanakan tugas kemudahan *Modeler* dan *Search Tool*. Malah, Gonzalo Bacigalupe dalam kajian Hamid et al.(2005) menyatakan penggunaan Nvivo menerusi modeler membantu penyelidik menjelaskan data, memeriksa konseptual yang hilang dan menghasilkan persoalan baru. Malah, menggunakan modeler penyelidik membuat perbincangan yang bertenaga kerana keupayaan meneroka, membina, menguji, memerhati hubungan dan menentukan corak data diperolehi. Penyelidik menggunakan kesahan dan kebolehpercayaan sebagai instrumen kajian dan pengesahan informan temu bual. Rajah 1.2 dibawah menunjukkan keseluruhan tema dalam kajian menggunakan perisian Nvivo 11.



Rajah 1.2 Tema dalam Kajian Ini.

### **3.7 Laporan Kajian**

Pada bahagian ini penyelidik mentafsir, mengulas dan menyebarkan dapatan kajian berdasarkan data-data diperolehi, penyelidik mempunyai kemahiran dan pengetahuan mendalam dalam bidang dikaji.

#### **3.7.1 Penyelidik sebagai Instrumen Kajian**

Instrumen kajian merujuk Creswell (2013) berpendapat penyelidik sebagai instrumen utama dalam penyelidikan dan elemen penting pengesahan kerana penyelidik terlibat dalam pengalaman intensif dengan informan. Perkara ini kerana prosedur di mana penyelidik melaporkan andaian, kepercayaan, nilai dan mungkin mempengaruhi kajianya.

#### **3.7.2 Pengesahan Informan**

Dalam meningkatkan kesahan melalui temu bual secara mendalam, Creswell (2013) menegaskan penyelidik memastikan pengesahan informan penting untuk meningkatkan kesahihan data. Di sepanjang proses ini, soalan temu bual telah disemak terlebih dahulu oleh Prof. Dr. Sivamurugan Pandian dari Universiti Sains Malaysia iaitu pensyarah dalam bidang Sains Politik menjalankan kajian mengenai kepimpinan dan politik serta penganalisis politik di Malaysia. Kemudian, penyelidik menjalankan kajian rintis melihat kebolehlaksanaan kajian ini dan meminta informan memastikan sama ada tema atau kategori sesuai, sama ada dibentuk dengan bukti mencukupi dan sama ada keseluruhan laporan realistik dan tepat. Setiap informan mengesahkan maklumbalas mengenai keterangan. Seramai sebelas orang informan memberikan maklumbalas dalam emel, penerangan dalam

analisis data mewakili perspektif mereka tentang kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.

### **3.7.3 Pertimbangan Etika**

Dalam kajian ini pertimbangan etika diperlukan bagi menjalankan kajian dengan mudah. Penyelidik mengambil inisiatif mengumpul data dengan meminta keizinan dan menjaga kerahsiaan data kajian.

### **3.7.4 Keizinan**

Kajian dijalankan dengan etika dan berhemah kerana penyelidik terlebih dahulu memaklumkan objektif kajian kepada informan mengambil bahagian ketika mereka dijemput dan sebelum memulakan sesi temu bual. Dari aspek keizinan, penyelidik memperolehi keizinan daripada semua informan. Malah, penyertaan dalam kajian secara sukarela. Para informan berhak tidak menjawab soalan ditanya dan boleh mengakhiri sesi temu bual pada bila-bila masa sepanjang proses berjalan. Setiap temu bual direkod secara digital dan ditranskripkan. Borang persetujuan telah disediakan kepada setiap informan bersama-sama dengan penerangan objektif kajian ini. Justeru, soalan temu bual telah diemelkan kepada setiap informan seminggu sebelum sesi temu bual dijalankan dan dibenarkan.

### **3.7.5 Kerahsiaan**

Untuk memelihara kerahsiaan data, setiap informan diberitahu tentang keselamatan dan kerahsiaan maklumat diberikan secara bertulis. Oleh yang demikian, kajian ini tidak membabitkan perbincangan isu sensitif dan berkaitan dengan keperibadian yang memalukan informan. Penyelidik menganggap tidak ada masalah besar dari

segi etika yang dibimbangkan. Para informan ditemu bual pada lokasi berbeza dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak sama ada informan dan penyelidik. Lokasi dipilih berdasarkan kemudahan bagi informan.

### **3.8 Kesimpulan**

Bab ini membentangkan kajian ini menggunakan kajian kes dan menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu; a) analisis kandungan b) temu bual. Kaedah-kaedah ini membantu penyelidik menyediakan data yang kaya berdasarkan kepimpinan Islam. Bab berikutnya akan menerangkan hasil dapatan kajian tentang kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui kaedah analisis kandungan.



## **BAB EMPAT**

### **DAPATAN KAJIAN ANALISIS KANDUNGAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan hasil dapatan kajian daripada analisis kandungan bagi menjawab persoalan kajian iaitu mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia. Oleh itu, penyelidik menjalankan analisis kandungan kajian berdasarkan tema-tema ditetapkan berikut;

#### **4.2 Dasar dan Pembangunan**

Negara kuat berpegang teguh kepada pembangunan sebagai prinsip keabsahannya adalah sumber penting untuk negara pembangunan. Apa dimaksudkan dengan pembangunan khususnya konteks Malaysia oleh Daud (2006); (a) pembangunan menjadi wacana utama pemerintahan baik dalam dokumen rasmi mahupun dalam pelbagai kenyataan dikeluarkannya (b) wacana pembangunan dijadikan retorika untuk melegitimasikan tindakan pemerintah dan alat untuk memobilisasi rakyat serta menyatupadukan mereka supaya bergerak menyokong pemerintah (c) kejayaan atau kegagalan pemerintah diukur berdasarkan prestasinya untuk membawa perubahan ke atas masyarakat dan mencapai angka-angka pertumbuhan ekonomi ditetapkan dalam dokumen perancangannya (d) pembangunan dijadikan alasan menuntut taat setia dan kepatuhan rakyat kepada pemerintah agar terdapat kestabilan politik bagi menggalakkan pengumpulan modal.

Oleh itu, pembangunan di Malaysia mendapat ilham daripada Rukunegara dirumuskan pada 31 Ogos 1970 bertujuan menyatupadukan rakyat bagi

mewujudkan negara kuat (Rodzi Abd Razak, 2009). Hanya negara kuat dapat mengawal pasaran dengan berkesan. Dalam pasaran, kepentingan diri mengatas kebijakan masyarakat keseluruhan disebabkan keuntungan besar adalah matlamat utamanya. Selain itu, negara kuat diperlukan mewujudkan keharmonian sosial dan kestabilan politik bagi membolehkan pelaburan modal berlaku secara berterusan agar pertumbuhan pesat berlaku. Negara pembangunan bersifat demokratik atau tidak demokratik tetapi negara mesti kuat kemungkinan untuk negara bersifat authoritarian memang tinggi.

Di Malaysia, disebabkan kerajaan Perikatan tergugat pada tahun 1969 oleh rusuhan kaum, ia telah mengisytiharkan darurat dengan menggantung parlimen dan menubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) diterajui oleh Tun Abdul Razak. Kekuasaan ketika itu berpusat di tangan Mageran. Namun begitu, pada tahun 1971 darurat ditamatkan dan parlimen dipulihkan. Kerajaan Perikatan mengkonsolidasi semula kedudukannya dengan membentuk kerajaan campuran BN mulai tahun 1973. Kerajaan BN menemukan pelbagai formula untuk mengekalkan keharmonian sosial serta kestabilan politik melalui pelbagai akta dan peraturan syarikat di samping melaksanakan program pembangunan. Pelbagai undang-undang represif dan akta dikenakan ke atas syarikat tempatan dan asing supaya mengikut garis panduan yang ditetapkan khusus memenuhi matlamat DEB. Dengan pembentukan BN serta dukungan pelbagai undang-undang dan program pembangunan dan kedudukan pemerintahan terus kuat hingga hari ini (Ahmad Sabri, 2014).

Sehubungan itu, kawalan negara penting bagi keberkesanan penggunaan kuasa melaksanakan sesuatu dasar awam. Selepas merdeka, golongan kapitalis tempatan sebahagian besar terdiri pemodal Cina tidak mampu untuk menuntut hak monopolis ke atas kekuasaan pemerintah. Walaupun pemodal Cina berkuasa daripada orang Melayu dari segi ekonomi, kaum Cina secara am masih lemah dari segi politik serta memerlukan sokongan UMNO menjaga kepentingan ekonomi mereka. Kedudukan strategik kepimpinan UMNO dari segi politik pula memberi ruang kepada elit politik Melayu membuat keputusan bagi memenuhi agenda nasionalis mereka. Dalam konteks ini, negara yang dikuasai elit Melayu melalui UMNO mengawal proses membuat dasar membolehkan mereka mengambil tindakan tertentu selaras agenda nasionalis mereka, khusus usaha meningkatkan taraf ekonomi kaum Bumiputera dengan melaksanakan DEB. Ini penting kerana keupayaan Malaysia bersaing di arena antarabangsa di samping menentukan pembangunan mengambil kira aspek-aspek pembangunan melibatkan kaum Bumiputera demi perpaduan nasional.

Justeru, terdapat peranan agensi khusus dalam merancang dan merumuskan program pembangunan. Contohnya, Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelidikan Sosioekonomi, Unit Penyelaras dan Perlaksanaan dan Unit Modernisasi Pentadbiran dan Perancangan Tenagakerja bertanggungjawab terhadap perancangan peringkat persekutuan manakala unit perancangan setiap negeri penting dalam perancangan pembangunan di peringkat negeri. Untuk tujuan pentadbiran berkesan, setiap agensi diberikan tugas dan fungsi supaya urusan perlaksanaan dasar awam diselaraskan melalui pelbagai kementerian dan jabatan.

Institusi birokrasi yang cekap memberi kepentingan kepada negara kerana negara bergantung kepada birokrasi melaksanakan dasar-dasar awam. Dari segi sejarah, Malaysia mewarisi sistem birokrasi British yang cekap dan terlatih. Pihak Inggeris memperkenalkan sistem pentadbiran moden iaitu *Malayan Civil Service* diterajui oleh pengawai Inggeris bagi memastikan ekonomi Malaya dapat memenuhi kehendak negara kolonial. Selain itu, pemerintah Inggeris mendirikan *Malay Administrative Service* diisi oleh pentadbir Melayu untuk membantu mereka. Walaupun jumlah penglibatan orang Melayu daripada golongan atasan tradisional dalam perkhidmatan kerajaan sebagai pegawai-pegawai rendah sangat kecil kerana semua jabatan dalam pentadbiran awam diketuai oleh pegawai Inggeris namun lapisan ‘pentadbir besar’ Melayu pada zaman penjajahan muncul sebagai suatu kelompok sosial yang menguasai jentera kerajaan selepas merdeka atau disebut sebagai *Malay-elite dominated state*. Dalam era DEB, saiz birokrasi berkembang pesat untuk menampung keperluan semasa seperti melaksanakan program pembangunan di kawasan dikenal pasti sebagai mundur dan memerlukan bantuan kerajaan untuk maju.

Negara aktif mengadakan campur tangan dalam ekonomi adalah penting kerana negara tidak turut serta dalam bidang ekonomi, negara mundur. Perusahaan milik negara cara utama untuk negara terlibat secara langsung dalam pasaran di Malaysia. Sejak DEB dilancarkan berdasarkan sistem ekonomi pasaran, negara di Malaysia bergiat aktif dalam sektor ekonomi sehingga sektor tersebut diceburi pemerintah memang cukup besar. Justeru, Adam dan Cavendish (1995) menyatakan Malaysia memiliki syarikat awam melebihi 1,100 merangkumi perhubungan awam, kemudahan asas dan sektor kewangan seperti negara sosialis. Di samping itu,

pertumbuhan pesat perusahaan milik negara khusus pada tahun 1970an purata lebih 100 buah syarikat milik kerajaan ditubuhkan.

Bagi memastikan negara dan pembangunan dapat melaksanakan agenda, campurtangan negara harus mesra pasaran. Perkara ini dinyatakan oleh Arthur (1982) menyatakan pertumbuhan ekonomi bukan semata-mata digerakkan oleh aktiviti pemerintah tetapi peranan aktif sektor swasta. Negara dan pembangunan perlu berubah mengikut keadaan ekonomi semasa. Di Malaysia campur tangan negara berubah mengikut keperluan tetapi terus mesra pasaran dalam konteks DEB dengan meningkatkan hasil ekonomi negara supaya agihan menjadi adil. Walaupun DEB memfokuskan kepada peningkatan status ekonomi kaum Bumiputera, peluang kaum lain tidak disekat malah mereka kini mudah dan terjamin meneruskan kegiatan ekonomi yang sedia ada dengan dasar bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi aktif seperti pengecualian cukai, perlindungan industri perintis dan syarat sewa beli premis yang longgar. Perkara ini dilihat penubuhan pelbagai perusahaan awam yang bergiat semua sektor ekonomi melalui kerjasama antara sektor negara dan sektor swasta.

Justeru, perkara ini diperjelaskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj (1977) mengatakan DEB bukanlah *a special rights policy of robbing Peter to pay Paul one that allowed Malays to benefit at the cost of the Chinese*, tetapi dasar pertumbuhan dengan agihan. Apa yang pasti, penubuhan Bursa Saham Kuala Lumpur pada tahun 1973 mengembangkan pasaran modal domestik menjadi sumber kewangan swasta untuk perkembangan korporat usahawan Cina. Ini bermakna DEB adalah dasar

pembangunan semua kaum di negara ini dan tidak anti pasaran bahkan beberapa langkah berunsur mendorong pasaran.

Penglibatan negara dalam ekonomi Malaysia melalui konsep pegangan amanah juga membantu meningkatkan kadar pemilikan saham Bumiputera dalam ekonomi moden di samping mengagihkan kekayaan ekonomi kepada golongan berpendapatan rendah. Terdapat dua jenis institusi bertanggungjawab melaksanakan matlamat penyusunan semula masyarakat di bawah DEB iaitu; (i) Industrial Coordination Act mengenakan peraturan tertentu bagi mengawal syarikat-syarikat tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia seperti melaburkan sejumlah keuntungan mereka dalam perusahaan mempunyai kepentingan negara khusus DEB. (ii) Institusi ditubuhkan bagi meningkatkan pemilikan ekuiti kaum Bumiputera. Tiga agensi amanah diwujudkan iaitu; Yayasan Pelaburan Bumiputera pada tahun 1978 yang telah menubuhkan Permodalan Nasional Berhad dan mewujudkan Amanah Saham Nasional dilancarkan pada April 1981. Selain itu, terdapat agensi amanah lain seperti Majlis Amanah Rakyat. Hasil penubuhan agensi ini, pada tahun 1971 hingga 1980 kadar pertumbuhan purata milik saham agensi amanah Bumiputera dan sektor bersekutu adalah 39% setahun sementara kadar purata bagi individu Bumiputera ialah 23.5% setahun pada tahun 1971 hingga 1980. Dalam tempoh itu, kadar pertumbuhan keseluruhan milikan saham bagi individu dan agensi amanah Bumiputera ialah 31.4% setiap tahun. Kadar pertumbuhan purata milik saham agensi amanah Bumiputera adalah yang tertinggi berbanding dengan kadar 18.8% dicapai oleh pemastautin Malaysia lain dan 13.3% bagi pemastautin asing (Malaysia, 1981).

Walau bagaimanapun, tindakan afirmatif bagi pihak Bumiputera wujud sebagai satu syarat penting dan khusus bagi pembangunan gaya Malaysia. Tindakan afirmatif penting agar pertumbuhan pesat diagihkan kepada golongan lemah supaya jurang perbezaan ekonomi antara kaum warisan penjajah dikecilkkan. Sebab itu, DEB menitikberatkan konsep pertumbuhan dengan pengagihan. Tindakan ini perlu bukan untuk *survival* kaum Bumiputera berbanding kaum lain di negara ini agar menjamin perpaduan nasional tetapi *survival* Malaysia sebagai negara baru di arena antarabangsa. Oleh itu, Faaland Just (2005) berpendapat Malaysia memenuhi syarat asas bagi model negara pembangunan Jepun dan Korea Selatan. Namun, tahap campurtangan negara di Malaysia meluas dalam mencapai matlamat DEB melalui dasar afirmatif serta sistem pegangan amanah untuk membezakan model negara pembangunan melalui Malaysia daripada Jepun dan Korea Selatan.

Satu lagi prasyarat khusus dalam model negara pembangunan gaya Malaysia yang tidak terdapat di Jepun atau Korea Selatan ialah penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan ekonomi Malaysia sejak tahun 1980an. Walaupun lebih separuh sahaja daripada rakyat Malaysia beragama Islam namun Islam adalah agama rasmi negara seperti termaktub dalam Fasal 3(1) Perlembagaan Malaysia. Hasil kebangkitan Islam di Malaysia sejak tahun 1970an, pelbagai kritikan ke atas sistem ekonomi kapitalis Barat dan sistem ekonomi dilaksanakan di Malaysia. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menerajui kepimpinan Malaysia mulai Julai 1981 mula menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara serta mendirikan institusi ekonomi berlandaskan syariah Islam. Contohnya, pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan konsep Bersih, Cekap dan Amanah pada awal 1980an dalam pentadbiran negara dan menujuhkan Bank Islam pada Mac 1983

menawarkan sistem perbankan tanpa faedah berbanding sistem perbankan konvensional. Di samping itu, langkah penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan ekonomi secara tidak langsung mengawal kuasa pasaran dengan menegaskan urusan ekonomi patut dibimbing oleh etika tertentu. Sehubungan itu, Daud (2006) berpendapat perkara ini satu aspek model negara membangun dan baru diterokai serta didapati berkesan manakala penerimaan sistem ini oleh masyarakat Malaysia memang positif. Sehingga kini terdapat bank perdagangan di Malaysia menawarkan skim pinjaman tanpa faedah berlandaskan sistem perbankan Islam bagi memenuhi keperluan pelanggan daripada pelbagai keturunan dan agama.

Negara dan pembangunan Malaysia boleh aktif dalam merangsang pertumbuhan, mengagihkan kekayaan negara dan menangani ketegangan hubungan masyarakat berbilang kaum dengan tidak mengabaikan soal tadbir urus baik, khusus ketelusan dan pertanggungjawaban dan soal keselamatan supaya diterima dengan baik oleh masyarakat tempatan dan antarabangsa.

#### **4.2.1 Dasar-dasar Pembangunan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berteraskan Islam**

Dasar merupakan garis panduan meliputi perkara bagi memastikan negara menjadi negara berjaya. Setiap dasar dibuat mempunyai kesinambungan tersendiri. Selain itu, Ismail Harlina (2008) berpendapat dasar adalah pemacu kepada kerajaan memerintah memastikan kerajaan dibentuk dapat bertahan. Jika dasar dibuat tidak mencapai kepada kehendak rakyat dan tidak membantu negara maka dasar dibuat memberi tanggapan tidak berjaya serta kerajaan dibentuk akan jatuh kemudian kerajaan baru akan dibentuk.

Ketika memegang tumpuk kepimpinan negara bermula tahun 1981 hingga tahun 2003 pelbagai dasar dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kebanyakan dasar dibuat berteraskan kepada Islam (Schottmann, 2008). Tujuan utama dasar-dasar berbentuk keislaman diperkenalkan kerana Malaysia sebuah negara majoriti rakyat beragama Islam khusus orang Melayu. Antara dasar keislaman ialah Dasar Pandang ke Timur tahun 1982 bertujuan mendidik rakyat terutama orang Islam menghargai masa seperti Islam menitikberatkan kepentingan masa dalam apa jua keadaan. Perkara ini dihayati firman Allah surah Aal-Asr, ayat 1 hingga 2 bermaksud:

“Demi masa. Sesungguhnya manusia dalam kerugian.”

Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran (Jabatan Penerangan Malaysia, 2016). Dasar diperkenalkan pada tahun 1983 memupuk rakyat mengamalkan pendekatan nilai-nilai Islam secara menyeluruh termasuk ilmu adab dan akhlak menjadi subjek pada semua peringkat pengajian bermula daripada pra sekolah hingga ke peringkat universiti. Justeru, apabila tamat pengajian kelak maka apa dipelajari diterapkan dalam alam pekerjaan dan secara langsung syiar Islam diperkembangkan lagi.

Oleh yang demikian, Yami (2013) menjelaskan pelbagai dasar berteraskan Islam; (1) Dasar Wawasan 2020 sebagai dasar menjadikan negara dan umat Islam sebuah negara maju dan moden (2) Dasar Pembangunan Negara (DPN) sebagai dasar membangunkan umat Islam di Malaysia (3) Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) melahirkan umat Islam mampu bersaing dengan kaum lain dan negara maju lain (4) Dasar 70 juta Penduduk bertujuan melahirkan umat Islam lebih ramai daripada agama lain selaras

dengan seruan Rasulullah s.a.w. meramaikan umat Islam (5) Dasar Sains dan Teknologi melahirkan umat Islam mempunyai kepakaran berkaitan sains dan teknologi seperti tokoh-tokoh Islam sebelumnya serta menjadikan tokoh-tokoh tersebut sebagai panduan dan rujukan utama (6) Dasar Pendidikan Islam Negara bagi melahirkan umat Islam mempunyai Ilmu Islam kukuh untuk mentadbir negara pada masa akan datang.

Walau bagaimanapun, satu projek terbesar pembangunan dijalankan di bawah era Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1983. Ia ditubuhkan melahirkan konsep pendidikan Islam yang dihayati oleh masyarakat Islam pada zaman kegemilangannya yang dibincangkan oleh para sarjana Islam yang menghadiri Kongres Pendidikan Islam Sedunia diadakan di Mekah pada tahun 1977 melahirkan objektif pendidikan berdasarkan kepada *worldview* Islam sebenar untuk direalisasikan oleh dunia Islam. UIAM ditubuhkan dalam satu acuan istimewa berkonsepkan satu gagasan sejagat mula beroperasi pada 10 Mei 1983 dengan 153 orang kumpulan penuntut pertamanya memulakan pengajian di kampus di Petaling Jaya, Selangor.

Sehubungan itu, Ghazali (2012) menjelaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad penubuhan UIAM mempunyai matlamat tersendiri. Beliau menyebut idea penubuhan UIAM timbul setelah melihat kebanyakan universiti Islam di negara lain pada ketika itu memberi penekanan kepada ilmu agama. Keadaan ini seolah-olah memperlihatkan umat Islam memandang ilmu lain tidak penting dan tidak ada kena mengena dengan agama. Bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad, untuk mencapai kesempurnaan agama dan hidup bahagia malah umat Islam perlu menguasai semua

ilmu dan orang Islam tidak boleh mengatakan ilmu lain selain daripada agama sebagai sekular. Oleh itu, UIAM ditubuhkan menjana ilmu-ilmu moden selaras dengan prinsip dan matlamat Islam di samping penubuhan pelbagai institusi keislaman bentuk baru seperti Bank Islam, Takaful Islam dan Lembaga Urusan Tabung Haji.

Setiap dasar pembangunan diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad bertepatan Islam. Perkara ini berdasarkan teori kepimpinan Islam dinyatakan al-Mawardi (1880) berpendapat kepimpinan baik adalah pemimpin mempunyai kemampuan berfikir tentang pentadbiran dan siasah rakyat disamping mempunyai ilmu pengetahuan membolehkan pemimpin berijtihad dalam persoalan hukum dan peristiwa berlaku.

#### **4.3 Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam**

Dalam Perlembagaan Malaysia, Islam ialah agama persekutuan negara dan hak mengendalikan hal ehwal Islam diberikan kepada Raja-raja dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Penganut-penganut agama-agama lain bebas mengamalkan agama masing-masing. Selain itu, penglibatan Raja-raja, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam bidang ini bermula sebelum merdeka. Antara aktiviti dan program penting dikelolakan termasuk sistem sekolah agama, sistem undang-undang mahkamah syariah, pembinaan surau dan masjid, pungutan dan pengurusan zakat fitrah serta Baitulmal.

Dalam tahun-tahun awal selepas kemerdekaan, aktiviti dan program ini dipergiat dan ditambah pula perkara-perkara baru antara; tilawah al-Quran yang

mengharumkan nama negara dalam kalangan negara-negara Islam. Langkah-langkah ini dikelolakan malah dunia Islam bangun semula dan didorong oleh kesedaran baru tentang kemurniaan Islam dan menjadi peranan yang dimainkan dalam hal ehwal negara dan peribadi. Kesedaran ini menjadi ketara dalam dekad tujuh puluhan, juga dirasai di Malaysia. Kerajaan Persekutuan terdorong meluaskan dan mengukuhkan program mengenai hal ehwal Islam. Usaha-usaha telah diambil termasuk penubuhan sekolah-sekolah menengah agama berasrama penuh, Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Syarikat Insurans Islam dan pengukuhan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Selaras dengan usaha-usaha tersebut, satu lagi usaha yang dipanggil “Dasar penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran” telah diperkenalkan pada tahun 1985.

Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran ketika awal kepimpinan. Perkara ini dinyatakan oleh Azizuddin Sani (2010) menyatakan dasar ini melahirkan masyarakat Malaysia mempunyai “*Asian Values*” dan dihormati oleh masyarakat lain. Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran sebahagian daripada pelbagai usaha kerajaan Malaysia bagi memasukkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran dalam kehidupan rakyat Malaysia. Rasional kerajaan memberikan perhatian kepada nilai-nilai khusus nilai-nilai Islam melalui Jabatan Penerangan Malaysia (2016) menerangkan;

“Dalam usaha untuk memelihara maruah Warganegara Malaysia, maka perlulah ia satu identiti yang kukuh. Dalam konteks ini, unsur yang terpenting sekali dalam pembentukan identiti Warganegara Malaysia ialah nilai. Ia merupakan satu faktor utama yang boleh memastikan kelahiran sesebuah masyarakat yang disegani. Sesuatu bangsa yang tidak mempunyai nilai kehidupan yang tertentu akan

mudah menjadi mangsa kepada bangsa lain yang sentiasa berusaha mengembangkan nilai-nilainya dan dengan perkembangan ini akan dapat menguasai bangsa yang tidak mempunyai nilai-nilai yang kukuh”.

Masyarakat Malaysia terdiri berbagai kaum, agama dan menjalani cara hidup berbeza-beza, pengamalan nilai-nilai diterima oleh rakyat menjadi asas penting dalam usaha ke arah membentuk identiti dan perpaduan. Tanpa nilai universal, rakyat terdorong menerima dan menyanjung nilai-nilai lain yang asing bagi masyarakat Malaysia. Perkara ini menyebabkan kesetiaan rakyat Malaysia serta identiti sebagai warganegara akan menjadi kabur dan maruah bangsa tidak dijunjung tinggi serta mereka akan memperkecil-kecilkan negara dan bangsa sendiri. Rakyat Malaysia mempunyai identiti sendiri bagi individu, organisasi dan semua faktor melaksanakan pelbagai aktiviti dalam menjalankan kerja yang memberikan sumbangan kepada kesejahteraan negara. Urusan-urusan dijalankan dengan rapi, teliti, amanah dan bertanggungjawab membawa kepada pembentukan identiti diperlukan oleh negara seperti Malaysia malah tanpa penerimaan nilai-nilai hidup mulia tidak mungkin identiti membanggakan dapat dicapai (Latifah Abdul Majid, 2012).

Sebagaimana sedia maklum identiti tidak boleh dipisahkan daripada nilai (Zainal Yang, 2003). Persoalan ialah; Apakah nilai boleh digunakan bagi mengukuhkan sesuatu identiti? Ramai berpendapat masalah nilai sesuai diserahkan kepada individu-individu dan komuniti-komuniti berkenaan untuk menentukannya. Tetapi perkara ini tidak menyelesaikan masalah malah ia berakhir dengan kekeliruan berterusan dalam masyarakat. Wajar sekiranya dijelaskan secara langsung nilai yang

perlu diterima dan diterapkan dalam masyarakat. Bagi masyarakat Malaysia adalah tepat sekiranya nilai itu diasaskan kepada kehendak dan pengajaran Islam membentuk negara produktif dan bermoral tinggi. Mungkin pada awal ia dipersoalkan menerusi kacamata agama atau budaya lain kerana memilih nilai diasaskan kepada satu agama sahaja tetapi memahami negara Malaysia sendiri, setiap rakyat mendapati dan menyedari langkah memilih nilai Islam adalah langkah wajar. Sebaliknya mereka tidak memahami tentang kedudukan Malaysia dari segi geografi, sejarah, kebudayaan dan perlembagaan terus mempertikaikan perkara ini.

Setelah melihat objektif tidak ada sebab menolak nilai berdasarkan agama Islam merupakan nilai sesuai membangunkan masyarakat Malaysia. Nilai-nilai Islam penggerak ke arah membanteras unsur keburukan menjadi keutamaan negara seperti fahaman komunis, kemiskinan, rasuah, kecuaian, kejahilan dan penyelewengan mengancam usaha-usaha perpaduan rakyat serta pembangunan negara.

Al-Quran menamakan agama Islam sebagai agama bernilai. Penamaan ini memberikan keyakinan kepada semua orang bahawa kandungan dalam al-Quran merupakan nilai-nilai mulia kerana bimbingan datang daripada Allah s.w.t. dan ditujukan kepada semua manusia bukan sahaja kepada orang beragama Islam. Antara perkara-perkara berkaitan akhlak. Perkara ini dimaksudkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran ialah bimbingan pembentukan akhlak berfaedah dan berfungsi dalam kehidupan rakyat menuju ke arah ketinggian maruah di samping menanam nilai-nilai murni dan membina dalam sistem pentadbiran negara. Di samping itu, Mohd Syakir Mohd Rosdi dan Mohd Shafie (2016) berpendapat pemilihan pentadbiran negara sebagai komponen pertama dalam penerapan nilai-

nilai Islam berdasarkan tanggungjawab kerajaan memastikan kelincinan jentera pentadbiran kerajaan penting dalam pelaksanaan dasar. Kejayaan rancangan-rancangan diatur oleh kerajaan sebahagian besar bergantung kepada penjawat-penjawat perkhidmatan awam. Penghayatan nilai-nilai Islam oleh mereka menjamin kecekapan jentera kerajaan besar dan menghindarkan rasuah dan penyelewengan.

Bagi menjayakan pentadbiran kerajaan, nilai-nilai Islam diamalkan oleh semua rakyat sama ada mereka Islam atau bukan Islam. Nilai diutamakan pentadbiran boleh diterima oleh orang Islam dan bukan Islam ialah amanah, kejujuran, tangungjawab, rajin, ikhlas, tertib, disiplin, mengutamakan masyarakat lebih daripada diri sendiri, sanggup berkorban, tidak tamak, berpandangan jauh, bermoral dan berkelakuan baik.

Objektif dasar ini; (i) membentuk masyarakat Malaysia bermaruah, beridentiti kukuh dan disegani oleh masyarakat lain. (ii) menubuhkan ‘negara bahagia’ (iii) menghapuskan sikap negatif dalam menjalankan tugas dipertanggungjawabkan (iv) menghasilkan perkhidmatan bermutu. Berdasarkan kepada objektif-objektif jelas dasar ini bukan bertujuan mengislamisasikan rakyat Malaysia bukan beragama Islam tetapi memupuk amalan nilai-nilai murni diterima oleh semua pihak kerana agama-agama lain menitikberatkan amalan nilai-nilai seperti ini.

#### **4.3.1 Nilai-nilai Islam**

Justeru, sebelas daripada nilai-nilai Islam dipilih dijadikan asas bagi dasar ini. Nilai-nilai merupakan kunci kejayaan menjalankan urusan kehidupan terutama pentadbiran negara. Bagaimanakah nilai-nilai Islam boleh dihayati? Berikut

penjelasan mengenai sikap dan budaya kerja berdasarkan nilai-nilai Islam diterapkan dalam pentadbiran awam.

Pertama, Amanah. Budaya kerja; (i) Menyedari tugas amanah dilaksanakan dengan baik (ii) Mempunyai pengetahuan dan kemahiran diperlukan bagi menjalankan tugas dipertanggungjawabkan (iii) Menghindarkan rela hati untuk kepentingan diri daripada mengatasi kepentingan tugas (iv) Menentukan tiada penyelewengan dalam tugas dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja (v) Mengutamakan kepentingan awam sebagai teras perkhidmatan. Oleh itu, sifat amanah dilihat firman Allah surah al-Ahzab, ayat 72 bermaksud;

“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

Kedua, Tanggungjawab. Ia meliputi; (i) Menerima akauntabiliti akhir terhadap Tuhan di samping pekerjaan dan majikan (ii) Melakukan tugas dengan kesedaran terhadap implikasi baik dan buruk iaitu waspada dan jujur (iii) Bersedia berkhidmat serta menghulurkan bantuan bila-bila masa diperlukan (iv) Bercita-cita tidak mengkhianati kepentingan organisasi, institusi, awam dalam menjalankan tugas (v) Bersedia menjaga maruah agama, bangsa dan negara. Di samping itu, perkara ini dilihat firman Allah s.w.t surah an-nahl ayat 93;

“Dan jika Allah menghendaki, tentulah Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu); akan tetapi Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) dan sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang kamu telah kerjakan.”

Ketiga, Ikhlas. Antaranya; (i) Berhati mulia melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan daripada manusia (ii) Mempunyai niat bertugas kerana Tuhan iaitu mencari rezeki halal serta mencari keredhaan (iii) Mengikis sebarang unsur “kepentingan diri” melaksanakan tugas sebagai pengisian amanah. Justeru, ikhlas melakukan pekerjaan menjadi teras utama pembangunan tamadun umat. Ia bukan sekadar dituntut dalam ibadah khusus malah dalam pekerjaan. Perkara ini dilihat satu hadis sahih masyhur baginda s.a.w. bersabda:

“Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap individu itu dinilai berdasarkan apa yang niatkan”  
(riwayat Bukhari dan Muslim).


Keempat, Dedikasi. Budaya kerja berdasarkan nilai-nilai Islam; (i) Kesetiaan tinggi kepada tujuan organisasi di bawah peraturan yang ada (ii) Komited kepada perubahan positif dan kebaikan (iii) Sedia mengubah sikap demi kebaikan bersama dan tugas (iv) Sedia memulakan pembaikan (v) Berinisiatif dan proaktif dalam tugas harian. Justeru, berdedikasi dituntut dalam Islam firman Allah pada surah al-Taubah ayat 105;

“Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan

dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.”

Kelima, Sederhana. Antaranya; (i) Menjamin perseimbangan equilibrium dalam diri dan tugas (ii) Keseimbangan membuat keputusan dengan mengambil kira fakta-fakta dalam alam sekitar (iii) Rajin mempelajari pengetahuan dan kemahiran berkaitan membaiki cara bekerja (iv) Berusaha gigih menghasilkan kerja yang memuaskan pihak-pihak yang berharap kepadanya (v) Berusaha gigih bagi memperbaiki hasil kerja sehingga mencapai tahap cemerlang. Oleh itu, perkara ini diperjelaskan firman Allah dalam surah al-A'raf ayat 31;

“Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang) dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.”

 Universiti Utara Malaysia

Keenam, Tekun. Ia meliputi; (i) Berusaha bersungguh-sungguh mencapai kesempurnaan tugas dan kehidupan (ii) Berusaha meninggikan imej perkhidmatan dan organisasi (iii) Rajin mempelajari pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk membaiki cara bekerja (iv) Berusaha gigih menghasilkan kerja memuaskan bagi pihak-pihak berharap kepadanya. (v) Berusaha gigih memperbaiki hasil kerja mencapai tahap cemerlang. Ketekunan bekerja memainkan peranan memacukan pembangunan dan memenuhi tuntutan fardu kifayah. Sabda Rasulullah s.a.w.;

“Sesungguhnya Allah menyukai seseorang dari kamu yang bersungguh-sungguh apabila melakukan sesuatu pekerjaan”

(riwayat Tabrani dinilai sahih oleh al-Albani).

Ketujuh, Bersih. Budaya kerja berdasarkan; (i) Mengamalkan kebersihan hati dalam tugas sehari-hari (ii) Mengamalkan kebersihan pakaian, bangunan dan alam sekitar sebagai cara hidup (iii) Bersih dalam pemilikan harta dan perjalanan tugas (iv) Membuat pertimbangan teliti dan adil dalam membuat keputusan (v) Berkhidmat demi kebijakan semata-mata (vi) Menjauhi hawa nafsu dan emosi dari mempengaruhi pekerjaan serta pemikiran membuat keputusan. Walau bagaimanapun, kebersihan salah satu ajaran Islam yang dititikberatkan dalam kehidupan sehari-hari sepertimana Rasulullah s.a.w. bersabda dari Abu Malik Al-Asy'ariy berkata:

Rasulullah s.a.w. bersabda “Kesucian adalah syarat iman”.

(H.R.Muslim: 328).

Kelapan, Berdisiplin. Antaranya; (i) Mengutamakan yang lebih utama (ii) Menilai tinggi masa dan janji (iii) Mengamalkan cara bekerja kemas dan terancang (iv) Mempunyai etika kerja dan profesionalisme tinggi. Oleh yang demikian, sikap disiplin dalam Islam dituntut manusia dalam kehidupan harian memerlukan aturan dengan tujuan tingkah laku bersesuaian dengan aturan yang ada. Hal ini sesuai firman Allah surah Huud ayat 112;

“Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah; sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan.”

Kesembilan, Bekerjasama. Antaranya; (i) Mengamalkan sikap tolong-menolong dalam melaksanakan kerja (ii) Sentiasa secara sukarela dalam menyertai aktiviti-aktiviti organisasi sebagai sebahagian daripada usaha mempertingkatkan semangat kerjasama (iii) Mengutamakan kepentingan organisasi dan pasukan di tempat kerja daripada kepentingan peribadi (iv) Mengamalkan permuafakatan dalam semua perkara kepentingan bersama (v) Mengelakkan konflik kepentingan berdasarkan peribadi dan mengorbankan kepentingan diri bercanggah dengan kepentingan organisasi, agama, bangsa dan negara. Di samping itu, perkara ini diperjelaskan firman Allah surah al-Hujurat ayat:10;

“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

Kesepuluh, Berbudi Mulia. Ia meliputi; (i) Bermanis muka sepanjang masa (ii) Bertimbang rasa dan bertolak ansur (iii) Menghormati rakan sejawat dan pelanggan atau pelawat (iv) Sentiasa memulakan ‘pertanyaan’ tujuan menolong pelanggan atau pelawat. Berbudi Mulia dituntut dalam Islam. Hal ini dilihat firman Allah pada surah al-Qalam ayat:4;

“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.”

Kesebelas, Bersyukur. Antaranya; (i) Bersyukur kerana melakukan tugas untuk menjamin kesejahteraan hidup sebagai anggota masyarakat (ii) Berkecenderungan melihat keadaan dengan positif sehingga menggerakkan dengan gigih (iii) Menghayati budaya kerja bersopan dan tidak bertentangan kehendak agama iaitu nilai-nilai agama dan kerohanian (iv) Tidak berbangga dengan kedudukan dan

pangkat (v) Tidak membazirkan perbelanjaan untuk perkara yang sia-sia (vi) Berkhidmat sebagai ibadah (vii) Bercita-cita menjadi manusia mempunyai sumbangan kepada masyarakat, negara dan agama. Sehubungan itu, perkara ini ditegaskan firman Allah surah az-Zummar ayat; 66;

“Janganlah menyembah yang lain dari Allah) bahkan (apabila beribadat) maka hendaklah engkau menyembah Allah semata-mata dan hendaklah engkau menjadi dari orang-orang yang bersyukur.”

Penghayatan terhadap nilai-nilai akhlak murni dan memudahkan usaha-usaha untuk memajukan berbagai-bagai bidang diperlukan oleh negara seperti kesihatan, pendidikan, ekonomi, pembangunan dan undang-undang. Justeru, perkara ini dilihat teori al-Ghazali (1987) menjelaskan pemimpin yang baik menjalankan pengurusan dengan lembut dan mencari keredhaan orang dipimpin.

Terdapat dua strategi mencapai objektif-objektif dasar ini (Jabatan Penerangan Malaysia, 2016); pertama, permulaan dasar ini ditumpukan kepada anggota perkhidmatan awam. Pemilihan bukan bererti kerajaan mengenepikan pihak-pihak lain malah membuktikan kesedaran pemimpin negara bahawa perkhidmatan awam sebagai jentera melaksanakan pelbagai program dan projek bagi faedah rakyat serta negara perlu meningkatkan prestasi dari semasa ke semasa sejajar dengan harapan rakyat dan negara. Agama Islam mengakui penting pentadbiran menyebabkan sebarang reformasi dalam masyarakat tidak akan terlaksana sekiranya jentera pentadbiran tidak dikemaskinikan serta dibentukkan nilai-nilai positif. Kejayaan bagi masyarakat dilihat apabila jentera pentadbiran baik dan mampu bertindak terhadap keburukan dan kelemahan yang ada. Kedua, usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam kalangan anggota kerajaan dilakukan melalui penerangan dan menjadi

teladan pengawai-pengawai atau pujukan namun paksaan dan tekanan dalam apa jua bentuk tidak dilakukan.

Dasar ini bergantung kepada beberapa faktor untuk kejayaannya. Antaranya; *political will*, peruntukan kewangan yang cukup, jentera pelaksanaan sesuai dan cekap serta kesanggupan kumpulan sasaran menerima dasar ini. Sekiranya faktor-faktor ini tidak wujud dan saling membantu, sukar untuk berjaya. Tetapi kesukaran ini tidak dijadikan alasan mengabaikan pelaksanaan dasar sebaliknya langkah-langkah mesti dicari untuk menjayakannya. Oleh itu, menjadi tanggungjawab pemimpin di semua peringkat mengambil langkah-langkah wajar bagi melaksanakannya serta individu menyedari kepentingan nilai-nilai ini pula perlu menghayati dengan sepenuh hati sejajar tanggungjawab agama, nusa dan bangsa.

#### 4.4 Demokrasi

Apa itu demokrasi? Demokrasi iaitu *demos* bermaksud rakyat dan *kratia* adalah pemerintah. Oleh itu, demokrasi pada umum bermaksud pemerintahan oleh rakyat (Birch, 2001). Dalam sistem demokrasi seperti di Malaysia, rakyat berkuasa menentukan siapa boleh memerintah dan mewakili suara mereka dalam badan perundangan.

Justeru, demokrasi mutlak adalah idealisme tidak mungkin tercapai sepenuhnya. Malah, terdapat dua kesalahan besar iaitu ketika seseorang menyatakan Islam dengan demokrasi dan ada menyatakan Islam menentang demokrasi. Oleh itu, perkara ini memerlukan kepada kebebasan dan keterangan mendalam. Dalam kajian Ghazali (2012) Dhia' al-Din al-Ris berpendapat; pertama, perkataan “bangsa” atau

“rakyat” dalam sistem demokrasi terhad kepada rakyat negara dikenali “Nasionalisme”. Bangsa tersebut dibatasi oleh sempadan, geografi, hidup dalam satu iklim di mana individu terikat oleh ikatan darah, jenis, bahasa dan kebudayaan. Menurut Islam, “umat” tidak terikat oleh sesuatu tempat, darah atau bahasa tetapi terikat bentuk akidah. Kedua, matlamat material manakala Islam meliputi kerohanian dan kebendaan dengan memberi keperluan secara seimbang. Ketiga, menurut demokrasi Barat, kekuasaan rakyat adalah mutlak. Umat adalah pemegang kekuasaan tertinggi. Umat membuat dan membatalkan undang-undang serta keputusan meskipun keputusan bertentangan dengan kepentingan manusia secara keseluruhan. Perkara ini berbeza dengan Islam kekuasaan tertakluk kepada undang-undang Islam. Umat Islam tidak boleh bertindak melebihi batas-batas ditetapkan dalam ajaran Islam.

Namun begitu, demokrasi terkenal dengan sikap menabur dan mengkhianati janji. Berlaku jurang antara demokrasi ideal sebagaimana difahami dengan kenyataan berlaku dalam suasana demokrasi hari ini (Zaharuddin Sabri, 2014). Demokrasi merupakan kesepakatan rakyat memilih sebahagian orang yang memerintah dan mengatur urusan mereka. Dengan cara itu, rakyat terhindar daripada memilih pemimpin tidak kehendaki daripada sistem menindas mereka. Demokrasi juga satu sistem yang mempunyai undang-undang berprosedur dan menghususkan siapa yang berwibawa untuk membuat keputusan secara kolektif serta melalui prosedur apakah yang digunakan untuk membuat keputusan. Oleh yang demikian, demokrasi mengandungi prosedur-prosedur demi mencapai keputusan secara kolektif dalam suasana yang menjamin penyertaan secara maksima bagi mereka yang berkepentingan seperti; (a) kepentingan hak untuk sama rata (b) kepentingan

golongan majoriti yang memerintah dan jaminan kepada hak minoriti. Ini bagi memastikan keputusan kolektif dipersetujui oleh sebilangan suara secukupnya untuk membuat keputusan (c) Prinsip undang-undang (d) Jaminan berpelembagaan untuk kebebasan berkumpul, luahan pendapat dan hak-hak kebebasan yang membantu dan menjamin siapa yang membuat keputusan atau dipilih membuat keputusan supaya boleh memilih daripada pilihan-pilihan terbaik.

Walau bagaimanapun, demokrasi sebenarnya cara bagi menghalang sokongan yang memerintah untuk terus-menerus menyesuaikan kuasa yang ada untuk kepentingan matlamat sahaja. Atau dengan kata berbeza, politik demokrasi moden ialah pemerintah dipertanggungjawabkan dalam tindakan mereka di hadapan orang awam terdiri daripada rakyat jelata yang bertindak secara tidak langsung melalui wakil-wakil rakyat dipilih dalam satu suasana persaingan dan permuafakatan janji tidak ditunaikan hari ini terbantut dengan wujudnya realiti-realiti seperti survival politik, kewujudan elitis politik, kepentingan tertentu atas nama perwakilan rakyat, kurangnya penyertaan rakyat dan kegagalan mendidik orang ramai tentang demokrasi serta hak mereka. Kita melihat Barat menafikan kemenangan beberapa parti politik dikatakan Islami seperti parti Refah, FIS dan Nahdah di pentas demokrasi. Perkara ini menambahkan kecurigaan terhadap demokrasi.

Malah, ramai penganalisis menganggap Malaysia sebagai ‘rejim kacukan’ tidak autokratik tetapi tidak demokratik. Ia memiliki keperluan luaran sebagai negara demokrasi namun ia mempunyai peraturan-peraturan keras membatasi pembangkang dan memberi kuasa yang luas kepada eksekutif. Namun begitu, terdapat hujah pimpinan UMNO terutama Tun Dr. Mahathir Mohamad

mempertahankan pembatasan demokrasi iaitu; (i) Sensitiviti isu-isu etnik jika tidak dikawal perdebatan awam tentang memudaratkan kestabilan sosial (ii) Keutamaan meningkatkan taraf hidup rakyat (iii) Perlu disesuaikan amalan demokrasi dengan pengalaman sejarah dan suasana objektif tempatan.

Selain itu, Lim Kit Siang berpendapat pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad menyekat kebebasan dan beliau tidak bersedia berbuat demikian bahkan jauh daripada memperkenalkan pembaharuan politik dan demokratik. Tun Dr. Mahathir Mohamad didakwa melakukan perkara-perkara melampau dalam pemerintahan seperti penghinaan terhadap Yang DiPertuan Agong, Perlembagaan dan Parlimen, penangkapan dan pendakwaan pemimpin pembangkang, tiada kebebasan akhbar dan media, kegunaan kuasa polis secara besar-besaran serta pencabulan sistem kehakiman.

#### **4.4.1 Cabaran Demokrasi di Malaysia Era Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Sebagai Perdana Menteri yang lama berkuasa, Tun Dr. Mahathir Mohamad terlibat beberapa siri PRU iaitu PRU 6 (1982), PRU 7 (1986), PRU 8 (1990), PRU 9 (1995) dan PRU 10 (1999). Namun begitu, Teik (2003a) prestasi Barisan Nasional tidak konsisten di bawah kepimpinannya dan menghadapi pelbagai cabaran. Di peringkat awal kepimpinan beliau, tiada isu besar ditimbulkan oleh parti-parti pembangkang terhadap kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad disebabkan beliau mengambil langkah awal untuk meredakan tekanan politik seperti membebaskan 21 orang tahanan ISA. Kemudian, beliau membebaskan 47 orang tahanan ISA sempena hari

kemerdekaan 31 Ogos 1981 dan beliau memperkenalkan dasar-dasar ke arah meningkatkan nilai dan etika baharu dalam politik dan pentadbiran kerajaan seperti Dasar Pandang Ke Timur; konsep ‘Bersih, Cekap dan Amanah; dan mengetengahkan konsep ‘Islamisasi’ dengan menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta berusaha memperbaiki masalah birokrasi dan memerangi rasuah. Ternyata usaha-usaha beliau berkesan apabila BN berjaya meningkatkan pencapaiannya dalam PRU 6 dengan memenangi 132 daripada 154 kerusi parlimen yang dipertandingan.

Sehubungan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengambil tindakan ke arah menyekat kebebasan bersuara di Malaysia. Kerajaan meluluskan Akta Penerbitan dan Mesin Cetak (PPPA) pada tahun 1984 bagi menggantikan Ordinan Mesin Cetak 1948 digunakan semasa darurat. PPPA bertujuan mengetatkan syarat penerbitan dan percetakan seperti buku, majalah dan akhbar. PPPA memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk menarik balik, menggantung atau mengenakan syarat tertentu kepada mana-mana penerbitan yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Walaupun mendapat tentangan kuat daripada parti politik dan NGO, kerajaan tetap meluluskan PPPA. Pada tahun 1986 pula, kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad berusaha memindakan Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Tindakan kerajaan meminda OSA menyebabkan lebih kurang 2000 wartawan mengadakan demonstrasi untuk membantah tindakan tersebut. Sementara itu, Pertubuhan Kebangsaan Wartawan (PKW) mengumpul 36000 tandatangan orang ramai yang membantah pindaan OSA. Bantahan terhadap pindaan tersebut kerana membahayakan golongan wartawan jika melaporkan isu-isu dilarang oleh kerajaan

yang turut menghalang rakyat mengetahui keputusan dan dasar kerajaan memberi kesan negatif kepada mereka.

Walau bagaimanapun, ABIM, Aliran, CAP dan Majlis Penguam mengadakan protes mengadakan dialog bertajuk ‘Pergerakan untuk Kebebasan dan Keadilan’. Bantahan terhadap pindaan OSA disertai bekas Perdana Menteri iaitu Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn, bekas TPM Musa Hitam dan bekas Juruaudit Negara Ahmad Noordin kerana pindaan terhadap OSA menyekat kebebasan bersuara di Malaysia. Pindaan OSA berjaya dilakukan dengan 131 menyokong berbanding 21 membantah di parlimen pada 5 Disember 1986. Isu PPPA dan pindaan OSA merupakan modal berkempen bagi parti pembangkang tetapi BN masih mengekalkan kuasa dalam PRU 7 pada tahun 1986 apabila memenangi 148 daripada 177 kerusi dipertandingkan.

Terdapat dua peristiwa sebelum PRU 7 berlaku antara tempoh kelulusan PPPA dan pindaan OSA. Pertama, berlaku protes daripada masyarakat kaum Cina di Bukit Papan, Perak untuk membantah keputusan kerajaan meluluskan tapak pelupusan sisa buangan radioaktif oleh Syarikat *Asian Rare Earth* kerana bimbang berlaku kesan buruk terhadap kesihatan penduduk dan persekitaran di kawasan tersebut. Protes dilakukan oleh parti DAP, EPSM dan Jawatankuasa Anti Radioaktif Perak pada tahun 1984 berlarutan hingga ke mahkamah. Mahkamah memerintahkan projek itu ditangguhkan sehingga isu keselamatan diselesaikan tetapi ARE mendapat kebenaran meneruskan semula projek pada Februari 1987. Lebih 10000 orang mengadakan demonstrasi menentang projek tersebut dan dihentikan atas keputusan mahkamah pada tahun 1992. Kedua, peristiwa Memali pada tahun 1985.

Peristiwa ini melibatkan 14 orang awam dan empat anggota polis terbunuh di kampung Memali, Baling, Kedah. Kematian berpunca disebabkan usaha polis untuk menahan Ibrahim Libya diberikan perlindungan oleh penduduk kampung kerana didakwa membawa ajaran sesat berbentuk militan. Peristiwa Memali mendapat kritikan hebat daripada pembangkang terutama PAS dan NGO kerana ia suatu bentuk kekejaman dan kekerasan terhadap penduduk yang tiada bersenjata. Kesan peristiwa tersebut dan desakan terhadap kerajaan menyebabkan Musa Hitam meletak jawatan sebagai TPM pada 26 Februari 1986 kerana beliau bertanggungjawab memandangkan pada ketika kejadian Tun Dr Mahathir Mohamad berada di luar negara.

Selepas PRU 7, berlaku konflik dalaman parti UMNO menggugat kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kemuncaknya dalam pemilihan UMNO pada tahun 1987. Kumpulan ini diketuai oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dikenali Team A dan dicabar oleh Team B diketuai Tengku Razaleigh Hamzah selaku Menteri Perdagangan dan Industri. Team B mencabar kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana tidak berpuas hati dengan gaya kepimpinan dan prestasi kerajaan tidak memuaskan kerana berlaku rasuah, kronisme dan nepotisme dalam pentadbiran. Malah, hasrat Tengku Razaleigh Hamzah merampas jawatan Presiden UMNO gagal apabila kalah kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad mendapat 76 undi majoriti kecil iaitu 43 undi. Tengku Razaleigh kemudian meletakkan jawatan sebagai menteri kabinet. Konflik kepimpinan akhirnya membawa pengharaman UMNO oleh mahkamah pada 4 Febuari 1988. Pengharaman tersebut membuatkan Tun Dr. Mahathir Mohamad mendaftar parti baharu dikenali UMNO Baru pada 13 Februari 1988 dan Tengku Razaleigh menujuhkan parti Semangat 46 (Hilley, 2009).

Selain konflik kepimpinan UMNO, wujud bantahan daripada masyarakat kaum Cina apabila kerajaan mengumumkan mengambil 100 orang gurubukan berpendidikan Mandarin ditempatkan di sekolah-sekolah Cina. Masyarakat Cina bertindak memboikot kelas, 30000 orang pelajar tidak dibenarkan ke sekolah oleh ibu bapa mereka. Kumpulan tersebut mengadakan perhimpunan bagi membantah keputusan kerajaan dalam isu kuota kemasukan ke universiti awam dan penolakan penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman. Sebagai tindak balas, UMNO mengadakan perhimpunan sebagai membantah desakan kaum Cina dengan berhimpun di Kampung Baru, Kuala Lumpur dihadiri lebih kurang 6000 orang. Oleh itu, UMNO mengadakan bantahan besar-besaran pada 1 November 1987 membantah tindakan MCA menyokong pembangkang dalam isu tersebut hingga menimbulkan ketegangan kaum antara Melayu dan Cina.

Untuk mengelak ketegangan kaum berlaku dan peristiwa 13 Mei 1969 berulang, kerajaan melancarkan Operasi Lalang pada 27 dan 28 Oktober 1987. Dalam operasi ini, seramai 106 orang ditahan dibawah ISA. Kerajaan mengharamkan sebarang perhimpunan awam dan ceramah membabitkan isu tersebut termasuk cadangan UMNO mengadakan perhimpunan pada 1 November 1987. Kerajaan menggantung permit penerbitan akhbar Star, Sin Chew Jit Poh dan Watan (Hilley, 2009). Kemudian, kerajaan bertindak meminda Akta Mesin Cetak dan Penerbitan pada tahun 1988 untuk memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri menarik balik atau menggantung permit penerbitan jika melanggar syarat yang ditetapkan dan mengancam kepentingan negara.

Selepas berlaku isu-isu di atas, kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad bersedia menghadapi PRU 8 pada tahun 1990. BN ditentang hebat oleh parti PAS, DAP dan S46. Prestasi BN dalam PRU mencatatkan penurunan dengan memenangi 127 daripada 180 kerusi parlimen dipertandingan. Dalam PRU 8 menyaksikan DUN Kelantan jatuh kepada pakatan PAS DAN S46. Kemerosotan prestasi BN dalam PRU 8 disebabkan konflik kepimpinan UMNO pada tahun 1987, penubuhan parti S46 dan penentangan oleh kaum Cina kerana tidak puas hati isu pendidikan di Malaysia. Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad berupaya mengekalkan kedudukan sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO bagi menghadapi PRU 9 pada tahun 1995. Dalam PRU 9, tidak banyak isu besar mencabar kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad berbanding PRU 8 bahkan BN memperbaiki pencapaianya dengan memenangi 162 kerusi daripada 192 kerusi dipertandingkan.

Selain itu, Teik (1995) menjelaskan politik Malaysia jauh berbeza dalam PRU 10 pada tahun 1999. Ia disifatkan sebagai saat genting kepada kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana berhadapan gerakan reformasi dicetuskan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri, Timbalan Presiden UMNO dan Menteri Kewangan. Reformasi dicetuskan oleh Anwar Ibrahim mendapat sokongan banyak pihak yang jelas mencabar kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika itu sebagai tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998. Anwar Ibrahim berjaya menganjurkan gerakan reformasi dengan mengadakan demonstrasi besar-besaran di Masjid Negara dan Dataran Merdeka melibatkan lebih 30000 orang dan dianggap sebagai demonstrasi terbesar sejarah politik Malaysia.

Pada 20 September 1998 Anwar Ibrahim ditahan dan dibicarakan. Akhirnya, Anwar Ibrahim dihukum penjara menyebabkan penyokongnya mengadakan tunjuk perasaan dan demonstrasi selama empat hari berturut-turut dari 13 hingga 16 April 1999. Kemudian, demonstrasi diadakan pada 11, 19 dan 25 September 1999. Demonstrasi seterusnya pada Januari 2000 selepas Anwar Ibrahim disabitkan dengan kesalahan kedua iaitu kes liwat dan dipenjara selama 15 tahun berlarutan hingga tahun 2001. Kemuncak demonstrasi diadakan pada April 2001 dan Julai 2003 sebagai sokongan kepada Anwar Ibrahim.

Sehubungan itu, Malike Ibrahim (2015) menjelaskan parti politik, NGO, pertubuhan, mahasiswa dan aktivis sosial menyertai reformasi oleh Anwar Ibrahim. Reformasi bukan sahaja di jalanan tetapi penggunaan Internet sebagai saluran komunikasi mengedarkan poster, risalah dan informasi. Parti PAS bergabung dengan NGO Islam dinamakan GERAK dipimpin oleh Presiden PAS iaitu Fadzil Nor bertujuan menuntut kerajaan melaksanakan pemerintahan demokratik dan keadilan dalam pentadbiran. Selain itu, GERAK bergabung dengan Gagasan secara aktif dalam reformasi sehingga pertengahan tahun 1999 sebelum diambil alih oleh gabungan parti politik Barisan Alternatif (BA) berkempen PRU 10 tahun 1999.

Pada 2 Julai 1999, PAS, DAP, PKN dan PRM bekerjasama bertanding di bawah BA menghadapi PRU 10 berteraskan kepada perjuangan utama reformasi iaitu soal demokrasi, keadilan sosial, kebebasan awam, peningkatan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti. Malah, PRU 10 BN mampu mengekalkan majoriti lebih dua pertiga kerusi parlimen walaupun mendapat saingan hebat daripada BA dengan memenangi 148 kerusi daripada 193 kerusi dipertandingan. Perkara ini menjadikan

Tun Dr. Mahathir Mohamad kekal sebagai Perdana Menteri penggal kelima dan merupakan pemimpin negara yang lama berkuasa di Asia selepas Suharto, Hang Seng dan Lee Kuan Yew (Hitam, 2016; Pandian, 2005; Schottmann, 2008).

Analisis di atas jelas menunjukkan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad mendapat tentangan hebat daripada parti-parti pembangkang dan NGO terutama selepas pemecatan Anwar Ibrahim. Walaupun dianggap pemimpin diktator dan mengamalkan kekerasan, Tun Dr. Mahathir Mohamad masih mengekalkan sokongan rakyat serta mendapat mandat memerintah dan menerajui BN sebagai parti kerajaan. Namun begitu, terdapat isu-isu mencabar kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Untuk meredakan tekanan politik di penghujung kepimpinan, beliau melantik Abdullah Ahmad Badwi sebagai Timbalan Perdana Menteri. Sebenarnya cabaran dihadapi oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah gelombang penentangan yang sama terhadap kepimpinan terdahulu termasuk gerakan reformasi oleh Anwar Ibrahim. Penentangan dalam bentuk gelombang reformasi menghala kepada kebangkitan secara terbuka rakyat dan penggunaan Internet secara berkesan dalam konteks demokrasi di Malaysia.

#### **4.4.2 Demokrasi dalam konteks Islam**

Bermula tahun 1955 Malaysia menerima demokrasi sebagai kaedah kepimpinan di samping sistem beraja. Sebelum ini tiada dalam pengalaman Islam sepanjang tertubuhnya parti politik dalam sistem kepimpinan negara. Ini bermakna kehidupan demokrasi dalam kepimpinan Islam adalah pengalaman baru bagi umat Islam.

Malaysia seperti negara Islam yang lain menerima demokrasi Barat secara bertapis. Borham (2013) menyatakan Malaysia mengamalkan pilihan raya tetapi masih mengekalkan nilai asal diwaris daripada pengalaman pemerintahan lampau. Demokrasi memberi ruang penyertaan rakyat dalam menentukan dasar dan hala tuju negara. Oleh itu, umat Islam menjadi kuasa dan hak menilai pemimpin dan dianggap nilai baik dalam demokrasi. Iman Hasan al-Banna menerima sistem demokrasi pilihanraya secara umum dengan cadangan penambahbaikan dan kita masih perlu mengolah demokrasi berasaskan nilai Islam atau nilai ketimuran.

Pilihan raya diadakan setiap lima tahun merupakan proses demokrasi membolehkan rakyat berpeluang memilih kerajaan dan pemimpin negara. Ia dilaksanakan pada peringkat daerah, wilayah dan nasional. Di samping itu, Ahmad Sabri (2014) berpendapat pilihan raya mempunyai hubungan dengan teori dan amalan demokrasi liberal. Hal ini disebabkan ia saluran penglibatan politik. Oleh itu, pilihan raya didefinisikan proses yang diperintah menentukan, melalui cara-cara pemilihan tertentu, wakil-wakil diserahkan mandat membuat keputusan, dasar dan undang-undang. Justeru, wakil dipilih akan memegang kuasa untuk membuat keputusan, membentuk dasar dan undang-undang mengikut kehendak masyarakat majoriti. Di Malaysia, pilihan raya bertujuan memilih kabinet kerajaan iaitu memilih ahli-ahli eksekutif atau ahli parlimen di peringkat persekutuan serta ahli-ahli wakil rakyat di peringkat negeri.

Oleh yang demikian, Rais Yatim (2013) menyatakan sistem pemilihan UMNO melalui fasa transformasi membabitkan kira-kira 146,000 perwakilan menjadi contoh bukan sahaja di negara ini malah di dunia. Sistem pemilihan diperkenalkan

mengikut sistem yang telus dan berunsur demokrasi. Beliau mengakui terdapat kelemahan dalam sistem tersebut. Namun begitu, faedah dalam sistem pemilihan ini mengikut sistem ‘electoral college’ seperti diamalkan semasa pemilihan Presiden Amerika Syarikat dan Perdana Menteri Britain adalah telus. Justeru, usaha penambahbaikan dalam pemilihan parti meneguhkan imej UMNO.

Hubungan Islam dan demokrasi ditandai dengan penyertaan umat Islam dalam demokrasi melalui pilihanraya dilihat manifestasi kepada hubungan Islam dan barat. Penerimaan umat Islam terhadap demokrasi dianggap sebagai toleransi Islam terhadap idea-idea Barat. Oleh itu, Mohd Izani Mohd Zain dan Hussain Mohamed (2005) menjelaskan umat Islam melihat demokrasi membawa konsep-konsep mempunyai persamaan dengan Islam seperti persamaan (*al-musawah*), kebebasan (*al-huriyyah*), kepelbagaian (*al-ta'addudiyyah*), pertanggungjawaban awam (*al-mas'uliyyah*), ketelusan (*shafafiyah*) dan perbincangan (*syura*).

Demokrasi merupakan batu loncatan kepada arus kebangkitan Islam atau proses Islamisasi. Pelaksanaan Islam dilaksanakan melalui jalan demokrasi. Sehubungan itu, Kurshid Ahmad (2000) berpendapat perintah Islam dirujuk Islamisasi harus disertai dengan kehendak penganut-Nya berdasarkan kenyataan beliau dibawah;

*“Islamic imperatives and the people’s will, longing and aspirations go together. Democratization is bound to be stepping stone to Islamization. The fulfillment of Islamic aspirations would become possible only through the promotion of democratic processes”.*

Walau bagaimanapun, demokrasi merupakan ciptaan Barat, umat Islam menerima sistem tersebut sebagai sistem politik dan pemerintahan negara. Namun begitu, Tun

Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan umat Islam menerima demokrasi tanpa banyak membandingkannya daripada sudut Islam (Mohd Izani Mohd Zain & Hussain Mohamed, 2005). Perkara ini bertepatan teori Khaldun (1984) menjelaskan pemimpin bersifat kontemporari, mampu berfikiran jauh dan bersedia apabila menghadapi sebarang keadaan yang mendatang.

Penyelesaian kepimpinan akan memihak kepada Islam dan umat Islam. Malah, ada yang menerima liberal demokratik Barat sepenuhnya dari segi falsafah serta nilai akan merosakan dan merugikan umat Islam. Ketidakmatangan pengalaman dalam kepimpinan untuk membangunkan sistem kepimpinan Islam membawa kita kepada perbalahan mengundang kemusnahan terhadap Islam dan umat Islam. Oleh itu, hari ini terdapat perbalahan politik dalam kalangan umat Islam sampai ke tahap yang membahayakan. Selain itu, meruntuhkan sistem politik demokrasi bertapis kepada demokrasi terbuka meletakkan Islam dan umat Islam melalui konsep sama rata agama dan umat yang lain. Atas dasar itu, keinsafan menuntut kita bersatu, bersepakat dalam mematangkan amalan demokrasi berasaskan nilai tempatan.

Parti politik umat Islam di Malaysia pada masa kini berada keadaan krisis dari segi fungsi, hubungan serta menghidupkan amalan demokrasi di Malaysia. Mereka perlu memainkan peranan saling melengkap dan membina namun mereka berkonfrantasi sepanjang masa antara satu sama lain. Ini berpunca daripada tidak jelas hubungan kepimpinan Islam dalam orientasi demokrasi di Malaysia.

#### **4.5 Sistem Kad Perakam Waktu**

Dalam konteks Malaysia, Pandian (2005) menyatakan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad suatu unik berbanding kepimpinan sebelum ini. Hal ini kerana sejak beliau mengambil alih kepimpinan negara tahun 1981, rakyat mengharapkan perubahan memandangkan Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan tokoh berwawasan, berjiwa rakyat, radikal dan dahagakan kemajuan menjadikan Malaysia sebagai negara berdaya saing (Saravananuttu, 2009; Schottmann, 2011). Tun Dr. Mahathir Mohamad dianggap pemikir yang mengetengahkan pemikiran dan tindakan radikal serta tidak konvensional. Sepanjang pemerintahan beliau membawa Malaysia melalui proses perubahan singnifikan. Dari sebuah negara mengamalkan ekonomi berteraskan pertanian sehingga memasuki kegiatan ekonomi yang berasaskan pembuatan atau produk. Dalam jangka waktu tersebut, Malaysia menyaksikan era perindustrian bagi menggantikan era pertanian.

Justeru, Ahmad Abdul Muati (2007) menyatakan pada alaf baharu, beliau membawa negara ini memasuki ambang k-ekonomi iaitu kegiatan ekonomi berteraskan pengetahuan tatkala dunia memasuki era globalisasi. Justeru, pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengutamakan kecemerlangan serta keunggulan. Selain itu, beliau mengaplikasikan konsep kerajaan bersih, mempunyai kecekapan mengurus dan menitikberatkan amanah dalam pemerintahan. Sepanjang 22 tahun pemerintahan, Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan negarawan yang berusaha mengubah negara dan rakyat khusus kaum bumiputera tentang erti pembangunan serta kemajuan.

Perkara ini dilihat berdasarkan Teori Pemimpin Karismatik mendapat perhatian banyak pihak. Pemimpin karismatik diertikan sebagai kemampuan pemimpin untuk memenuhi emosi pengikut secara berkesan. Pengikut tidak menganggap pemimpin sebagai ketua tetapi bertindak sebagai tokoh serta wira utama sepanjang masa (House R.J, 1977). Pemimpin ini dikenali ramai kerana memiliki lima ciri istimewa iaitu tahap keyakinan diri tinggi, mempunyai idea menyakinkan, semangat hebat kecemerlangan berkomunikasi dan kekuatan peribadi yang menjadi ikutan ramai.

Kepimpinan jenis karismatik terkenal dalam lapangan politik berbanding lapangan lain serta sifat karismatik pemimpin ini kekal lama. Walau bagaimanapun, mereka tidak begitu berjaya sebagai pemimpin organisasi awam dan swasta namun mereka muncul sebagai tokoh negarawan apabila tercetus revolusi atau kekacauan awam yang tidak dapat diselesaikan oleh pemimpin-pemimpin lain. Kegagalan pemimpin karismatik digantikan oleh pemimpin bercorak “instrumental” berfungsi menggerakkan anggota organisasi. Malah, ciri-ciri pemimpin “instrumental” dibayangkan menerusi kebijaksanaan dalam membentuk organisasi, pasukan bekerja, standard serta pencapaian prestasi tinggi. Namun begitu, ia diakui oleh Mohamad (1999) menegaskan kesemuanya memenuhi ciri-ciri kepimpinan berkarismatik, populis dan pragmatik. Walau bagaimanapun, Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan kelompok kecil yang digelarkan “*thinking politician*” kerana kepimpinan berteraskan pemikiran cintakan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Tahap modenisasi yang meluas berlaku semasa Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri keempat pada tahun 1981. Era ini merupakan satu era perubahan drastik atau dengan kata lain sebagai dekad berlakunya ‘revolusi

teknologi' dalam dunia. Hal ini menunjukkan wujud transformasi terutamanya dalam negara industri maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Revolusi teknologi menjadi sasaran utama Tun Dr. Mahathir Mohamad apabila beliau menjadi Perdana Menteri dan pelbagai kelengkapan, metod, gaya pengurusan dan teknologi dari negara industri maju diperkenalkan secara meluas di Malaysia.

Sehubungan itu, bagi memastikan negara tidak ketinggalan dalam kemajuan dan sentiasa bergerak ke hadapan selaras matlamat pemimpin, pembaharuan pentadbiran dibuat selari kehendak persekitaran. Dalam pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad, terdapat pembaharuan pentadbiran dilaksanakan secara drastik bertujuan mencapai kemajuan dalam negara serta mengorak langkah yang luas khusus bidang teknologi dan ekonomi. Pembaharuan dibuat dapat mengubah corak pentadbiran dan perkhidmatan kepada yang sistematik serta tunjang utama dalam memastikan kelincinan dan kejayaan program (Hussain, 1997). Faktor kepimpinan merupakan elemen penting memastikan kejayaan sesuatu pembaharuan dilaksanakan. Dalam hal ini tidak dapat dinafikan pembaharuan dinamik berlaku dalam perkhidmatan awam di Malaysia bergantung kepada kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana beberapa faktor.

Oleh itu, Junaidi (2006) menyatakan antara faktor pertama, beliau adalah pemimpin dinamik dan berkarismatik dengan wawasan yang jelas ke arah pembangunan dan kemajuan di Malaysia. Hal ini dibuktikan melalui pelbagai program yang diperkenalkan secara umum serta dapat diterima dengan baik oleh sektor awam dan swasta. Kedua, beliau teliti serta sentiasa memelihara kepentingan individu dalam program yang dilaksanakan. Namun begitu, beliau melakukan lawatan secara

peribadi memastikan projek dilaksanakan berjalan lancar. Ketiga, beliau merupakan pemimpin berani menghadapi risiko memastikan rancangan pembangunan dilakukan berjaya dengan sempurna. Keempat, beliau menitikberatkan penglibatan aktif sektor swasta dilihat penggerak pembaharuan diperkenalkan.

Sepanjang kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad selama 22 tahun di Malaysia terdapat banyak dasar dan pembangunan yang beliau laksanakan sama ada di dalam negara maupun luar negara. Pelbagai dasar, rancangan dan tindakan beliau memperlihatkan kewibawaan, kecekapan, kelainan corak kepimpinan, dan kecekalan. Namun begitu, ada berpandangan sejak menjadi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melakukan dominasi berlebihan terhadap kehidupan awam, bersikap sinis terhadap demokrasi dan hak asasi manusia, membentuk politik mengikut kemahuannya, autoritarian, kombatif, konfrantasional dan jenis cakap lepas. Sehubungan itu, Aman (2004) berpendapat Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi impak pada tahap tertentu dalam dunia kepimpinan politik. Salah satu sistem dilancarkan untuk membangunkan kakitangan awam adalah memperkenalkan sistem kad perakam waktu.

### **Kad Perakam Waktu (KPW)**

Sistem Kad Perakam Waktu diperkenalkan tahun 1982 menggantikan sistem mendaftar kedatangan dan kepulangan kakitangan awam melalui sebuah buku daftar (Aman Hashim, 1981). Ia memerlukan sekeping kad khas bagi kakitangan menggunakan untuk diketik pada mesin pada waktu datang ke pejabat setiap pagi dan waktu keluar untuk pulang. Oleh itu, jadual waktu kakitangan masuk dan keluar dari pejabat akan dirakam pada kad itu. Jika jadual waktu masuk dan keluar

mengikut waktu ditetapkan oleh kerajaan rakaman akan berwarna hitam atau hijau namun jika ia bertentangan bertukar menjadi warna merah.

Daripada dapatan kajian Abdul Ghani Azmi ilhaamie (2013) menjelaskan kelewatan merupakan aduan banyak diterima oleh Biro Pengaduan Awam tahun 2003 berbanding aduan lain bagi kakitangan Awam. Oleh itu, hal ini dilihat Pandian (2005) menyatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad melalui kesinambungan pengurusan berorganisasi dan disiplin dapat mengukuhkan kedudukan masyarakat Melayu. Ini jelas digambarkan penentangan ke atas Malayan Union pada tahun 1946 (Mohamad, 1976).

*“..... the UMNO which was set up to oppose the Malayan Union was extremely lacking in funds, in educated leaders and other aspects. But because the members were more organized than in the past and were prepared to obey their leader’s directives, the British government could not reject UMNO’s demands”.*

### Universiti Utara Malaysia

Di samping itu, kedua-dua sifat tersebut iaitu disiplin dan amalan berorganisasi dikatakan penting bagi masyarakat Melayu kekal bersaing dengan bangsa lain. Disiplin yang baik perlu diperkuuhkan dengan pemikiran, idea dan tindakan positif. Perkara ini dilakukan dalam bentuk penyenaraian keutamaan bertindak secara peribadi dalam organisasi. Justeru, Mat Chek (2003) menegaskan sepuluh keutamaan perlu diberikan perhatian dalam usaha memperbaiki disiplin diri, iaitu; Pertama, menyediakan keutamaan kerja. Kedua, mencatatkan keutamaan kerja dalam kalender aktiviti. Ketiga, berikan masa sesuai untuk berfikir panjang dan jangan terlalu kaku. Keempat, merangka program tindakan dengan teliti berdasarkan sumber dalaman dan lauaran. Kelima, menyelaras tugas menerusi

gaya kepimpinan kreatif. Keenam, menetapkan waktu bekerja yang sesuai dan seronok dengan tidak menyusahkan orang lain. Ketujuh, memperkembangkan sistem bekerja dengan betul berdasarkan pelan tindakan yang ditetapkan. Kelapan, membuat dokumentasi atau catatan bertulis bagi aktiviti yang dibuat. Kesembilan, mendapat cadangan, maklum balas serta penganalisisan semula. Kesepuluh, memberi fokus terhadap hasil dicapai berdasarkan aktiviti berkenaan.

Namun begitu, disiplin secara langsung mencerminkan keperibadian pemimpin. Pemimpin mesti percaya diri sendiri sebelum dia percayakan orang lain seta buktikan dengan contoh yang baik. Oleh sebab itu, pada setiap masa masyarakat sering mencari tokoh-tokoh hebat untuk membawa perubahan. Usaha mempertingkatkan disiplin diri dalam organisasi dilakukan dalam berbagai bentuk. Pengukuhan keperibadian, sikap, cara hidup dan dorongan berterusan menyebabkan masyarakat terus bersedia berubah. Ketrampilan, kawalan diri serta bertindak berasaskan tujuan murni seni disiplin diri. Selain itu, ia dikatakan tidak bertentangan nilai agama Islam (Ahmad Atory & Malike, 2004).

Penggunaan teknologi kad pintar dipraktikkan di Malaysia megantikan kad pengenalan diri yang sedia ada. Penguna kad pintar di Malaysia diaplikasikan ke atas pengenalan diri, lesen memandu, kad rawatan dan kad kredit e-tunai. Oleh itu, sistem K-Kedatangan dibangunkan bagi menggantikan sistem kedatangan yang lama iaitu sistem Kad Perakam Waktu. K-Kedatangan membolehkan pengguna mengimbas kedatangan di lokasi pengimbas disediakan. K-Kedatangan juga membolehkan para pengawal atasan melihat kedatangan dan pergerakan kakitangan bawahan mereka dengan cepat, pantas dan jitu. Setiap data dimbas akan diproses

dalam waktu singkat dan laporan kedatangan dipaparkan secara atas talian (Hussin Kamarudin, Abd Shukor Nasrudin, 2005).

Etika perkhidmatan awam diperkenalkan pada 1 Januari 1979 merupakan usaha menimbulkan kesedaran dalam kalangan kakitangan awam memberikan perkhidmatan yang jujur, cekap dan berkesan. Etika Perkhidmatan awam bertujuan meningkatkan prestasi perkhidmatan dan kualiti pengeluaran, mewujudkan anggota yang bersih, cekap, amanah dan berakauntabiliti. Ini kerana kakitangan awam berkualiti mempunyai hubungan erat dengan kecemerlangan dan kejayaan negara. Selain itu, ia bertujuan melahirkan organisasi yang bertanggungjawab dan diyakini rakyat.

Di samping itu, Abdul Ghani Azmi Ilhaamie (2013) menyatakan etika-etika dalam pentadbiran awam dikenal pasti sebagai kejujuran, keadilan, kebenaran, keberanian, kesopanan, kemaafan, kesabaran, ketenteraman, mudah didampingi dan simpati. Namun begitu, terdapat tujuh teras perkhidmatan awam iaitu berazam meninggikan mutu perkhidmatan, bekerja dengan penuh tanggungjawab, berusaha mengikis sikap mementingkan diri, berkhidmat dengan penuh muhibah dan kemesraan, bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara, bekerjasama dalam membanteras kelemahan dan musuh-musuh negara serta berpegang teguh kepada ajaran Islam. Walau bagaimanapun, hal ini boleh diklasifikasikan sebagai konsep nilai. Nilai merupakan satu konsep yang mencerminkan pegangan, kepercayaan dan amalan seseorang dalam industri.

Kerajaan Malaysia menggariskan kepentingan nilai dalam perkhidmatan awam seperti amanah, kejujuran, disiplin dan bermoral tinggi yang dihayati oleh kakitangan awam. Syed Ismail Al-Qudsy (2009) menyatakan Unit Perancangan dan Pemodenan Malaysia mengeluarkan buku panduan Perkhidmatan Cemerlang dengan cogan kata “berkhidmat untuk negara” pada tahun 1979 menggariskan tujuh teras perkhidmatan iaitu; (1) Berazam meninggikan mutu perkhidmatan dan membaiki mutu perkhidmatan melalui latihan-latihan, kajian, perbincangan dan sebagainya. (2) Bekerja dengan penuh tanggungjawab terhadap tugas yang diserahkan kepada mereka. (3) Berusaha mengikis sikap mementingkan diri atau kelompok tertentu menggunakan kedudukan diperolehi tetapi menjadi pendorong kepada kemajuan negara. (4) Berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan khasnya Malaysia mempunyai rakyat dari pelbagai anutan agama, budaya, bangsa dan keturunan. (5) Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat terutama memberi kefahaman kepada rakyat tentang dasar-dasar dan hasrat kerajaan dalam kemajuan negara yang ingin dicapai. (6) Bekerjasama dalam membanteras kelemahan pentadbiran dan menghapuskan musuh-musuh negara. Ia memerlukan penglibatan semua pihak seperti penggabungan pengurusan awam dan swasta di samping terdapat golongan-golongan tertentu menggembrelleng tenaga dalam memajukan dan menguatkan negara. (7) Berpegang teguh kepada ajaran agama. Penekanan ini dilakukan bagi menerapkan nilai-nilai positif yang terdapat dalam semua agama membentuk peribadi pekerja yang taat, amanah dan bertanggungjawab.

Kesemua teras ini menggambarkan fokus nilai dan etika perkhidmatan diamalkan oleh kakitangan awam di Malaysia. Bagi merealisasikan perkara ini ketujuh-tujuh teras tersebut perlu dipantau dari semasa ke semasa pada setiap jabatan kerajaan.

Selain itu, beberapa ciri kakitangan awam yang beretika serta berpontesi dalam memajukan sesebuah organisasi juga telah dinyatakan sebagai panduan kakitangan awam. Antaranya yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awan (INTAN, 1996) iaitu; (a) Menggunakan masa dengan sebaiknya dan berusaha menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. (b) Melakukan kerja dengan sempurna, tidak mengharapkan orang lain dan rasa bersalah jika tidak dapat menyempurnakan tugas sebagaimana yang ditetapkan. (c) Tidak memilih kerja serta tidak menunjuk-nunjuk dalam menjalankan tugas kepada ketua. (d) Bekerja tanpa rasa jemu serta sedia menjalankan sebarang tugas dipertanggungjawabkan. (e) Mengutamakan kepentingan tugas daripada kepentingan diri dan sanggup berkorban masa dan tenaga demi kepentingan perkhidmatan di samping mengamalkan sikap tolong menolong terhadap kebaikan dan menghindarkan diri daripada perbuatan buruk. (f) Patuh dan taat kepada peraturan serta berpegang teguh kepada ajaran agama disamping sentiasa menjaga imej dan maruah diri daripada cuai dan keji. (g) Menjalankan tugas secara kolektif dan menyedari idea yang diperolehi secara berkumpulan lebih bernes dan mantap bagi mencapai kejayaan organisasi. (h) Menuturkan kata-kata yang baik dan bersopan santun serta sentiasa menjaga kebersihan diri, pakaian dan tempat kerja. (i) Sedia menerima nasihat, cadangan dan pendapat, bijaksana dalam membuat pertimbangan dan mudah memaafkan kesilapan orang lain.

Dalam Islam, Zainal Yang (2003) menerangkan melakukan pekerjaan adalah termasuk dalam jenis ibadat umum. Ibadat umum mempunyai maslahat umum yang unggul dan tinggi sehingga mengatasi maslahat peribadi sempit dan terhad. Justeru, umat Islam melakukan sesuatu pekerjaan kerana menyahut tuntutan agama dan

meningkatkan pencapaian tugas untuk kepentingan diri dan masyarakat sekeliling. Namun, Daud Mustafa (1988) bersetuju menyatakan Al-Maudadi menjelaskan beriman kepada Rukun Iman belum sempurna Islam seseorang, melainkan ia patuh, menyembah dan menyerahkan diri kepada Allah s.w.t. serta undang-undang-Nya. Oleh kerana seseorang menyaksikan akan keesaan, kesempurnaan Allah s.w.t. dan sebagai pemilik dirinya sewajar mentaati segala perintah-Nya.

Al-Maudadi menjelaskan ibadat ialah ketaatan, kepatuhan serta penyerahan diri manusia kepada qudrat dan ibadat Allah s.w.t. dari maknawi atau hakiki. Dalam erti kata lain, sebarang tindakan manusia untuk mentaati perintah Allah s.w.t. adalah dinamakan ibadat. Contoh seseorang bercakap benar, menyempurnakan janji, menjauhkan diri daripada mengumpat adalah ibadat kerana bertepatan sekali perintah serta tegahan Allah s.w.t. Dalam menjalankan urusan perdagangan, berbuat baik kepada ibu bapa, jiran dan masyarakat dengan ikhlas. Selain itu, memberi makan kepada orang lapar, menyelamatkan orang dizalimi dan sebagainya adalah ibadat. Namun begitu, Al-Maududi menyatakan terdapat ibadat yang asas dan penting iaitu ibadat khusus merupakan tiang sendi kehidupan masyarakat Islam. Ia dikenali sebagai Rukun Islam iaitu, syahadah, sembahyang, puasa, zakat dan haji.

Oleh itu, sembahyang merupakan pengulangan memperingati Allah s.w.t. didirikan lima kali sehari semalam. Sebaik seseorang bangun dari tidur sebelum melakukan sebarang pekerjaan dan mendirikan sembahyang Subuh serta mengakui akan keesaan, keagungan Allah s.w.t. Kemudian, seseorang melakukan pekerjaan harian sama ada menuntut ilmu, mencari rezeki halal atau sebagainya. Itu yang menjiwai diri masyarakat Islam sepanjang masa sama ada melakukan sembahyang Zohor,

Asar, Maghrib dan Isyak. Hal ini kerana manusia berdampingan Allah s.w.t. serta memegang erat tali ajaran-Nya (Vol, Zainuddin, Aurani, & Rosmani, 2014).

Islam menekankan tentang sembahyang fardu secara berjemaah ke arah pengukuhan serta peningkatan prestasi perpaduan umat Islam. Sembahyang berjemaah melatih umat Islam berdisiplin, tolong menolong dan bersatu padu. Ia melatih umat Islam patuh kepada pemimpin yang memimpin ke arah kebijakan dan penghapusan kemungkar. Di samping itu, sembahyang berjemaah meningkatkan perasaan kasih sayang sesama Islam dan menghapuskan perasaan hasad dengki, buruk sangka dan permusuhan. Sembahyang bertanggungjawab mewujudkan persamaan antara golongan kaya dan berpangkat, golongan miskin serta golongan awam. Perkara ini dilihat firman Allah s.w.t. surah An-Nisa' ayat 4, bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya dan Ulil Amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (Sunnah) jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian itu lebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya”.

Begin juga dengan puasa iaitu tindakan menahan diri daripada makan, minum dan sesuatu yang membatalkan puasa daripada terbit fajar sehingga terbenam matahari. Matlamat puasa ialah melatih orang beriman mempertingkatkan tahap ketaqwaan mereka kerana bukan mudah melaksanakan puasa sedangkan makanan dan minuman terhidang depan mata. Puasa mendidik diri menjadi sabar dan lasak apabila berada keadaan susah. Selain itu, membentuk akhlak mulia erti kata puasa melatih seseorang mengawal hawa nafsu yang terjerumus melakukan maksiat. Justeru, ketahanan jasmani dan rohani diperlukan membentuk akhlak terpuji serta

menjauhkan diri daripada perbuatan keji. Puasa menimbulkan keinsafan tentang penderitaan saudara Islam lain yang menimpa malang. Dengan ini wujud kerelaan memberi pertolongan dan mengeratkan ikatan kasih sayang sesama umat Islam.

Manakala zakat diwajibkan ke atas umat Islam dari harta cukup nisab dan haul untuk diberikan kepada yang berhak menerima. Zakat menjadi lambang ketinggian semangat pengorbanan umat Islam membantu saudara-saudara. Golongan kaya dengan rela hati untuk meringankan penderitaan golongan miskin. Disini dapat dilihat zakat dapat menghapuskan perasaan ego, mementingkan diri serta sompong. Selain itu, zakat dapat menanamkan perasaan belas kasihan, kasih sayang dan saling mencintai. Hal ini mengeratkan semangat perpaduan dan persaudaraan sesama manusia. Zakat juga mendidik manusia supaya menghapuskan sifat-sifat tamak serta melatih manusia supaya tidak menjadi hamba kepada harta.

Ibadah Haji merupakan puncak kemanisan ibadah kepada Allah s.w.t. kerana seseorang yang mengerjakan haji memerlukan pengorbanan, kesabaran dan ketabahan. Hal ini kerana perjalanan dari satu tempat ke satu tempat yang lain semasa mengerjakan haji, dapat melihat tempat-tempat bersejarah seperti maqam-maqam para sahabat dan *syuhada* 'mengorbankan nyawa mereka untuk menegakkan kalimah Allah s.w.t. Dengan ini seseorang akan mengukur pengorbanan dilakukan kepada jalan Allah s.w.t.

Islam memerintah umatnya untuk konsisten terhadap peraturan Allah s.w.t. ditetapkan. Hal ini sesuai firman Allah s.w.t surah Huud ayat 112 bermaksud:

“Maka tetaplah kamu pada jalan benar, sebagaimana diperintahkan kepadamu dan juga orang yang telah taubat beserta kamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya dia maha melihat apa yang kamu kerja”.

Daripada ayat diatas menunjukkan disiplin bukan tepat waktu tetapi patuh kepada peraturan-peraturan yang ada. Malah, melaksanakan yang diperintahkan dan meninggalkan segala dilarangNya. Di samping itu, melakukan perbuatan tersebut secara teratur dan konsisten walaupun hanya sedikit. Berpandukan usaha-usaha, Islam menitikberatkan persoalan nilai ke arah kecemerlangan dalam apa ju pekerjaan dilakukan oleh manusia. Antara perkataan-perkataan melambangkannya dalam Al-Quran adalah “*ahsanu amala*”, “*aflaha*” dan “*ihsana*”. Malah, laungan azan terkandung seruan ke arah kecemerlangan iaitu “*hayya ‘ala al-falah*” berkali-kali. Antara ciri cemerlang apabila sesuatu pekerjaan dilaksanakan berkualiti seperti tekun, disiplin, khusyuk, ikhlas dan amanah (Syed Ismail, Al-Qudsy, Ab Rahman, Asmak & Mohd Zain, 2009).

Justeru, Al-Ghazali Abu Hamid (1973) berpendapat nilai utama akhlak membentuk kecemerlangan terbahagi kepada empat iaitu; Pertama, *Al-Hikmah*- Kebijaksanaan atau kesesuaian ilmu dengan amal atau tindakannya. Kedua, *Al-‘Adl*- Keadilan iaitu jiwa dikawal dari sifat marah, rakus dan ego mencapai *al-hikmah*. Nilai ini mampu menyelamat dan membimbing manusia ke arah kesejahteraan dan kebahagiaan. Ketiga, *Al-Shaja’ah*- Keberaniaan iaitu kekuatan dan keteguhan hati dalam mempertahankan kebenaran (*Al-Haq*), tidak berundur kerana dicela dan tidak maju kerana dipuji. Keempat, *Al-‘Iffah*- Kemuliaan iaitu mempunyai kemuliaan dengan menjaga maruah diri dari melakukan perbuatan yang dilarang Allah. Oleh yang

demikian, jika ditinjau kepada pemerintahan awal Islam didapati para pemerintah berjaya menangani pelbagai cabaran dalam pemerintahan mereka dan membawa pelbagai kemajuan dari segi ekonomi, pertahanan dan sosial kerana menghayati nilai-nilai murni dianjurkan oleh Islam. Malah penghayatan nilai-nilai murni dapat membendung konflik berlaku dalam kalangan kakitangan awam dan membolehkan mereka bekerja dengan baik dan cekap.

Perkara ini dirujuk kepada teori perubahan sosial masyarakat dengan pembentukan modal insan diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun (Kamil, Majid, Affandi, & Rahim, 2009). Antara; (a) Teori menegaskan masyarakat sebagai suatu organisme bersifat hidup, mempunyai potensi untuk berubah dan berkembang maju seandainya perancangan pembangunan rapi dan tersusun dapat dilakukan. (b) Teori tentang jatuh dan bangun sesuatu tamadun manusia, dilihat dari segi usia sesuatu tamadun dan faktor-faktor menyumbang ke arah kecemerlangan serta kemunduran sesuatu tamadun. (c) Teori tentang proses pembangunan sesuatu tamadun bergantung kepada nisbah perpaduan sejati dalam masyarakat berdasarkan gabungan antara semangat *asabiyah* dan agama. (d) Kepentingan mewujudkan perancangan pembangunan bersifat bersepada antara fizikal dan spiritual. (e) Teori jiwa hamba dimiliki oleh bangsa pernah dijajah dan menganggap kuasa penjajah sebagai suatu bangsa maju dan agung. (f) Kepentingan ilmu sejarah untuk masyarakat merangkumi persoalan manfaat serta disiplin harus dijaga oleh ahli sejarah. (g) Kepentingan mewujudkan kaedah penyelidikan sosiologi membantu sarjana Islam menajamkan daya artikulasi mereka terhadap permasalahan ummah Islam.

Ironinya, kakitangan awam perlu memiliki sifat disiplin bagi menangani masalah kelewatan ke tempat kerja. Hal ini kerana sifat disiplin mengetahui lebih utama dan mengutamakan perkara yang lebih utama. Sifat disiplin juga dilihat penilaian pengurusan masa dan janji. Selain itu, berdisiplin kakitangan awam mengamalkan cara bekerja yang kemas dan terancang disamping etika kerja serta profesionalisme tinggi (Prime Minister's Office Goverment Malaysia, n.d.). Dalam usaha memantapkan sifat disiplin dalam diri kakitangan awam, sistem pengurusan sentiasa disesuaikan dengan keperluan dan kehendak semasa. Selain itu, sifat disiplin disemai alam persekolahan supaya dijadikan amalan harian dalam kehidupan. Bagi memantapkan sifat disiplin dalam diri, galakan mengikuti kursus kendiri berkaitan Modal Insan serta memperkenalan mata pelajaran bersesuaian Modal Insan dalam sistem persekolahan dan memberi peluang kepada pendidik mencorakkan pemikiran dan pengurusan diri.

Sifat disiplin adalah sifat murni dijadikan sebahagian jati diri umat Islam khusus masyarakat Melayu di Malaysia. Hal ini kerana adanya sifat ini dalam diri, setiap pengurusan sama ada diri atau masyarakat lebih cepat, pantas dan kemas. Pengurusan yang baik akan meningkatkan taraf setiap pekerjaan untuk maju dari masa ke semasa. Perkara ini dirujuk kepada teori perubahan sosial sesebuah masyarakat dengan pembentukan modal insan diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun. Malah, pelaksanaan Kempen Kad Perakam Waktu oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad mendidik masyarakat Malaysia supaya amalan disiplin dipupuk kepada semua lapisan masyarakat. Hal ini bertepatan teori kepimpinan Islam daripada al-Mawardi (1880) menjelaskan pemimpin baik mempunyai kemampuan berfikir tentang

pentadbiran dan siasah rakyat dan pemimpin perlu berani serta tegas bagi membolehkannya mempertahankan negara.

#### **4.6 Kemiskinan Orang Melayu**

Isu kemiskinan merupakan isu popular menjadi fokus perbincangan ahli akademik, pembuat dasar, ahli politik dan golongan masyarakat. Namun begitu, tiada kata putus tepat walaupun pelbagai pihak terlibat membincangkan fenomena tersebut. Mengenal pasti kemiskinan dikupaskan dalam konsep kegagalan memenuhi kehendak asas berbanding ‘kekurangan’. Perkara ini disebabkan kebanyakan sarjana falsafah gemar kepada pendekatan teori ideal dalam mengupas isu keadilan sosial. Hakikatnya, dalam pendekatan falsafah yang normatif, dunia ideal menggambarkan tidak ada kemiskinan, bencana alam, keperitan dan kemusnahan.

Justeru, Rawls (1971) berpendapat teori keadilan “*resource-based-theory*” dua konteks berbeza iaitu keadilan sumber dan keadilan terhadap kebijakan. Falsafah asas *egalitarian* atau kesaksamaan meletakkan keadilan daripada pemberian agihan tanpa mengira usia, jantina, keperluan dan keupayaan. Asas keadilan berdasarkan saksama kepada semua dicabar kerana keadilan diagihkan dengan keperluan umpamanya, dua orang dengan keperluan berbeza diberikan sejumlah wang sama menjadikan mereka berada keadaan tidak adil kerana keperluan berbeza dikehendaki tidak dipenuhi. Ibarat keperluan kanak-kanak dan orang dewasa sudah pasti keadilan sumber dan kebijakan yang diberi mengikut keperluan individu.

Pengukuran kemiskinan kepada keupayaan terhalang mencipta hambatan mengekalkan seorang dalam kitaran manusia relatif miskin meskipun masyarakat

berada. Konsep awal kemiskinan terbahagi kepada dua realtif atau mutlak. Kemiskinan mutlak mengukur kemiskinan hubungkait wang dan keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Konsep kemiskinan mutlak tidak mengambil kira persoalan kualiti hidup dan menumpukan kepada nasib individu atau isi rumah tidak mampu memenuhi keperluan asas sekadar memenuhi kehendak minimum. Konsep relatif melihat hubungan status ekonomi individu dalam masyarakat melalui konteks agihan pendapatan. Seseorang dianggap miskin sekiranya agihan pendapatan rendah daripada *standard* kehidupan dalam konteks sosial tertentu. Malah, kritikan kepada kedua-kedua konsep ini tertumpu perolehan pendapatan serta kepenggunaan. Oleh sebab itu, Arthur (1982) menyatakan teori ekonomi melihat kemiskinan dalam model pilihan rasional menjelaskan manusia adalah rasional membuat pilihan dan berupaya mengawal perolehan dalam kehidupan, maka menjadi miskin atau kaya persoalan pilihan masing-masing.

Dalam konteks Malaysia, Khalid (2016) menjelaskan definisi kemiskinan merujuk konsep kemiskinan mutlak dengan mengukur pendapatan isi rumah dibandingkan dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Jika pendapatan bulanan sesebuah isi rumah kurang daripada PGK, maka isi rumah dinggap miskin. Peratusan isi rumah miskin dalam keseluruhan bilangan isi rumah yang terdapat di Malaysia merujuk sebagai insiden kemiskinan. Kaedah positif memberi impak besar terhadap penentuan kelayakan seseorang menerima bantuan. Penentuan garis kemiskinan berdasarkan piawaian tertentu menyebabkan ada golongan sepatutnya menerima bantuan tetapi tidak layak mendapatkannya kerana gaji isi rumah melebihi satu ringgit daripada garis piawaian kemiskinan.

#### **4.6.1 Dasar Pembangunan Nasional**

Tahun 1990 menandakan berakhirnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP 1) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dalam tempoh pelaksanaan DEB tahun 1971-1990, ekonomi Malaysia berkembang pesat meskipun menghadapi pelbagai cabaran. Sesuatu tidak boleh disangkal walaupun pencapaian DEB bukan kejayaan menyeluruh namun banyak kejayaan dicapai. Oleh itu, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Jun 1991. Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2) pada tahun 1991-2000 digubal berasaskan Dasar Pembangunan Nasional menandakan bermulanya era baru dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Perpaduan negara menjadi matlamat terakhir DPN kerana masyarakat bersatu padu penting untuk memperkuatkan kestabilan sosial, politik dan mengekalkan pembangunan ekonomi berterusan. Sehubungan itu, DPN menetapkan langkah ke arah Malaysia mencapai taraf sebuah negara maju dalam semua segi iaitu keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan dan kecemerlangan ekonomi.

Walau bagaimanapun, DPN terus mengekalkan strategi asas DEB iaitu pembasmian kemiskinan serta penyusunan semula masyarakat untuk memperbaiki keseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum. Perkara ini menyumbang ke arah mengukuhkan perpaduan negara. DPN bertujuan mewujudkan corak pembangunan seimbang dan merangkumi aspek-aspek kritikal seperti; (a) Mewujudkan keseimbangan antara matlamat pertumbuhan ekonomi dengan pengagihan saksama. (b) Memastikan pembangunan seimbang bagi sektor-sektor utama ekonomi meningkatkan daya saling melengkapi antara sektor mengoptimumkan pertumbuhan. (c) Mengurangkan

dan menghapuskan ketidaksamaan sosial dan ekonomi negara untuk menggalakkan perkongsian serta faedah yang diperolehi daripada pertumbuhan secara adil dan saksama untuk semua rakyat Malaysia. (d) Menggalakkan dan memperkuuhkan integrasi nasional mengurangkan jurang ketidakseimbangan luas pembangunan ekonomi antara negeri, kawasan bandar dan luar bandar. (e) Membangunkan sebuah masyarakat progresif iaitu rakyat menikmati kesejahteraan hidup tinggi di samping mempunyai nilai-nilai sosial dan kerohanian yang positif serta menghayati perasaan bangga dan cintakan negara. (f) Memajukan sumber manusia dan mewujudkan tenaga kerja berdisiplin, produktif dan meningkatkan kemahiran bagi menghadapi cabaran pembangunan industri melalui budaya kecemerlangan tanpa menjaskankan matlamat penyusunan semula masyarakat. (g) Menjadikan sains dan teknologi sebagai teras penting dalam perancangan serta pembangunan sosio ekonomi memerlukan usaha dalam membangunkan keupayaan, kebolehan dalam teknologi strategik, berasaskan ilmu serta memajukan budaya sains dan teknologi dalam membangunkan ekonomi perindustrian moden. (h) Memastikan usaha pembangunan ekonomi diberikan perlindungan alam sekitar dan ekologi jangka panjang bagi memastikan pembangunan negara dikekalkan secara berterusan.

Sehubungan itu, DPN mengambil kira kemajuan yang dicapai DEB di samping kekuatan dan kelemahan yang wujud semasa pelaksanaannya. Ia mengandungi beberapa peralihan pendekatan tujuan mengadakan satu dimensi baru dalam usaha pembangunan terutamanya membasmikan kemiskinan serta menyusun semula masyarakat. Dimensi-dimensi baru DPN seperti: (i) Memberi penekanan yang lebih kepada strategi pembasmian kemiskinan untuk menghapuskan kemiskinan dalam kalangan golongan termiskin di samping mengurangkan kemiskinan relatif. (ii)

Menumpukan perhatian kepada pembangunan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) sebagai strategi penting ke arah meningkatkan serta mengekalkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi. (iii) Meningkatkan penekanan kepada sektor swasta untuk melibatkan diri dalam proses penyusunan semula masyarakat. (iv) Memberi tumpuan kepada pembangunan sumber manusia termasuk sistem nilai serta etika bagi mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang saksama.

Terdapat pendekatan baru diambil dalam usaha melaksanakan DPN berikut: Pertama, hasil pencapaian yang berkualiti dan berkekalan iaitu pendekatan terpilih dibuat dengan mengambil kira keperluan untuk mencapai hasil berkualiti dan berkekalan. Dalam proses menghapuskan kemiskinan dalam kalangan golongan termiskin dan mengurangkan ketidakseimbangan bahkan penekanan diberikan kepada aspek pendidikan dan latihan sebelum bantuan diberikan. Kedua, persaingan pasaran antarabangsa iaitu DPN mengambil kira kemampuan negara untuk bersaing lebih pesat dalam pasaran antarabangsa di samping menghadapi cabaran baru. Dalam menghadapi persaingan antarabangsa, Malaysia perlu meningkatkan daya tarikan kepada pelabur dan pengusaha supaya memperluaskan urusan mereka. Manakala bidang eksport, halangan-halangan perdagangan antarabangsa akan meningkat. Untuk mengatasi masalah ini, Malaysia terus mengamalkan dasar liberal yang menggalakkan sektor swasta bersedia menghadapi risiko.

Ketiga, Wawasan 2020 iaitu penyertaan semua kaum di negara ini penting untuk memajukan Malaysia ke taraf negara maju menjelang tahun 2020. Pelaksanaan strategi serampang dua mata DPN akan menggalakkan pengembangan sumber

negara dan menggunakan potensi kecerdasan masyarakat berbilang kaum untuk membina ekonomi teguh serta meningkatkan ketahanan negara bagi mengatasi ketidakstabilan ekonomi dunia. Justeru, setiap kaum mempunyai sifat serta kekuatan penting untuk kaum di Malaysia saling melengkapi dan bantu membantu antara satu sama lain untuk kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Keempat, pembasmian kemiskinan iaitu kadar kemiskinan negara dijangka dapat dikurangkan ke paras 7.2 % tahun 2000 berbanding 19.1% tahun 1990. Kadar pengangguran dijangka berkurangan ke tahap 4% tahun 2000. Dalam melaksanakan strategi pembasmian kemiskinan, DPN mengambil kira beberapa perubahan dibuat terhadap peranan sektor awam. Kadar kemiskinan tinggi di luar bandar akhir tahun 1960an, memperlihatkan penglibatan terus perkhidmatan awam melalui pembukaan tanah-tanah serta pemberian subsidi besar-besaran kepada petani-petani kecil mewujudkan pekerjaan dan membantu meningkatkan pendapatan. Latihan diberikan kepada belia-belia di luar bandar membolehkan mereka mendapatkan kerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi. Aspek latihan dipertingkatkan untuk mengantikan pemberian subsidi dilaksana hingga sekarang. Pemberian subsidi dan sokongan diteruskan untuk golongan penanam padi dan nelayan tetapi ditumpukan ke arah mempertingkatkan produktiviti pengeluaran mereka. Peranan sektor awam dalam pembasmian kemiskinan ditumpukan program-program berikut; pendidikan, latihan, kesihatan, jalan-jalan luar bandar, pengangkutan, perumahan, bekalan air dan elektrik. Usaha-usaha gigih dilaksanakan mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah-wilayah khusus negeri Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri lain. Berbeza di kawasan bandar, kemiskinan relatif dikurangkan menerusi penyediaan peluang

lebih baik untuk meningkatkan pendapatan dan kemudahan asas seperti perumahan, pengangkutan dan kemudahan awam. Langkah-langkah diambil oleh kerajaan melalui perancangan serta penetapan zon pembangunan bandar yang sesuai dalam usaha membangunkan bandar-bandar secara teratur.

Kelima, penyusunan semula masyarakat iaitu penghapusan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi dan penyusunan semula hak milik akan menjadi penting di bawah strategi ini. Matlamat DPN meningkatkan taraf sosial dan ekonomi masyarakat bumiputera ke tahap lebih berdaya maju dan teguh. Kedudukan ini dicapai pelaksanaan strategi meningkatkan guna tenaga, penyertaan bumiputera dalam pengurusan sektor-sektor moden, membentuk Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

Namun begitu, perkara ini perlu mencapai matlamat DEB. Perkara ini dilihat kenyataan Mohamad (2012) yang menyatakan;

“sebelum DEB diperkenalkan, boleh dikatakan tidak ada orang Melayu bekerja sebagai pembalik atau mekanik. Sekarang, jika bekalan elektrik terputus atau pendingin hawa kita rosak, juruelektrik yang datang membaikinya besar kemungkinan Melayu. Saya berasa begitu bangga melihat mereka memanjang tangga dan menggunakan peralatan lengkap untuk membaiki pendingin hawa saya. Di kilang kereta nasional, Proton, orang Melayu boleh dikatakan majoriti dalam setiap jabatan. Merekalah yang mereka cipta, membuat model tanah liat, membina prototaip, menguji, mengatur pemasangan dan mengeluarkan kereta secara besar-besaran. Mereka memperoleh kepakaran kompleks ini dalam tempoh tidak sampai 17 tahun selepas DEB diperkenalkan”.

Oleh yang demikian, seperti DEB dan DPN meneruskan usaha-usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi bukan sahaja dalam kalangan kaum etnik tetapi antara golongan kaya dan miskin serta wilayah. Ketidakseimbangan ekonomi dapat dikurangkan berdasarkan prinsip pembangunan seimbang dan pengagihan saksama untuk mencapai keadilan sosial dan memperkuatkan perpaduan negara.

#### **4.6.2 Kemiskinan dalam konteks Islam**

Fakir dan miskin adalah dua kaum berbeza tetapi statusnya hampir sama. Kedua-dua golongan tidak mampu menguruskan kehidupan harian mereka kerana ekonomi mereka lemah. Fenomena miskin, fakir atau papa kedana menggambarkan kemiskinan. Perkara berbeza antara golongan miskin dan fakir adalah tahap sahaja iaitu individu memiliki sedikit harta sehingga tiada harta atau individu memiliki sedikit pendapatan sehingga tidak memiliki pendapatan memenuhi sedikit keperluan asas.

Sehubungan itu, Mohamad (2003) menjelaskan orang desa lahir dan besar di kampung memahami tanah satu sumber kekayaan. Tanah adalah pemberian alam. Dengan sedikit usaha fizikal tanah memberi pendapatan yang baik. Untuk menghasilkan banyak kekayaan diperlukan banyak tanah. Namun begitu, sesetengah masyarakat tani yang canggih memilih tanaman sesuai dengan memperkenalkan skim-skim pengairan dan menggunakan teknologi berbentuk baja serta mesin untuk meningkatkan hasil manakala orang Mesir purba membina salah satu tamadun agung dunia dilambangkan oleh Ahram (Pyramids) melalui

kecanggihan pertanian mereka dalam menggunakan sumber-sumber di lembah Sungai Nil.

Perkara ini berbeza dengan penduduk desa di Malaysia tidak mencapai tahap kecanggihan pertanian tinggi. Malah, Mohamad (1999) menyatakan mereka tidak memahami kegunaan-kegunaan wang lebih kompleks. Wang satu kemudahan digunakan menggantikan barang sistem barter. Wang sebagai modal tidak difahami. Ramai petani Melayu bersetuju menyerahkan hasil tanaman mereka yang dituai kepada pekedai atau tuan punya kilang beras daripada kaum Cina sebagai pendahuluan menampung keperluan harian dan perbelanjaan musim mananam yang akan datang. Kebanyakan begitu lurus bendul sehingga tidak terlintas meminta disimpan akaun nilai hasil tuaian mereka atau barang yang telah mereka ambil. Mereka berpuas hati kerana mengambil wang atau barang mereka perlukan daripada pekedai atau tuan punya kilang beras sama ada mereka mengambil terlebih atau terkurang terasa tidak penting bagi mereka. Mereka tidak ingin tahu jika faedah yang diperoleh sebagai orang Islam. Apa yang penting bagi mereka ialah mudah mendapat wang dan barang. Jelas sekali pengurusan wang bukan satu kemahiran yang dikuasai oleh orang Melayu daripada golongan petani dan desa.

Oleh itu, MacPherson (1970) mendefinisikan ‘kemiskinan’ berasal ‘miskin’ dan ‘kefakiran’ berasal ‘fakir’. Perkara ini disebabkan ‘miskin’ dan ‘fakir’ menyamai antara satu sama lain namun golongan miskin mempunyai keadaan yang baik berbanding golongan fakir firman Allah s.w.t surah al-Kahfi ayat 79 bermaksud; “Adapun perahu itu adalah ia dipunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja di laut; oleh itu, aku bocorkan dengan tujuan hendak mencacatkannya,

kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat.”

Berdasarkan firman Allah s.w.t perahu dipunyai oleh golongan miskin dan golongan ini memiliki sedikit harta namun terdapat golongan fakir merupakan golongan tidak memiliki harta berbanding golongan miskin firman Allah surah al-Baqarah ayat 273 bermaksud;

“(Berinfaklah) kepada orang-orang fakir yang terikat (oleh jihad) di jalan Allah; mereka tidak dapat (berusaha) di muka bumi; orang yang tidak tahu menyangka mereka orang kaya karena memelihara diri dari minta-minta. Kamu kenal mereka dengan melihat sifat-sifatnya, mereka tidak meminta kepada orang secara mendesak. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.”

Walau bagaimanapun, Al-Ghazali Abu Hamid (1973) menjelaskan kekayaan dimiliki oleh Allah s.w.t. sebalik fakir adalah manusia. Beliau berpandangan sedemikian berlandaskan firman Allah s.w.t surah Muhammad ayat 38 bermaksud;

“(Ingatlah), kamu ini adalah orang-orang yang bertabiat demikian kamu diseru supaya menderma dan membelanjakan sedikit dari harta benda kamu pada jalan Allah, maka ada di antara kamu yang berlaku bakhil, padahal sesiapa yang berlaku bakhil maka sesungguhnya dia hanyalah berlaku bakhil kepada dirinya sendiri dan (ingatlah) Allah Maha kaya (tidak berhajat kepada sesuatu pun), sedang kamu semua orang-orang miskin (yang sentiasa berhajat kepadaNya dalam segala hal) dan jika kamu berpaling (daripada beriman, bertakwa dan berderma) Dia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain; setelah itu mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.”

Melalui firman Allah s.w.t diatas, Al-Ghazali Abu Hamid (1973) berpendapat manusia dikatakan fakir kerana memerlukan kepada sesuatu. Manusia tidak dikategorikan sebagai fakir sekiranya mereka tidak memerlukan sesuatu. Melalui pentafsiran tersebut, hanya Allah s.w.t. yang tidak memerlukan kepada sesuatu. Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan fakir dimaksudkan surah al-Muhammad ayat 38, menjelaskan bukan maksud fakir secara mutlak, sebaliknya fakir didefinisikan manusia tidak memiliki harta diperlukan olehnya. Justeru, beliau tidak membezakan antara miskin dan fakir bahkan meletakkan kedua-duanya fakir.

#### **4.6.3 Tanggungjawab Manusia Terhadap Kemiskinan**

Perkara ini berkaitan unsur *hablu min Allah s.w.t* menjelaskan sesiapa yang mengasihil golongan miskin salah satu cara memperolehi takwa. Perkara ini dijelaskan firman Allah s.w.t surah al-Baqarah ayat 177 bermaksud;

“Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebijikan, akan tetapi sesungguhnya kebijikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekaan) hamba sahaya, mendirikan salat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam perang. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertakwa.”

Unsur kedua iaitu *habluminnal nas* menyentuh hubungan sesama manusia. Hubungan dalam konteks kemiskinan adalah tepat dihubungkan dengan hubungan antara golongan kaya dengan miskin. Peringatan Allah s.w.t. terhadap *hablu minnal*

*nas* kepada golongan miskin supaya tidak menaruh perasaan iri hati terhadap golongan kaya firman Allah s.w.t surah al-Nisa ayat 32 bermaksud;

“Dan janganlah kamu terlalu mengharapkan (ingin mendapat) limpah kurnia yang Allah telah berikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebesaran). (Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

Berdasarkan firman Allah s.w.t di atas, manusia sentiasa mencari kurniaan tanpa merasa iri hati, dendam dan pelbagai sifat *mazmumah* yang lain. Kemiskinan konteks Islam tidak ditujukan kepada golongan miskin sebaliknya golongan kaya bertanggungjawab terhadap fenomena kemiskinan. Selain itu, Allah s.w.t berfirman kepada golongan kaya supaya harta mereka miliki tidak berkumpul dalam kalangan mereka sahaja firman Allah s.w.t surah al-Hasyr ayat 7 bermaksud;

“Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah dan bagi kaum kerabat (Rasulullah) dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).”

Unsur ketiga adalah Islam menunjukkan keseimbangan antara ekstreem dengan zuhud firman Allah s.w.t surah al-Baqarah ayat 229 bermaksud;

“Itulah hukum-hukum Allah, maka janganlah kamu melanggarinya.

Barang siapa yang melanggar hukum-hukum Allah mereka itulah orang-orang yang zalim.”

Justeru, Islam tidak menidakkkan hak individu yang berusaha gigih mengumpul harta. Islam tidak menjauhkan dunia sehingga membuatkan individu sukar melakukan ibadah dan menyusahkan masyarakat sekelilingnya. Perkara ini dijelaskan firman Allah s.w.t surah al-Qisas ayat 77 bermaksud;

“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”

Begin juga firman Allah s.w.t mengingatkan manusia supaya tidak terlampau boros membelanjakan harta dan tidak terlampau kedekut dengan harta dimiliki. Selain itu, Allah s.w.t mengingatkan supaya bersederhana menguruskan harta firman Allah s.w.t dalam surah al-Furqan ayat 67 bermaksud;

“Dan juga mereka (yang direndahi Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”

Dua dalil sebelum merupakan firman Allah s.w.t menuntut supaya perkerjaan ingin dilakukan oleh manusia perlu berada dipertengahan antara ekstreem dengan kezuhudan melampaui batas. Ia menjelaskan kedudukan harta dalam Islam. Islam menuntut supaya harta diperolehi dan digunakan dengan sebaiknya serta mencari harta adalah kehendak manusia mengurus kehidupan mereka di muka bumi. Justeru, kemiskinan yang dibasmikan oleh Dasar Pembangunan Negara dicetuskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad meningkatkan taraf ekonomi masyarakat Malaysia. Perkara ini dinyatakan teori al-Mawardi (1880) menyatakan pemimpin harus mempunyai ilmu pengetahuan membolehkan pemimpin berijtihad dalam persoalan hukum dan peristiwa berlaku.

#### **4.7 Kepimpinan Islam**

Islam teras utama di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sejak beliau mengambil alih kepimpinan negara. Oleh itu, pandangan kritis mengenai Islam meskipun tidak pernah menganggap diri beliau antara golongan warak membolehkan Tun Dr. Mahathir Mohamad mendapati Islam mengukuhkan kedudukan masyarakat Islam global dan bukan bertujuan menjadikan beliau sebagai pemimpin agung Islam di dunia. Atas dasar itu, Abdul Rahim Abdul Wahid (2016) menjelaskan tahap keagaamaan dan kehidupan secara Islam di Malaysia amat kuat dan awal abad kurun ke-20 orang Melayu Islam meningkatkan tahap kehidupan kepada peringkat lebih baik kerana Malaysia mempunyai dasar dan pembangunan selari dengan Islam.

Sehubungan itu, Pandian (2005) berpendapat elemen penting membincangkan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, hubungan pencapaian ekonomi dan nilai

sosiobudaya wujud dalam agama. Perkara ini ditemui dalam penulisan beliau terutama *The Malay Dilemma* dan *The Challenge*. Idea dipaparkan daripada penulisan beliau berbentuk sekularisme kerana merasionalkan Islam konteks ekonomi dan sosio-politik masyarakat Melayu. Dalam *The Malay Dilemma*, beliau menyatakan masyarakat maju, Islam harus dihalusi ketika wujud fatalism Melayu, ketidaksungguhan menghadapi persaingan dan mengutamakan aktiviti spiritual daripada mencari kebendaan dianggap corak keislaman diamalkan oleh orang Melayu. Perkara ini dihubungkan dengan interpretasi Islam salah dan kelemahan mereka memahami mesej sebenar tersirat menyebabkan masyarakat Melayu dilihat terus mundur. Tafsiran salah dianggap kejatuhan tamadun Islam dan umatnya.

Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad berpendapat nilai-nilai spiritual digunakan berhadapan dengan tekanan dunia dan berpegang mencari kekayaan tidak ditolak atau dilarang oleh Islam malah kepercayaan serta pegangan kepada agama Islam tidak musnah jika bidang sains dan teknologi dipelopori. Nilai dan pemikiran berlandaskan interpretasi Islam tersirat membantu masyarakat Islam bersaing dengan masyarakat lain serta melindungi kedudukan orang Islam (Teik, 1995). Selain itu, organisasi, disiplin dan pendedahan kepada sistem agama membolehkan masyarakat Islam berkembang. Perkara ini membawa satu ikatan baru kepada psikologi orang Melayu kerana tafsiran beliau bertentangan pendapat golongan ulama kerana budaya yang disemai oleh beliau dilihat acuan Barat tidak sesuai dengan Islam. Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad banyak dipengaruhi oleh persaingan dengan orang Cina dalam konteks perkembangan domestik Malaysia. Beliau tidak menolak kepentingan Islam dan mencadangkan pembaharuan amalan tertentu untuk pembangunan serta kesejahteraan masyarakat.

Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi kukuh apabila dasar beliau untuk pencarian kekayaan, kuasa dan pengetahuan dilihat perlu mempertahankan Islam.

Bersetujuan dengan imej sedemikian pada peringkat awal pentadbiran, beliau menumpukan perhatian mengembangkan Islam di bawah payung kesederhanaan baik secara domestik mahupun antarabangsa. Dalam negara, beliau menyakinkan umum bahawa program serta tingkahlaku PAS menjadi penghalang modenisasi dan kemajuan. Di peringkat antarabangsa, pandangan berbentuk masalah imej Islam ditonjolkan. Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad menekankan nilai-nilai harmoni Islam bersesuaian program modenisasi ekonomi negara. Di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, Islam dilihat membentuk identiti pascakolonial baik secara domestik mahupun di rantau antarabangsa memberi kekuatan kepada mempromosikan proses modenisasi bersesuaian sekularisme. Hal ini kerana Islam sebahagian komponen budaya politik Melayu menjadi simbol kepimpinan UMNO sejajar instrumen integrasi komuniti Melayu. Fungsi simbolik Islam dibawah Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai memberi perlindungan daripada UMNO kepada orang Melayu dan penting ketika krisis timbul terutama permusuhan intra-Melayu dan ancaman isu Islam antarabangsa ke atas senario domestik Malaysia.

Walau bagaimanapun, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhadapan dengan dua kumpulan, satu menyokong tindakan beliau dan satu lagi secara terbuka menentang polisi beliau terutama pembangkang. Pertembungan intra-Melayu merupakan proses dilalui bukan untuk memenuhi objektif dasar sekular melalui penyesuaian amalan keagamaan tetapi mencerminkan kepimpinan seorang beragama Islam dan berbangsa Melayu. Rasional keagamaan diberi untuk membentuk masyarakat

dinamik daripada kemajuan ekonomi. Malah, tugasan harian sebagai ibadah serta media memainkan peranan dengan mengembangkan program keagamaan disokong oleh golongan ulama dan intelektual Islam ke arah memperjelaskan nilai agama sederhana. Pada waktu yang sama, mereka tidak menganggap semuanya takdir dan mementingkan aktiviti keduniaan dan bukan bersedia untuk dunia dan akhirat.

Kebanyakan kritikan beliau membawa perubahan dalam menentukan hal tuju pentadbiran Islam di bawah kepimpinan beliau. Antaranya beliau tidak menganggap cara hidup Islam dengan memenuhi amalan-amalan wajib serta berpengetahuan tentang agama Islam semata-mata (Hashim Makaruddin, 2001). Tema selama ini dijadikan agenda utama beliau iaitu nilai-nilai serta budaya dianggap kunci kemelut kedudukan masyarakat Islam. Kepimpinan Islam terutama di Asia Tengah dan permusuhan “intra-Islam” menyebabkan kedudukan Muslim tidak berubah. Oleh sebab itu, Mohamad (1997) menganggap negara Islam jatuh ke tangan orang bukan Muslim kerana kelemahan orang Islam. Perkara ini dilihat kepada insiden Palestin dan kejatuhan Afganistan ke tangan Soviet Union manakala dalam pererangan Iran-Iraq dan Iraq-Kuwait beliau mendapati orang Islam gemar berperang sesama mereka sehingga ramai orang Islam mati di tangan orang Islam. Melihat kepada kedudukan pada hari ini, beliau mendapati masyarakat Islam tidak perlu bangga dengan fakta sejarah atau pencapaian orang Islam sebelum ini kerana masyarakat Islam bukan berada pada kedudukan tersebut lagi.

Ramai beranggapan kegemilangan Tun Dr. Mahathir Mohamad tergambar Wawasan 2020 sebagai matlamat mencapai status negara maju sebuah negara Islam. Ia dianggap landasan membentuk masyarakat mampu bersaing dalam ekonomi serta

teknologi setanding dengan negara maju yang lain tanpa mengabaikan kepentingan Islam. Ini bersesuaian agenda Tun Dr. Mahathir Mohamad mempromosikan pembangunan ekonomi dan modenisasi untuk kesejahteraan rakyat bersesuaian dengan kehendak agama Islam. Ia dianggap sebahagian daripada dasar Islamisasi mengukuhkan kedudukan Islam dalam dan luar negara. Konsep Islam berasaskan kepada model pembangunan kapitalis dijadikan strategi oleh Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai salah satu elemen kepimpinan beliau.

Terdapat perkara dilakukan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengekalkan politik melalui Islam sejak awal lagi. Pada tahun 1984, beliau mengumumkan niat mengislamkan jentera kerajaan di seminar “*The Concept of Development In Islam*” selari pembangunan kerana Islam dilihat agama progresif. Dasar pembangunan ekonomi di peringkat persekutuan diperluaskan, penerusan kepada sistem pemerintahan lama iaitu bergantung kepada ekonomi untuk pembangunan serta mengeksplorasi sumber di samping membentuk persekitaran berorientasikan perdagangan bergantung pelaburan asing serta penukaran teknologi. Ini dilakukan suasana mempertahankan agama Islam dalam pembentukan dasar bergantung kepada pelaburan asing dan waktu yang sama menyakinkan masyarakat Islam bahawa mereka aktif mempromosi Islam dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

#### **4.7.1 Amalan di Dunia sebagai Ibadah**

Islam adalah agama mengiktirafkan amalan duniawi sebagai ibadah dan jalan ke arah menghampirkan diri kepada Allah. Konsep ini jelas dalam ungkapan dunia adalah ladang akhirat bermaksud kehidupan di dunia adalah medan amal bagi

manusia memetik hasil di akhira. Perkara ini dijelaskan Awang Ramli (2012) menjelaskan kehidupan seharian orang Islam mengikrarkan solat mereka:

“bahawa hidup dan matiku adalah kerana Allah”.

Justeru, kehidupan dunia mengikut Islam adalah tidak terpisah dengan akhirat.

Pada suatu ketika Abu Hurairah r.a. beriktikaf dalam Masjid Nabawi, tiba-tiba beliau terpandang seorang lelaki sedang kesedihan duduk di penjuru masjid. Abu Hurairah datang menghampiri lelaki tersebut lalu bertanya sebab-sebab menimpanya. Apabila lelaki itu menceritakan masalah dihadapinya Abu Hurairah berkata kepada lelaki itu,

“ Bangunlah bersamaku! Aku akan tunaikan hajatmu”.

Lalu lelaki itu, berkata kepada Abu Hurairah,

“Apakah anda ingin tinggalkan iktikaf di masjid ini semata-mata untuk menolongku?”

lalu menangislah Abu Hurairah seraya berkata:

“aku mendengar penghuni kuburan ini iaitu Nabi Muhammad s.a.w. tidak lama dahulu berkata : Bahwa seseorang kamu pergi kerana hendak menunaikan hajat saudaranya hingga ia menunaikannya adalah lebih baik daripada iktikafnya di masjidku ini selama sepuluh tahun”.

Demikianlah pengertian amal dalam Islam. Amalan-amalan tersebut apabila diperluas tidak terkecuali amal bersifat politik lantaran berkaitan kehidupan umat. Oleh itu, berkhidmat kepada manusia menurut Islam adalah ibadah menduduki posisi tinggi di sisi Allah. Seluruh ajaran Islam tidak memisahkan antara kepimpinan dengan ibadat, khidmat kemasyarakatan dengan mendirikan sembahyang, amal keduniaan dengan amal keagamaan, perkara ini diperjelaskan firman Allah surah al-Haj ayat 41 bermaksud;

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanan dan perkara yang mungkar dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”

Allah s.w.t. menghubungkan solat difardukan ubudiyyah dengan zakat bersifat ekonomi antara amar makruf nahi mungkar bersifat pemeliharaan politik. Pemimpin menganjurkan perkara makruf dan mencegah perkara mungkar adalah amalan berpolitik secara Islam. Justeru, kita mendapati penegasan al-Quran apabila menyebut persoalan ibadat disimpulkan dengan amal keduniaan dan berkhidmat sesama manusia. Namun begitu, setiap amalan dikerjakan oleh pemimpin dan dilakukan kerana Allah meskipun bersifat khidmat politik dikira ibadah serta diberikan pahala. Keadilan dilaksanakan kepada rakyat dan menghilangkan kezaliman daripada mereka adalah ibadah menurut Islam. Sebaliknya amalan dilakukan oleh orang Islam bukan kerana Allah walaupun bersifat ibadah tidak dikira sebagai ibadah.

Islam memainkan peranan besar dalam membentuk gaya hidup masyarakat tetapi interpretasi berbeza menyebabkan wujud kesan berlainan terutama di peringkat tempatan apabila wujud pertembungan antara kelompok tertentu misalnya ulama, golongan agama dan PAS. Selain itu, tindak balas kerajaan dianggap sebagai proses Islamisasi kebangsaan dan di bawah kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad bahkan banyak dilakukan sebagai respons kepada golongan ekstremis dan fanatik yang mengugat ketenteraman serta pembangunan. Justeru, Tun Dr. Mahathir Mohamad menghadapi kritikan daripada golongan melihat tindakan kerajaan

sebagai bergantung kepada dasar pembangunan sekular namun kerajaan juga tidak ketinggalan menekankan autoriti ke atas interpretasi dasar diamalkan berlandaskan nilai-nilai keislaman dan dipimpin berdasarkan Islam sebenar tafsiran kerajaan. Pandangan ini disesuaikan dengan fakta sejarah membuktikan Islam pernah menerokai dan menguasai dunia dengan kejayaan dalam penghasilan barang material, budaya, kemahiran pengetahuan serta bidang sains yang meluaskan misi pengembangan agama Islam. Tun Dr Mahathir Mohamad menggunakan sejarah kegembilangan Islam mengukuhkan kepimpinan beliau kerana agama dan bangsa malah dianggap saling lengkap-melengkapi. Perkara ini dilihat berdasarkan teori al-Mawardi (1880) berpendapat pemimpin seharusnya mempunyai ilmu pengetahuan membolehkan pemimpin berijtihad persoalan hukum dan peristiwa berlaku.

#### **4.8 Kempen Kepimpinan Melalui Teladan**

Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad unik berbanding kepimpinan sebelum ini. Hal ini kerana sejak beliau mengambil alih kepimpinan negara pada tahun 1981 rakyat mengharap perubahan memandangkan Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan tokoh berwawasan, berjiwa rakyat, radikal serta inginkan kemajuan menjadikan Malaysia sebagai negara berdaya saing. Justeru, kesemua ini memenuhi ciri-ciri kepimpinan berkarismatik, populis dan pragmatik (Furuoka, 2007; Pandian, 2005). Di samping itu, kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad penting dalam konteks politik tanah air kerana kejayaan Malaysia dan sepanjang tempoh tersebut dikaitkan beliau. Kejayaan ini berpaksikan legitimasi politik beliau yang dianggap sebagai genre politik iaitu Doktrin Mahathir.

Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai latar belakang orang kebanyakan dan bukan daripada kalangan anak bangsawan beliau menyerlah imej sebagai *thinking politician* meskipun ketika pernah menyanggahi kepimpinan parti dan dilabelkan seorang ekstremis atau ultra-Melayu. Bahkan pada awal perlantikan sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat kurang popular dan masih dicurigai oleh bukan Melayu kerana dikaitkan dengan sentimen anti bukan Melayu. Surat terbuka mengkritik kepimpinan Tunku Abdul Rahman selepas peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969 dan terbit buku *The Malay Dilemma* dianggap faktor menyumbang kepada tafsiran awam terhadap beliau. Hal ini dilihat melalui Pandian (2005) menjelaskan Jerry Bass (1983);

*“... Mahathir is the first Malaysian Prime Minister who is not from the traditional Malay or educated as a lawyer in England. He appears to be a thinker and an idealist even a ‘rebel’ who gained the highest position in the land unsullied by the usual compromises of political life”.*

Faktor kepimpinan elemen penting memastikan kejayaan sesuatu pembangunan dilaksanakan. Junaidi (2006) berpendapat pembangunan dinamik berlaku perkhidmatan awam bergantung kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana beberapa faktor. Pertama, beliau adalah pemimpin dinamik dan berkarismatik dengan wawasan jelas ke arah pembangunan serta kemajuan di Malaysia. Perkara ini dibuktikan melalui program yang diperkenalkan secara umum malah diterima dengan baik oleh sektor awam dan swasta. Kedua, Tun Dr. Mahathir Mohamad sangat teliti dan memelihara kepentingan individu dalam program dilaksanakan. Selain itu, beliau sentiasa melakukan lawatan peribadi memastikan projek dilaksanakan berjalan dengan lancar. Ketiga, beliau merupakan pemimpin berani

menghadapi risiko memastikan rancangan pembangunan dilakukan berjaya dilaksanakan dengan sempurna. Keempat, beliau menitikberatkan penglibatan aktif sektor swasta dilihat penggerak dalam pembaharuan diperkenalkan.

Pelbagai program diperkenalkan sebagai usaha meningkatkan kualiti, kecekapan dan produktiviti dalam kalangan kakitangan kerajaan (Hussain, 1997). Antara program tersebut pemberian prosedur dan sistem kerja, polisi penswastaan, penggunaan jentera dan teknologi, pembaharuan belanjawan dan sistem pengurusan kewangan serta menukar sikap kakitangan kerajaan. Selain itu, pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad memastikan latihan diberikan kepada semua kakitangan kerajaan serta peluang kenaikan pangkat, faedah tambahan dan peluang untuk melanjutkan pengajian serta cuti sabatikal dalam usaha memberi pendedahan yang meluas kepada kakitangan di setiap jabatan kerajaan. Sehubungan itu, terdapat pembaharuan lain diperkenalkan berkaitan pengaturan saiz pekerja dalam sektor awam dimulakan pada 1982 bertujuan mengawal bilangan pekerja perkhidmatan awam kadar optimum (Hamil Jamaie, 2006). Keadaan ini bertujuan memperbaiki kecekapan, menjimatkan kos dan mengurangkan perbelanjaan dalam sektor awam.

Walau bagaimanapun, Tun Dr. Mahathir Mohamad melakukan pembaharuan ke atas birokrasi menggunakan strategi *structural* dan *behavioural* meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam perkhidmatan awam (Ahmad Atory & Malike, 2004). Dengan menggunakan kedua-dua pendekatan ini pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad berusaha melakukan pembaharuan ke atas kakitangan kerajaan seterusnya meningkatkan kecekapan serta keberkesanan dalam perkhidmatan awam. Selain itu, terdapat pembaharuan diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir

Mohamad seperti Pensyarikatan Malaysia, Konsep Bersih, Cekap dan Amanah, Kepimpinan Melalui Teladan yang mencapai kejayaan.

Kempen Kepimpinan Melalui Teladan satu cara memimpin melalui contoh teladan ditunjukkan oleh pemimpin sehingga orang dipimpinnya mahu mematuhi dan melaksanakan apa dikehendaki oleh pemimpin secara sukarela bukan paksaan. Kempen Kepimpinan Melalui Teladan satu kempen diperkenalkan pada 19 Mac 1983. Pelancaran kempen disempurnakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad menanam dan memupuk sifat kepimpinan berkesan untuk dicontohi, dihayati serta diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat. Menerapkan nilai bertanggungjawab dan etika murni dalam kalangan kakitangan awam.

Justeru, kempen Kepimpinan Melalui Teladan mengandungi aspek menyentuh ideologi, etika perkhidmatan dan tanggungjawab kepada bangsa dan negara sebagaimana terkandung dalam ikrar-ikrar berikut; (a) Menyedari tanggungjawab kepada negara, bangsa dan agama (b) Menjunjung cita-cita Rukun Negara (c) Berpegang teguh kepada teras perkhidmatan cemerlang (d) Menghayati nilai-nilai murni kepimpinan (e) Mengamalkan perilaku mulia kepimpinan (f) Menyemarakkan contoh-contoh unggul kepimpinan bersih, cekap dan amanah. Dasar bertujuan mengubah sikap demi mencapai dan memperkuuhkan nilai-nilai baik bagi meninggikan etika kerja dan daya pengeluaran negara selaras dengan dasar-dasar lain seperti Bersih, Cekap dan Amanah, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan Dasar Produktiviti.

Matlamat Kepimpinan Melalui Teladan meningkatkan hasil kerja. Dalam hal ini sektor awam mengendalikan perkhidmatan kepada orang ramai; (i) Mempercepatkan proses meluluskan permohonan (ii) Mempermudahkan perlaksanaan usaha pembangunan (iii) Menyediakan berbagai perkhidmatan harian. Bagi menjayakan kempen ini, pemimpin di semua peringkat dalam perkhidmatan kerajaan diberikan peranan baru menggerakkan kakitangan awam supaya bekerja dengan gigih dan memberikan perkhidmatan yang baik kepada orang ramai.

#### **4.8.1 Peranan Pentadbiran dalam melaksanakan Kempen Kepimpinan Melalui Teladan**

Pemimpin semua peringkat dan lapisan mengutamakan tugas serta tanggungjawab diamanahkan, tidak mementingkan diri sendiri dan tidak melakukan sebarang tindakan bertentangan dengan cita-cita masyarakat dan negara seperti kegiatan-kegiatan penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa. Sejak pelancaran kempen ini, berbagai aktiviti dilaksanakan oleh pihak urusetia kempen serta kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan seluruh dunia. Pada amnya, aktiviti ini dinyatakan Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN) (1988); 1) Mengadakan berbagai ceramah, forum, seminar, bengkel dan perbincangan-perbincangan bertujuan menimbulkan kesedaran tentang sifat-sifat kepimpinan bernilai tinggi menjadi contoh dan teladan kepada orang lain. 2) Menerapkan falsafah Kepimpinan Melalui Teladan dalam lain-lain program kerajaan ke arah meningkatkan daya pengeluaran sektor awam, termasuk kumpulan meningkatkan Mutu Kerja, manual prosedur dan fail meja, perkhidmatan kaunter dan perhubungan awam. 3) Menganjurkan pameran kepimpinan oleh Arkib Negara Malaysia di

peringkat pusat dan negeri. 4) Menerbitkan risalah dan buku mengenai Kepimpinan Melalui Teladan termasuk risalah bercorak keagamaan.

Bagi jentera pentadbiran yang berhubung dengan rakyat, antara nilai-nilai kepimpinan terpuji sewajarnya diamalkan ramah mesra, tidak sompong, bertimbang rasa, bersikap rajin dan membantu rakyat memerlukan pertolongan. Kakitangan awam mengurangkan sikap cepat marah jika orang ramai bertanya atau tidak faham dengan peraturan. Tugas menggerakkan pekerja, fungsi utama dalam kegiatan. Pemimpin harus mengubah sikap pekerja terhadap kerja-kerja mereka. Sikap yang positif dan dedikasi terhadap pekerjaan seterusnya menghasilkan mutu kerja tinggi. Justeru, proses mencontohi pemimpin dilakukan melalui pembelajaran, pemerhatian dan pengikutan. Prinsip asas pembelajaran ialah cara memerhati tindakan orang lain dan akibat tindakan tersebut. Proses mencontohi orang lain berlaku secara halus. Malah, model dianggap pakar dalam tugasnya. Jika model menunjukkan tingkah laku berkesan, besar kemungkinan beliau dicontohi tetapi jika terjadi sebaliknya proses mencontohi tidak berlaku.

Suatu bengkel penilaian kempen Kepimpinan Melalui Teladan diadakan 8hb hingga 9hb 1984 iaitu setahun selepas kempen dilancarkan. Bengkel ini bertujuan menilai keberkesanan kempen setelah setahun dilaksanakan. Matlamat mempertingkatkan aktiviti di masa akan datang. Oleh itu, antara penemuan penting bengkel penilaian diadakan Institut Tadbiran Awam Negara menunjukkan kakitangan kerajaan dan rakyat berpendapat mutu perkhidmatan kerajaan bertambah baik sejak kempen dijalankan. Walau bagaimanapun, ianya tidak mencapai tahap membanggakan. Penilaian ini memaparkan masih ada sebahagian kakitangan kerajaan yang belum

memahami dengan jelas matlamat kempen ini. Perkara asas bagi memastikan kejayaan kempen adalah kewujudan kepimpinan cemerlang dan boleh dicontohi pada semua peringkat. Kewujudan nilai-nilai baik secara berterusan menjadi cabaran kepada pengasas dan pelaksana dasar-dasar kerajaan.

Kempen Kepimpinan Melalui Teladan diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah menanam dan memupuk sifat kepimpinan berkesan untuk dicontohi, dihayati serta diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat. Selain itu, pembinaan tamadun perlu sokongan struktur masyarakat kukuh dan berdaya saing. Ia memerlukan kewujudan modal insan, institusi, organisasi swasta dan kerajaan berkualiti serta berdaya saing. Dalam mengekal serta memastikan pencapaian material tidak bertukar menjadi ancaman yang merosakkan keharmonian masyarakat, maka etika diamalkan oleh semua pihak. Hal ini dipersetujui oleh Wan Daud Wan Mohd Nor (2005) menjelaskan pembangunan bersifat kegiatan terancang yang menghasilkan kebaikan. Malah, tindakan tersebut membawa momentum gerakan ke belakang atau mengundur seperti keruntuhan moral masyarakat, meningkatkan jenayah serta masalah sosial dan seumpamanya mengakibatkan pembangunan sebenar belum tercapai.

Pembangunan dan kejayaan negara bergantung kepada sikap positif serta bermoral tinggi oleh pihak pengurusan pekerjaan, pentadbiran dan rakyat. Oleh itu, kesedaran ditanam dalam jiwa kakitangan awam, swasta dan rakyat supaya mereka memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing serta melaksanakannya dengan cekap dan berkesan di samping mempunyai sikap bersih dan beramanah. Malah, perasaan serta tanggapan mereka bekerja memenuhi keperluan diri sendiri iaitu mendapat

upah hendaklah dikikis tetapi sebaliknya semangat bekerja untuk faedah negara dan rakyat ditanamkan dalam jiwa mereka.

Sejarah kepimpinan organisasi awam di Malaysia era terkini iaitu tahun 1980an hingga sekarang, kebanyakannya dipelopori oleh dasar-dasar disarankan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Hal ini dibuktikan melalui usaha meningkatkan daya pengeluaran negara malah pihak kerajaan melancarkan dasar pandang ke timur, mewajibkan kad perakan waktu bekerja, mengadakan kempen daya pengeluaran dan menganjurkan kempen kepimpinan melalui teladan (Hussain, 2006). Selain itu, daya pengeluaran masyarakat Jepun begitu tinggi, sama ada secara individu mahupun peringkat negara, pihak kerajaan menganggap untuk mencapai matlamat dingini, pemimpin dan rakyat mesti mengikuti etika kerja bagi masyarakat Jepun memberi sumbangan besar kepada daya pengeluaran mereka. Perkara ini dilihat budaya bekerja masyarakat Jepun yang mementingkan keselesaan dan berminat melakukan pekerjaan sehingga menimbulkan kepuasan hati tanpa mengira masa dan tenaga (Teik, 2003b). Oleh itu, timbulnya semangat kepercayaan dalam meningkatkan daya pengeluaran, para pekerja merasa kepuasan dan diberikan kepuasan dalam pekerjaan mereka.

Bersesuaian dengan hasrat tersebut, satu kempen besar-besaran iaitu kempen Kepimpinan Melalui Teladan dilancarkan pada bulan Mac 1983 dengan harapan untuk melahirkan kakitangan awam menghayati nilai-nilai murni kepimpinan, mengamalkan perilaku mulia kepimpinan, menyemarakkan contoh-contoh untuk kepimpinan bersih, cekap dan amanah serta meningkatkan hasil kerja. Sasaran utama kempen ini ialah pemimpin politik terlibat dalam pentadbiran kerajaan dan

pengawai-pengawai yang mengetuai setiap unit dalam organisasi sektor awam. Pelancaran kempen ini dilakukan secara besar-besaran memperlihatkan kepercayaan tinggi kepada pemerintah dan memberi kesan bidang kepimpinan dari segi prestasi, kepuasan serta perasaan bangga dengan pekerjaan masing-masing.

Manakala di peringkat antarabangsa, pemimpin organisasi dianjurkan bersedia dengan perubahan-perubahan yang datang bersama persejagatan pasaran. Namun begitu, Bass dan Avolio (1990) menjelaskan fokus diberikan pemimpin-pemimpin transformasi menyambut perubahan positif dan bergerak aktif dalam mencipta perubahan serta tidak bergantung kepada pendekatan transaksi diasaskan kepada kepimpinan peneguhan. Malah, idea kepimpinan dianggap bertentangan dengan keunggulan masyarakat bebas kerana pemimpin-pemimpin autokratik yang pengikutnya terpaksa tunduk menurut perintah (Gardner, 1984). Walau bagaimanapun, Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan kempen Bersih, Cekap dan Amanah pada pertengahan April 1982 sebagai amalan kepada masyarakat di Malaysia. Konsep ini selaras dan asas kepada kempen Kepimpinan Melalui Teladan pada tahun 1983.

Merujuk kepada Prime Minister's Office Goverment Malaysia (1983) menyatakan sifat-sifat yang diterapkan dalam jiwa pekerja dan rakyat seperti berikut; Pertama, bersih iaitu; (a) Mempunyai moral tinggi, bertatatertib dan berdisiplin serta tidak menyeleweng dan tidak mengambil rasuah. (b) Berkecuali iaitu tidak memihak kepada pihak lain. (c) Tidak mementingkan diri sendiri. (d) Tidak khianat, hasad dan dengki. Kedua, cekap iaitu; (a) Berani dan cepat membuat keputusan. (b) Menghadapi krisis dengan tenang. (c) Bersikap tegas kepada prinsip. (d)

Mempunyai produktiviti tinggi dan kualiti dalam kerja. (e) Mempunyai kenyakinan diri. (f) Berpandangan jauh dari segi proaktif dan bukan reaktif. (g) Berpengetahuan, berpengalaman serta mahir dalam bidang-bidang tertentu. Ketiga, amanah iaitu; (a) Rela dan cuba menjalankan tugas serta tanggungjawab diamanahkan dalam batas kuasa ditentukan dengan gigih dan ikhlas bagi mencapai objektif ditetapkan. (b) Mempunyai sifat luhur, murni dan jujur kepada diri sendiri, rakan dan organisasi.

Bagi melaksanakan konsep ini kerajaan Malaysia mempratikkannya terlebih dahulu mengambil daya utama bagi membaiki perkhidmatan-perkhidmatan diberikan pentadbiran awam melalui langkah-langkah tertentu, antara;

Pertama, mengadakan Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM). Kerajaan menyedari kelemahan dalam pentadbiran awam berpunca dari ketidakpastian pengawai serta kakitangan kerajaan mengenai tugas dan kuasa untuk bertindak serta wujudnya pertindihan tugas dan tanggungjawab. Oleh sebab itu, ketidakpastian para pengawai tidak yakin membuat keputusan dan terpaksa merujuk kepada pihak atasan atau agensi lain. Malah, MPK dan FM yang menentukan cara kerja harus dijalankan, siapa bertanggungjawab, siapa mempunyai kuasa, pihak harus dihubungi, juenis peraturan dan undang-undang disemak serta langkah-langkah yang diambil. Oleh itu, semua jabatan kerajaan diminta menyediakan MPK dan FM dan diharap melicinkan pentadbiran serta mempercepatkan segala tindakan. Kedua, membaiki aspek pengurusan melalui teknik-teknik baru seperti mesyuarat dan kumpulan meningkat mutu kerja (QCC). Dalam teknik ini, para pegawai dan kakitangan awam memberi sumbangan fikiran namun golongan tidak pasif, mereka akan menunggu arahan untuk melakukan perkerjaan. Malah, dalam mesyuarat serta

KMK terdapat idea-idea baru dan pandangan praktikal yang disuarakan membaiki hasil kerja. Secara khususnya teknik ini memerlukan kakitangan awam mempunyai sikap '*innovative and creative*'.

Ketiga, perluasan khidmat pusat-pusat pembayaran bil setempat. Konsep bertujuan memberi kemudahan kepada orang ramai menyelesaikan urusan mereka dengan cepat serta menjimatkan masa tanpa terpaksa pergi ke jabatan berasingan. Keempat, Pejabat Pelan Terbuka. Pelan ini memastikan ruang pejabat digunakan secara optima dan membolehkan pengawasan dijalankan dengan sempurna. Kelima, Kad Perakam Waktu. Sistem menentukan semua pengawai mengikut waktu sebagai formaliti dan mereka mengambil berat tentang waktu dan bertindak mengikut jadual yang diberikan. Keenam, pengisytiharan harta oleh para anggota kabinet dan pengawai serta kakitangan kerajaan. Ketujuh, pemakaian 'Name Tag' oleh setiap kakitangan kerajaan. Kelapan, menegaskan dan memperkuuhkan peranan Badan Pencegah Rasuah untuk menyiasat tuduh-tuduhan rasuah. Kesembilan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang menghargai pegawai-pegawai berdedikasi dan memberikan sumbangan istimewa. Justeru, terdapat tujuh Teras Perkhidmatan menjadi asas bagi prestasi kelakuan serta kerja-kerja sehari-hari bagi kakitangan awam. Kesepuluh, penghantaran pegawai-pegawai melanjutkan pelajaran bagi meluaskan pengetahuan dan pengalaman memberikan sumbangan yang proaktif apabila balik untuk bekerja.

Bersih, Cekap dan Amanah adalah konsep yang murni. Sifat-sifat ini merupakan asas penting mewujudkan satu masyarakat Malaysia bertamadun, bermoral serta bersesuai Islam sebagai agama persekutuan bagi Malaysia. Namun begitu, konsep

ini tidak boleh dipisahkan dan hendak berjalan dengan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Murni, Rukun Negara, dan Kepimpinan Melalui Teladan.

#### **4.8.4 Kepimpinan Melalui Teladan yang diamalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Melalui kemenangan Kepimpinan Melalui Teladan perubahan berlaku kerana mengurangkan masalah rasuah. Perkara ini dilihat apabila kontraktor ingin membina hotel yang memerlukan 200 jenis kelulusan berasingan dan mengambil masa bertahun-tahun untuk mendapatkannya. Oleh sebab itu, masa adalah wang maka pemohon tidak sabar menunggu memberi sogokan bagi mempercepatkan proses kelulusan. Para pegawai sedar terdapat faedah sampingan yang didapati dengan urusan melambatkan hasil pekerjaan dan tabiat sebegini disekat. Hal ini dilihat melalui kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mohamad, 2012);

“Saya berhasrat untuk memimpin melalui teladan, jadi saya mengamalkan sendiri nilai-nilai yang kita perkenalkan dan menolak sebarang percubaan untuk menyogok saya. Ia melibakan kawalan sifat tamak. Sebagai Perdana Menteri, saya sudah pun menerima gaji yang mencukupi dan kerajaan turut menyediakan kediaman yang selesa, membayar bil air dan elektrik, memberi kereta dan kapal terbang untuk kegunaan saya serta membayar elauan perjalanan. Saya sudah ada semuanya dan tidak perlukan apa-apa lagi. Begitu pun, pengkritik saya masih menganggap saya korup. Bagaimanapun, saya tidak rasa bersalah”.

Rasuah tidak dihapuskan sepenuhnya namun boleh dikurangkan. Dengan mengurangkan jumlah kelulusan diperlukan dan mempercepatkan pengeluaran,

rasuah makin susah dilakukan. Buktinya di Malaysia, proses membina atau membaiki rumah lebih cepat berbanding di England. Di sana wujud pelbagai halangan dan pendapat dari segi alam sekitar, reka bentuk tradisional dan sebagainya. Kerajaan British dan pihak berkuasa tempatan mengambil masa 13 tahun untuk meluluskan pembinaan terminal kelima Lapangan Terbang Heathrow, London. Justeru, kempen Kepimpinan Melalui Teladan diperkenalkan dan Tun Dr. Mahathir Mohamad memulakan langkah awal bersama pemimpin lain khususnya Menteri, Ketua-ketua Pentadbir dan Ketua-ketua Parti. Langkah awal dilakukan ketika keputusan dibuat kakitangan awam merakamkan waktu mereka masuk bekerja pada sebelah pagi dan pulang pada sebelah petang kerana ramai kakitangan awam masuk kerja dan pulang sesuka hati. Namun, hal ini dilihat kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mohamad, 2012);

“Apabila sistem kad perakam waktu diwajibkan, saya tunjuk teladan dengan merakamkan sendiri masa saya masuk dan keluar pejabat. Saya amalkannya sepanjang tempoh perkhidmatan saya. Apabila kita pindah ke Putrajaya iaitu pusat pentadbiran Persekutuan yang baru, mereka memperkenalkan kad perakam waktu elektronik dan kad saya hilang. Bagaimanapun, saya sentiasa sampai ke pejabat pukul 8.30 pagi dan balik hanya pada pukul 6 petang”.

Sehubungan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kejayaan Projek Kereta Nasional membawa erti yang besar terhadap ekonomi Malaysia. Projek ini menjadi nadi penggerak bagi pembangunan industri lain serta membuka peluang pelaburan dan pekerjaan. Proton menghasilkan pelbagai jenis kereta digunakan dalam negara malah dieksport ke luar negara antaranya, Eropah, Australia, Tobago dan sehingga ke Trinidad. Proton Saga merupakan nama kereta bagi model pertama dilancarkan pada tahun 1985 (Junita, 2014). Proton Saga menjadi perhatian pasaran kerana

harga Saga rendah daripada kereta lain dan mempunyai daya tarikan patriotisme. Selain itu, mempamerkan kemampuan Malaysia mengeluarkan kereta Proton dan Tun Dr. Mahathir Mohamad ingin mempamerkan kepada dunia khususnya negara-negara maju di Barat bahawa Malaysia sebagai negara membangun memperoleh taraf kemajuan dalam bidang sains dan teknologi, mempunyai pekerja berkualiti dan mampu berdiri setaraf dengan negara-negara maju (Zook, 2010).

Sebagai Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad juga memandu kereta dikeluarkan oleh Proton di bawah Dasar Automotif Nasional. Hal ini kerana sejak penubuhan Proton tahun 1985, Malaysia berjaya membangunkan keupayaan industri automotif yang bersepada merangkumi rekaan tempatan serta keupayaan rekabentuk, operasi pengeluaran berskala penuh dan penyertaan tempatan meluas dalam pembekalan komponen. Perkara ini dilihat melalui kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mohamad, 2012);

“Sebagai Perdana Menteri, saya diberikan kereta Limousine jenis Daimler yang sangat besar untuk kereta rasmi. Bagaimanapun, apabila Proton mengeluarkan model Perdana, saya mula menggunakaninya. Saya juga meminta semua Menteri menggunakan kereta yang sama, tetapi ramai pegawai kanan Kerajaan berasa mereka sepatutnya menggunakan Mercedes. Saya pun tidak paksa mereka tukar. Jadi di Malaysia, sewaktu pentadbiran saya, Menteri guna kereta yang lebih murah daripada pengawai tinggi kerajaan. Saya rasa ini masih diamalkan malah oleh Perdana Menteri”.

Melalui Kereta Nasional Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad juga memperkenalkan Syarikat Penerbangan Malaysia iaitu MAS. MAS merupakan syarikat penerbangan pertama pada tahun 1947. Ia bertindak pendorong kritikal

menghubungkan Malaysia dengan dunia luar dan pada masa sama menyatukan negara. MAS merangkui kecemerlangan produk dan perkhidmatan ditawarkannya, mempersempahkan Malaysia ke persada dunia serta membawa dunia ke Malaysia. MAS diibaratkan duta Malaysia bersayap (Khazanah Nasional, 2014). Malah, Ahmad Sabri Ahmad Zaharuddin Sani (2015) menegaskan MAS adalah ikon kebanggan negara ditubuhkan sebelum merdeka dan sebahagian daripada Malaysia. MAS berjaya memacu pertumbuhan negara ke arah matlamat Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi. Bagi merealisasikan hasrat murni tersebut, Tun Dr. Mahathir Mohamad memainkan peranan penting membolehkan rakyat Malaysia berani menceburi bidang penerbangan udara. Beliau melakukan penerbangan sendiri bagi memberi teladan kepada golongan belia menceburi bidang tersebut. Selain itu, beliau mula menunggang kuda untuk memberi galakan kepada golongan belia. Hal ini diakui oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mohamad, 2012);

“Kepimpinan Melalui Teladan memberi tekanan kepada saya tetapi berbaloi. Saya belajar memandu kapal terbang bagi menggalakkan anak muda kita berbuat demikian. Selepas saya mula menunggang kuda, kelab-kelab menunggang didirikandi seluruh negara. Di Kuala Lumpur sahaja, ada lapan kelab menunggang kuda dan penunggang kuda kita berjaya memenangi banyak pertandingan antarabangsa”.

#### **4.8.5 Kepimpinan Melalui Teladan Dalam Konteks Islam**

Dalam konteks Islam, dilihat kepimpinan yang dicontohi oleh umat Islam adalah kepimpinan dipimpin oleh Nabi Muhamad s.a.w. Hal ini dipersetujui oleh Choundhury (1993) dan Watt (1961) menyatakan Nabi Muhammad bukan pemimpin spiritual yang berjaya sebaliknya ketua negara dan pentadbir berjaya. Dalam konteks pembawa perubahan baginda berjaya menghasilkan revolusi

signifikan dalam cara hidup serta pemikiran masyarakat Arab. Di samping itu, Watt (1961) menyenaraikan tiga kualiti kehebatan diri Nabi Muhammad s.a.w. menyebabkan pengaruh Islam ke seluruh dunia, iaitu; (a) Mampu melihat jauh ke masa hadapan. (b) Kebijaksanan sebagai ketua negara. (c) Kemahiran sebagai pentadbir dan kebijaksanaan memilih pekerja untuk pendeklasian kerja-kerja pentadbiran. Nabi Muhammad s.a.w diutus dengan tugas dan tanggungjawab tertentu seperti firman Allah surah Al-Ahzab ayat 45-46 bermaksud;

“ Wahai Nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi dan pembawa berita gembira serta pemberi amaran. Dan juga sebagai penyeru kepada agama Allah dengan taufik yang diberiNya dan sebagai lampu yang menerangi”.

Dalam konteks tanggungjawab diamanahkan Nabi Muhammad SAW menunjukkan teladan baik kepada umat Islam. Baginda tidak hanya mengeluarkan arahan, sebaliknya baginda menjadi orang pertama melakukan amalan yang diarahkan kepada pengikutnya. Oleh itu, pendidikan dan asuhan baginda kepada umat Islam menepati konsep mendidik melalui teladan ditunjukkan baginda sendiri (Mohd Haidar Kamarzaman, Norakmal Azraf Awaluddin, Muhammad Akmal othoman, 2013). Sehubungan itu, Ishak (2011) berpendapat konsep mendidik melalui teladan dapat dipelajari daripada contoh pengajaran baginda kepada sahabat tentang cara mendirikan solat seperti sabda yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dari Malik bin Al-Huwairith;

“kerjakanlah solat sebagaimana kamu melihatku mengerjakan solat”.

Hal ini selaras pandangan Hasan (1988) menyatakan tidak ada pemisahan antara ibadah khas seperti solat, berpuasa dan sebagainya dengan muamalat termasuk

mewujudkan pembangunan. Ibadah khas memantapkan akidah dan memperelokkan akhlak manakala muamalat duniawiyah melicinkan tugas kemasyarakatan dan mempercantikkan kehidupan. Kedua-dua ibadah khas dan muamalat duniawiyah memiliki kelebihan dan kepentingan saling melengkapi. Umat Islam tidak memiliki alasan untuk meninggalkan ibadah khas dengan alasan mahu bekerja untuk kepentingan orang. Sesungguhnya Al-Quran dikatakan kitab sempurna bukan sahaja menjelaskan tentang asas-asas akidah tetapi mengenai segala keperluan manusia.

Selain syariat duniawi, Al-Quran merupakan syariat ukhrawi merangkumi perintah dan larangan bermanfaat segala bidang kehidupan manusia tidak terkecuali dalam pembangunan. Bahkan Al-Quran mengamanahkan kaum muslimin memimpin dan mengatur dunia bagi melahirkan pembangunan Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah. Kempen Kepimpinan Melalui Teladan diperkenalkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad adalah mengikut ajaran Islam. Hal ini berdasarkan teori pembangunan Islam berkait rapat dengan kemajuan umat kerana berteraskan tauhid kepada Allah (Ghazali, 2012). Malah, pembangunan Islam merupakan pembangunan membawa manusia mendekatkan diri kepada Allah serta menghayati nilai-nilai Islam dalam kehidupan sejagat. Islam merupakan agama progresif, bersifat daya saing, kemanusiaan serta memberi sumbangan besar kepada peradaban manusia.

Kempen Kepimpinan Melalui Teladan dijalankan untuk memupuk semangat disiplin dan membentuk jati diri rakyat supaya mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah setaraf dengan bangsa lain. Perkara ini disebut dalam agama Islam menitikberatkan kesempurnaan dan kesederhanaan. Justeru, untuk memantapkan kempen Kepimpinan Melalui Teladan pemimpin dari pelbagai

peringkat sama ada peringkat bawahan sehingga peringkat tertinggi menunjukkan contoh baik dijadikan teladan bagi golongan belia dan kanak-kanak. Hal ini direalisasikan dan dimulakan melalui alam sekolah supaya penyemaian nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar dipupuk bagi melahirkan pemimpin mempunyai kualiti atau nilai tersendiri. Perkara ini bertepata teori al-Ghazali (1987) pemimpin menjalankan pengurusan dengan lembut dan mencari keredhaan orang dipimpin.

#### **4.9 Mahathirisme**

Selepas 22 tahun menerajui kepimpinan di Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad berundur pada tahun 31 Oktober 2003. Pengunduran beliau dirasakan suatu “kehilangan besar” pada negara dan bangsa tetapi keputusan yang dibuat mengenainya. Tun Dr. Mahathir Mohamad tetap berundur namun yang pasti citra dan kegemilangan rekod politiknya bersemadi dalam sejarah bangsa Malaysia. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah modernis, pragmatis dan strategis. Beliau mempunyai enigma dimanifestasikan perkataan “Mahathirisme” merangkumi pemikiran beliau meskipun ada yang dianggap kontroversial (Hitam, 2016). Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak mengubah hala tuju pembangunan politik, sosial dan ekonomi diwarisi daripada bekas-bekas Perdana Menteri sebelum beliau. Justeru, terdapat perbezaan dan kelainan berdasarkan kesignifikanan faktor Tun Dr. Mahathir Mohamad dari segi pendekatan dan gaya kepimpinannya. Malah disebalik berlatar belakangkan “rakyat biasa” yang ada, pemikiran politik intelektual menjadi paksi penting dalam kepimpinan beliau.

Sebagai pemikir politik intelektual kritis, beliau bijak mengatur strategi kepimpinan. Pendekatan kepimpinan beliau menjurus pelaksanaan dasar ekonomi untuk

membangunkan bangsa, kelantangan dalam menyuarakan rasa tidak puas hati ke atas ketidakadilan Barat, pemikiran agama sederhana, efektif, bersifat terbuka dan berani membuat pembaharuan dan pengubahsuaian demi mempertahankan martabat bangsa. Selain itu, berpendidikan Inggeris Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat tidak selesa menyokong Barat oleh pemimpin sebelum ini terutama yang menuntut di luar negara. Perkara ini disebabkan Tun Dr Mahathir Mohamad terdidik dalam bidang pengajian perubatan berbeza dengan mereka mempelajari undang-undang, beliau seorang yang realis dan prihatin dengan pengamatan peribadi ke atas gejala keterbelakangan orang Melayu. Disamping itu, Pandian (2005) berpendapat latar belakang dan personaliti Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan asas penampilan sehingga menjadikan “Mahathirisme” sebagai suatu ikon. Fasa pertama zaman remajanya di Alor Setar dan Singapura membolehkan beliau mengenali dan memahami masyarakat Melayu serta menginsafi keterbelakangan hidup mereka. Kesengsaraan masyarakat Melayu dilihat satu cabaran besar meskipun beliau dalam kalangan kelas menengah dewasa.

Faktor latar belakang penting kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak merintih tentang nasib bangsa sendiri tetapi berusaha mempersiapkan diri berbakti kepada bangsa. Pergolakan politik seperti Perang Dunia Kedua dan pergerakan kemerdekaan di Asia dan Afrika mempengaruhi pemikiran dan kesedaran politik beliau. Sementara persiapan tersebut, pendidikan dilihat faktor utama dalam kemajuan hidupnya sendiri dilengkapi oleh asuhan kepimpinan dan disiplin hidup diwarisi daripada bapanya. Justeru, beliau berpeluang menjadi pemimpin di peringkat sekolah kemudian memperkatakan masalah masyarakat Melayu melalui tulisannya dalam akhbar. Setiap lontaran idea dalam tulisan direalisasikan bentuk

tindakan sekembalinya Tun Dr. Mahathir Mohamad ke Kedah pada tahun 1950an di samping merawat para pesakit melanggani kliniknya sehingga beliau digelar “Dr. UMNO”. Cara ini meningkatkan populariti dan citra politik beliau sehingga dipilih bertanding serta terpilih sebagai Ahli Parlimen dalam pilihan raya tahun 1964.

Oleh yang demikian, faktor kedua tertumpu kepada keprihatinan politik Tun Dr. Mahathir Mohamad termasuk komitmen terhadap kepentingan orang Melayu. Beliau menyedari wujudnya jurang generasi muda dan kepimpinan atasan di peringkat nasional termasuklah jurang antara orang Melayu dan bukan Melayu. Dalam suasana ini, Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan wira bangsa manakala bagi orang yang bukan Melayu adalah sebaliknya. Selain itu, label “ultra” Melayu padanya bertukar “pemberontak” terutama selepas beliau tewas dalam pilihan raya pada tahun 1969. Beliau bertindak mengecam dasar serta kepimpinan parti dan kerajaan sehingga menyebabkan beliau dipecat daripada parti UMNO.

Fasa ketiga bermula sebagai buangan politik, Tun Dr. Mahathir Mohamad menganalisiskan kelemahan orang Melayu melahirkan buku *The Malay Dilemma* mempengaruhi perancangan DEB serta usaha memartabatkan hak keistimewaan bangsa Melayu. Inilah keistimewaan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan beliau diterima semula menyertai UMNO selepas persaraan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya memecah tradisi meraih sokongan luar biasa. Perkara ini merangkumi fasa keempat dalam karier politik beliau. Pengalaman dipecat daripada parti merupakan rahmat untuk beliau. Sekiranya Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi ahli kabinet Tuanku atau menang dalam pilihanraya pada tahun 1969, perjalanan politik beliau mungkin berbeza. Dengan kembali semula ke pangkuan UMNO pada tahun 1972 dan berkhidmat di bawah

kabinet Tun Razak pada tahun 1974 bahkan peranan Tun Dr. Mahathir Mohamad meningkat setelah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1976.

Dalam konteks Islam, mereka yang pemikiran diresapi fahaman sekular beranggap politik tidak ada dengan ajaran Islam. kenyataan ini dikesan fahaman politik sebahagian besar orang-orang Melayu Islam. mereka memahami Islam dan politik tidak boleh disatukan. Dalam istilah berlainan mereka menyebut “Islam Suku”, “Politik Suku” dan “ Mana boleh dicampuradukkan Islam dengan politik”. Menjelang pilihanraya arahan dikeluarkan agar politik tidak benar dibicarakan di masjid-masjid. Malah, khutbah Jumaat diharamkan daripada membicarakan politik. Kesan daripada pemikiran sekular menjalar penubuhan politik orang Melayu tidak mahu menjadikan Islam sebagai teras perjuangannya. Mereka lebih senang bersandarkan kepada bangsa dan bukan kepada Islam. Malah, dasar fahaman kebangsaan Melayu agenda utama pemikiran serta perjuangan politik . Mereka seumpama ini memahami istilah politik pengertiannya sempit iaitu kepompong fahaman sekular dan bukan menurut *mafhum* dikehendaki oleh ajaran Islam. Perkara ini disebut firman Allah pada surah Ali Imran ayat 104 bermaksud;

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru  
(berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam) dan menyuruh  
berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang  
salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-  
orang yang berjaya”.

Justeru, menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar dianggap suatu kelaziman dan kefarduan yang wajib ditunaikan. Golongan yang berfikiran sekular

serta memahami Islam secara serpihan mendakwa bahawa maksud kebaikan dan kemungkaran di sini adalah memelihara titah perintah agama seperti sembahyang, puasa, zakat, memerangi riba serta arak. Pandangan salah ini sebenarnya telah menafikan tabiat ajaran Islam yang diturunkan Allah kepada RasulNya. Oleh sebab itu, kalimah *al-amr bil makruf* tidak terbatas kepada sembahyang dan puasa malah merupakan satu perintah umum supaya berlaku adil, memperelok, mengkritik dan menasihati. Sementara itu, kalimah al-nahy ‘anil munkar pula tidak terbatas kepada memerangi arak, riba dan kerosakan bahkan merangkumi seluruh perkara yang memudaratkan umat Islam atau melemahkan kekuatan bahkan memecahbelahkan perpaduan mereka. Inilah kefahaman sebenar Islam terhadap konsep *al-amr bil makruf wa al-nahy ‘anil munkar* yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab politik.

Walau bagaimanapun, Awang Ramli (2012) menjelaskan kepimpinan satu kefarduan ke atas orang Islam. Mereka tidak boleh menghindarkan diri dengan bersikap negatif dan memencilkan diri bahkan menjadi tanggungjawab orang Islam menyuruh berbuat pembaikan dan memerangi kebatilan dengan tangannya jika ia mampu namun sekiranya tidak mampu dengan tangannya maka hendaklah dengan lidahnya dan sekiranya dengan lidah juga tidak mampu maka hendaklah dengan hatinya merupakan selemah-lemah iman iaitu tingkat keimanan rendah. Perkara ini dijelaskan hadis riwayat Muslim sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud;

“Sesiapa dari kalangan kamu yang melihat kemungkaran hendaklah dengan lidahnya dan sekiranya tidak berkuasa hendaklah dengan hatinya, demikian itu adalah selemah-lemah iman”.

Kewajipan kepada orang Islam mengambil berat kepentingan umum orang Islam dan menyelesaikannya secara kepimpinan; hendak mengajar mereka cara-cara menyelesaikan permasalahan hidup berbagai-bagai jenis dan sebab sama ada masalah kemasyarakatan seperti talak, poligami, remaja, pertikaian keluarga atau masalah ekonomi seperti pendapatan perkapita dan masalah penjajahan ekonomi negara. Begitu juga masalah pendidikan seperti pembasmian buta huruf, pengajaran agama dan pendidikan generasi muda kerana semua perkara adalah fardu ke atas orang Islam untuk mengetahui dan mengajarnya.

Justeru, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhasrat membangunkan taraf hidup bangsa Melayu direalisasikan dengan jawatan dan kuasa sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981 di mana fasa kelima politik beliau bermula. Maka lahir apa dilabelkan sebagai “Doktrin Mahathir” iaitu merangkumi aspek dengan ekonomi, agama, sains dan teknologi serta hubungan antarabangsa. Kesemua ini dilakukan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana asas kepada kerangka agenda adalah personaliti memperlihatkan beliau sebagai tokoh dan pemimpin politik serta pemikir intelektual yang ada kelasnya berdasarkan teori kepimpinan Islam daripada al-Mawardi (1880) menyatakan pemimpin mempunyai kemampuan berfikir tentang pentadbiran dan siasah rakyat.

#### **4.10 Malaysia Boleh**

Umumnya, Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan ahli sukan secara semulajadi. Sebagai doktor, beliau sedar kepentingan bersukan memainkan peranan pembentukan kegitimasi kepimpinan beliau. Beliau meminati suka menunggang kuda dan berjogging untuk menjaga badan beliau. Namun begitu, beliau tidak

gemar bermain golf seperti kebanyakan pemimpin negara yang lain. Oleh itu, peranan dan komitmen beliau terhadap pembangunan sukan negara penting. Malaysia secara tradisinya terkenal dengan sukan badminton, hoki dan bola sepak mula memberi perhatian kepada bidang sukan lain dianggap sukan negara maju. Keberanian Malaysia menganjurkan kejohanan sukan antarabangsa mengagumkan di bawah kepimpinan beliau. Antaranya; Sukan Komanwel, bola sepak Piala Dunia Remaja tahun 1997, lumba basikal Tour de Langkawi, lumba kereta F1 dan lumba motosikal Grand Prix.

Bidang sukan berupa kejohanan, semangat ‘Malaysia Boleh’ diilhamkan di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad memperlihatkan beberapa pencapaian luar biasa rakyat Malaysia. Justeru, bermula kejayaan Magendran dan Mohandas menakluki puncak Gunung Everest, penjelajahan adik-beradik di Kutub Selatan, Penerjunan di Kutub Utara, pelayaran mengelilingi dunia oleh Azhar Mansor dan usaha menyeberang Selat Inggeris oleh Abdul Malik Maidin menggambarkan semangat serta keberanian rakyat Malaysia (Teik, 1995). Penganjuran Sukan Komanwel dan Lumba Kereta F1 adalah klimaks era kebangkitan sukan negara. Oleh itu, Pandian (2005) berpendapat usaha Tun Dr. Mahathir Mohamad melibatkan diri dalam sukan, pertama kerana memartabatkan Malaysia di kaca mata dunia. Kedua dari segi ekonomi, membawa masuk keuntungan besar sebagai tuan rumah yang berjaya apabila orang ramai datang dari luar untuk menonton acara sukan. Ketiga sebagai seorang bersifat nasionalis, beliau mahukan anak bangsa tempatan terlibat dalam menonjolkan diri dalam aktiviti sukan dianjurkan.

Sukan dilihat satu perniagaan menguntungkan. Sebagai tuan rumah, akan memberi kesan ke atas aktiviti ekonomi Malaysia termasuk industri pelancongan, perhotelan dan pengangkutan. Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat menggunakan sukan menunjukkan kepada dunia Malaysia mampu menjadi tuan rumah untuk sukan bertaraf dunia serta setanding dengan Barat. Kemampuan Malaysia menjadi tuan rumah bergantung keberkesanan dan kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara. Tanpa pembangunan infrastruktur, sains dan teknologi tidak mungkin Malaysia mampu menjadi tuan rumah disegani. Pihak memutuskan kelayakan menjadi tuan rumah membuat pilihan secara ketat dan banyak negara lain yang menawarkan diri untuk menjadi penganjur. Keutuhan ekonomi menjadi ukuran memandangkan penganjur sukan bertaraf dunia menelan perbelanjaan besar.

Sukan komanwel iaitu temasya sukan kedua terbesar di dunia selepas Sukan Olimpik dianjurkan pada tahun 1998 dilihat perintis ke arah usaha Malaysia menjadi dominan menganjur sukan bertaraf dunia. Selepas Sukan Komanwel, Malaysia diberi penghormatan menjadi penganjur sukan lumba kereta F1 di Litar Formula One Sepang terletak lingkungan MSC. Sukan lumba kereta dilihat sukan mempopularkan Malaysia di peringkat antarabangsa. Ini kerana hampir 250 buah negara menyiaran sukan F1 secara langsung serta menjadi kegemaran orang ramai selepas sukan bola sepak Piala Dunia.

Kecemerlangan Malaysia sebagai penganjur Sukan Komanwel dan F1 menyebabkan keupayaan Malaysia sebagai tuan rumah tidak diragukan. Susulan daripada kejayaan tersebut Malaysia menjadi tuan rumah Kejohanan Golf Sedunia kali ke-43, Kejohanan Bowling, Maraton dan Squash serta beberapa kejohanan

bertaraf antarabangsa. Kestabilan politik kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad memain peranan dalam usaha melahirkan imej baru khalayak ramai. Pembentukan imej baru merupakan alat legitimasi Tun Dr. Mahathir Mohamad yang baru. Beliau bukan sahaja menguasai dunia tetapi sokongan ke atas kepimpinannya meningkat.

#### **4.10.1 Keberkesanan Slogan ‘Malaysia Boleh’**

Slogan ‘Malaysia Boleh’ diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad berjaya mengubah landskap arena sukan negara sehingga memberi keyakinan tinggi kepada para atlet dalam bertanding pada kejohanan antarabangsa. Malah, Lukman Hakim Rahim (2012) menjelaskan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menganggap slogan merupakan ciptaan terulung mengikis pandangan serta persepsi orang luar Malaysia adalah ‘negara kampung’. Oleh itu, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek mengatakan kejayaan demi kejayaan diperoleh melalui atlet negara berpunca daripada semangat dan iltizam tinggi ditanam kepada mereka supaya bermotivasi dan tampil tanpa rasa gementar. Beliau menyifatkan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai bapa kepada penciptaan semula Malaysia kerana tokoh negarawan berjaya melakukan transformasi besar dalam aspek ekonomi, budaya dan sosial sehingga dihormati oleh negara asing. Laungan keramat ‘Malaysia Boleh’ menyuntik keyakinan kepada semua rakyat termasuk para atlet tampil dengan prestasi membanggakan bahkan Indonesia sendiri meniru slogan ini. Perjuangan dibawa Tun Dr. Mahathir Mohamad diteruskan oleh generasi belia sebagai usaha mengekalkan serta menambahkan momentum pembangunan negara.

#### **4.10.2 Slogan ‘Malaysia Boleh’ dalam konteks Islam**

Tun Dr. Mahathir Mohamad nyata berusaha membuktikan kepada dunia umat Islam bukan golongan kelas dua. Beliau berjaya menyebarkan keyakinan mengenai apa yang orang lain buat, umat Islam boleh melakukannya terutama penganut agama Islam benar dan baik dan sudah tentu Allah memberi pertolongan dengan syarat mereka mengikut peraturan-peraturan, bekerja dan beramal dengan betul (Schottmann, 2013). Sehubungan itu, Dasuki Ahmad (2003) menjelaskan ketika perasmian Ekspo OIC di tapak bersebelahan Pusat Konvensyen Putrajaya iaitu tempat berlangsungnya Sidang Kemuncak OIC ke-10 pada 14 Oktober 2003, Tun Dr Mahathir Mohamad membuat kenyataan;

“kita ada slogan ‘Malaysia Boleh’ bertujuan mempromosikan kejayaan bahawa Malaysia Boleh buat apa yang orang lain boleh buat. Saya yakin bahawa dunia Islam boleh buat apa yang orang lain boleh buat. Apabila anda mempunyai keyakinan pada diri sendiri dan mencuba, saya yakin kita tidak akan ketinggalan, tidak terus miskin serta mempunyai kemampuan untuk melindungi dan mempertahankan diri. Dengan itu, kita akan lebih berjaya menegakkan agama dan memajukan ummah Islam”.

Oleh yang demikian, beliau mengingatkan dunia menghormati kita apabila kita mempunyai kekuatan namun sebaliknya dunia terus menerus memperbudakkan kita jika kita mundur dan lemah. Justeru, Tun Dr Mahathir Mohamad ingin membuktikan kesedaran tentang kelemahan umat Islam serta kemunduran negara-negara Islam. Selain daripada tidak ada keyakinan diri, mereka juga tidak berilmu, miskin, tidak bersedia untuk berkorban, hilang jati diri dan bergelumbang dosa. Justeru, Ahmad Amin (1952) menjelaskan umat Islam masih mengikut cara lama sistem perairan menggunakan alat-alat primitif, kerbau atau lembu untuk bertani.

Kadang-kadang mereka meniru ciptaan orang Eropah tidak membuat pemberian atau rekaan. Malah, beliau menegaskan;

“satu bangsa kalau diturunkan bala dengan lahirnya seorang gila maka ia adalah lebih baik daripada diturunkan bala dengan lahirnya seorang yang separuh berilmu. Orang yang separuh berilmu akan sentiasa merasai dirinya saja yang benar dan tidak mahu menerima kebaikan yang ada pada orang lain”.

Gejala-gejala ini ditambahkan sikap sebilangan pemimpin dalam kalangan mereka memperalatkan hukum hakam agama bagi mengekalkan kuasa mereka. Malah, kecintaan rakyat kepada agama dan kejahilan mereka dalam beribadah digunakan untuk diperbodohkan sehingga timbul pelbagai fatwa. Umpamanya, pemimpin adalah bayang Allah di muka bumi. Mereka mempergunakan rakyat mendapatkan sesuatu bagi memenuhi keinginan, ayat-ayat al-Quran dan hadis dilaung serta disumbat ke telinga rakyat bagi tujuan tersebut. Sebab itu apabila lahir seorang khalifah soleh seperti Saidina Umar bin Abdu Aziz maka baginda mendapatkan sepuluh ulama yang baik mendampinginya bagi menasihati serta menarik perhatian kepada roh dan semangat Islam. Beliau mengharamkan kerja-kerja penyalahgunaan agama seperti makian, cercaan khalifah-khalifah sebelumnya terhadap keturunan Saidina Ali dan Fatimah binti Rasulullah serta keturunan mereka melalui mimbar Jumaat.

Selain itu, Ahmad Amin (1952) menghuraikan mengenai kelesuan umat Islam terutama orang kaya dan mewah dalam kalangan mereka. Golongan ini menginginkan kemenangan dengan doa dan sembahyang hajat tetapi bakhil

membelanjakan harta serta pengorbanan jiwa tujuan tersebut kerana cintakan hidup dan bencikan mati. Mereka disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. bermaksud;

“hampir-hampir akan datang kepada kamu bangsa-bangsa seperti kumpulan-kumpulan yang lahap menghadapi hidangan”

Berkata salah seorang;

“apakah sebabnya, apakah kerana bilangan kami kecil pada masa itu?”

Jawab Rasulullah s.a.w.;

“tidak, tetapi kamu seperti buih di waktu banjir. Ketika itu Tuhan akan melenyapkan perasaan takut dari hati seteru-seteru kamu dan Tuhan mencampakkan dalam hati kamu perasaan lemah”

Bertanya seorang yang lain;

“wahai Rasulullah s.a.w. apakah jenis kelemahan itu?”

Jawab Rasulullah s.a.w.;

“kasihkan dunia dan benci kepada mati”.

Kita melihat peperangan dunia pertama dan kedua bangsa Kristian berkorban jiwa dan harta mempertahankan kewujudan mereka sehingga bangsa-bangsa kecil sekalipun tidak rela bergabung dengan orang lain meskipun daripada bangsa keturunan sendiri. Banyak darah mengalir kedua-dua peperangan dan hanya untuk mendapatkan kemenangan atau mempertahankan kemerdekaan. Kedua-dua peperangan melenyapkan umat Islam di dunia kerana mereka tidak bersedia berkorban. Justeru, Dasuki Ahmad (2003) berpendapat perkara ini diseru oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kita tidak memberi perhatian kepada mereka pesimis dan mulhid dalam menyuarakan orang Islam tidak mempunyai tenaga menyaingi orang Eropah, tidak dapat bertanding mencipta rekaan-rekaan baru dan alat-alat kelengkapan mereka yang hebat, orang Islam tidak mempunyai ilmuwan yang mencipta alat-alat tersebut seperti terdapat orang Eropah.

Bilangan umat Islam pada hari ini melebihi satu billion atau 1/6 daripada penduduk dunia. Jika mereka bersatu sudah tentu mereka dapat mengeluarkan ramai ulama dan golongan bijak pandai. Umat Islam mempunyai otak sama dengan orang lain cuma kurang ialah kemahuhan serta keazaman. Apabila umat Islam mempunyai ulama dan ahli ilmuwan berwibawa, kekayaan dan mempunyai alat-alat kelengkapan perang sempurna maka bertemu dengan kekuatan dengan kekuatan. Perkara ini dilihat melalui firman Allah surah an-Nur ayat 55 bermaksud;

“Allah menjajikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: Khalifah-khalifah yang berkuasa dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Dia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutuan sesuatu yang lain denganKu dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang derhaka.”

Oleh itu, amal soleh bukan terbatas kepada sembahyang, puasa dan haji malah meliputi pengorbanan jiwa raga dalam peperangan menghadapi kekuatan dengan kekuatan serta bersedia menentang musuh sedaya upaya. Justeru, seorang pengembara Perancis bernama Pulniah melawat Mesir akhir abad ke-18 menggambarkan keadaan di sana. Beliau menyatakan;

“kejahilan disini adalah meluas seperti juga keadaannya di Turki. Ia meliputi semua peringkat dan semua bidang sama ada sastera, sains, kesenian hingga perusahaan tangan dalam bentuk yang paling

sederhana. Malah, jarang sekali didapati di Kota Kaherah orang yang dapat mebaiki jam kalau ada pun orang itu ialah orang Eropah”.

Menyentuh tentang Syria pula belia menegaskan bahawa;

“kejahilan adalah merata seperti keadaannya dengan Turki. Tidak ada dalam kalangan orang Arab atau Turki sekarang ini ulama dalam ilmu hisab, astronomi dan muzik. Malah, jarang sekali terdapat antara mereka yang pandai mengubati luka. Apabila mereka bertemu dengan doktor Eropah mereka menganggapnya sebagai dewa perubatan. Ilmu astronomi bagi mereka hanya untuk melihat nasib semata-mata”.

Oleh yang demikian, Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya negara Islam pada hari ini boleh mengejar kemajuan sebagaimana yang dicapai oleh negara-negara maju dalam sektor perindustrian jika umat Islam membuat tafsiran betul ke atas ajaran agama Islam. Umat Islam sekarang jauh ketinggalan dari segi keupayaan perindustrian kerana pada satu ketika mereka menolak industri suatu tidak islamik. Perkara ini ditegaskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa;

“jika kita tidak dihalang oleh interpretasi salah seperti itu, hari ini kita boleh maju seperti orang lain. Walau bagaimanapun, tidak guna bagi orang Islam menyesalinya sekarang sebaliknya harus berusaha mengejar kemajuan kerana mereka juga sama bijak seperti orang lain”.

Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan negara Islam mempunyai cerdik pandai yang berjaya dalam semua bidang tetapi mereka kehilangan kumpulan ini kepada negara bukan Islam yang membayar gaji tinggi dan menyediakan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) canggih kepada mereka (Dasuki Ahmad, 2003). Oleh itu, hal ini dilihat berdasarkan teori Khaldun (1984) menjelaskan pemimpin akan bersedia apabila menghadapi sebarang keadaan yang datang.

#### **4.11 Perpaduan**

Perpaduan dianggap kunci bagi kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Kamila Ghazali (2004) menjelaskan isu perpaduan menjadi tumpuan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad bahkan ia dilihat dalam tulisan “*The Malay Dilemma*”. Perkara ini disebabkan mereka menjuarai isu bangsa dan agama dianggap pejuang Islam. Malah, secara ideologi politik UMNO dianggap pejuang bangsa dan PAS sebagai pejuang agama Islam. Sehubungan itu, kenyataan Perdana Menteri dan ahli kabinet banyak menerangkan tentang perpaduan orang Islam memastikan kemajuan dalam kalangan orang Melayu malah ketuanan Melayu serta perpaduan orang Islam untuk memastikan kemajuan ekonomi. Perkara ini dinyatakan oleh Hambali Abdul Latiff (2001) melalui kenyataannya;

“... kebimbangan Tun Dr. Mahathir Mohamad paling nyata mengenai sikap orang Melayu kepada kemajuan. Beliau jelas menentang kemiskinan dan kemunduran kerana ramai orang Islam meninggalkan agama Islam kerana kemiskinan, dijajah, diperintah oleh orang lain dan kerana kecewa. Kemiskinan hampir kepada kekuatan. Mereka pada hari ini kononnya menumpukan kepada akhirat cuma dapat berbuat demikian kerana perlindungan diberikan oleh orang Islam dapat mengimbangi dunia dengan akhirat”.

Oleh yang demikian, Tun Dr. Mahathir Mohamad memastikan beliau mempunyai kuasa sepenuhnya ke atas isu perpaduan orang Melayu agar pengaruh dan impak pergerakan Islam serta aktiviti mereka dikawal terutama pengaruh asing kerana sebarang campur tangan membawa kesan besar berkaitan ideologi. Kesan ini mengikat kepimpinan menjadi longgar atau sebaliknya. Perpaduan memastikan kekuatan menghadapi penjajah semula dan tekanan kuasa besar dunia. Dengan isu ini, dapat memastikan semua bersatu dengan Barat sebagai musuh utama Islam.

Kolonialisme dianggap mengugat perpaduan masyarakat. Oleh itu, Pandian (2005) menjelaskan pada Januari 2000 di London Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan kebebasan Barat membawa pengaruh dan memecah belahkan perpaduan melalui tekanan politik dan ekonomi menyebabkan negara akan dijajah semula. Justeru, mesej beliau pada Hari Raya Adilfitri pada tahun 2001 menekankan kepentingan orang Muslim mempertahankan keamanan tidak menjadi mangsa dan lemah kepada bangsa lain. Malah, agama dan bangsa dianggap senjata utama membentuk kepimpinan beliau. Di samping itu, ucapan Majlis Perhimpunan UMNO pada 11 Mei 2000 beliau menegaskan Barat menganggap Malaysia akan musnah selepas 13 Mei tetapi perpaduan orang Melayu membawa kepada kemajuan ekonomi. Perpaduan menjadi tema menyambut Maulud Nabi pada tahun 1999 apabila perpaduan dianggap kunci kejayaan negara. Sejarah penjajahan dianggap pengalaman yang dipelajari dan kelemahan orang Muslim mengugat kejayaan dianggap jampi serampah kerajaan bagi program modenisasi mencapai kemajuan dalam ekonomi serta pembangunan.

Ramai menerima kerasionalan Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas Islam mencadangkan agar model Islam Malaysia harus dicontohi oleh negara lain kerana *spread of Islam in Malaysia is a tandem with economic growth*. Perkara ini dianggap cuba membentuk tamadun baru Islam yang diberikan suntikan baru. Beberapa pandangan berdasarkan ucapan dan kenyataan dikeluarkan oleh beliau berkenaan Islam dan pembangunan ekonomi disimpulkan; (i) Islam harus melalui modenisasi abad ke-21 agar masyarakat dapat membangun (ii) Perpaduan dalam kalangan orang Melayu penting mempertahankan ketuanan Melayu serta perpaduan ummah (iii) Perpecahan dalam kalangan orang Melayu atau Muslim menyebabkan

bangsa lain mengambil kesempatan serta tidak ketinggalan penjajahan semula oleh Barat akibat pertembungan intra komuniti (iv) Nilai Islam dan pembangunan serta kemajuan ekonomi dilihat sebagai tidak memiliki konflik.

#### **4.11.1 Perpaduan dalam konteks Islam**

Perpaduan umat Islam merupakan seruan al-Quran dan menjadikan akhlak bagi mukmin sejati. Malangnya, di negara-negara umat Islam pemikiran tentang perpaduan umat telah kabur dan tidak penting. Sehubungan itu, melaksanakan gagasan Islam bahawa kaum muslimin di seluruh dunia wajib membentuk satu perpaduan, satu blok dan satu jamaah berasaskan keimanan dengan bersekutu dalam satu wadah siasah. Apa jua tindakan bersifat perpecahan umat Islam, Awang Ramli (2012) menyatakan ia aktiviti kekufuran dan kesesatan besar. Perpaduan berpayung di bawah pemimpin yang diterima oleh seluruh dunia Islam.

Al-Quran kalam Allah yang sempurna untuk memandu manusia ke jalan direldai-Nya ketika manusia menjalani kehidupan di dunia. Namun begitu, pendekatan al-Quran supaya masyarakat negara Islam hidup harmoni ialah menggesa mereka bersatu padu di bawah panji-panji Allah dan Rasul-Nya. Hal ini bermaksud perselisihan, pertahanan dan sengketa dalam kalangan mereka maka hendak dirujuk kitab al-Quran dan sunnah Rasul-Nya (Zahidi, 2003). Sehubungan itu, Allah menegaskan perkara ini melalui surah al-Nisa ayat 59 bermaksud;

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah)

RasulNya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.”

Berpandukan kepada ciri-ciri tersebut beliau menerima “*King Faisal International Prize*” untuk “*Service To Islam*”. Dalam ucapan majlis tersebut, beliau menyatakan prinsip diamalkan akan diteruskan meskipun dicelar oleh masyarakat Muslim kerana hal ini ditegaskan oleh beliau, perpaduan ummah dibentuk melalui kestabilan politik, pengetahuan sains dan teknologi dankekayaan material. Itu kekuatan ummah bersesuaian usaha memartabatkan agama Islam serta pandangan diterjemahkan dalam kepimpinan beliau selama 22 tahun.

Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru perpaduan ummah. Dalam ucapan sambutan Ma’al Hijrah pada 1432H, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan kepentingan perpaduan sebagai pemangkin pembangunan ummah dan umat Islam bersatu padu serta mengelakkan perpecahan. Tujuan kerana perpecahan melemahkan tetapi perpaduan menambahkan kekuatan (Ghazali, 2012). Umat Islam perlu kuat kerana keperluan menangkis serangan dan tekanan oleh musuh-musuh Islam. Beliau menegaskan kelemahan umat Islam kini adalah mereka berpecah dan tidak bersatu. Hal ini berlandaskan teori kepimpinan Islam daripada al-Mawardi (1880) pemimpin perlu bersifat berani dan tegas membolehkan mempertahankan negara dan melakukan jihad ke atas musuh.

#### **4.12 Wawasan 2020**

Malaysia sebuah negara unik terdiri daripada pelbagai kaum, agama, etnik serta budaya dan mengamalkan cara hidup berbeza. Di samping itu, Hung Yung Hng

(1998) menyatakan Malaysia dianggap bertuah kerana mempunyai kepimpinan berpandangan jauh dan berani menetapkan suatu wawasan jangka masa panjang berperanan sebagai titik penyatuan bagi negara secara menyeluruh. Malah perkara ini dipersetujui oleh Mahathir (2004) menyatakan menghadapi pembangunan baru abad ke 21, rakyat memerlukan pemimpin memiliki *intellectual prowess*, kekuatan dan keberanian keilmuan kerana pemimpin tidak memiliki asas keintelektual tidak mampu membina wawasan jelas serta tidak dapat memberi persediaan untuk rakyat menghadapi cabaran masa depan.

Selain itu, Idris (2006) menegaskan ideologi kepimpinan diamalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dimanfaatkan sebagai cara mematangkan daya kepimpinan kerana negara memerlukan pemimpin memiliki pemikiran matang, berwibawa serta berwawasan bagi menangani pelbagai karenah kehidupan pada era globalisasi, liberalisasi dan terkini. Dalam konteks Malaysia, kerajaan melaksanakan pelbagai dasar pembangunan Malaysia iaitu Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Baru dan Wawasan 2020. Hari ini, berpandukan Wawasan 2020 Malaysia disasarkan menjadi negara maju menjelang 2020. Di samping itu, Mohamad (1997) menjelaskan Wawasan 2020 dikatakan berjaya menguasai imaginasi rakyat Malaysia sebagai matlamat dihajati dan perlu diusahakan. Hal ini dilihat melalui kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mohamad, 2012);

“Sebagaimana saya mengambil berat mengenai kemajuan orang Melayu, saya juga mahu memastikan Malaysia maju sebagai sebuah negara. Menjelang akhir tahun 1980an, ekonomi kita mencatat pertumbuhan purata tahunan sebanyak lapan peratus. Ini adalah kadar pertumbuhan yang sangat baik. Dasar-dasar kita nampaknya berkesan dan kita sedang bergerak ke hadapan. Tetapi ke arah mana?”

Wawasan 2020 menekankan aspek pembangunan dari segi keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, kualiti hidup, nilai sosial dan spiritual, kebanggaan dan keyakinan negara. Sehubungan itu, Teik (2003) menjelaskan Wawasan 2020 melahirkan rakyat Malaysia bertaraf *Asian Values* kerana rakyat Malaysia perlu menguasai pelbagai ilmu dari Jepun, Korea dan Taiwan. Namun begitu, rakyat Malaysia perlu menghayati slogan ‘Malaysia Boleh’ bersamaan dengan ‘Orang Asia Tidak Boleh Katakan Tidak’ bagi membolehkan rakyat Malaysia melakukan segala perubahan untuk memajukan Malaysia. Justeru, Mohamad (1997) menyatakan Wawasan 2020 kini menjadi realiti, dikaji oleh banyak negara, ditiru oleh ramai orang inginkan pembangunan negara, menyatukan rakyat dan meningkatkan usaha dikongsi bersama. Oleh itu, terdapat negara-negara dari Botswana hingga El Salvador, dari Colombia hingga Nigeria, dari Mauritius hingga Venezuela memutuskan Wawasan 2020 sendiri. Di samping itu, Rom memerlukan Wawasan 2020 untuk Eropah. Negara-negara Asia Tenggara memerlukan Wawasan 2020 untuk ASEAN. Selain itu, APEC menggunakan Wawasan 2020 rantau Pasifik. Malah, 2020 ukuran penglihatan sempurna mendapat perhatian dan kini masa tepat bagi setiap orang mencapai objektif pembangunan.

Di Malaysia, Wawasan 2020 menggabungkan usaha seluruh negara dan membantu mencapai pertumbuhan berterusan. Sehubungan itu, Aman (2004) menyatakan kefahaman baik dan kritis mengenai praktis kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi kesan mendalam untuk memahami arah pertumbuhan masyarakat Malaysia pada masa hadapan. Wawasan 2020 diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 28 Februari 1991 menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. Wawasan merupakan panduan menetapkan satu sasaran

negara yang dicapai dalam suatu tempoh masa tertentu. Wawasan baik dan adil meliputi aspek berkaitan pembangunan negara dalam hubungan dengan perkembangan ekonomi dunia dan diterima umum memastikan negara sentiasa maju ke hadapan. Selain itu, arah tujuan, matlamat, strategi, jangkamasa dan pencapaian negara berlandaskan wawasan ditetapkan. Hal ini dilihat melalui kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mohamad, 2012);

“Kita sepakat yang kita memerlukan satu matlamat mutakhir. Untuk tujuan itu, Tan Sri Nordin Sopiee dari Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa mencadangkan satu rangka tindakan yang menggariskan hala tuju pembangunan sosial, ekonomi dan politik kita. Sebagai seorang doktor saya tertarik dengan ukuran optometri yang digunakan untuk penglihatan iaitu 2020 angka yang bererti penglihatan 100 peratus di kedua-dua belah mata. Itulah nama yang kita beri untuk rancangan kita- Wawasan 2020. Ia membawa maksud bahawa kita tahu dengan jelas arah tuju kita dan apa yang terjadi kepada negara kita menjelang tahun 2020”.

Namun begitu, Al-Huzaim Yusef Othman (2011) menyarankan pemimpin mesti memiliki kepimpinan berwawasan. Oleh sebab itu, setiap wawasan dibina mempunyai jangka masa panjang kerana ia memberi semangat dan motivasi kepada rakyat untuk maju serta memenuhi wawasan yang dibina. Justeru, matlamat Wawasan 2020 menjadikan Malaysia sebagai negara maju dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan menjelang tahun 2020. Bagi membina langkah mencapai Wawasan 2020, rakyat harus tahu dan melengkapi diri pengetahuan mengenai sembilan cabaran Wawasan 2020.

Oleh itu, dapatan kajian mendapati Malaysia mempunyai dua tulang sendi bagi mencapai Wawasan 2020:

Pertama, Malaysia menuju ke arah modenisasi dan menjadi negara maju mengikut acuan sendiri. Elemen ini dilihat melalui sembilan cabaran dikemukakan dalam Wawasan 2020 jika dianalisiskan terperinci, terdapat beberapa cabaran dihadapi untuk membina bangsa Malaysia: (a) mempunyai matlamat bersama, hidup aman, berinterasi dan harmoni (b) setia kepada negara dan berjiwa bebas; menjadi masyarakat contoh, bermoral dan beretika (c) berkeyakinan, berdikari dan di hormati; progresif dan berpandangan jauh (d) menjadi masyarakat contoh, bermoral dan beretika (e) berpegang teguh kepada nilai-nilai agama dan kerohanian (f) penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan (g) melahirkan masyarakat penyayang dan kebajikan. Kedua, Malaysia mesti maju semua dimensi termasuk ekonomi, politik, sosial dan kerohanian, psikologi serta budaya. Sehubungan itu, elemen dilihat melalui cabaran dihadapi mewujudkan negara maju: (a) adil dalam bidang ekonomi (b) makmur dan mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

#### **4.12.1 Malaysia mesti menuju ke arah modenisasi dan menjadi sebuah negara maju mengikut acuan sendiri.**

Pembangunan merujuk perubahan ilmu sehingga menjadi budaya. Ia merujuk perubahan daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lebih baik, peningkatan kualiti hidup serta pembaharuan dalam kemajuan hidup. Selain itu, pembangunan satu proses menyusun masyarakat atau negara ke arah memaju dan meningkatkan kualiti hidup manusia di peringkat individu serta masyarakat. Pembangunan dalam Islam adalah keupayaan bersama meningkatkan kesejahteraan masyarakat keseluruhan sama ada di dunia maupun di akhirat dalam satu proses yang harmoni dan dinamis. Fokus utama pembangunan dalam Islam adalah pembangunan insaniah manusia. Pembangunan Islam mempunyai dua tahap iaitu tahap pertama,

peringkat kerohanian seperti pembangunan yang mengarah kepada kesucian akal dan jiwa. Tahap kedua, peringkat pembangunan fizikal. Kedua-dua peringkat tersebut mestilah seimbang. Selain itu, Sa'idi Mustapha Mursilalaili (2005) menjelaskan pembangunan diertikan pencapaian sesuatu bentuk taraf kehidupan secara berperingkat-peringkat melibatkan perubahan dalam jumlah dan struktur keluaran negara, institusi, adat dan kebudayaan dalam masyarakat.

Oleh itu, Ghazali (2012) berpendapat pembangunan dalam Islam mempunyai objektif. Antaranya; (1) Pembangunan Sumber Manusia merupakan agen pembangunan yang utama namun kejayaan kepada pembangunan ini bergantung kepada keupayaan manusia. Justeru, pembangunan sumber manusia menjadi fokus utama dalam pembangunan Islam. (2) Peningkatan Kualiti Hidup adalah meningkatkan kualiti hidup manusia mencakupi pelbagai aspek seperti peningkatan kualiti diri dari segi moral, akhlak dan sikap serta peningkatan kualiti keperluan hidup seperti ekonomi, sosial, politik dan sebagainya. (3) Memanfaatkan Pengeluaran yang Berguna iaitu memaksimumkan pengembangan pengeluaran bermanfaat untuk digunakan bagi kemudahan manusia dalam menjalani kehidupan. Pengeluaran bermanfaat sama ada hasil galian dan hasil tanaman merupakan salah satu ciri keistimewaan pembangunan negara dan menjadi tuntutan Islam.

Aktiviti pembangunan dalam Islam hendak dijadikan ibadat. Ia haruslah dimulakan dengan niat kerana Allah, usaha dan tugas tidak melanggar syariat, malah pelaksanaan dan hasil juga tidak bercanggah dengan syariat serta segala usaha tidak melalaikan daripada melaksanakan ibadat asas. Pembangunan Islam merangkumi penglibatan manusia dalam pelbagai aktiviti mencakupi bidang luas tersimpul

dalam kewujudan serta peranan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah. Terdapat beberapa bentuk pembangunan; (i) Pembangunan jasmani atau fizikal merangkumi pembangunan diperlukan oleh jasad manusia iaitu makan, minum, tempat tinggal, peralatan, kesihatan, alat-alat komunikasi, pengangkutan dan sebagainya. (ii) Pembangunan dari aspek rohani iaitu pembangunan mental, jiwa, sikap dan emosi dalam diri manusia. Antaranya; (a) Pembangunan mental bermaksud mengisi mental dengan ilmu pengetahuan bermanfaat kepada diri, manusia dalam alam semesta. (b) Pembangunan jiwa menanamkan rasa keimanan kepada Allah, malaikat, para rasul, kitab-kitab, hari akhirat dan qada'qadar. (c) Pembangunan sikap adalah mengasuh diri manusia dengan sikap-sikap positif dan membina serta mengikis sikap yang negatif. (d) Pembangunan emosi menjadikan manusia sebagai matang, mampu mengawal diri berdasarkan ilmu dan pengalaman menghadapi cabaran.

Namun begitu, Mohamad Hisyam Muhammad (2007) melakarkan terdapat tujuh prinsip pembangunan Islam bersumberkan epistemologi Islam. Prinsip-prinsip; pertama, tasawur Islam sebagai acuan. Kedua, manusia sebagai hamba dan khalifah Allah. Ketiga, alam roh, alam dunia dan alam akhirat sebagai skala waktu pembangunan. Keempat, ilmu fardu ‘ain sebagai kerangka pembangunan. Kelima, ibadat sebagai perkaedahan pembangunan. Keenam, sumber alam sebagai peralatan pembangunan dan ketujuh, keredaan Allah sebagai matlamat akhir pembangunan. Walau bagaimanapun, negara kuat berpegang teguh kepada ideologi pembangunan sebagai prinsip keabasan sumber terpenting negara pembangunan. Apa dimaksudkan ideologi pembangunan khususnya dalam konteks Malaysia (Hamil Jamaie 2006); Pertama, pembangunan menjadi wacana utama pemerintah baik

dalam dokumen rasmi mahupun dalam pelbagai kenyataan yang dikeluarkannya. Kedua, wacana pembangunan dijadikan retorika untuk melegitimasi tindakan pemerintah dan menjadi alat untuk memobilisasi rakyat serta menyatu padukan mereka supaya bergerak menyokong pemerintah. Ketiga, kejayaan atau kegagalan pemerintah diukur berdasarkan prestasinya untuk membawa perubahan terancang ke atas masyarakat dan mencapai angka-angka pertumbuhan ekonomi yang ditetapkan dalam dokumen perancangannya. Keempat, pembangunan dijadikan alasan menuntut taat setia dan kepatuhan rakyat kepada pemerintah agar terdapat kestabilan politik bagi menggalakkan pengumpulan modal.

Islam merupakan agama progresif, bersifat daya saing dan kemanusiaan serta memberi sumbangan besar kepada peradaban manusia. Malaysia merupakan negara sedang membangun dan mendapat perhatian dunia. Oleh itu, Malaysia berusaha ke arah mewujudkan masyarakat maju berorientasikan Islam. Hal ini dilihat menerusi penjelasan Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mohamad, 2012);

“Islam dan Islamisasi pentadbiran Malaysia tidak pernah menjadi punca perbalahan sebelum ini. Hakikatnya, sewaktu Malaysia mula mengikuti dan mengamalkan nilai-nilai Islam dan diisytiharkan sebagai negara Islam, wujud suasana aman dan stabil, bahkan negara terus membangun pada kadar yang tidak pernah berlaku sebelumnya”.

Sejarah membuktikan Islam memegang peranan penting dalam kehidupan umat manusia. Malah, tidak seorang dapat menafikan umat Islam memberikan sumbangan besar terhadap perjalanan damai kemanusiaan menerusi pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, budaya, peradaban, ilmu pengetahuan dan sains dalam bentuk mengagumkan. Oleh itu, sifatnya moderat maka Islam berkembang hampir

diseluruh bumi dalam waktu singkat. Dengan dasar ini, Rasulullah s.a.w. mendirikan negara Islam pertama dengan penduduk berbilang suku dan multi kabilah di Madinah serta membentuk masyarakat madani setelah baginda berhijrah ke kota suci. Bersesuaian dengan sifat, Islam mewujudkan peradaban maju dan berdaya saing. Islam merumuskan kerangka sebagai acuan perlu ditaati oleh pengikut iaitu akidah, syariat dan akhlak (Ibrahim Muslim, 2012).

Justeru, Schottmann (2011) menyatakan pelbagai pembangunan termasuk Wawasan 2020 dirancang Tun Dr. Mahathir Mohamad jangkamasa 30 tahun tidak bertentangan nilai-nilai Islam. Wawasan 2020 bukan dasar baru kerajaan sebaliknya merupakan tindak balas daripada perubahan-perubahan berlaku di seluruh dunia malah beliau menyatakan Wawasan 2020 adalah cita-cita ke arah mengangkat martabat umat Islam. Namun begitu, Mahathir (2004) menjelaskan terdapat pandangan umum disuarakan di media terutama media barat melalui tulisan, berita, komen dan ulasan ternyata memberi gambaran umat Islam digambarkan persepsi kurang elok. Umat Islam digambarkan sebagai umat berpecah belah, emosional, sukakan keganasan dan kolot. Hal ini kerana Islam agama paling pesat membangun di Barat. Tetapi masa yang sama, Islam merupakan agama paling sukar difahami disana dan menimbulkan kekeliruan serta persoalan. Barat mempunyai gambaran stereotaip dan prasangka terhadap Islam.

Hal ini menjadi serius apabila Barat melihat realiti masyarakat dan negara Islam yang berada dalam konflik dan peperangan sesama sendiri, jihad berdasarkan pengebom berani mati, peristiwa 11 September disalah ertikan. Sehubungan itu, peperangan ini dilancarkan oleh Barat terhadap Islam bukan sepenuhnya

berdasarkan pertembungan budaya dan agama, malah lebih kepada Islamofobia iaitu rasa takut dan benci kepada Islam serta pada masa sama merangkumi perperangan untuk mengaut kekayaan minyak dari dunia Islam dianugerahkan oleh Allah kekayaan hasil bumi. Hukuman secara umum dilabelkan Barat terhadap Islam dan umatnya sesuatu melampaui batasan kemanusiaan dan realiti agama Islam. Kecenderungan mereka melabelkan Islam sebagai agama kekerasan, kemunduran dan tidak bertamadun merupakan hukuman berdasarkan sentimen melulu, tidak berasaskan ilmu dan hikmah yang ditonjolkan oleh Islam mengenai utusan-utusan Allah kepada manusia dilengkapi ilmu dan hikmah. Rasulullah s.a.w. sebagai Nabi dan Rasul kepada umat Islam membentuk masyarakat dilengkapkan ilmu pengetahuan serta hikmah membangunkan tamadun manusia berlandaskan akidah dan syariat serta diungguli oleh akhlak manusia terpuji.

Malah lebih menyediakan apabila berlaku keruntuhan akhlak dalam kalangan umat Islam. Al-Qardawi (1999) menegaskan keruntuhan akhlak disebabkan pengaruh Barat dibawa masuk menerusi aktiviti hiburan kesenian dan budaya kuning melalaikan umat Islam namun aktiviti sebegini dianggap kemajuan atau kemodenan oleh generasi muda. Keruntuhan ini diikuti sikap umat Islam tidak menyahut persaingan dunia dalam pembangunan ilmu. Strategi ini disusun rapi dan dikawal selia oleh kuasa Barat untuk melemahkan umat Islam dari segi ilmu dan agama.

Perkara ini diakui Ibnu (1993) membincangkan akhlak meruntuhkan peradaban atau tamadun sebagaimana Ibnu Khaldun menyentuh ketidakadilan berlaku sistem pemerintahan membawa kehancuran kepada negara. Terdapat kesalahfahaman masyarakat tentang agama Islam dan menjadikan implikasi secara langsung akibat

dari pada kelumpuhan jentera penerangan Islam dan Pendidikan Islam kepada masyarakat khusus masyarakat Malaysia terdiri kepelbagaiannya kaum, kepercayaan, adat resam dan budaya. Malah, masyarakat tidak didedahkan secara sistematik berkaitan falsafah pengajaran Islam dan nilai-nilai moral kerohanian unik.

Akhhlak berperanan penting dalam kehidupan umat Islam tanpa akhlak akan pincang kehidupan dan hancur sesebuah tamadun. Negara mencapai kemajuan jika warganegara terdiri individu berakhhlak mulia kerana akhlak merupakan ciri utama bagi masyarakat berbudaya. Setiap kali akhlak sesebuah masyarakat menjulang tinggi, pencapaian tamadun meningkat. Apabila akhlak sesebuah masyarakat rosak, maka hancur peradaban masyarakat. Pengembangan akhlak mulia dimulai penyucian jiwa melalui jauhar hati dipancarkan berbentuk tingkah laku, sikap dan keperibadian diaplikasikan tamadun sabda Nabi Muhamad s.a.w. mafhumnya;

“... ketahuilah dalam jasad manusia ada segumpal daging. Jika baik daging tersebut, maka baiklah seluruh jasad. Namun, jika buruk daging tersebut maka buruklah seluruh jasad. Ketahuilah bahawa ketulan daging itu ialah hati”.

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Inilah konsep penerapan nilai akhlak dalam Islam dimulai penyucian jiwa dan hati kerana akan menentukan perkara baik atau buruk yang menjadi tiang pembangunan tamadun serta peradaban. Akhlak bukan suatu boleh direka-reka oleh akal manusia kerana keterbatasan dalam pemikiran menilai kebaikan dan kejahanan dengan pendekatan logik serta empirikal hebat. Pengalaman dan logik manusia berbeza antara satu sama lain. Malah, tidak ada alat tepat mengukur nilai akhlak kecuali garis piawaian yang diukur oleh peradaban dan tamadun yang gemilang. Oleh yang

demikian, Ekonomi (2015) menjelaskan tempoh RMK-10 kerajaan Malaysia melaksanakan pelbagai program untuk mencegah keruntuhan akhlak iaitu melalui pencegahan jenayah termasuk Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Pencegahan Jenayah bertujuan membanteras jenayah dan meningkatkan keselamatan awam. Usaha ini mewujudkan persekitaran yang selamat dan menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat.

Bagi memerangi jenayah PDRM melaksanakan program Omnipresence. Usaha tersebut mengurangkan jenayah jalanan terdiri samun berkumpulan tanpa senjata api, samun tanpa senjata api serta ragut sebanyak 17.6% iaitu daripada 23408 kes pada tahun 2011 kepada 19299 kes pada tahun 2014. Dalam tempoh sama, indeks jenayah berkurangan sebanyak 22.7% iaitu daripada 166295 kes kepada 128544 kes seperti rajah 1.3 Indeks Jenayah di Malaysia.

Jenis dan Kategori	Indeks Jenayah 2011-2014		Peningkatan/Pengurangan (%)	
	Tahun 2011	Tahun 2014	Tahun 2011	Tahun 2014
Jenayahs Pengurusan	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	30,652	38.4	25,425	35.6
Ragut	25,425	32.0	20,925	29.8
Samun dan Ragut	56,077	35.2	46,350	33.8
Jenayahs Jalan dan Tempat Awam	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Senjata api	40,541	40.7	31,941	32.2
Senjata tajuk	2,149,624	21.7	1,746,271	18.0
Senjata tajuk dan senjata api	2,189,624	21.9	1,778,271	18.2
Senjata tajuk dan senjata api (senjata tajuk)	2,189,624	21.9	1,778,271	18.2
Ragut	1,022	18.2	846	18.2
Ragut (senjata tajuk dan senjata api)	2,189,624	21.9	1,778,271	18.2
Ragut (senjata tajuk)	2,189,624	21.9	1,778,271	18.2
Jenayahs Sekitaran	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	1,452,200	21.0	1,020,000	19.2
Ragut	1,125,300	18.7	802,000	17.5
Samun dan Ragut	2,577,500	21.7	1,822,000	19.7
Jenayahs Peribadi	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	1,100,000	21.0	800,000	18.2
Ragut	800,000	18.7	600,000	14.3
Samun dan Ragut	1,900,000	21.7	1,400,000	19.5
Jenayahs Lain-lain	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	1,000,000	21.0	700,000	18.2
Ragut	700,000	18.7	500,000	14.3
Samun dan Ragut	1,700,000	21.7	1,200,000	19.5
Jenayahs Peribadi dan Sekitaran	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	2,552,200	21.0	1,820,000	19.7
Ragut	1,900,000	18.7	1,400,000	19.5
Samun dan Ragut	4,452,200	21.7	3,220,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran dan Jalan	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	3,652,200	21.0	2,620,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	6,252,200	21.7	4,520,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan dan Tempat Awam	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	4,752,200	21.0	3,520,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	7,352,200	21.7	5,420,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam dan Pengurusan	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	5,852,200	21.0	4,220,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	8,452,200	21.7	5,120,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	6,952,200	21.0	5,020,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	9,552,200	21.7	6,920,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	7,052,200	21.0	5,120,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	9,652,200	21.7	6,020,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	7,152,200	21.0	5,220,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	9,752,200	21.7	6,120,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	7,252,200	21.0	5,320,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	9,852,200	21.7	6,220,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	7,352,200	21.0	5,420,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	9,952,200	21.7	6,320,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	7,452,200	21.0	5,520,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	10,052,200	21.7	6,420,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	7,552,200	21.0	5,620,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	10,152,200	21.7	6,520,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	7,652,200	21.0	5,720,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	10,252,200	21.7	6,620,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	7,752,200	21.0	5,820,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	10,352,200	21.7	6,720,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	7,852,200	21.0	5,920,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	10,452,200	21.7	6,820,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	7,952,200	21.0	6,020,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	10,552,200	21.7	6,920,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	8,052,200	21.0	6,120,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	10,652,200	21.7	7,020,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	8,152,200	21.0	6,220,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	10,752,200	21.7	7,120,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	8,252,200	21.0	6,320,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	10,852,200	21.7	7,220,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	8,352,200	21.0	6,420,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	10,952,200	21.7	7,320,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	8,452,200	21.0	6,520,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	11,052,200	21.7	7,420,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	8,552,200	21.0	6,620,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	11,152,200	21.7	7,520,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	8,652,200	21.0	6,720,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	11,252,200	21.7	7,620,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	8,752,200	21.0	6,820,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	11,352,200	21.7	7,720,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	8,852,200	21.0	6,920,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	11,452,200	21.7	7,820,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	8,952,200	21.0	7,020,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	11,552,200	21.7	7,920,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	9,052,200	21.0	7,120,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	11,652,200	21.7	8,020,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	9,152,200	21.0	7,220,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	11,752,200	21.7	8,120,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	9,252,200	21.0	7,320,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	11,852,200	21.7	8,220,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	9,352,200	21.0	7,420,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	11,952,200	21.7	8,320,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	9,452,200	21.0	7,520,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	12,052,200	21.7	8,420,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	9,552,200	21.0	7,620,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	12,152,200	21.7	8,520,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	9,652,200	21.0	7,720,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	12,252,200	21.7	8,620,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	9,752,200	21.0	7,820,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	12,352,200	21.7	8,720,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	9,852,200	21.0	7,920,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	12,452,200	21.7	8,820,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	9,952,200	21.0	8,020,000	19.7
Ragut	2,600,000	18.7	1,900,000	19.5
Samun dan Ragut	12,552,200	21.7	8,920,000	20.2
Jenayahs Peribadi, Sekitaran, Jalan, Tempat Awam, Pengurusan dan Senjata	Ditangkap Kes	Ditangkap %	Ditangkap Kes	Ditangkap %
Samun	10,052,200	21.0</		

Kehidupan dan realiti umat Islam menyumbang kepada kesalahfahaman. Hal ini dilihat melalui sikap tradisi umat Islam yang memahami Islam semata-mata dari perspektif *fardu 'ain* dan peningkatan akidah serta moral individu akan menambahkan prasangka Islam agama sempit dan tidak mempunyai hubungan dengan kehidupan masyarakat serta keduniaan (Mohamad 2003). Malah, sikap sebahagian pendakwah ‘terlalu keras’ dengan ‘amaran-amaran’ tentang dosa dan azab serta perubahan mendadak yang diambil perhatian oleh umat Islam. Justeru, Zaharuddin Sani (2012) menegaskan setiap keaslian bidang pengajian diceburi oleh agamawan mahupun pendakwah dititikberatkan bagi menangani masalah kesalahfahaman agama. Oleh sebab itu, perkara ini menimbulkan pandangan dan sikap negatif orang bukan Islam terhadap Islam dan meninggalkan kesan psikologi serius kepada persepsi mereka terhadap Islam.

Berdasarkan matlamat Wawasan 2020 bertujuan melahirkan rakyat bermoral, berperadaban tinggi dengan keluarga dan masyarakat penyayang serta tanggungjawab. Justeru, kedudukan umat Islam pada hari ini perlu memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti dalam aspek kehidupan, ternyata semua institusi sosial memainkan peranan secara bersungguh-sungguh dan merangkumi ruang lingkup yang luas serta menyeluruh dalam usaha memenuhi matlamat Wawasan 2020 dan meningkatkan kualiti umat Islam. Umat Islam melalui daya usaha individu dan institusi merealisasikan objektif dan matlamat Wawasan 2020 dalam konteks pembangunan manusia yang cekap, berdisiplin, bekerja keras dan sebagainya. Malah, Siagian Haidir Fitra, Abdullah Mohd Yusof, Mustaffa Normah (2014) berpendapat para ulama’ Islam menjadi pendorong kuat dari segi penanaman nilai-nilai moral dan akhlak insaniah yang murni serta bermutu tinggi tetapi

membangunkan tenaga manusia yang komited kepada gerak kerja, berdedikasi, bertanggungjawab dan sentiasa peka kepada peningkatan prestasi.

Pembabitan ulama' secara positif dan komitmen pembangunan negara dan bangsa menuju kemajuan dalam bidang kehidupan penting memastikan pembangunan manusia dan negara tidak terpisah dari pembangunan kerohanian dan nilai-nilai murni kehidupan. Ulama' perlu menguatkan kedudukan mereka dalam gelanggang perjuangan dan pembangunan negara dengan tanggungjawab menjalankan tugas untuk membentuk generasi baru yang berilmu, bersikap positif, berpandangan jauh dan terbuka serta berusaha mempertingkatkan kualiti dan prestasi diri. Ulama' adalah pendakwah, pengawai tadbir, ketua jabatan, hakim, guru dan pensyarah mempunyai peranan penting dalam bidang kerjaya mereka untuk pembangunan negara dan bangsa disepadukan pembangunan kerohanian dan nilai-nilai murni.

Cara menyampaikan dakwah berkesan ialah mengikut cara dilakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Justeru, Nabi Muhamad s.a.w. menjalankan dakwah berdasarkan empat perkara asas iaitu pertama, menggunakan hujah atau dalil yang kuat. Kedua, cara penyampaian yang berhikmah iaitu sesuai dengan keadaan pendengar. Ketiga, mempunyai budi bahasa yang tinggi. Keempat, menjalankan siasah (politik) dengan bijaksana. Walau bagaimanapun, umat Islam tidak seharusnya mengambil sikap negatif terhadap perubahan-perubahan masyarakat dan perkembangan berlaku di sekeliling dengan alasan perubahan dan perkembangan baru tidak mempunyai kaitan tetapi sebagai umat Islam yang prihatin dengan hukum syarak dan amal ibadat khusus. Sikap sebegini merugikan masyarakat serta menjelaskan pembangunan negara dan bangsa yang memerlukan pandangan dan sokongan

daripada mereka termasuk aspek agama dan nilai-nilai moral kerohanian Islam (Abdullah 2013). Perkara ini dipersetujui oleh Faridah Che Husain dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2006) melalui Imam Al-Ghazali menyatakan:

“Akhlak seseorang individu akan memandu mereka untuk memilih dan membezakan diantara perkara yang baik dan membuang sesuatu perkara buruk. Kekuatan ilmu dalam diri individu akan dapat menghasilkan banyak nikmat dan kebaikan dalam dirinya.”

Berdasarkan objektif Wawasan 2020 menekankan pembangunan manusia yang berkualiti dan bernilai tinggi, maka umat Islam hendak menentukan program gerak kerja berdasarkan panduan diberikan oleh Islam. Namun begitu, S. Ishak (2011) berpendapat jika dilihat Al-Quran, Al-Sunnah Rasulullah dan sejarah serta tamadun Islam ternyata sekali Islam mementingkan kualiti manusia yang berilmu, berfikiran tinggi dan positif, berpandangan jauh, berakhhlak mulia dan mementingkan keadilan serta kerjasama sesama saudara umat Islam dan bukan Islam. Justeru, Wawasan 2020 merupakan acuan yang perlu diisi. Malah, umat Islam harus mengambil kesempatan dalam mengisi acuan ini dengan nilai-nilai moral kerohanian yang sesuai dengan ajaran Islam serta nilai-nilai universal yang diamalkan oleh rakyat Malaysia.

#### **4.12.2 Malaysia mesti maju dalam semua dimensi termasuk ekonomi, politik, sosial dan kerohanian, psikologi serta budaya.**

Pembangunan ekonomi bagi negara memberi peluang kepada negara dan rakyat untuk bergerak lebih maju menjelang tahun 2020. Malah, setiap kepimpinan boleh mempunyai pengaruh yang berkesan ke atas pertumbuhan ekonomi. Hal ini dapat dilihat sekiranya pemimpin melakukan perkara betul dan pertumbuhan dapat

dimajukan manakala terdapat pemimpin mempunyai pengaruh sedikit dan menjalankan perkara yang salah, pertumbuhan ekonomi akan terbantut. Ini dapat dilihat melalui kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mohamad, 2012);

“... kita perlu membentuk sebuah ekonomi yang kukuh dan pelbagai, yang kuat daya saingnya serta dinamik. Kita memerlukan sebuah ekonomi yang kuat daya tahannya, malah kalau boleh, mampu berkembang dalam suasana yang sukar. Ini bermakna menggalakkan pertumbuhan golongan kelas menengah yang kuat bukan sahaja dari aspek ekonomi, tetapi juga dalam konteks sosial yang lebih luas”.


Terdapat pelbagai dasar dirancang oleh Rancangan Malaysia bagi mencapai pembangunan ekonomi seperti Dasar Ekonomi Baru (1970-1990), Dasar Pembangunan Nasional (1991-2000), Dasar Wawasan Negara (2001-2010) dan Dasar Transformasi Negara (2011-2020). Pertumbuhan ekonomi merupakan prasyarat bagi pembangunan ekonomi dalam membentuk identiti negara dari perspektif ekonomi (Mustapha 2012). Malah, perkara ini dilihat melalui Abdul Hamid Hazil (1990) menjelaskan pembangunan ekonomi mengikut Berger:

“...Dalam erti kata yang seluas-luasnya pembangunan adalah difahami sebagai suatu proses yang menyebabkan sesuatu negara miskin menjadi kaya. Kadang-kadang negara yang kaya menjadi lebih kaya lagi...”

Oleh sebab itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatukan perpaduan dalam kalangan rakyat di Malaysia melalui pembangunan ekonomi. Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan bagi membantu rakyat Malaysia pada tahun 1971 sehingga 1990. Matlamat dasar ini untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut ekonomi dapat

dihapuskan. Sehubungan itu, Piçak, Doğan dan Oğrak (2013) menjelaskan al-Mawardi berpendapat pemimpin mesti menjanakan sumber ekonomi ke atas bidang yang memberi produktif, pekerjaan dan keselamatan sosial kepada rakyat. Pandian (2005) mengakui tanpa Dasar Ekonomi Baru sukar meningkatkan taraf hidup masyarakat daripada pelbagai kaum dan dasar ini dianggap memberi justifikasi jangka panjang serta memberi legitimasi kepada pemimpin menerajui negara. Hal ini dilihat agenda utama pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad meningkatkan taraf hidup masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi.

Sehubungan itu, Mohamad (2003) menyatakan agenda ini untuk mengubah masyarakat Malaysia supaya memiliki daya saing dalam negara moden dan mampu bersaing sebagai negara industri. Usaha diperluaskan, memberi lesen dan kontrak kepada usahawan bumiputera malah lebih layak sekolah dibina di kawasan luar bandar serta meletakkan kuota untuk pengambilan ke institusi pengajian tinggi (Ahmad Zaharuddin Sani & Muniroh Abdul Rohman, 2017). Selain itu, pinjaman diberi bukan sahaja dalam bidang perniagaan tetapi bidang pendidikan. Jika sebelum ini hanya golongan elit mampu mendapatkan pendidikan baik, hari ini kaum bumiputera juga mendapatkan pendidikan baik berdasarkan kualiti yang sama. Hal ini dilihat melalui rajah 1.4 dibawah menunjukkan statistik bilangan pelajar mengikuti pengajian pelbagai peringkat di universiti awam, universiti swasta dan kolej universiti swasta dari tahun 2000 sehingga tahun 2013 di Malaysia (Unit Perancang Ekonomi 2015).



Rajah 1.4 Bilangan pelajar yang mengikuti pengajian pelbagai peringkat di universiti awam, universiti swasta dan kolej universiti swasta di Malaysia, 2000-2013.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (RMK-11)

Di samping itu, Zulkefli dan Hassan (2007) menyatakan bilangan penerima biasiswa semakin bertambah dan terdapat latihan diberi kepada mereka mahu melanjutkan pelajaran ke dalam bidang spesifik. Contoh biasiswa dan latihan yang digunakan untuk para pelajar seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Bank Negara Malaysia, Petronas, Proton dan Permodalan Nasional Berhad. Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad bergantung kepada strategi beliau membangunkan bangsa Melayu serta meningkatkan taraf hidup mereka. Antara dilakukan untuk menyuntik pelaburan dalam perindustrian yang melahirkan pekerjaan baru, pelabur bumiputera dikorbankan untuk kepentingan pekerja bumiputera. Ini bermaksud segelintir golongan kaya bumiputera terpaksa memberi laluan kepada usahawan kecil-kecilan.

Begitu juga dengan menggalakkan kemasukan pelaburan asing dengan melonggarkan syarat pemilikan. Ini membantu melahirkan pekerjaan baru dan mengurangkan kadar pengangguran bumiputera. Sehubungan itu, (Pandian 2005)

menjelaskan penyesuaian dasar ini menyebabkan negara kekurangan tenaga buruh serta infrastruktur juga diperbaiki selari perubahan taraf hidup masyarakat dianggap kejayaan DEB. Hal ini dilihat rajah 1.5 dibawah menunjukkan jumlah populasi penduduk dan tahap insiden kemiskinan di Malaysia pada tahun 1970-2012.



Rajah 1.5 Populasi penduduk dan tahap insiden kemiskinan, 1970-2012.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia (2012).

Dalam tempoh perlaksanaan DEB pembangunan ekonomi Malaysia berkembang dengan pesat meskipun menghadapi pelbagai cabaran. Malah, Faaland Just (2005) menyatakan keputusan dibuat tiga puluh tahun lalu untuk memulakan DEB kontroversi dan dipertikai keras baik dalam negara maupun luar negara. Pada hari ini, pengalaman daripada perlaksanaan DEB Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Dasar Pembangunan Nasional pada tahun 1991. Dasar ini memberi tumpuan kepada pencapaian pembangunan seimbang antara sektor utama ekonomi dan wilayah serta mengurangkan jurang sosioekonomi antara masyarakat. Selepas itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Dasar Wawasan Negara dilancarkan

pada tahun 2001. Dasar ini menumpukan kepada pembinaan keutuhan dan daya saing negara.

Dasar-dasar ini ditubuhkan untuk membasmi kemiskinan dan memberi peluang kepada rakyat berpendapatan tinggi dan maju dari segi ekonomi, politik dan sosial dan membantu pertumbuhan ekonomi negara bagi mencapai Wawasan 2020. Untuk memantapkan umat Islam menyahut cabaran Wawasan 2020, umat Islam perlu mempunyai semangat kesatuan dibanggakan mengatasi cabaran dan mengelakkan pertelingkahan berasaskan fahaman politik sempit, kepentingan peribadi, fanatik dan sebagainya. Selain itu, umat Islam perlu memiliki tahap kematangan dalam kefahaman berpolitik, hidup bermasyarakat dalam negara berbilang kaum, berpesatuan dan menjaga adab ketika berselisihan pendapat dan berdebat.

Matlamat Wawasan 2020 ialah melahirkan negara maju bidang ekonomi dan industri iaitu negara memiliki rakyat bersatu padu, taat setia, bermoral tinggi dan beragama serta rakyat yang berkualiti tinggi. Justeru, Malaysia sebagai negara maju akan berdiri tegak di permukaan bumi sebagai negara maju dengan identiti dan model sendiri bagi menjamin ketamadunan selaras tamadun Islam yang maju dan mengikut peredaran masa dan zaman. Selain itu, ia berlandaskan teori kepimpinan Islam daripada Khaldun (1984) berpendapat pemimpin seharusnya mempunyai visi dan misi dalam kepimpinan.

#### **4.13 Negara Islam**

Dalam bahasa Arab, negara disebut *dawlah* atau *dar*. Para fuqaha menggunakan *dar* manakala ulama menggunakan *dawlah*. Kedua-dua istilah mempunyai maksud

sama iaitu negara. *Dar* bermakna tempat, negara atau tanahair. Ia bermakna tempat bagi orang tinggal dalamnya (Ibnu Manzur, 1997). *Dar* sebuah negara atau kawasan mempunyai penduduk dan kuasa memerintah. Jika kuasa memerintah di tumpak orang Islam maka disebut negara Islam namun jika di tumpuk orang bukan Islam dinamakan negara *Harb*. Oleh itu, al-Quran terdapat ‘*dar*’, firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hasyr ayat 9 bermaksud;

“ Dan orang-orang yang menetap di Kota Madinah (Dar) dan telah beriman (Ansar) sebelum kedatangan orang Muhajirin, mereka mencintai orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tiada menaruh keinginan dalam hati mereka untuk mendapat apa-apa dari orang Muhajirin dan mereka mengutamakan orang-orang Muhajirin atas diri mereka walaupun mereka dalam keadaan susah. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya”.

Selain itu, para ahli perundangan memberi definisi negara iaitu;

Maksudnya:

“Ungkapan yang merujuk kepada satu kelompok manusia yang menetap di suatu tempat atau kawasan tertentu dan mempunyai kerajaaan serta peraturannya yang dipatuhi dan juga mempunyai personaliti dari segi maknawi dan kemerdekaan dari politik.”

Negara membawa erti sekumpulan manusia menetap satu daerah yang diperintah oleh suatu badan pemerintahan mengelolakan urusan kenegaraan. Dalam erti kata lain, negara Islam ialah negara terdiri masyarakat orang Islam dan ahli zimmi tunduk di bawah pemerintahan Islam dan segala urusan kenegaraan sama ada urusan dalam negeri atau antarabangsa bertetapan syariat Islam. Bagi Ismail Lutfi (1990) menyatakan menegakkan negara Islam perlu mempunyai tiga perkara iaitu;

(i) Tempat iaitu bumi atau kawasan diduduki (ii) Penduduk atau bangsa yang tinggal di atas kawasan tersebut (iii) Kekuasaan tertegak peraturan serta undang-undang dan mempunyai pentadbiran kenegaraan.

Fuqaha membahagikan negara kepada dua bahagian iaitu; Negara Islam (*Dar al-Islam*) dan Negara Kafir (*Dar al-Harb*).

#### **4.13.1 Negara Islam dan Negara al-Harb**

Al-Quran menyifatkan Makkah sebagai dar al-Harb sebelum pembukaan Kota Mekkah pada tahun 9 Hijrah firman Allah s.w.t. surah al-Hajj ayat 39 bermaksud:

“Telah diizinkan berperang bagi orang yang diperangi kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai. Dan sesungguhnya Allah Maha Kuasa untuk menolong mereka”.

Ayat diatas menunjukkan sifat “dar al-Harb” melakukan kezaliman seperti membunuh orang mukmin, menghalau mereka dan menjalankan hukum-hukum mensyirikkan Allah s.w.t. Mereka menghancurkan masjid serta tempat ibadat. Di samping itu, al-Quran menggambarkan “dar al-Islam” firman Allah s.w.t. surah al-Hajj ayat 41 bermaksud:

“Orang yang kami teguhkan kedudukan mereka di atas muka bumi ini nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyeru yang makruf dan mencegah yang mungkar dan kepada Allahlah segala urusan”.

Ayat diatas memberi gambaran orang mukmin menetap di muka bumi supaya menjaga sembahyang, mengeluarkan zakat, menyeru ke arah kebaikan, menegahkan kemungkaran serta berkasih sayang sesama mereka. Sifat negara Islam diperjelaskan Ismail Lutfi (1990) iaitu; (a) Kekuasaan dipegang oleh orang Islam.

Mereka menyembah Allah dan tidak mensyirikkan-Nya. Kekuasaan dan pertahanan dalam tangan mereka. (b) Agama Islam menjadi dominan serta undang-undang dan syiar Islam dilaksanakan seperti solat, zakat dan menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran. (c) Lahirnya suasana keamanan kepada umat Islam.

#### **4.13.2 Kriteria Negara Yang Dibina Oleh Islam**

Al-Qardawi (1997) menggariskan lapan kriteria negara Islam iaitu;

Pertama, negara Islam adalah negara madani memerintah atas dasar hukum Islam dan berdiri atas bai'ah dan syura. Para pemimpin dalam negara dipilih golongan orang-orang berkelayakan, kuat memegang amanah, dipercayai dan berpengetahuan luas. Kewajipan para ulama dan sarjana memberi nasihat serta pandangan merupakan kewajipan muslim dalam hal pemerintahan agar selari ajaran Islam.

Kedua, negara Islam bukan negara berdiri diatas asas kesukuan serta perkauman. Ia tidak didirikan kawasan sempadan geografi. Tetapi negara Islam ialah negara terbuka bagi orang beriman dan bukan Islam. Dalam negara ini, perbezaan suku bangsa, bahasa, warna kulit dileburkan menjadi satu. Perpaduan diikatkan pertalian yang kuat iaitu pertalian iman kepada Allah s.w.t. Sementara golongan bukan Islam bebas melaksanakan perkara-perkara berkaitan kenyakinan, ibadat dan masalah-masalah peribadi bersesuaian dengan diperintahkan oleh agama mereka.

Ketiga, negara Islam merupakan negara hukum memiliki asas undang-undang. Undang-undang berbentuk prinsip-prinsip dan hukum-hukum syariat terkandung al-Quran dan al-Sunnah. Ia mencakupi seluruh kehidupan manusia. Kesemua manusia terikat dengan undang-undang termasuk ketua negara sendiri. Keempat, negara Islam bukan negara konstitusinya diasaskan kuasa seorang kaisar atau raja. Ia juga

bukan berdiri diatas sistem warisan turun temurun di mana kekuasaan beredar pada satu dinasti diwarisinya dari bapa kepada anak sehingga ke cucu cicit tanpa mengira kelayakan ada padanya. Negara Islam diasaskan prinsip syura memberi kebebasan rakyat memilih pemimpin dan memberi nasihat serta pendapat kepada pemerintah.

Kelima, negara Islam merupakan negara menyampaikan dakwah Islam ke seluruh dunia. Tugas negara Islam menunjukkan manusia jalan kepada Allah dan menyingkirkan seluruh rintangan menghalang jalan Islam. Negara Islam menyampaikan kebenaran dengan bahasa sesuai berdasarkan zaman dan alam mereka agar diterima dan difahami. Keenam, negara Islam merupakan negara melindungi kaum lemah. Ia menguatkuasakan kewajipan zakat dan mengambilnya daripada golongan kaya diserahkan kepada orang-orang miskin, anak-anak yatim dan orang-orang memerlukan pertolongan. Negara Islam menolong orang-orang teraniaya yang berjuang bersama golongan lemah untuk membebaskan mereka daripada penindasan para pemerintah yang tamakkhan harta dan kekuasaan.

Ketujuh, negara Islam ialah negara melindungi hak-hak dan memberi kebebasan merupakan dua aspek penting dalam kehidupan manusia. Hak untuk hidup, hak tempat tinggal dan hak melindungi diri serta maruah. Islam memberi kebebasan beragama, bersuara dan memberi pendapat. Ia merupakan kewajipan serta tanggungjawab yang ditunaikan. Kelapan, negara Islam adalah negara berdisiplin terhadap prinsip-prinsip dan nilai-nilai akhlak dan tidak menyelewengkan prinsip tersebut. Demikianlah sikap dalam atau di luar negara, terhadap orang disukai atau terhadap orang yang dibenci serta semasa peperangan atau perdamaian. Negara Islam tidak pernah bersikap dua wajah. Islam menghendaki satu kebenaran yang

dicapai secara batil. Negara Islam berjuang merealisasikan kemuliaan budi pekerti dan moral tinggi dalam kalangan rakyat. Itulah antara kriteria negara Islam yang diperjuangkan. Umat Islam berusaha untuk menyeru dan meyampaikan kepada manusia sejagat sekaligus menolak negara Islam adalah negara teokrasi seperti dakwaan sesetengah pihak.

#### **4.13.3 Apakah Malaysia sebuah negara Islam?**

Takrif dan ciri-ciri negara Islam mengikut pandangan Abdul Halim el-Muhammady (2000) merupakan perkara tidak disepakati oleh para ulama serta tidak nas qat'i dalam perkara tersebut. Ulama tidak sepakat pendapat ciri-ciri dalam menentukan identiti sebenar negara Islam. Persoalan ini termasuk perkara ijтиhad. Abu Hanifah berpendapat sesuai digunakan masa kini kerana mengambil pendapat beliau dapat kita menentukan identiti negara Islam. Abu Hanifah menjelaskan negara Islam ialah negara berasaskan majoriti penduduk beragama Islam, pemimpin-pemimpin tertinggi Islam dan keamanan dinikmati oleh rakyat. Kenyataan dipersetujui oleh ulama semasa seperti Yusuf al-Qardawi, Wahbah al-Zuhayli dan Muhammad Abu Zahrah. Perkara ini bermakna garis penentu ciri-ciri negara Islam bukan bergantung kepada pelaksanaan hukum hudud qisas.

Berdasarkan huraian tersebut, Abdul Halim el-Muhammady menjelaskan Malaysia merupakan Negara Islam berdasarkan majoriti penduduk Islam, keamanan dinikmati, pelaksanaan sebahagian besar undang-undang Islam dan kepimpinan negara dikuasai oleh orang Melayu Islam. Penerimaan negara sebagai Negara Islam menimbulkan implikasi kehidupan umat Islam, iaitu; pertama, Masyarakat Islam berhak menuntut pemerintah melaksanakan sepenuhnya kerana tanggungjawabnya

sebagai pemerintah Islam. Kedua, Masyarakat Islam hidup dengan harmonis dan berusaha meningkatkan produktiviti kepentingan Islam kerana sikap baik sangka antara satu dengan lain. Ketiga, menimbulkan tanggungjawab lebih kepada masyarakat Islam melaksanakan syariat Islam di mana mereka berada kerana tidak dirasakan sesuatu bercanggah patut dielakkan dalam kehidupannya. Keempat, membina sikap positif serta membuat kritikan membina untuk kepentingan Islam dan berpartisipasi memenuhi tuntutan Islam di mana ada kekurangan. Kelima, individu Islam berkewajipan membangunkan negara dan umat mengikut keupayaan masing-masing (Ghazali, 2012).

Sehubungan itu, Abd Manaf Ahmad (2004) mendakwa Malaysia sebagai Negara Islam; (i) Islam sebagai agama rasmi negara (ii) Ketua negara beragama Islam (iii) Pemerintahan berdasarkan syura berparlimen (iv) Pertahanan negara terletak di tangan orang Islam (v) Pemerintahan berdasarkan lunas keadilan (vi) Kebebasan hak asasi yang mengandungi kebebasan diri, sama rata, kebebasan beragama, hak-hak berkenaan pelajaran dan hak-hak terhadap harta. Perlembagaan Malaysia membenarkan pengiktirafan agama oleh negara. Dalam Perlembagaan Malaysia, negara dan negeri-negeri dibenarkan untuk terlibat langsung hal ehwal dengan Islam, diberikan kuasa menubuhkan, membiayai institusi-institusi Islam, pengajaran atau pendidikan Islam dan peruntukan kerajaan serta meluluskan undang-undang. Wang kerajaan adalah sah digunakan tujuan pentadbiran agama dan undang-undang Islam. Sesetengah pengkaji mengatakan Malaysia bukan negara Islam dalam erti kata yang sebenar dan bukan juga negara sekular kerana tidak memisahkan agama dan negara secara mutlak (Ghazali, 2012).

Namun begitu, Hung (2003) berpendapat Perlembagaan Persekutuan menyatakan “Islam ialah agama Persekutuan” (Perkara 3(i)) tidak menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Malah, beliau menjelaskan kerajaan boleh sebagai contoh kerana memasukkan ciri Islam dalam khidmat tadbirnya namun ini tidak bererti mengubah menjadi khidmat awam Islam. Beliau melihat Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa sebagai program pengislaman dalam pentadbiran negara. Itulah kali pertama kali sebuah kerajaan disaksikan oleh Perlembagaan sekular dan bertanggungjawab terhadap rakyat terdiri pelbagai agama serta aktif berusaha melaksanakan agenda Islam.

Dari sudut sejarah Malaysia selepas kedatangan Islam dan pembentukan Kerajaan Melaka bercorak keislaman, undang-undang Islam diperkenalkan seperti Kanun Melaka dan Kanun Pahang. Semasa penjajahan British, peranan undang-undang Islam diperkecilkan bidang pelaksanaan iaitu undang-undang diri dan kekeluargaan serta terhad kepada orang-orang Islam sahaja. Penghayatan Islam seperti pendidikan agama dan kehidupan agama diberi ruang serta penghayatan masih dipertahankan. Sejak mencapai kemerdekaan, pembangunan Islam dalam semua aspek terus berlaku meskipun terdapat masalah dan sekatan akibat undang-undang ditinggalkan oleh penjajah dalam perlembagaan.

Perkara ini diperjelaskan oleh Abdul Halim el-Muhammady (2000) menyatakan bidang jenayah hanya undang-undang hudud yang percanggahan dan masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Malah, bidang jenayah membunuh atau mencederakan sebahagian daripada prinsip serta hukumnya tidak banyak berbeza dengan Islam. Demikian juga hukum takzir, kesalahan-kesalahan maksiat. Dalam bidang

muamalat, unsur riba ketara bercanggah Islam tetapi kebanyakan bidang lain tidak banyak percanggahan berlaku. Dalam bidang perkahwinan dan kekeluargaan, kita dapati undang-undang Islam dilaksanakan sepenuhnya. Dengan menerima negara ini sebagai negara Islam bukan bermakna selesai segala tuntutannya. Kesempurnaan perlu pengisian, peningkatan ilmu serta penghayatan pada diri, masyarakat dan negara. Dalam bidang ekonomi, Malaysia merupakan negara terkehadapan memperkenalkan kewangan Islam dengan penubuhan Bank Islam pada tahun 1983.

Pada hari ini, Malaysia mempunyai dua buah bank Islam iaitu Bank Islam dan Bank Muamalat serta terdapat puluhan institusi kewangan konvensional menawarkan kemudahan perbankan Islam melalui lebih 1000 cawangan di seluruh negara. Termasuk sistem pajak gadai Islam, syarikat takaful dan syarikat broker saham beroperasi secara Islam. Sistem kewangan diamalkan ini berjaya dengan cemerlang dan peranan sarjana muslim dalam merangka sistem kewangan Islam moden dengan tajribah dan ijтиhad bagi mengemukakan jalan penyelesaian boleh merealisasikan hukum Islam sekaligus menjauhkan masyarakat daripada sistem-sistem Barat khusus riba. Perkara diutamakan isi, ruh dan nilai-nilai Islam dalam usaha mencapai tahap kesempurnaan serta ideal bentuk baru.

Di Malaysia, perkembangan pelaksanaan undang-undang Islam dijalankan selepas merdeka mengadakan Undang-Undang Pentadbiran Hukum Syarak. Usaha-usaha menyelaraskan undang-undang di Mahkamah Syariah di seluruh negara perlu kepada reformasi yang menyeluruh dan harmoni. Arah dan hala tuju yang diambil mempertingkatkan kefahaman kepada orang Islam dan bukan Islam jelas dan berada dalam landasan betul. Perkembangan secara berperingkat adalah secara

harmonis dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia mempunyai latar belakang pendidikan dan sosial budaya pelbagai masyarakat majmuk dan arus globalisasi. Undang-undang Islam merupakan undang-undang asas dan undang-undang negeri di Malaysia Barat. Ini diterima dan disahkan oleh hakim-hakim British yang dahulu di Malaysia seperti Hakim Acton dan Hakim Thomas mengatakan hukum Islam ialah hukum negeri dan bukan hukum asing serta menjadi kewajipan bagi mahkamah mengiktirafkan dan menggunakan undang-undang (Ghazali, 2012).

Dalam konteks Perlembagaan Malaysia, masih banyak perkara bercanggah undang-undang yang diluluskan sejak zaman penjajah tetapi usaha diambil untuk meminda supaya ia selaras atau tidak bertentangan dengan undang-undang Islam. Para sarjana, ulama, ahli fikir dan umat Islam melihat dari positif terhadap penggubalan dan penafsiran perlembagaan dijadikan lebih dekat Islam. Oleh itu, Ahmad Ibrahim (1985) menyarankan cara baik ialah memandang Perlembagaan Malaysia secara positif dan menerima serta berusaha melaksanakan supaya menegakkan prinsip-prinsip kerajaan Islam. Perlembagaan wujud hasil perundingan dan tolak ansur antara kaum-kaum Malaya di Malaysia. Rakyat Malaysia menghormati perjanjian dicapai berasaskan bertimbang rasa dan persahabatan antara kaum-kaum. Pada masa sama, rakyat Malaysia harus berfikir dan bertindak secara positif serta menggunakan perlembagaan supaya menegakkan prinsip-prinsip kerajaan Islam dan pada masa sama mengambil kira kepentingan semua kaum dan bangsa di Malaysia.

Beliau menegaskan undang-undang Islam dikembalikan kepada tempat asal sebagai undang-undang asas dan undang-undang negeri di Malaysia kerana merupakan

agama rasmi di Malaysia. Rakyat Malaysia tidak merujuk undang-undang Inggeris lapuk tetapi bebas mencari undang-undang lain tidak bertentangan undang-undang Islam. Suatu fasal digubal perlembagaan mengatakan undang-undang di Malaysia bertentangan undang-undang Islam, hendak undang-undang tersebut dibatalkan sekadar bertentangan. Melalui dua cara ini, kita mengesahkan undang-undang di Malaysia tidak bertentangan undang-undang Islam (Ahmad Ibrahim, 1988). Orang Islam perlu menyakini undang-undang Islam adalah adil dan saksama kepada manusia dan alam sejagat. Mereka perlu menguatkan keimanan dan ketakwaan supaya menerima pelaksanaan syariat menjamin kepentingan manusia tanpa mengira pangkat serta kedudukan. Pendidikan dan dakwah mengenai undang-undang Islam diterangkan jelas dan tepat masyarakat mengenali Islam dalam erti kata sebenar. Generasi muda terutama graduan undang-undang perlu mempelajari undang-undang Islam dan mengembangkan dalam masyarakat.

Sehubungan itu, Ghazali (2012) menjadi tanggungjawab umat Islam membina kesedaran masyarakat tentang penghayatan Islam terutama mengenai undang-undangnya. Perkara ini dilakukan menerusi saluran rasmi dan tidak rasmi dan penerbitan buku. Kesedaran aliran pendidikan Barat mengenai undang-undang Islam perlu diperhebatkan dan dimantapkan kepada golongan tradisional supaya diatasi dengan meningkatkan pengalaman, kebolehan dan taraf. Antara langkah-langkah diambil pelaksanaan undang-undang Islam ialah mewujudkan institusi kajian berautoriti, membina kesedaran masyarakat tentang kepentingan undang-undang Islam serta menggubal undang-undang Islam bentuk akta dan status.

Perlembagaan Malaysia mengiktirafkan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Perkara ini menjelaskan Malaysia mempunyai agama dan anutan tertentu. Memberi isyarat Islam menjadi tunjang falsafah atau ideologi negara. Namun begitu, Abdul Aziz Bari (2005) menegaskan negara ini bukan sekular. Ini melihat kepada dokumen perlembagaan yang ada memberi peruntukan mengenai Islam. Ini kerana negara sekular iaitu negara tidak dikaitkan agama dan kerohanian. Peruntukan mengenai Islam yang ada tidak menjadikan perlembagaan atau negara Islam bahkan peruntukan tersebut memberi kelebihan dan keistimewaan kepada Islam dan para penganut. Kedudukan Islam dalam perlembagaan merupakan penerusan kedudukan yang keabsahan kepada sejarah. Peruntukan sedia wujud di negeri-negeri Melayu dan diteruskan di peringkat persekutuan. Malah, perlembagaan tidak menyebutkan undang-undang syariah tidak boleh dilaksanakan.

Undang-undang jenayah terkandung Kanun Keseksaan dan undang-undang umum digunakan untuk masyarakat maka undang-undang syariah diketepikan. Selain itu, bidang kuasa mahkamah syariah terkandung Akta Mahkamah Syariah 1965 adalah terbatas. Jadi yang menghalang pelaksanaan undang-undang syariah bukan Perkara 3(1) tetapi status-status lain membataskan hukuman syariah. Malah keadaan darurat, peruntukan undang-undang Islam tidak digantung. Perkara 150 (6A) melindungi hal-hal berhubung Islam meskipun keadaan darurat. Di samping itu, kedudukan Yang Di Pertuan Agong sebagai penjaga, pemelihara dan bertanggungjawab melindungi serta memastikan kedudukan agama Islam tidak tercemar. Tunku Abdul Rahman menyatakan kedudukan Islam dalam perlembagaan negara tidak bermaksud membuang sifat sekular dalam perlembagaan negara ini dan Tun Salleh Abbas, bekas Ketua Hakim Negara menyatakan kedudukan Islam

dalam perlumbagaan negara tidak dihasratkan dijadikan kayu ukur yang digunakan bagi mencabar kesahihan undang-undang kerana terbatas kepada soal-soal upacara namun tafsiran terhadap Perkara 3 dan peruntukan yang lain mengenai Islam tidak harus diserahkan hakim-hakim mahkamah dan berdasarkan kes-kes dahulu kerana tafsiran mengenai Islam masih terbuka ditafsirkan hakim-hakim terkemudian tidak tertakluk kepada niat atau tujuan undang-undang digubal pada peringkat awal, ia ditafsirkan oleh pakar bidang pengajian Islam memahami “agama” sebagai *addin*.

Justeru, Abd Manaf Ahmad (2004) menerangkan Ijtimak Ulama SeMalaysia diadakan pada 21 hingga 23 September 1985 anjuran YADIM membuat takrif negara Islam ialah negara terletak kekuasaan di tangan orang Islam dan rakyat menikmati keamanan dan keselamatan. Bagi merealisasikan Malaysia sebagai Negara Islam perhimpunan ulama meminta kerajaan mengambil perhatian berat dalam perkara-perkara berikut; Pertama, pengisian terhadap ajaran dan kehendak Islam di Malaysia perlu diperkembangkan dan dipertingkatkan melalui proses *tadarruj*, berjalan secara *tabi'i* serta berhikmah. Kedua, perundangan kehakiman dan pentadbiran diperkuuhkan dari semasa ke semasa kehendak Islam melalui kerjasama dan nasihat para cerdik pandai serta ulama. Ketiga, ijтиhad dalam Islam tidak tertutup. Hukum-hukum tidak ada zaman dahulu dibuat ijтиhad supaya umat Islam tidak keliru. Keempat, kerajaan hendak mengambil kira pendapat ulama mengenai projek menyentuh kepentingan rakyat terutama hubungan dengan Islam. Kelima, menubuhkan jawatankuasa khas terdiri pakar-pakar Islam untuk menyemak perundangan bagi memperkemaskan undang-undang bersumberkan Islam. Keenam, mencadangkan cerdik pandai Islam memberi cadangan kepada kerajaan mengenai

bentuk institusi ekonomi Islam, tamadun Islam dan undang-undang Islam supaya dikemaskinikan institusi yang sedia ada di negara.

Oleh yang demikian, Tun Dr. Mahathir Mohamad merasmikan Persidangan Muktamar Mengenai konsep Negara Islam pada tahun 1985 tetapi pada masa itu, beliau tidak membuat pengisytiharan Malaysia sebagai Negara Islam sehingga tahun 2002. Malah penganalisis berpendapat pengisytiharan tidak dibuat bagi membolehkan rakyat memahami konsep Negara Islam secara mendalam. Oleh itu, kita mendapati Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat substansi sesuatu daripada pengisytiharan Negara Islam (Ghazali, 2012). Beliau menjelaskan kedudukan Islam diberi perhatian dalam Perlembagaan Malaysia dan tenaga kerja digunakan untuk Islam. Malah, beliau berharap Malaysia menyediakan asas dalam membina matlamat sebagai negara Islam dan mungkin memakan masa dalam pelaksanaan tersebut. Beliau menegaskan sesuatu matlamat yang dicapai perlu melihat kepada kesanggupan dan kemampuan manusia dalam menjalankan tanggungjawab serta rancangan tersebut supaya dapat diterima. Pengisytiharan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Malaysia sebagai Negara Islam memberi kesan kepada pembangunan Islam. Perkara ini disebabkan pihak kerajaan perlu komitmen dalam melaksanakan agenda Islam untuk pentadbiran selari hasrat Negara Islam.

#### **4.13.4 Pandangan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Malaysia sebagai Negara Islam**

Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan Malaysia sebagai Negara Islam semasa berucap di Seminar Kebangsaan “Memahami Malaysia sebagai Negara Islam” pada 17 September 2002. Pada pandangan beliau, Malaysia adalah negara Islam

berasaskan pendapat ramai daripada ulama-ulama zaman dahulu. Oleh sebab itu, Malaysia diakui negara Islam dan berpegang kepada ahli Sunnah wal Jamaah. Jumlah besar daripada umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia mengiktirafkan Malaysia sebagai Negara Islam. Di samping itu, beliau mengatakan ajaran Islam berjalan baik oleh pemerintahan Malaysia. Malah, orang Islam dan ajaran-ajaran Islam diberikan perlindungan oleh Kerajaan Malaysia. Penyebaran ajaran sesat mengikut pendapat jemaah dihindarkan. Dalam Ucapan Perasmian UMNO pada tahun 2001, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan;

“Dunia mengiktirafkan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam dan banyaklah kerajaan Negara Islam lain yang menganggap Malaysia sebagai contoh Negara Islam yang terbaik untuk mereka. Negara Islam dan institusi Islam memberi pelbagai anugerah kepada Malaysia kerana kagum dengan kemajuannya dan kemajuan agama Islam di Malaysia. Lebih 100 Negara Islam dan bukan Islam menghantar penuntut ke Universiti Islam Malaysia. Tetapi di Malaysia ada orang Islam yang mendakwa Malaysia bukan Negara Islam dan pemerintahannya pemerintahan kafir dan sekular”.

Sehubungan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan kriteria pelaksanaan hudud menjadi kriteria untuk PAS mengakui Negara Islam maka beliau mendakwa tidak ada negara melaksanakannya secara sepenuh. Perkara ini dilihat kenyataan beliau;

“Kita ingin tentukan yang mana satu negara-negara yang dunia ini adalah Negara Islam yang PAS terima sebagai Islam. Jika pelaksanaan hukum hudud menjadi kriteria untuk PAS akui sebagai sebuah Negara Islam sila tunjukkan negara mana yang melaksanakan hukum hudud di zaman ini. Setakat yang kita dapat sahkan tidak ada satu pun negara yang menguatkuasakan hukum hudud iaitu daripada cara pembicaraan sehingga pelaksanaan hukuman. Ini bukan bermakna mereka menolak hukum agama tetapi

kerana masyarakat sekarang berbeza dengan masyarakat Islam zaman nabi. Tidak ada yang bebas daripada dosa besar yang sanggup memberi keterangan sebagai saksi. Namun jenayah tetap berlaku dan penghakiman terpaksa dibuat”.

Dalam Perasmian Persidangan Perwakilan ke-30 Parti Gerakan rakyat Malaysia 2001, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan;

“Baru-baru ini Presiden PAS mencabar UMNO mengisyiharkan Malaysia sebagai Negara Islam. Harapan PAS ialah apabila UMNO mengisyiharkan Malaysia sebagai Negara Islam, maka rakan-rakan bukan Islam dalam Barisan Nasional akan menentang UMNO seperti DAP menentang PAS kerana cadangan PAS untuk mendirikan Malaysia sebagai Negara Islam. UMNO ingin menyatakan terang-terang bahawa Malaysia adalah Negara Islam. Pendapat ini berasaskan kepada pendapat ramai daripada ulama-ulama di zaman dahulu yang telah menjelaskan apa dianya Negara Islam. Untuk pengetahuan umum, seorang ulama telah menulis buku yang bertajuk ’Malaysia adalah sebuah Negara Islam’. Dalam dunia sekarang terdapat lebih kurang 50 buah negara yang diterima sebagai ahli OIC walaupun ada dalam OIC negara yang bukan Islam tetapi ada penduduk yang ramai terdiri daripada orang Islam. Penyelidikan yang telah kita buat menunjukkan bahawa hampir semua dari Negara Islam ini tidak dapat melaksanakan hukum hudud. Namun mereka masih dianggap dan mereka mengakui bahawa negara mereka adalah negara Islam.

Justeru, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan ciri-ciri Negara Islam diakuinya bukan pelaksanaan hukum hudud semata-mata. Beliau menyebut negara Islam apabila kekuasaan dipegang oleh orang Islam. Perkara ini dilihat kenyataan beliau;

“Oleh itu, apabila kita mendakwa Malaysia adalah Negara Islam, kita memang mempunyai hak untuk berbuat demikian. Jika Malaysia bukan Negara Islam kerana tidak melaksanakan hukum hudud, maka

dalam dunia ini tidak ada Negara Islam kerana semua yang dikatakan Negara Islam juga tidak dapat melaksanakan hukum hudud. Malaysia adalah negara berbilang kaum yang menganuti agama-agama yang berlainan. Majoriti rakyat negara ini adalah orang Islam. Dan orang Islam berkuasa di Malaysia. Kuasa yang dimiliki oleh orang Islam bukan untuk menindas orang bukan Islam sebaliknya apabila orang Islam berkuasa, maka mereka hendaklah memerintah dengan adil. Ini adalah ajaran Islam”.

Dalam perhimpunan Agong UMNO 1997, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan Malaysia Negara Islam sebagai contoh. Beliau menyebutkan Malaysia dianggap oleh negara-negara lain sebagai negara contoh kerana Malaysia mengamalkan prinsip kesederhanaan dalam Islam, bukan mempamerkan Islam ekstrem. Malah, orang Islam Malaysia berjaya menangani masalah memerintah penduduk berbagai-bagai kaum dan agama. Pelaksanaan Islam dilaksanakan oleh pemerintah jelas membawa keamanan dan kemajuan.

Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia adalah Negara Islam dan tidak harus dibahaskan lagi. Hanya yang dibuat menentukan negara tidak disesatkan oleh pihak tertentu kerana kepentingan politik dan lemah serta ditindas oleh musuh-musuh Islam. Oleh yang demikian, Ghazali (2012) menjelaskan Tun Dr Mahathir Mohamad mencabar parti PAS menjelaskan Negara Islam yang didirikan di Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohamad mendakwa Malaysia adalah Negara Islam sebab jelas iaitu orang Islam di Malaysia hidup bebas secara orang Islam, tidak dihalang beribadat dan menikmati keadilan seperti dituntut oleh Islam. Malah, beliau mendakwa tidak semesti Negara Islam melaksanakan hudud kerana tidak ada sebuah negara di dunia mengamalkan hudud sepenuh secara praktikal. Kenyataan

ini merupakan peristiwa baru dan pembuka tirai kepada pembicaraan tentang Negara Islam. Perkara ini memaksa pihak parti pembangkang membuat kenyataan penafian dan meminta Perdana Menteri mengisyiharkan Malaysia sebuah Negara Islam di Parlimen. Bagi menguatkan hujah tersebut pihak pemerintah mengambil pandangan-pandangan tokoh-tokoh luar negara bagi menyokong kenyataan tersebut seperti kenyataan Syeikh al-Azhar Syeikh Sayyid Muhammad al-Tantawi menyebut Malaysia sebagai sebuah Negara Islam contoh.

Parti PAS mendakwa Malaysia belum negara Islam tulen kerana semua langkah selama ini masih belum mencukupi dan belum memenuhi tuntutannya. Justeru, PAS berusaha menjayakan wawasan ini walaupun mendapat tentangan hebat daripada golongan bukan Islam. PAS mengeluarkan buku Dokumen Negara Islam dilancarkan pada 12 November 2003 sebagai panduan menjayakan negara Islam dan membuktikan PAS tidak mengiktirafkan Malaysia sebagai Negara Islam seperti dinyatakan oleh pihak pemerintah.

Namun begitu, Anual Bakhri Haron dan Kamarul Zaman Yusoff (2002) menjelaskan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menyatakan Negara Islam dibuat Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak lebih meraikan arus kebangkitan Islam berlaku sekarang. Justeru, Awang (2005) jelas menolak Malaysia sebagai Negara Islam. Beliau berhujah kenyataan YTM Tunku Abdul Rahman Putra, kenyataan hakim-hakim di Malaysia serta laporan Suruhanjaya Reid meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara sekular yang memberikan kedudukan berdaulat kepada agama Islam serta objektif Negara Islam sebenar. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang juga menolak takrif yang diberikan oleh para ulama dan mendakwa takrif dinukilkan

oleh ulama UMNO tidak tepat. Beliau tidak memberikan takrif negara Islam dan sekadar mengkritik tanpa membuat penjelasan lengkap dalam buku tersebut.

Melalui kajian Ghazali (2012) Chandra Muzaffar menyifatkan kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Malaysia Negara Islam adalah kenyataan ‘lebih bersifat politik’. Selain itu, Abu Bakar (2002) melihat kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad menimbulkan satu pembudayaan politik yang penting dalam proses Islamisasi dan transformasi sedang berlaku dalam sejarah serta masyarakat sepanjang lebih empat dekad yang lalu. Perkara ini disebabkan pihak kerajaan berusaha pembangunan Islam melayakkan dilabel Negara Islam.

Kecenderungan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kenegaraan Islam semenjak 1980an apabila beliau membangkitkan Islam diterima oleh semua kaum sebagai pedoman hidup mereka. Mengikut beliau, sekiranya umat Islam di Malaysia bersatu dan bersikap toleran terhadap kaum lain, maka mereka tertarik kepada agama Islam dan satu masyarakat seratus peratus orang Islam akan diwujudkan di Malaysia suatu masa nanti. Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam ditandai oleh episod-episod yang menjadi batu-bata dalam pembinaan negara Islam. Perkara ini dilihat teori Sayyid Qutb menyatakan pemimpin perlu mengamalkan syura’ dan musyawarah (Ab Majid, Mohamad Kamil, Ab Majid, Norafifah & Mohamad, 2012).

#### **4.14 Tamadun Islam**

Kemerosotan dan kemunduran tamadun Islam merupakan perkara diperkatakan, bukan oleh para pemikir moden tetapi juga ulama dan negarawan. Kemerosotan tamadun Islam menjadi parah sekitar abad ke-18 apabila negara-negara Islam

dijajah (Hussain Atory, 2006; Kamil Majid, Rahimin Affandi, Yusof, 2014). Umat Islam mengalami kebekuan pemikiran dan kerohanian. Kemunduran bermula dari rentetan jatuh Baghdad ke tangan tentera Mongol tahun 1258M. Antara perkara ditimbulkan ialah kefahaman salah terhadap Islam dan amalan umat Islam jauh terpesong daripada ajaran sebenar. Para reformasi Islam mula mengerahkan tenaga dan fikiran mengembalikan umat Islam kepada ajaran Islam luhur. Antara ulama, reformasi, modenis membicarakan perkara ini; Jamal al-Din al-Afghani, Sayyid Qutb, Hassan al-Banna, Muhammad Abduh, al-Maududi, Syed Ahmad Khan, Muhammad Iqbal dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Chandra Muzaffar (2001) menyatakan pelbagai takrif mengenai tamadun dan istilah digunakan seperti *madaniyyah*, *hadarah* dan *tamaddana*. Perkataan *Maddana* mempunyai dua pengertian iaitu merujuk perbuatan membuka bandar atau kota serta perbuatan memperhaluskan budi pekerti. Daripada *maddana* muncul *maddani* membawa erti pembangunan perbandaran serta kehalusan budi pekerti terpuji. Di samping itu, Ibnu Khaldun (2001) menggunakan ‘umran’ ketika membincangkan tentang sifat masyarakat dalam kalangan manusia. Perkataan ‘umran’ bermaksud kawasan tanah atau rumah diduduki orang perseorangan atau golongan penduduk dalam suatu keadaan berkembang subur lagi makmur. Beliau juga menggunakan *hadarat* bererti satu wilayah, daerah, bandar atau kampong daripada kawasan tanah didiami, ini berlawanan perkataan *badwi*. Oleh itu, tamadun berasal daripada bandar kerana tempat sesuai melahirkan kemajuan disebabkan di situ terdapat benda dan kemudahan menjadi asas kelahiran dan peningkatan tamadun. Kehidupan tamadun tertumpu unsur-unsur bercorak perdagangan, perekonomian, kemajuan teknologi dan penghususan pekerjaan.

Justeru, Mohamad (1984) menegaskan tamadun Islam akan mencapai matlamat dan mencipta kegemilangan sekiranya umat Islam mengamalkan pendekatan ysederhana dan seimbang serta sanggup mengkritik diri sendiri. Umat Islam mesti belajar berlaku jujur terhadap diri sendiri. Umat Islam perlu menggunakan pendekatan seimbang dalam perkara berkaitan kehidupan dunia dan akhirat. Konsep mengenai kehidupan di akhirat diterangkan kepada manusia untuk melunaskan pemikiran mereka dan bukan mengehadkan perhatian mereka terhadap perkara-perkara yang ada sekitar mereka. Oleh sebab itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru supaya cerdik pandai Islam pada zaman moden agar tidak sibuk hal-hal keduniaan atau asyik dengan perkara-perkara akhirat. Sebaliknya segala usaha dan pemikiran mereka perlu berdasarkan kedua-dua aspek tersebut.

Di samping itu, Ghazali (2012) menjelaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad mendakwa terdapat pemikiran dalam kalangan umat Islam beranggapan ilmu pengetahuan penting berkenaan agama dan ilmu-ilmu lain tidak penting. Malah, mempelajari ilmu-ilmu lain tidak mendapat ganjaran pahala di akhirat. Perkara ini menyebabkan umat Islam terus mundur dan lemah. Namun begitu, umat Islam perlu menyelidik dan mengkaji ilmu-ilmu lain termasuk ilmu sains yang penting memajukan umat Islam. Beliau berhujah ilmu sains menambahkan kekaguman kepada ciptaan Allah s.w.t. keadaan kefahaman dan sikap umat Islam seperti ini menyebabkan mereka mundur bahkan menerima kemunduran suatu kebahagiaan serta kedudukan mereka lebih baik di akhirat. Bagi Tun Dr Mahathir Mohamad kesempurnaan Muslim apabila menuaikan tanggungjawab baik berkaitan fardhu kifayah dan bukan fardhu ain. Beliau menjelaskan balasan di akhirat bukan kerana

ibadat kita kenakan untuk diri kita, iaitu fardhu ain tetapi ibadat bagi masyarakat iaitu fardhu kifayah. Jika kita benar-benar berpegang ajaran al-Quran, kita mesti tunaikan kedua-dua fardhu ain dan fardhu kifayah.

Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru keseimbangan dan kesederhanaan dalam pembangunan peradaban. Bagi beliau, ilmu penting mencapai kemajuan dan ketamadunan. Namun begitu, beliau melihat umat Islam sekarang gagal mencapai kegemilangan tamadun disebabkan mereka bimbang kemajuan dunia ini mengakibatkan pengabaian kepada agama serta berkeras membahagikan masa ilmu kepada ilmu agama dan ilmu dunia ini. Mereka menganggap ilmu dunia ini bercanggah dengan Islam. Umat Islam mengambil peluang untuk memanfaatkan kurniaan Allah untuk memajukan umat malah, Islam menekankan ilmu sains dan alam sekeliling. Langkah pertama ke arah kebangkitan semula tamadun Islam ialah mengikis kan kepercayaan dunia ini bukan kita, ilmu pengetahuan selain daripada ilmu agama bersifat sekular haram bagi kita. Pada zaman kegemilangan Islam, pemecahan ilmu seperti ini tidak berlaku kerana ilmuwan Islam bukan pakar dalam bidang masing-masing tetapi alim dalam pengajian Islam. Mereka menghubungkan pengetahuan mereka dengan agama. Sementara pada zaman sekarang keadaan tidak sedemikian. Justeru, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan pembinaan tamadun Islam pada zaman moden harus dalam pencapaian kemanusiaan pada masa ini. Ini mencerminkan kehidupan dan pemikiran semasa selaras zaman moden tetapi sesuai ajaran Islam (Mohamad, 1995a).

#### **4.14.1 Langkah-langkah Untuk Membangunkan Tamadun Islam**

Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan dan tulisan buku-buku mengupas cara-cara membangunkan tamadun Islam. Beliau meletakkan garis panduan untuk umat Islam maju zaman moden. Beliau menyarankan umat Islam mempunyai matlamat jelas dan perencanaan rapi sebagai persediaan bersaing bangsa lain. Antara langkah-langkah untuk membangunkan tamadun Islam adalah;


Pertama, Mohamad (1984) menjelaskan cara membangunkan tamadun Islam bermula perancangan masa depan jelas dan teratur. Tanpa perencanaan masa depan, pembangunan tamadun Islam mungkin tidak berhasil bahkan umat Islam terpisah dari agama mereka anuti. Beliau menegaskan tugas merancang masa depan adalah kewajipan tidak patut diabaikan. Sekiranya umat Islam mahu melaksanakan peraturan sosial seperti dianjurkan Islam maka mereka perlu meneliti aspek kehidupan pada zaman moden dari Islam dan membuat pembetula. Hubungan menyeluruh antara Islam dengan aspek kehidupan mesti diketahui dengan jelas dan umat Islam mengkaji serta meyelesaikan berbagai-bagai persoalan dihadapi. Kemudian satu rumusan praktikal mengenai sistem Islam dibuat berdasarkan kenyataan hidup pada zaman ini. Perancangan tersebut mestilah menyeluruh dan jangka panjang melebihi dua puluh tahun hingga empat puluh tahun. Dunia Islam sekarang memerlukan rancangan *viable* memberi gambaran meyakinkan umat Islam tentang kemampuan mereka menegakkan tamadun Islam unggul. Dalam konteks Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan Wawasan 2020 merupakan program pembangunan Malaysia bentuk masa panjang harus dicapai.

Kedua, aspek terpenting pembinaan tamadun ialah pendidikan bersepada. Tun Dr. Mahathir Mohamad memuji usaha dilakukan *The International Institute of Islamic Thought (IIIT)* menggerakkan program Islamisasi ilmu iaitu mengkaji teliti disiplin ilmu moden dari sudut pandangan Islam bagi menjamin masa depan umat lebih gemilang. Justeru, Mohamad (1984) menjelaskan ahli akademik Muslim sekarang berusaha menguasai ilmu pengetahuan agar digunakan kesejahteraan ummah. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyaraskan proses Islamisasi ilmu merujuk kepada buku *Islamisation of Knowledge* terbitan IIIT sebagai proses Islamisasi pendidikan, iaitu; (i) Memahami ilmu pengetahuan moden mendalam. (ii) Menggabungkan dan menyesuaikan pengetahuan-pengetahuan baru berteraskan warisan Islam dengan menyisih, meminda dan mentafsir semula isi kandungannya berdasarkan pandangan serta nilai-nilai sejagat. (iii) Mengetahui dengan jelas falsafah disiplin-disiplin dengan ajaran Islam sebenar. (iv) Menyusun kaedah-kaedah baru agar disiplin digunakan ke arah mencapai matlamat murni ditetapkan oleh Islam. (v) Meneroka bidang baru bertujuan memajukan umat.

Sehubungan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya usaha kebangkitan semula umat Islam melalui pengislaman ilmu sebagai jalan utama. Langkah-langkah diambil IIIT serta golongan mahukan pengislaman ilmu mendapat sambutan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Beliau percaya dengan menguasai ilmu, kedudukan umat Islam bertambah baik. Malah, tumpuan utama diberikan kepada ilmu-ilmu dunia moden yang ilmu asal diterokai oleh Islam terdahulu. Usaha kesedaran dipupuk supaya umat Islam menguasai ilmu pengetahuan moden menjadi tuntutan agama yang penting. Kesedaran mendorong ke arah usaha membentuk sistem pendidikan mengimbangkan tekanan antara pelajaran agama serta tuntutan ilmu-ilmu lain boleh

menguatkan umat Islam menghadapi cabaran-cabaran dunia moden dan sistem pendidikan mengimbangi tuntutan dunia dan akhirat.

Mohamad (1995b) menjelaskan ilmu-ilmu lain daripada agama penting dipelajari membentuk umat kuat dan berwibawa. Beliau juga menegaskan mempelajari ilmu dan menyediakan diri untuk kekuatan syarat kemajuan umat kerana pelajaran berfaedah bagi manusia sebahagian daripada ilmu pengetahuan dituntut oleh agama Islam. Orang Islam terpelajar dalam bidang “orang alim” Islam. Tun Dr. Mahathir Mohamad menekankan kepentingan mempelajari ilmu komprehensif dan bukan tertumpu ilmu-ilmu agama kerana kemampuan umat Islam mengatasi cabaran bergantung ilmu dikuasai. Sementara mempelajari ilmu agama agar umat Islam tidak mudah dipisahkan agama. Namun begitu, pengetahuan dalam bidang-bidang lain adalah kewajipan melindungi umat Islam daripada tekanan, penindasan dan penguasaan ideologi serta kepercayaan bertentangan Islam.



Umat Islam terus ketinggalan, mudah terpedaya dan dikuasai oleh orang lain sekiranya beranggapan mereka perlu menguasai ilmu agama sahaja serta meninggalkan ilmu-ilmu lain yang penting menjaga keselamatan Islam dan orang Islam. Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan tidak ada pemisahan antara ilmu agama dan sekular. Kedua-duanya penting bagi umat Islam dan mendapat ganjaran pahala daripada Allah. Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan ilmu-ilmu lain tidak kurang penting dalam Islam dan Islam mewajibkan penguasaan kerana menjamin kesejahteraan dan keselamatan umat Islam, membebaskan mereka daripada cengkaman musuh-musuh Islam. Orang Melayu memahami ilmu sains dan teknologi penting dalam dunia sekarang dan orang Melayu tekun serta gigih untuk

mencapainya. Malah, Tun Dr. Mahathir Mohamad menganggap orang menganggu orang Melayu supaya tidak menuntut ilmu sains dan teknologi sebagai pengkhianat kepada agama dan bangsa Melayu (Mohamad, 2002b).

Di samping itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyarankan pendidik bukan membekalkan ilmu pengetahuan tetapi menyemaikan nilai-nilai hidup yang menentukan kejayaan masyarakat dan bangsa. Ilmu pengetahuan dan nilai baik seiring membentuk generasi pelajar. Beliau menyebutkan orang Melayu masih ketinggalan bangsa-bangsa lain terutama bidang pelajaran sedangkan Islam menyeru nilai-nilai murni. Tidak timbul pandangan kerajaan tidak mengutamakan pendidikan Islam kerana ilmu diperlukan memajukan bangsa dan negara. Punca umat Islam ditindas oleh musuh-musuh kerana mengabaikan semua ilmu tersebut. Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya ilmu sains dan ilmu lain berasal agama Islam dan diambil oleh Barat lalu ditambah oleh mereka.

Pelajaran Barat atau pelajaran sekular bukan Barat dan bukan sekular. Pelajaran dan pengetahuan yang ada di Barat sekarang ialah pelajaran dan ilmu orang-orang Islam. Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin pendidikan asas kekuatan umat Islam berhujah kegemilangan tamadun Islam zaman dahulu berteraskan pendidikan. Sekalipun mereka pada mula lemah kerana jahil namun kepimpinan Rasulullah s.a.w. mengutamakan ilmu dan pendidikan menguatkan serta memajukan umat Islam. Beliau menyarankan pendidikan Islam memberi perhatian nilai-nilai Islam seperti kebersihan dan rajin berusaha di samping memberi fokus fardhu kifayah.

Justeru, tidak benar menyalahkan kehidupan mengkaji ilmu-ilmu dunia sebagai sekular dan menyalahi agama. Sesetengah daripada umat Islam mengatakan ilmu sains dan ilmu-ilmu lain berada di luar bidang agama adalah ilmu sekular dan tidak harus mempelajarinya. Dari satu segi mereka tidak salah; iaitu memang ilmu-ilmu sekular dari segi kandungan tetapi kandungan ilmu-ilmu mempunyai dua aspek iaitu aspek benda dan aspek nilai serta filsafat. Tidak benar mengatakan umat Islam tidak harus mempelajari ilmu kerana berada di luar bidang agama atau nilai dan filsafat bertentangan Islam. Umat Islam harus mempelajari kesemua ilmu berkaitan dunia menerusi nilai dan filsafat. Malah, Islam menuntut umatnya mengkaji ilmu-ilmu dunia kerana ilmu menjadikan sekular adalah filsafat dan nilai mendasari ilmu. Oleh itu, penguasaan ilmu-ilmu disarankan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad berkaitan kesejahteraan dan kemakmuran hidup umat Islam sekaligus menunaikan amanah sebagai khalifah Allah (Ghazali, 2012).

Ketiga, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru umat Islam meningkatkan kefahaman Islam dan menyesuaikan diri dengan perubahan. Oleh itu, beliau menyarankan disusunkan beberapa langkah meningkatkan ilmu pengetahuan (Mohamad, 1984). Antaranya; (a) Menggabungkan teknik-teknik terbaik daripada pendidikan tradisional dengan kaedah-kaedah moden pendidikan dan kajian. (b) Menganalisis perubahan-perubahan berlaku di sekeliling agar mengamalkan Islam dalam konteks zaman moden. (c) Membebaskan diri daripada pelbagai konsep ciptaan barat. (d) Menyediakan buku teks universiti mengikut acuan pendidikan Islam bersepadu. Walau bagaimanapun, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyarankan dinilai semula amalan-amalan umat Islam supaya amalan tersebut sejahterakan Islam sebenar. Bahkan dasar-dasar dirumuskan memerlukan umat Islam menentang amalan-amalan ada

sekarang serta menghendaki mereka supaya mengkaji semula beberapa adat resam yang bercorak Islam tetapi tidak sedemikian.


Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengakui kuat ikatan orang Melayu dengan Islam. Penjajah sedar agama Islam dianuti orang Melayu tidak disentuh. Apabila Tanah Melayu menegaskan orang Melayu beragama Islam selain berbahasa Melayu dan beristiadat Melayu. Namun begitu, Mohamad (2002a) menegaskan sekarang umat Islam khusus orang Melayu berada keadaan mundur disebabkan perselisihan pendapat dengan agama menyebabkan mereka berpecah belah serta bermusuhan sesama sendiri. Mereka menolak ajaran Islam supaya menuntut ilmu dan menyediakan diri mempertahankan Islam dan umat Islam. Malah, Tun Dr. Mahathir Mohamad membidas golongan bertindak melulu dan ganas akibat kekecewaan umat Islam. Tindakan begitu tidak menguntungkan dan bukan satu jalan bijak menyelesaikan masalah. Bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad bangsa Melayu perlu sedar jika ingin mencipta kegembilangan dan kembali kepada asas-asas ajaran Islam sebenar terutama aspek perpaduan orang-orang Melayu, mereka perlu menguasai ilmu-ilmu penting termasuk ilmu pertahanan dan alatan demi tujuan tersebut.

Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru tamadun Melayu pernah dicapai harus dipertahankan dan bukan sekadar diulangi bentuk penceritaan. Malah, orang Melayu perlu belajar daripada sejarah dan pengajaran sebagai iktibar. Bangsa Melayu berpegang kenyataan dan menjadikan kesalahan lama menyebabkan bangsa Melayu dijajah selam 450 tahun sebagai pengajaran. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyebut tidak ada kuasa sakti dan tiada Sang Sapurba Trimurti Tribuana, tiada Demang Lebar Daun serta tiada todak yang menyelamatkan orang

Melayu; yang ada orang Islam dengan agama dan tamadun. Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan orang Melayu sekarang adalah lemah serta tidak mustahil penjajahan berlaku semula jika mereka tidak berusaha menjadi bangsa kuat dan bermaruah. Malah, air mata bangsa Melayu akan mengalir sekira pencapaian orang Melayu lemah daripada semua sudut walaupun mempunyai jumlah besar. Beliau berharap orang Melayu menguasai ilmu dan memahami ajaran Islam sebenar kerana asas kemajuan umat Melayu-Islam. Hal ini dilihat melalui teori al-Ghazali (1987) menyatakan pemimpin dilantik dan ditaati melaksanakan peraturan dunia dengan sebaik hingga memudahkan pelaksanaan agama.

#### **4.15 Kesimpulan**

Oleh yang demikian, terdapat tiga belas tema dapatan kajian analisis kandungan. Perkara ini disebabkan menjawab persoalan kajian pertama dan kedua dalam kajian ini. Untuk menjawab persoalan kajian ketiga, sila rujuk bab ke seterusnya.



# **BAB LIMA**

## **DAPATAN KAJIAN ANALISIS TEMU BUAL**

### **SECARA MENDALAM**

#### **5.1 Pengenalan**

Kaedah temu bual secara mendalam dilaksanakan menjawab objektif kajian ketiga iaitu,menganalisis kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik.

Namun begitu, penyelidik bergantung ke atas maklumat dikumpul melalui temu bual yang dijalankan dengan ahli politik dan ahli akademik selama 5 bulan iaitu dari 2hb April 2016 hingga 26hb Ogos 2016 dan temu bual bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad dikenali sebagai Informan Primer pada 28hb Jun 2016 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya. Temu bual ini dijalankan di Alor Setar, Jitra, Sintok, Pulau Pinang, Putrajaya, Shah Alam dan Terengganu. Sesi temu bual dijalankan selama 45 minit. Antara informan-informan yang berjaya di temu bual oleh penyelidik seperti jadual 1.3 dibawah;

Jadual 1.3

*Informan-informan berjaya di temu bual oleh penyelidik*

<b>Nama Informan</b>	<b>Profesion</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Tempat</b>
Prof Madya Dr. Khoo Boo Teik (Informan 1)	Ahli Akademik The National Graduate Institut for Policy Studies (GRIPS) Minato	2hb April 2016	3.00 Petang	Berkomunikasi melalui Skype.

Tokyo, Jepun.

Prof Dato Dr.	Ahli Akademik	5hb April	3.00	Universiti
Murad Merican (Informan 3)	Universiti Sains Malaysia	2016	petang	Sains Malaysia

Prof Dr.	Ahli Akademik	3hb April	10.00	Universiti
Azizuddin Sani (Informan 2)	Universiti Utara Malaysia	2016	Pagi	Utara Malaysia

Prof Madya Dr.	Ahli Akademik	20hb April	4.00	Bangi
Rumaizuddin Ghazali (Informan 4)	Universiti Sains Islam Malaysia	2016	Petang	

Dr. Sulastry Yurni Dato Ahmad (Informan 6)	Ahli Akademik Universiti Malaya	25hb Mei 2016	9.00 Pagi	Razak School of Goverment, Putrajaya
---	------------------------------------	------------------	--------------	---

Tan Sri Zainuddin Maidin (Informan 5)	Mantan Menteri Penerangan	23hb Mei 2016	10.00 Pagi	Zam Cafe Putrajaya
--	------------------------------	------------------	---------------	-----------------------

Tan Keng	Ketua Pemuda	3hb Julai	3.00	Alor Setar,
Liang	Gerakan	2016	Petang	Kedah
(Informan 8)				

Dato Seri Tuan	Presiden PAS, Ahli	29hb Julai	11.00	Rusila,
Guru Haji Hadi	Majlis Syura	2016	Pagi	Terengganu
Awang	Ulamak			
(Informan 9) PAS,Mantan				

Menteri Besar

Terengganu,

ADUN Rhu

Rendang,

Terengganu, Ahli

Parlimen Marang,

Terengganu.



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

Datuk Ir	Mantan Exco PAS,	1hb Jun	3.00	Jitra, Kedah
Amiruddin	Kedah, ADUN	2016	Petang	
Hamzah	Anak Bukit,			
(Informan 7) Kedah.				

YB Khalid	Ahli Parlimen	26hb Ogos	10.00	Shah Alam,
Samad	Shah Alam,	2016	Pagi	Selangor
(Informan 10) Pengarah				

## **5.2 Latar Belakang Informan Kajian**

Latar belakang informan kajian menjalani sesi temu bual dengan penyelidik berikut;

### **5.2.1 Prof Madya Dr. Khoo Boo Teik**

Dr. Khoo Boo Teik merupakan Profesor dan Pengarah di Jabatan Pembangunan Negara dan Ekonomi. Beliau melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Rochester, Ijazah Sarjana di MIT dan Ph.D di Flinders dalam bidang Sains Politik. Kini, bidang penyelidikan beliau merangkumi Politik di Malaysia dan Asia Tenggara, Politik Islam, Perbandingan dalam bidang Kepimpinan, Ekonomi Politik dan Perubahan Sosial. Bermula dari April tahun 2014, beliau menjawat Profesor di GRIPS Jepun. Sehubungan itu, terdapat artikel yang diterbit antaranya: (a) *Between Dissent and Power: The Transformation of Islamic Politics in the Middle East and Asia* Hounds mills, Basingstoke, Palgrave Macmillan pada tahun 2014 (b) *The Politic of Technocracy*, Kyoto, Special Issue of Southeast Asian Studies pada tahun 2014 (c) *Policy Regimes and the Political Economy of Poverty Reduction in Malaysia*, Hounds mills, Basingstoke, Palgrave Macmillan pada tahun 2012 (d) *Beyond Mahathir: Malaysian Politics and its Discontents*, London and New York: Zed Books pada tahun 2003 yang diterbitkan dalam Bahasa Cina sebagai *Chaoyue Mahadi* dan diterjemahkan oleh; Ong Kok Chung (e) *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*, Kuala Lumpur, Oxford University Press yang diterbitkan pada tahun 1995, 1996, 2001 (f) *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*, Richmond: Curzon Press, 2002.

### **5.2.2 Prof Dato Dr. Ahmad Murad Bin Mohd Noor Merican**

Dr. Ahmad Murad Merican adalah Professor di Jabatan Pengurusan dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi PETRONAS, Bandar Seri Iskandar, Perak. Oleh itu, minat beliau kepada bidang akademik dan penyelidikan termasuk Media Melayu dan Pengajian Kewartawan, Media Sejarah, Sejarah Intelektual dan Sejarah Sosial Sains. Beliau memperolehi PhD bidang Sejarah dan Falsafah Sains (Malaya), Sarjana Sastera (Komunikasi Massa), Ijazah Sarjana Muda Sains Politik (Minnesota) dan Diploma Mass Komunikasi dalam jurusan Kewartawanan dari Institut Teknologi MARA. Beliau pernah mengajar di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM dan menjadi editor Pusat Pengajian Komunikasi *Massa Media Monograph Series*, pengasas bersama yang Institut universiti Ilmu dan pengurus Pusat Sejarah Intelektual dan Pemikiran Melayu (Centis). Beliau juga bekerja di beberapa inisiatif mengenai sejarah Pulau Pinang dan ahli Acheen Street Armenia Jawatankuasa Pemuliharaan *Street Heritage* di bawah naungan Universiti Sains Malaysia. Beliau telah dianugerahkan Residen Yayasan Kepimpinan Perdana Presiden Kehormat pertama Fellowship untuk kerja-kerja penyelidikan mengenai *Occidental* wacana. Dia adalah seorang wartawan Agensi Berita Nasional Malaysia (Bernama) pada awal tahun 1980-an. Kini, beliau sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa.

### **5.2.3 Prof Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani**

Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani merupakan Profesor Dr. dalam bidang Politik dan Hubungan Antarabangsa di Sekolah Pengajian Antarabangsa (SOIS) di Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Politik dan Hubungan Antarabangsa dari Keele University, United Kingdom. Selain

itu, beliau adalah Dekan di Sekolah Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Beliau juga telah menjadi *Visiting Fellow* di Institut Kajian Asia Tenggara (ISEAS) Singapura dan Profesor Pelawat di Institut Pembangunan dan Pentadbiran (NIDA) Bangkok, Thailand. Kini, beliau dilantik sebagai Pengarah RIMC di Universiti Utara Malaysia. Namun begitu, beliau menerbitkan karya-karya dalam jurnal antarabangsa seperti Jepun Jurnal Sains Politik, Filipina Sains Politik Jurnal, *Journal of Asia Kontemporari* dan Asia Jurnal Sains Politik mengenai topik-topik yang berkaitan dengan teori politik, politik media, hak asasi manusia, demokrasi dan politik Malaysia. Antaranya: prosiding yang bertajuk; *Mahathir Mohamad as a Cultural Relativist: Mahathirism on Human Rights*, Jurnal Kemanusiaan: A Comparative Analysis of Asian Values and Islam Hadhari in Malaysia dan lain-lain.

#### **5.2.4 Prof Madya Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali**

Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali adalah Profesor bidang kepimpinan dan pengurusan di Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab di Universiti Al-Azhar, Ijazah Sarjana Usulluddin di Universiti Malaya dan Ph.D bidang Usulluddin di Universiti Malaya. Oleh itu, beliau cenderung bidang Sejarah Pembangunan Politik di Malaysia, Pengurusan Islam, Sistem Politik Islam, Pengajian Islam, Keagamaan dan Modernisasi. Antara penulisan beliau mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah buku berjudul Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir.

#### **5.2.5 Dr. Noor Sulastri Yurni Dato' Ahmad**

Dr. Noor Sulastri Yurni Dato' Ahmad merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Antropologi dan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala

Lumpur. Beliau memegang Ijazah Doktor Falsafah dalam Politik Perbandingan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Minat beliau dalam bidang yang berkembang untuk memberi tumpuan kepada tempatan, Korea Selatan dan Politik Jepun terutamanya berkaitan dengan hegemoni politik dan penyertaan politik dalam kalangan belia. Buku beliau yang bertajuk “Hegemoni dalam Budaya Politik Melayu” telah diterbitkan pada tahun 2014. Selain itu, Dr Noor Sulastry telah dilantik sebagai Fellow / laureatee Korea Yayasan Pengajian Lanjutan (2011-2012) dan Felo Penyelidik Yayasan Transformasi Penyelidikan (FORT) dari Februari 2015 sehingga Februari 2016. Kini, beliau merupakan Pensyarah Pelawat di *Razak School of Government (RSOG)*. Namun begitu, Dr. Noor Sulastry bekerja secara aktif sebagai kolumnis dalam akhbar-akhbar tempatan dan majalah iaitu Utusan Malaysia, Harian Metro, Dewan Masyarakat dan Kosmo. Oleh itu, antara penulisan beliau mengenai Tun Dr. Mahathir Mohamad ialah jurnal yang bertajuk: The Question of The Future of Indian Muslims in Malaysia: The Post Mahathir Legacy Era.

### **5.2.6 Tan Sri Zainuddin Maidin**

Tan Sri Zainuddin Maidin dikenali dengan nama jelmaan Zam, seorang wartawan Utusan Melayu pada tahun 1960. Kemudian, dilantik menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu pada tahun 1983 hingga tahun 1992. Sehubungan itu, beliau dinobatkan sebagai Tokoh Wartawan Negara pada tahun 2006. Beliau juga dilantik menjadi senator pada tahun 1998 pada zaman kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Seterusnya beliau menjadi Setiausaha Parliment Kementerian Penerangan pada tahun 2001 manakala sebagai Timbalan Menteri Penerangan pada tahun 2002 dan dilantik menjadi Menteri Penerangan pada tahun 2006 hingga tahun

2008. Namun begitu, beliau turut menerima Anugerah Melayu Terbilang sempena ulangtahun UMNO pada 11 Mei 2010. Justeru, beliau terpilih menjadi Karyawan Tamu Utama bagi Institut Pemikiran Tun Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia. Kini, beliau juga diundang menjadi Tenaga Adjung Universiti Pertanian Malaysia bagi tahun 2015 hingga 2016.

### **5.2.6 Tan Keng Liang**

Tan Keng Liang adalah ahli politik daripada Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Beliau dilahirkan pada 14 November 1958 di Alor Setar. Beliau banyak menulis isu-isu politik di blog tankengliang.blogspot.com. Selain itu, beliau merupakan seorang peguam di Alor Setar, Kedah.

### **5.2.7 Dato Seri Tuan Guru Haji Hadi Awang**

Dato Seri Tuan Guru Haji Hadi Awang mendapat pendidikan sehingga ke Universiti Islam Madinah untuk peringkat Ijazah Sarjana Muda Syariah pada tahun 1969 hingga 1973. Kemudian menerima Ijazah Sarjana Siasah Syariah dari Universiti Al-Azhar, Mesir pada tahun 1974 hingga 1976. Beliau menerima anugerah Darjah Seri Setia Sultan Mahmud Terengganu yang membawa gelaran Dato' Seri oleh Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin sempena sambutan ulangtahun keputeraan baginda yang ke-39. Selain itu, beliau turut menerima anugerah “Tokoh Alim Rabbani” oleh Universiti Islam Yala, Pattani, Thailand pada 15 April 2011. Dato Seri Tuan Guru Haji Hadi Awang merupakan ahli Politik dan Presiden bagi Parti Islam se-Malaysia yang bermula pada tahun 2002.

### **5.2.8 Datuk Ir Amiruddin Hamzah**

Calon PAS bagi DUN Anak Bukit Datuk Ir Amiruddin Hamzah merupakan penyandang kerusi tersebut dan salah sebuah kubu kuat PAS di Kedah semenjak zaman Allahyarham Datuk Haji Fadzil Noor, mantan Presiden PAS. Beliau adalah seorang graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam & Struktur dari University of Bradford dan mendapat Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan di university yang sama. Sebelum diangkat menjadi calon dalam Pilihanraya Kecil DUN Anak Bukit pada tahun 2002, beliau berkhidmat sebagai jurutera di Darulaman Realty Sdn Bhd. Selain itu, pernah berkhidmat sebagai jurutera MADA. Beliau juga pernah menghasilkan sebuah buku terbitan MCB University Press pada tahun 1996 bertajuk; “People Management: Where Is The Best Practice?.

### **5.2.9 YB Khalid Samad**

YB Khalid Samad pengasas Parti Amanah Negara iaitu dibawah Pertubuhan Pekerja-Pekerja Malaysia. Selain itu, beliau juga seorang ahli Jawatankuasa Pusat memegang port-folio Pengarah Komunikasi. Sebelum ini, beliau telah menjadi ahli PAS bermula tahun 1983 hingga tahun 2015 dan memegang jawatan kepimpinan dalam Jawatankuasa Belia dan Sukan. Kini, beliau merupakan Ahli Parlimen Shah Alam yang dimenanginya pada tahun 2008 dan 2013 pilihanraya sebagai calon PAS.

### **5.2.10 Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik menjadi Perdana Menteri yang keempat pada 16hb Julai 1981. Beliau merupakan Perdana Menteri yang lama mentadbir negara

iaitu selama 22 tahun dan sekaligus menjadi pemimpin negara paling lama di Asia Tenggara dalam memegang jawatan tersebut. Beliau berjaya menerajui negara ke arah arus pemodenan yang pantas serta menjadikan Malaysia gah di mata dunia. Beliau dikaitkan dengan pembangunan pelbagai projek mega seperti Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Menara Berkembar PETRONAS, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Koridor Raya Multimedia (MSC). Ironinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi negarawan ulung yang menjadikan Malaysia sebuah negara moden menitikberatkan perindustrian dan kemajuan teknologi untuk survival negara pada masa hadapan. Justeru, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersara sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003.

### **5.3 Prosedur Temu bual**

Dalam penyelidikan ini, seramai 11 orang diantara umur 35 hingga 95 tahun di temu bual secara bersemuka dalam tempoh empat bulan. Penggunaan kaedah temu bual secara mendalam pada umum dapat penyediakan pemahaman komprehensif mengenai perspektif informan terhadap kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia. Sehubungan itu, persampelan bola salji (*snowball sampling*) juga digunakan kerana para informan diminta mencadangkan informan lain yang mempunyai ciri-ciri berkaitan dengan kajian ini iaitu mempunyai pengalaman berkaitan dengan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia. Kaedah persampelan ini dilakukan secara berterusan sehingga penyelidik memperoleh semua informan yang dikehendaki. Perkara ini dinyatakan oleh Creswell (2013) persampelan bola salji digunakan apabila senarai nama sukar diperoleh terutama kes-kes melibatkan perkara sensitif atau tidak dibenarkan oleh pihak tertentu.

Oleh itu, pemilihan informan dalam kalangan ahli politik dan ahli akademik mempunyai latar belakang berbagai penting kerana kajian ini bertujuan mengetahui kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik. Dalam kajian ini, informan ditemu bual mengenal kepimpinan Islam secara umum dan persepsi mereka terhadap kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia secara khusus. Semua data temu bual tersebut ditranskrip dalam rakaman audio.

Tema dan sub-sub tema dikaji dikenalpasti melalui transkrip temu bual dengan menggunakan teknik pengekodan analisis. Teknik pengekodan sesuai dengan tujuan kajian iaitu mengetahui kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik. Semasa data dianalisis, tema muncul daripada transkrip dikodkan dan dikategorikan menggunakan *Nvivo 11*. Walau bagaimanapun, pemerhatian penyelidik semasa mengendalikan sesi temu bual mendapati semua informan memperlihatkan minat mendalam terhadap isu dibincangkan dan berpendapat isu kepimpinan adalah isu penting. Kesemua informan mengambil bahagian secara aktif dalam temu bual mengutarakan pandangan dan persepsi kerana mereka terdiri individu berpengalaman membincangkan isu kepimpinan.

#### **5.4 Kesan Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia**

Sehubungan itu, soalan dikemukakan selari objektif dan persoalan kajian. Malah, transkrip dilabelkan dan dikumpulkan berdasarkan frasa. Sebanyak tiga belas *nodes* dibentuk bagi mengenalpasti kategori yang sama untuk membangunkan tema-tema. Kumpulan awal menghasilkan tiga belas tema iaitu; (1) Dasar dan Pembangunan (2)

Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam (3) Demokrasi (4) Sistem Kad Perakam Waktu (5) Kemiskinan Orang Melayu (6) Kepimpinan Islam (7) Kempen Kepimpinan Melalui Teladan (8) Mahathirisme (9) Malaysia Boleh (10) Negara Islam (11) Perpaduan (12) Tamadun Islam (13) Wawasan 2020.

Melalui analisis data temu bual tema-tema terdapat dalam kajian seperti berikut:

#### **5.4.1 Dasar dan Pembangunan**

Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai jangka masa lama memegang jawatan Perdana Menteri, justeru pelbagai dasar dan pembangunan yang dilaksanakan bagi memajukan Malaysia (Saravanamuttu, 2009). Perkara ini diakui oleh beberapa Informan;

Sehubungan itu, Informan 1 (Khoo Boo Teik) dan Informan 2 (Azizuddin) menyatakan kebanyakan langkah dan arah pembangunan bukan bergantung pemikiran dan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad tetapi keadaan ekonomi di seluruh dunia. Tun Dr. Mahathir Mohamad melaksanakan pembangunan sepanjang zaman kepimpinan malah sesuatu perkara dibuat, Malaysia mampu. Banyak dasar yang dilakukan memberi kesan kemakmuran kita sampai hari ini.

Walaupun dikritik, tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi impak besar kepada ekonomi serta pembangunan negara ialah Lebuhraya Utara Selatan kerana di sepanjang lebuhraya menjadi tempat pembangunan industri. Antara pembangunan berkesan meskipun masyarakat mengkritik perlu dibayar tol tetapi dasar itu bagi saya baik untuk pembangunan kerana lebuhraya penting dan terdapat pembangunan dibina sepanjang lebuhraya. Kereta Nasional juga membawa imej Malaysia dimata dunia dan kita mampu

mengeluarkan kereta sendiri walaupun dikritik industri tersebut mempunyai masalah. Idea tersebut memang baik. Contohnya, pembinaan Putrajaya dikritik oleh pembangkang. Justeru, Tun Dr. Mahathir Mohamad membawa pusat pentadbiran keluar dari Kuala Lumpur dan membangunkan bandar satelit seperti Bangi, Serdang dan Puchong. Pembangunan bandar baru berlaku. Terdapat juga negatif seperti Perwaja dan MAS bermasalah. Pembangunan dibina mampu dijadikan Malaysia terkenal dimata dunia. (Informan 2: Azizuddin, Informan 8: Tan Keng dan Informan 10: Khalid).

Malah, Informan 3 (Murad Merican) berpendapat rakyat mempertikaikan pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad tahun 1981-2003 kerana dasar dan inisiatif dilaksanakan merubah paradigma pemikiran rakyat Malaysia. Tujuan beliau menjadi Perdana Menteri untuk memutuskan tradisi-tradisi Perdana Menteri sebelumnya dan membina satu cara berdasarkan kepada acuan negara Malaysia yang baru. Sebenarnya Tun Dr. Mahathir Mohamad membina negara Malaysia yang baru sama ada orang suka atau tidak. Antaranya Tun Dr. Mahathir Mohamad mengubah waktu. Dahulu Malaysia mempunyai dua waktu iaitu di Semenanjung dan Sabah Sarawak. Oleh sebab itu, beliau mengubah waktu bahkan bukan hanya dari segi literal malah apabila mengubah waktu dan beliau juga mengubah sejarah. Namun, bukan itu tujuannya tetapi prestasi daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad laksanakan. Yang penting sekali beliau menukuhan Dasar Islam Negara kerana sebelum ini Malaysia tidak mempunyai dasar tersebut. Sebelum itu, Malaysia mempunyai Sektariat Islam namun digubah menjadi Jabatan Islam Malaysia. Apa dibuat untuk memenuhi dan sentimen pemikiran orang Melayu serta mematahkan perjuangan PAS. Sejak dari itu, ramai menganggap Malaysia Negara Islam dan bukan hanya ahli politik bahkan alim ulama dan sarjana. Dalam Perlembagaan

Malaysia tidak disebut sekular, disebut Islam sebagai agama Persekutuan. Saya percaya orang Melayu umumnya orang Malaysia menerima dan sebahagian daripada dasar-dasar awal diterima baik oleh masyarakat kecuali semasa menyingkir Anwar Ibrahim menyebabkan Tun Dr. Mahathir Mohamad mendapat kritikan besar. Semasa Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri umumnya tidak ada bangkangan dan penentangan sepertimana selepas itu dan selepas tahun 2003 banyak penentangan, kacau dan suara-suara mengkritik bukan hanya dasar tetapi meluahkan sentimen terpendam seperti hari ini kerana semasa Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi perdana menteri sentimen tidak diluahkan, saya rasa dari segi penerimaan, orang terima dan kalau orang tak terima Tun Dr. Mahathir Mohamad saya percaya orang tak terima Barisan Nasional.

Pembangunan dilaksanakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, rakyat menerima dan menolak. Malah, terdapat kesan baik dan buruk, saya melihat dari segi pembangunan dalam pendidikan iaitu penubuhan UIA merupakan satu impak besar dalam bidang Pendidikan Islam walaupun sebelum penubuhan UIA mendapat pelbagai kritikan tetapi kesannya sampai sekarang. Kemudian, Bank Islam kesan sampai sekarang dari segi kewangan sangat ketara (Informan 4: Rumaizuddin).

Saya ingat pembangunan dilaksanakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan sahaja diterima tapi sekarang rakyat merasa takut akan kehilangan pembangunan yang dibuat. Semua pembangunan yang beliau laksanakan telah menutupi segala kesilapan serta rakyat ingat pembangunan yang Tun Dr. Mahathir Mohamad tinggalkan. Contohnya; lebuhraya, bangunan tertinggi di dunia kemudian LRT yang menimbulkan kenyakinan, kita rasa besar serta kenyakinan kepada diri sendiri. Jadi beliau telah membangunkan bangsa yang

mempunyai maruah.(Informan 5: Zainuddin).

Sehubungan itu, Informan 6 (Sulastry) melihat pembangunan dilaksanakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad diterima baik dan boleh dikatakan lebih sembilan puluh peratus apa yang telah diperkenalkan serta dibangunkan oleh beliau sudah berjaya dan diteruskan oleh kepimpinan yang baru. Dasar yang belum dicapai ialah Wawasan 2020, kita tunggu dalam tempoh mungkin empat tahun. Dari segi pembangunan, Tun Dr. Mahathir Mohamad melaksanakannya tercapai mungkin ada sedikit yang masih belum memuaskan hati. Pengekalan dan perlaksanaan undang-undang, akta-akta dan polisi oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad masih kekal cuma terdapat sedikit yang berubah mengikut kesesuaian disebabkan corak politik kita berubah.

Manakala Informan 7 (Amiruddin) menerangkan pembangunan yang Tun Dr. Mahathir Mohamad laksanakan untuk merubah keadaan kita kepada lebih baik. Saya bincang dengan kawan-kawan yang terlibat dalam Industri Automotif Berat terdapat pro dan kontra kerana dasar ini baik supaya kita boleh tengok ke depan dan boleh justifikasi. Melalui Industri Automotif Berat menyebabkan industri lain berkembang. Namun, kita lihat di Malaysia perkara tersebut tidak menjadi seperti yang beliau hasratkan. Contohnya, Proton berada dalam beberapa tahun sejak awal tahun 80an kenderaan pertama dikeluarkan Proton Saga pada tahun 1984 hingga sekarang ini kita masih tidak dapat melihat Proton berdaya maju seumpama jenama lain seperti Toyota dan sebagainya. Kita membayar dengan harga tinggi dari segi pelaburan dalam bidang tersebut, niat itu baik tetapi dari segi perlaksanaannya sampai sekarang kita masih tidak berubah dan setengah pengkritik mengatakan

bahawa kita tidak sepatutnya terlibat dengan sedemikian yang akhirnya negara perlu mengeluarkan kos tinggi tetapi dapat menghasilkan sesuatu yang besar seperti Jepun dan negara-negara pengeluar kereta yang lain. Sepatutnya kita menjadi negara pengguna sudah mencukupi.


Antara kejayaan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah mengambil peningkatan peratus ekonomi orang Melayu yang meningkat tetapi dalam masa yang sama mengambil orang Melayu untuk dijadikan kroni orang Melayu bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad. Orang Melayu kampung yang biasa, ekonominya tidak meningkat kerana ekonomi Malaysia peratusnya makin tinggi dalam kalangan orang bukan Islam. Ini masalah kita hadapi. Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan mengimport pelabur asing sesuatu yang positif namun terdapat juga dari segi negatif (Informan 9: Hadi Awang).

Sejak saya mempunyai kuasa dan autoriti. Saya mendapat peluang melaksanakan sesuatu yang penting untuk negara iaitu menterjemahkan ajaran Islam dalam realiti kepada pentadbiran. Sejak diperkenalkan Penerapan Nilai-Nilai Islam kerana pada mulanya saya cuma membaca al-Quran dalam Bahasa Arab yang saya tidak faham, saya mengkhatamkan al-Quran tapi tidak faham isi kandungan agama Islam. Sejak itu, saya baca al-Quran dalam bahasa yang saya faham iaitu Bahasa Melayu, Inggeris dan saya nampak banyak panduan yang terdapat dalam al-Quran dan saya berpendapat kalau diserapkan panduan ini ke dalam pentadbiran negara, kita akan jadi lebih maju (Informan Primer: Mahathir).

#### **5.4.2 Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam**

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam ialah satu rancangan kerajaan untuk menanam nilai murni membina dalam pentadbiran negara (Hussain, 2006). Oleh itu, Informan-informan menjelaskan perkara ini.

Sehubungan itu, Informan 1 (Khoo Boo Teik) menjelaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad ingin umat Islam di Malaysia menerapkan dan mengamalkan nilai-nilai Islam. Namun begitu, asas nilai-nilai Islam sebagai nilai-nilai penting berkaitan dengan etika kerja, sifat-sifat yang menjadikan umat Islam sebagai pekerja yang lebih baik. Tun Dr. Mahathir Mohamad juga pernah mengatakan orang Melayu khususnya harus menerapkan etika kerja Asia Timur khususnya etika kerja orang Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura. Kalau beliau katakan etika kerja orang Cina mesti membangkitkan masalah politik di Malaysia bahkan Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata orang Malaysia haruslah menerapkan nilai-nilai Islam, etika kerja Asia Timur. Nilai-nilai tersebut seperti penguasaan pengetahuan zaman moden, pengetahuan sains teknologi, pengetahuan teknikal dalam bidang moden, pengetahuan pengurusan dan ekonomi.



Tun Dr. Mahathir Mohamad menyambung nilai-nilai Islam. Satu segi beliau turut mengukuhkan nilai-nilai yang sedia ada dan istilah Islamisasi ini wujud ketika Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri (Informan 2: Azizuddin dan Informan 3: Murad Merican).

Saya rasa ia bersamaan dengan nilai disiplin kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad suka kerja lebih daripada dua puluh empat jam sehari. Apabila saya tengok beliau pergi banyak tempat dan bekerja dengan keras serta rajin bukan kata seorang pemimpin yang hidup mewah di pejabat. Semua itu saya tengok dalam berita semasa saya di sekolah. Dalam berita, Tun Dr. Mahathir Mohamad pergi semua tempat, jumpa rakyat bersama menteri-menteri lain. Jadi, satu teladan yang baik. Pemimpin tertinggi harus rajin jadi menteri-menteri lain kena

ikut juga, rakyat pun kena lihat pemimpin tertinggi kena kerja keras bukan saja rakyat kena kerja (Informan 8: Tan Keng).

Justeru, Informan 7 (Amiruddin) dan Informan 10 (Khalid) menyatakan dasar Islamisasi dan penerapan nilai-nilai Islam dilakukan daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad menarik Anwar Ibrahim untuk menyertai UMNO. Pada ketika itu didapati bahawa ia merupakan strategi yang boleh mengukuhkan lagi sokongan masyarakat Melayu terhadap UMNO dan Barisan Nasional.

Informan 4 (Rumaizuddin) dan Informan 6 (Sulastry) turut menyatakan penerapan nilai-nilai Islam seperti kebersihan termasuk Islam dan perkara tersebut dilaksanakan mungkin bagi fahaman pada waktu itu. Penerapan sekadar itu, tetapi golongan Islam melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam dengan lebih jauh iaitu berdasarkan Bank Islam, UIA dan sistem perundangan Islam. Kemungkinan pada Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat kita perlu berdisiplin dan menjaga kebersihan. Oleh sebab itu, beliau menyatakan bahawa orang Melayu belum dititikberatkan sedangkan Islam menyuruh kita menjaga waktu dan kebersihan.

Dalam konteks penerapan nilai-nilai Islam saya bimbang sebab tidak ada kesinambungan yang menyakinkan setelah kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad digantikan dengan Tun Abdullah Badwi. Kemudian Abdullah Badwi merungkaikan kebebasan yang telah pun diletak dalam perlombagaan seperti kebebasan bersuara, kebebasan beragama dan hal-hal agama. Saya sekarang dalam keraguan sama ada boleh dicapai atau tidak matlamat yang Tun Dr. Mahathir Mohamad inginkan, saya merasa kurang sebab asas dan kuasa kita hilang. Hilang bukan masa Tun Dr. Mahathir Mohamad tapi hilang masa Pak Lah dan Najib. Jadi saya berada dalam kebimbangan dan

keraguan (Informan 5: Zainuddin).

Disamping itu, Informan 9 (Hadi Awang) menerangkan dasar penerapan nilai-nilai Islam tidak wujud sekiranya tidak berasas hukum syariah, agama tidak berkuasa dan nilai-nilai tidak mengikut syariah. Oleh itu, perkara tersebut tidak menyeluruh dan berbeza dengan Islam yang dilaksanakan pada zaman kegemilangan Islam. Manakala syariah dilaksanakan untuk orang melihat keamanan.

Ironinya, Informan Primer (Mahathir) menyatakan kita perlu buat apa yang kita suruh rakyat buat, kita perlu tunjuk, kita juga amalkan apa yang disarankan. Umpamanya kalau saya kata kepada orang kita mesti kerja kuat, maka saya sendiri mesti kerja kuat. Apabila kita kata kita jangan terlibat dengan rasuah kerana kepimpinan melalui teladan ialah apabila pemimpin tidak melaksanakan yang baik, kalau pemimpin itu terlibat dengan rasuah maka pengikut juga akan terlibat maka dengan itu semua akan menjadi buruk sebaliknya kalau pemimpin amalkan benda yang baik maka pengikut juga sedikit sebanyak akan terpengaruh untuk melakukan yang terbaik. Saya harap ia boleh dihayati tetapi semasa berkuasa saya dapat perhati apa yang dilakukan bila ada penyelewengan saya dapat betulkan tapi apabila saya letak jawatan nampaknya penerapan itu tidak menyeluruh dan mereka yang melihat teladan pun mereka sekarang ini berubah dan mengikut cara mereka sendiri.

#### **5.4.3 Demokrasi**

Dalam konteks Malaysia pengamalan demokrasi oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah mengikut acuan beliau sendiri (Ghazali, 2012). Walau bagaimanapun, beliau mengamalkan demokrasi tetapi dalam beberapa hal ia berbeza dengan demokrasi Barat memberikan kebebasan mutlak kepada rakyat sehingga boleh melakukan

tindakan lain diatas nama demokrasi. Tema ini mendapat tindakbalas daripada beberapa Informan ketika sesi temu bual dijalankan.

Perkara ini diperjelaskan oleh Informan 1 (Khoo Boo Teik) sistem demokrasi itu dari awal lagi sebelum Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi pemimpin sudah dilaksanakan tetapi apabila beliau melaksanakannya dengan membuat perubahan mengikut undang-undang baru. Oleh itu, beliau membezakan antara demokrasi kita sendiri dengan demokrasi barat tetapi satu perubahan yang palsu, dimanakah dalam dunia ini dapat kita melihat negara barat yang dikatakan memberikan kebebasan mutlak seratus peratus kepada rakyat sehingga boleh melakukan tindakan lain diatas nama demokrasi? Itu polemik, tiada negara dalam dunia ini yang memberi kebebasan mutlak seratus peratus supaya penduduknya boleh bertindak suka hati sahaja tanpa berpandukan undang-undang sedia ada. Setengah sistem politik demokrasi barat lebih liberal dan mempertahankan hak-hak rakyat dalam bidang-bidang tertentu umpamanya hak asasi manusia.. Sehubungan itu, ia berpandukan kepada undang-undang tetapi tidak disekat undang-undang kerajaan. Kalau kita mahu menubuhkan surat khabar, kita boleh memulakan tanpa dikacau kerajaan bukan tanpa berpandukan undang-undang tertentu. Jadi perkara yang digunakan Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya mengkritik kebebasan seratus peratus sesuatu yang palsu, pendirian yang menunjukkan polemik Tun Dr. Mahathir Mohamad. Beliau tidak suka kepada mereka, itu sahaja.

Di samping itu, Informan 2 (Azizuddin) dan Informan 3 (Murad Merican) menjelaskan di Malaysia benda ini tidak boleh digunakan kerana rakyat perlukan bimbingan. Barat pun ada yang bebas, contoh Belanda. Tun Dr. Mahathir Mohamad

memang mengikut pandangannya dan menekankan kepada ekonomi untuk berkembang. Oleh sebab itu, ia disebut *Asian values*. Apa yang berlaku dalam negara dan ekonomi mesti berkembang kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad banyak sekat kebebasan media, politik dan sebagainya. Beliau menyedari zamannya boleh buat tapi zaman sekarang tidak boleh buat sebab masyarakat berkembang kerana zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad dari segi ekonomi, sosial, politik makmur tapi budaya agak kurang.

Justeru, demokrasi acuan beliau sendiri kerana banyak tuduhan pada zaman kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kata tidak berdemokratik, diktator, *no freedom was speak*, itu yang mereka maksudkan. Kita perlu melihat sejarah Malaysia sebagai Negara Komanwel iaitu bekas jajahan orang British. Sistem negara kita lebih kurang sama UK, Australia, New Zealand iaitu negara Komanwel. Jadi kita mengamalkan sistem demokrasi secara pilihanraya serta rakyat berhak untuk pilih parti yang mereka ingin untuk tadbir negara kita. Selepas rakyat pilih, polisi pentadbiran kerajaan bergantung kepada parti yang dipilih. (Informan 8: Tan Keng).

Walau bagaimanapun, Informan 7 (Amiruddin), Informan 9 (Hadi Awang) dan Informan 10 (Khalid) menegaskan kesahihan kenyataan tersebut kerana setiap kali kita mengkritik Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau menjawab kena ikut cara Malaysia.

Tun Dr. Mahathir Mohamad perlu ada acuan dia sendiri. Beliau ada ciri-ciri demokrasi dalam bentuk pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berbentuk kuku besi tapi bagi beliau dalam konteks orang Melayu mesti ada juga kuku besi (Informan 4: Rumaizuddin).

Di samping itu, Informan 5 (Zainuddin) menjelaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad tangkap orang yang menggunakan isu-isu yang sensitif untuk memecah belahkan kaum, untuk menghina raja-raja. Kalau ada yang mengata Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak ada demokrasi, tak betul kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad berunding dulu sebelum nak bina manifesto pilihanraya bersama ketua pengarang akhbar setiap tahun. Malah, Tun Dr. Mahathir Mohamad menerima pendapat kita. Saya fikir Tun Dr. Mahathir Mohamad lagi kita cabar beliau lagi cerdik dan kalau kita buat bodo, beliau akan lagi bodo, tapi kita cabar Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau akan cerdik. *He's very democratic* tapi dalam menjalankan tugas negara beliau authoritarian.

Selain itu, Informan 6 (Sulastry) berpendapat acuan Tun Dr. Mahathir Mohamad sangat menarik, ada yang mengatakan acuan ini acuan Wawasan 2020, acuan autokratik. Acuan yang dilihat oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah acuan yang tak boleh disamakan dengan orang lain, kelebihannya tempoh perkhidmatan beliau lama dan panjang yang beri kelebihan untuk mengubah Malaysia ke arah yang lebih maju dan tidak lagi dibawah negara mundur. Walaupun Tun Dr. Mahathir Mohamad menekan melalui perlaksanaan akta dan dasar pada masa yang sama rakyat menyokong kepimpinan beliau kerana dalam Islam konsep kepatuhan semulajadi mengatakan bahawa sekiranya ada tiga orang bermusafir ketiga-tiga ini akan pilih seorang ketua secara langsung akan mengikut arahan ketua yang dipilih untuk menongkah perjalanan yang dilalui.

Kalau kita lihat apabila Nabi Muhammad s.a.w. wafat, Baginda

tidak menamakan siapa yang menggantinya dan bukan daripada keluarga Baginda sebaliknya para sahabat berunding dan memilih Saidina Abu Bakar al-Siddiq. Ini adalah proses demokrasi, kalau proses autokrasi Baginda akan pilih anak sendiri ke menantu Baginda atau Saidina Ali yang menjadi anak sedara tetapi Baginda tidak berbuat demikian. Baginda lepaskan jawatan tersebut kepada sahabat-sahabat untuk menentukan dan keempat Khalifah Arrasyidin dipilih oleh sahabat-sahabat. Itu demokrasi tetapi apabila Muawiyah mengambil alih beliau mendirikan satu kerajaan Dinasti Muawiyah. Walaupun Muawiyah menujuhkan dinasti ini, ia tidak dilarang oleh agama Islam. Jadi apa juga cara pemerintahan bagi Islam tidak penting, yang penting ialah pentadbiran yang mengutamakan keadilan, apabila kamu hukum, hukumlah dengan adil. Itu yang diutamakan dalam Islam cara pentadbiran tidak dilimitkan kepada mana-mana hal kalau nak jadi republik pun tapi pentadbiran mestilah adil (Informan Primer: Mahathir).

#### **5.4.4 Sistem Kad Perakam Waktu**

Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang berdisiplin tinggi. Justeru, beliau memperkenalkan Sistem Kad Perakam Waktu supaya kakitangan kerajaan datang bertugas tepat pada waktunya (Teik, 1995). Sehubungan itu, beberapa informan menjelaskan situasi ini.

Sehubungan itu, Informan 1 (Khoo Boo Teik) berpendapat Tun Dr. Mahathir Mohamad seorang yang berdisiplin tinggi dan mampu bekerja dengan kuat sampai

sekarang umur 91 tahun pun beliau boleh bekerja. Sistem kad perakam waktu adalah kempen yang mereformasikan jentera kerajaan serta pentadbiran. Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan sistem kad perakam dengan mendapat pemikiran dan contoh daripada amalan di negara-negara lain umpamanya kad perakam waktu biasanya digunakan dalam kilang-kilang, pejabat-pejabat di luar negara, baik di negara-negara barat mahupun di Korea Selatan atau Jepun. Kita tahu orang Malaysia kurang berdisiplin, apabila sampainya masa bekerja kadang-kadang lewat apabila sampai masa makan tengahari dia sampai awal dan sebagainya.

Justeru, Informan 1 (Khoo Boo Teik), Informan 2 (Azizuddin) dan Informan 8 (Tan Keng) menegaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad menggunakan sistem disiplin di negara yang maju dan beliau mahu kerajaan, pengawai-pengawai kerajaan mengikutnya. Pada fikiran saya memang ada pejabat yang sudah menjadi lebih cekap umpamanya saya tahu sekarang, kalau kita nak dapat Mykad pun berbanding dengan dua tiga dekad dulu, sekarang dengan begitu cepat kita boleh dapatnya. Dulu kita pergi ke pejabat hampir mengambil masa satu hari baru boleh dapat membuat permohonan Mykad pada masa itu. Kalau nak buat pasport satu hari, sekarang sistem sudah menjadi lebih baik. Lagipun saya rasakan teknologi maklumat, IT dan komputer, semua ini bukan saja mengikut amalan dan model atau contoh daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad secara sikap peribadi disiplinnya kerana beliau mahu Malaysia mengikut corak dan sistem negara-negara yang lebih maju. Satu perkara yang baik berkenaan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, kalau beliau ingat negara lain, masyarakat lain, sistem lain mempunyai kebaikan yang boleh dicontohi baik dan Malaysia boleh ikut beliau akan menirunya. Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak akan segan serta tidak berkata hal itu cara Barat, Jepun,

Korea Selatan penting bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad kalau sistem itu boleh membawa kebaikan dan kita masih lemah. Kita akan dapat kelebihan kalau menggunakan dan kita gunakan. Hal ini bukan sesuatu yang mengalir secara langsung daripada sikap disiplin peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad. Dalam kehidupan, beliau memang berdisiplin jika dibandingkan dengan orang ramai.

Selain itu, Informan 3 (Murad Merican) menegaskan sistem ini untuk mendisiplinkan diri. Ia ada nilai kerana pertama mendisiplin, kedua kita menghargai waktu dan sesuai untuk mereka yang bekerja di pejabat kerajaan bahkan masyarakat yang maju adalah yang menepati masa.

Selain itu, saya fikir mungkin sedikit sebanyak ianya memberikan kesan untuk mendidik orang kita lebih *panctual* ikut waktu. Saya tak nampak ianya mencukupi dari segi nak cuba menukar budaya kerja rakyat Malaysia perlu lebih daripada itu. Kalau kita pergi ke negara maju, pekerja awam istilah itu benar-benar dihayati iaitu mereka digajikan oleh rakyat untuk memberi bantuan dan khidmat kepada rakyat tetapi apa yang kita lihat dalam pekerja awam ini banyak orang yang atas, berjawatan apabila sudah berpengaruh menyalahgunakan kedudukan mereka untuk kepentingan diri mereka sendiri. Inilah kefahaman bahawa kita digajikan oleh rakyat, kita kena ambil berat kalau rakyat datang untuk dapatkan perkhidmatan dan kita kena berikan dengan segera bukan melengah-lengah ikut suka kita tetapi di Malaysia konsep itu tak turun ke bawah bahkan tak benar-benar dihayati. Contohnya; orang yang berkuasa, rakyat kena datang merayu-rayu pada dia. Sepatutnya perkara sebalik yang perlu dilakukan. Jadi, *punch card* hanya benda paling mudah nak berikan kefahaman dan semangat yang seperti itu mungkin pada generasi awal yang mencapai kemerdekaan mungkin ada tetapi sekarang telah bercampur macam-macam dan semua untuk

kepentingan diri. (Informan 10: Khalid).

Oleh itu, Informan 4 (Rumaizuddin) menerangkan Tun Dr. Mahathir Mohamad memang dalam sistem penekanan beliau telah melaksanakan satu lonjakan dalam konteks disiplin daripada tak ada langsung sistem perakam waktu untuk kerajaan dan swasta. Ini memberikan kesan kepada pengawai kerajaan cuma perlaksanaan ada pasang surut tapi saya melihat sistem ini satu yang baik untuk penjawat awam berbanding dengan negara-negara yang tak ada sistem kad perakam waktu.

Sistem Kad Perakam Waktu sangat berkesan kerana dalam kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak mengambil banyak pengawai kerajaan malah beliau buang pengawai kerajaan. Oleh sebab itu, pengawai kerajaan dengan kerja sama banyak. Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad tukar masa iaitu masa bekerja sejam lebih lewat tapi beliau awalkan jam itu disebabkan kita bangun lebih awal walaupun ada bantahan. Oleh itu, beliau dapat mendisiplinkan masyarakat. Semasa kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, lebih banyak orang disiplin dengan kesedaran untuk membantu beliau, orang melihat kejayaan Tun Dr. Mahathir Mohamad dan orang seronok nak bekerja, semangat tinggi serta kita merasa ada maruah. Itu disiplin yang beliau bangunkan. (Informan 5: Zainuddin).

Oleh itu, Informan 7 (Amiruddin) berpendapat Sistem Kad Perakam Waktu memberi tamparan kepada penjawat awam supaya masuk kerja mengikut waktu yang ditetapkan tetapi beliau buat sistem ini yang berubah jadi *hardware* saja namun *software* kita tak tackle jadi orang tetap masuk kerja lambat serupa juga. Jadi orang lain tolong *punch* maknanya *hardware* kena ada tapi perubahan dalam *software* itulah pelu ditingkatkan dan dibuat perubahan baru *hardware* baru berkesan.

Namun begitu, saya akur bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai disiplin tinggi. Oleh sebab itu, sedikit sebanyak keberkesanan sistem ini ada tapi tak banyak turun ke bawah. Selain itu, beliau seorang doktor. Doktor kena jaga disiplin kerana ilmu perubatan beliau ada kena masukkan aspek Islam (Informan 9: Hadi Awang).

Ironinya, saya fikir sedikit sebanyak semasa dulu memang kita menghargai masa kerana masa itu pemberian Allah s.w.t kepada kita. Tak ada siapa lain yang boleh bagi masa kepada kita dan masa kita diperolehi tepat kalau kita tidak menghargai dengan cara kita membazirkan masa. Maka kita sebenarnya tidak mengikut kehendak agama Islam. Oleh sebab itu, saya tentukan bekerja mengikut masa dan kita mengawal diri ataupun berdisiplin dalam melakukan sesuatu supaya kita tidak membazir. Membazir memang dilarang oleh agama Islam yang mana kita cuma tahu tapi tak ikut (Informan Primer: Mahathir).

#### **5.4.5 Kemiskinan Orang Melayu**

Faktor kemiskinan orang Melayu merupakan salah satu perjuangan Tun Dr. Mahathir Mohamad sejak dari mula beliau mencebur dunia politik (Jomo K.S., 2010). Perkara ini dapat dilihat menerusi penulisan buku dan teks ucapan beliau yang inginkan perubahan dalam pemikiran orang Melayu supaya maju setanding bangsa lain. Oleh itu, Informan-informan turut menjelaskannya.

Sehubungan itu, Informan 1 (Khoo Boo Teik), Informan 2 (Azizuddin) dan Informan 5 (Zainuddin) menyatakan dua perkara yang penting pada masa itu selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi ahli politik dan juga pemimpin.

Pertama, kemiskinan orang Melayu, kedua ialah sesuatu yang digelarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai kemunduran kaum Melayu secara relatif. Dua perkara ini menjadi isu yang begitu penting kepada beliau tetapi cara menangani isu ini bertukar. Kalau kita lihat pandangan Tun Dr. Mahathir Mohamad semasa beliau belajar di universiti dan kalau kita bandingkan dengan tahun 60an Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi ahli parlimen buat kali pertama, sebelum dan selepas Dasar Ekonomi Baru, sebelum dan selepas dia menjadi Perdana Menteri maksudnya bertukar-tukar. Pada awal karier politik beliau menumpukan perhatian kepada dua perkara ini. Perkara ini menjadikan antara perkara-perkara yang penting kepada nasionalisme Melayu tetapi selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri, selepas Dasar Ekonomi Baru telah dilaksanakan dua tiga puluh tahun. Bagi beliau tujuan penting ialah tujuan yang lain kerana beliau cuba membangkitkan gerakan satu kaum yang dikatakan kaum Melayu Baru yang lebih profesional, boleh berjaya dalam bidang ekonomi dan bisnes, tumpuan bukan lagi isu kemiskinan tetapi kepada penguasaan ekonomi berbanding dengan ataupun secara nasional. Lagipun keadaan selalu mengatakan bahawa selepas Dasar Ekonomi Baru, isu kemiskinan Melayu telah banyak diselesaikan dan kalau kita lihat Rancangan Malaysia ke Sepuluh atau ke Sebelas, kita dapati isu kemiskinan yang paling buruk ialah kemiskinan bumiputera bukan Melayu lagi.

Selain itu, Informan 3 (Murad Merican), Informan 7 (Amiruddin) dan Informan 8 (Tan Keng) berpendapat kemiskinan wujud sejak tahun 1946 sebab Tun Dr. Mahathir Mohamad amat sensitif pada persekitarannya. Kalau kita lihat dalam buku “Dilema Melayu”, beliau telah membincangkan orang Melayu mesti bersaing dengan bangsa asing. Ini yang diperjuangkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad

sehingga sekarang. Malah, dari segi membasmi kemiskinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sangat konsisten kerana kalau kita miskin nak beribadat pun tak boleh. Salah satu untuk mengatasi kemiskinan orang Melayu adalah Dasar Ekonomi Baru yang dicetus oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam buku “Dilema Melayu” yang memberi tumpuan supaya orang Melayu mendapat beberapa peratus pemilikan dalam penglibatan pembangunan negara meskipun beliau memberi kepada kroni-kroni kerana setiap orang ada kroni-kroni yang dipercayai. Apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi keterangan yang diberikan secara jelas dan beliau membenarkan logik ijma’ dan qiyas.

Oleh itu, Informan 10 (Khalid) menegaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah apa yang telah diusahakan termasuk pendekatan kronisme dimana berusaha untuk menjadikan beberapa orang Melayu jutawan melalui program-program yang sepertimana yang dilaksanakan oleh beliau. Oleh sebab itu, orang Melayu jutawan yang telah diwujudkan tidak berjaya untuk membantu masyarakat Melayu umum hingga ke hari ini daripada zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad hingga sekarang. Selain itu, masyarakat Melayu masih merupakan masyarakat yang teramai yang berada di bawah garis kemiskinan yang kita set bukan kerajaan set kalau kerajaan set kemiskinan tak ramailah yang miskin maka didapati bahawa 60 peratus lebih daripada yang berada dibawah garis kemiskinan orang Melayu.

Kemiskinan orang Melayu kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan daripada anak orang kaya dan bukan golongan bangsawan macam Tunku Abdul Rahman dan Dato Seri Najib. Beliau hanya dalam kalangan orang biasa dan pernah merasai kemiskinan hidup

dalam kalangan orang Melayu yang hidup dalam zaman Jepun. Faktor dan latar belakang Tun Dr. Mahathir Mohamad menyuarakan untuk mengatasi masalah kemiskinan. Oleh sebab itu, beliau membantu orang Melayu dan ingin melihat orang Melayu boleh berjaya. Dalam zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad terdapat tokoh korporat yang cepat ditonjolkan oleh beliau dan ingin tunjuk bahawa orang Melayu boleh berjaya dalam perniagaan serta boleh jadi kaya (Informan 4: Rumaizuddin).

Kita boleh banggakan pada hari ini kalau ingin katakan rakyat miskin tegar peratusan hendak dicapai mungkin tahun 2020 kita ada sifar peratus, tak ada miskin tegar, malangnya dalam konteks hari ini indeks orang Melayu miskin dilihat sebagai miskin tegar dijadikan propaganda dan agenda politik. Apakah dasar ekonomi baru serampang dua ialah membasmi kemiskinan itu sendiri melalui RMK? Pada hari ini semua berfokus bantuan terbaik kepada orang yang berpendapatan rendah tetapi apa yang kerajaan fokus sampaikan keperluan asas pun tidak mencukupi dan tempat berteduh. Apabila usaha yang Tun Dr. Mahathir Mohamad buat untuk membasmi kelompok yang miskin, usaha itu tidak dilakukan dalam satu fasa sahaja dan ia berterusan pada tahun 2020. Malah, bukan daripada era Tun Dr. Mahathir Mohamad tetapi daripada dasar ekonomi baru itu sendiri cuma kemiskinan dan struktur ekonomi kita adalah agenda politik utama yang tidak berpuas hati pada hari ini. (Informan 6: Sulastry).

Kita tidak boleh menafikan bahawa kemiskinan nak hapus tidak boleh, yang boleh kita buat ialah mengatasi masalah kemiskinan supaya kekayaan tidak dihalangan, ini memerlukan jati diri orang Islam itu sendiri. Masalah pada harini contohnya; orang Islam nak dapat kontrak, dia sanggup tipu kayu dan cari kayu yang tak ada nilai ini orang Islam tapi orang Cina dapat kontrak dia buat dan takut nanti tuhan marah. Aspek ini lemah kepada orang kita kemudian

banyak berlaku Ali Baba nak merebut kontrak namun apabila dapat bagi kat orang lain, untung atas angin saja. Kekayaan hanya dikongsi dengan orang kaya saja sepatutnya bertambah bilangan orang kaya (Informan 9: Hadi Awang).

Orang Melayu beragama Islam, kalau dia tak beragama Islam dia tidak melayu secara mengikut undang-undang. Jadi kalau dia Islam maka Melayu dengan Islam mestilah sama. Kalau kita cakap berkenaan dengan orang Melayu kita tahu bahawa kita bercakap dengan orang Islam jadi kita tidak boleh pisah antara bangsa dengan agama, dia adalah satu. Oleh sebab itu, kita perlu menjaga imej orang Melayu dan secara tidak langsung kita menjaga imej Islam. Untuk menjaga imej Islam kita menunjuk imej orang Melayu sebab itu kalau orang Melayu berjaya semua orang menganggap ini orang Islam yang berjaya sampai sekarang (Informan Primer: Mahathir).

#### **5.4.6 Kepimpinan Islam**

Kepimpinan Islam adalah satu proses menggerakkan masyarakat untuk memenuhi kehendak Islam dalam jangka masa pendek dan panjang yang mampu menghasilkan satu wawasan untuk memenuhi matlamat Islam. Selain itu, ia juga merujuk kepada prinsip asas dalam agama Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah, Qias dan Ijma' Ulama. Walau bagaimanapun, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempercayai bahawa agama Islam merupakan satu tuntutan agama yang lengkap dalam kehidupan dan beliau menolak pemisahan antara agama dan pemerintahan (Ghazali, 2012) . Justeru, terdapat beberapa Informan yang memberi penjelasan yang kukuh terhadap tema ini.

Saya kurang faham tentang amalan berdasarkan Islam dalam pentadbiran semasa Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pada pandangan saya, perkara ini propaganda UMNO dan kerajaan. Saya ingat Tun Dr. Mahathir Mohamad banyak bercakap dengan Islam dan kerajaan

menjalankan banyak program yang berpandukan Islam untuk umat Islam tetapi bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri, beliau tidak berapa mengambil berat tentang isu ini. Penting bagi beliau adalah isu yang lain serta legasi yang lain. Walaupun beliau berkata sebagai pemimpin Islam, Tun Dr. Mahathir Mohamad terpaksa bercakap tentang nasib negara-negara Islam atau negara-negara majoriti muslim (Informan 1: Khoo Boo Teik).

Sehubungan itu, Informan 1 (Khoo Boo Teik) menegaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin memberi contoh dan menjadi satu model kepimpinan Islam yang harus diikuti oleh orang lain. Jadi, beliau diterima oleh negara-negara luar sebagai pemimpin Islam dan di Malaysia juga ada orang yang mengatakan inilah pemimpin Islam yang kita mahu.

Kalau melihat Tun Dr. Mahathir Mohamad telah mencetuskan proses dasar Islamisasi pada tahun 1982. Sebaik saja selepas beliau menjadi Perdana Menteri, dimulakan semasa menjadi timbalan lagi. Mula pada tahun 1960an namun agak terbatas dasar tersebut dan apabila masuk tahun 70an, terbatas sebab kita tak ada orang yang boleh laksanakan dasar tersebut. Hal ini bermulanya apabila Tun Abdul Razak membenarkan diwujudkan satu unit berkaitan dengan dasar Islam dan juga PAS mengkritik pemerintahan waktu itu menyebabkan bahawa Islam sudah menjadi satu dasar kepada kerajaan walaupun tak secara rasmi, cuma berkembang. Menyedari keadaan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad merasakan perlu melaksanakan satu dasar Islamisasi. Islamisasi bukan bermaksud mengislamkan orang bukan Islam tetapi cuba melaksanakan pentadbiran diperingkat negara berdasarkan Islam. Beliau melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran jadi itu dasar dilaksanakan. Tun Dr. Mahathir Mohamad memang tidak berlatar belakang Islam. Jadi nak laksanakan dasar itu perlu ada

ketua, sebab itu Anwar Ibrahim masuk UMNO daripada ABIM. Dasar ini tak boleh dilaksanakan segera namun perlu peringkat-peringkat kerama nak ubah masyarakat Malaysia bagi melihat Islam sebagai cara hidup. Dalam masa yang sama ada perubahan yang banyak kepada dasar Islam negara dan Islam makin berkembanglah (Informan 2: Azizuddin).

Walau bagaimanapun, Informan 2 (Azizuddin) dan Informan 3 (Murad Merican) menyatakan satu yang tak wajar kalau kritik Tun Dr. Mahathir Mohamad dan jangan dipolitikkan. Kalau tengok pemimpin itu berjubah, macam Nik Aziz ke, atau Haji Hadi ke? Kalau itu dijadikan satu model pemimpin Islam begitu memang benda itu tidak ada dalam karakter beliau kerana ia tidak melambangkan personaliti beliau yang Islamik. Tun Dr. Mahathir Mohamad tak ada ciri-ciri itulah tetapi memang beliau pemimpin Islam dan banyak laksanakan pembangunan Islam. Malah, model kepimpinan Islam mesti melihat empat orang Khalifah Arrasyidin termasuk amir, khalifah dan sebagainya. Masyarakat melihat Tun Dr. Mahathir Mohamad seorang pemimpin Islam yang modenis bukan cara lama. Beliau dipertikaikan oleh PAS sebab sekular bahkan PAS nak hudud. Kalau dimaksudkan untuk dilaksanakan sistem sekular tetapi sekular dalam pentadbiran dan pendidikan. Selain itu, nak pisahkan agama dengan politik tak boleh kerana akan berkait antara satu sama lain. Perlu keseimbangan dalam ilmu tapi masa yang sama matlamat Islam yang perlu diutamakan. Negara barat sanggup tubuh Universiti Islam of Oxford, di Malaysia ada tak sekolah yang kaji tentang Kristian. Benda ini jangan dijadikan isu pertama cuma diharmonikan dan Tun Dr Mahathir Mohamad tak wujudkan pemisahan ini, saya rasa Tun Dr. Mahathir Mohamad tak buat cuma barat yang buat untuk kita terikut-ikut.

Saya tidak dapat jawab kerana saya bukan orang Islam tapi setahu saya dalam perlumbagaan kita ada menyatakan dengan jelas bahawa agama Islam adalah agama rasmi untuk Malaysia so dalam negara kita ada pelbagai kaum dan agama. Bagi saya sebagai orang bukan Islam saya rasa negara kita mempunyai ruang yang amat bebas untuk menganut agama lain untuk hidup dengan harmonilah. Walaupun ada orang politik untuk bangkitkan isu-isu yang membuat pertegangan daripada pihak pembangkang tetapi saya rasa kita ada ruang yang amat baik berbanding dengan negara-negara tertentu. Saya sebagai orang bukan Islam, pentadbiran dibawah Tun Dr. Mahathir Mohamad pada masa itu memberi ruang yang bebas kepada rakyat bukan agama Islam untuk terus hidup di negara kita sebagai orang bukan Islam. Kami diberikan kebebasan. Tun Dr. Mahathir Mohamad punya masa untuk pentadbiran amat sesuai untuk orang bukan Islam dan orang Islam kerana ia luas dan *moderate country*. (Informan 8: Tan Keng).

Justeru, Informan 10 (Khalid) menegaskan Islam adalah agama persekutuan yang membawa tafsiran bahawa semua adat-istiadat rasmi yang dilakukan semestinya merupakan adat istiadat yang berunsurkan Islam. Itulah yang difahami sebagai konsep keagamaan dan sekarang apabila orang Melayu Islam semakin memahami tentang Islam dan merupakan cara hidup yang lengkap dan sempurna. Maka mengusul untuk membawa tafsiran yang baru bahawa Islam itu adalah agama persekutuan maka ini bererti negara ini adalah negara Islam tetapi saya yakin bahawa niat penggubal undang-undang dan penggubal perlumbagaan negara pada ketika itu tidak sebegitu dan kita tidak boleh memperalatkan semantik ataupun istilah-istilah untuk membawa pengertian yang sebaliknya maka apa yang kita perlu lakukan. Kita perlu berusul untuk memberikan kefahaman yang betul sambil melakukan pindaan kepada perlumbagaan.

Dari segi Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang yang berpegang kepada tafsiran yang pertama iaitu keagamaan dari sudut adat istiadat dari segi syiarnya tetapi bukanlah dimaksudkan bahawa Malaysia ini adalah sebuah negara Islam yang sistem pemerintahan, kerajaan serta masyarakatnya perlu dicorak mengikut al-Quran, Sunnah, Ijma dan Qias. Pada zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad, apabila mengambil alih sebagai perdana menteri beliau bersama Musa Hitam dan pada ketika itu beliau membawa Dasar Bersih Cekap dan Amanah. Regu dua M ini tak bertahan lama. Selepas itu Musa Hitam telah digugurkan untuk seketika dinaikkan Tun Ghafar Baba. Pada ketika itu dan pada masa Musa Hitam lagi telah membawa masuk Anwar Ibrahim. Anwar Ibrahim memang membawa agenda perjuangan Islam dan untuk mencorakkan Malaysia mengikut ajaran Islam. Apabila Anuar Ibrahim menyertai UMNO maka dibawah kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad dengan persetujuan beliau dasar Islamisasi telah diperkenalkan dan pada ketika itulah konsep-konsep seperti Bank Islam, Universiti Islam dan sebagainya mula diperkenalkan. Perkara ini bukan sesuatu yang merupakan *trademark* Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana beliau dikenali sebagai seorang perjuangan semangat kebangsaan Melayu bukan seorang perjuangan Islam tetapi oleh kerana Anwar Ibrahim telah menyertai dalam pentadbirannya maka projek-projek yang telah diusahakannya melalui ABIM telah dibawa masuk kepada kerajaan dengan dasar Islamisasi yang telah diterima oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pendekatan itu dilakukan dengan tujuan untuk menentukan bahawa bagi beliau ada matlamatnya sendiri, bagi Anwar Ibrahim ada matlamatnya sendiri (Informan 4: Rumaizuddin dan Informan 10: Khalid).

Secara umumnya masyarakat antarabangsa melihat Tun Dr. Mahathir Mohamad khususnya orang Islam di Timur Tengah, Asia Timur melihat beliau sebagai seorang reformis yang telah membawa

Islam ke dalam pentadbirannya. Walaupun ianya bukan agenda diri sendiri tetapi Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membenarkan Anwar Ibrahim untuk melakukannya dan tak lama selepas Tun Ghafar Baba maka Anwar Ibrahim telah menjadi timbalan Perdana Menteri. Selain itu, saya tidak pernah melihat mana-mana dasar yang Tun Dr. Mahathir Mohamad memperjuangkan fahaman yang seperti itu walaupun beliau telah menerima Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam yang dibawa oleh Anwar Ibrahim tetapi akhirnya beliau telah banyak mengamalkan corak politik yang tidak selari dengan apa yang dikatakan sebagai prinsip-prinsip keadilan Islam. Kalau dari segi pemisahan agama yang Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah katakan saya tidak nampak kerana beliau pun diantara ketika dulu banyak mempertikaikan persoalan sistem perundangan Islam. Tun Dr. Mahathir Mohamad benar-benar memahami perkara sepetimana yang disebutkan tadi dan saya tak yakin beliau akan buat seperti mana beliau bertindak zaman memerintah tapi sekarang ini tak tahulah (Informan 6: Sulastri dan Informan 10: Khalid).

Walau bagaimanapun, Informan 5 (Zainuddin) menegaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berikan maruah kepada agama Islam tidak hanya retorik ritual. Kemudian hanya dengan bercakap besar-besar tentang Islam beliau menghayati kebesaran Islam dengan menaikkan maruah Islam di Malaysia. Bukan bawa keluar ayat al-Quran dan cakap mengkafirkan orang lain dan bukan jadi besar, bercakap sesuatu yang tak boleh capai tapi beliau membuat sesuatu yang dirasakan oleh orang Islam bahkan berani mengatakan negara ini negara Islam walaupun sebenarnya Islam itu sebagai agama rasmi. Jadi Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menutup isu yang pertikaikan negara ini, betulkah negara Islam? Beliau kata ini negara Islam. Maruah Islam adalah dia boleh *cross Atlantik*, naik ke bulan, bersama dengan orang-orang barat, baru orang hormat kita. Kemudian Tun Dr. Mahathir

Mohamad perkenalkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam bagi meningkatkan maruah, melahirkan profesional-profesional Islam yang dihormati dunia. Perkara ini telah berlaku dalam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebab tidak ada orang yang berani untuk menentang ustaz-ustaz yang kolot, pemikiran yang sempit. Kita tidak boleh, dalam perlumbagaan kita tidak naikkan maruah kita dengan hina orang lain itu Tun Dr. Mahathir Mohamad tak buat, beliau tidak percaya bahawa kita menaikkan maruah agama orang Islam dengan mengutuk agama orang lain tetapi dengan mengangkat serta memperbanyakkan lagi pelajar-pelajar kita dalam universiti, banyakkan lagi pencapaian kita dalam bidang-bidang profesional.

Tun Dr. Mahathir Mohamad juga mendapat ilmu agama pada awal lagi dengan orang agama yang progresif contohnya; Syeikh Abdul Halim, Guru Besar Maktab Mahmud, Syeikh Osman, Syeikh Adnan dan semuanya guru-guru Maktab Mahmud yang terkenal. Jadi Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan jauh dari orang agama beliau telah mendekatkan dengan orang agama dengan kritikal. Itu perbezaan Tun Dr Mahathir Mohamad dengan kepimpinan yang lain, macam Tun Abdul Razak tidak kontroversi macam Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tunku Abdul Rahman dalam soal agama Tunku tak jaga jadi orang tak hormat beliau. Pada masa Tun Dr. Mahathir Mohamad orang hormati kita, Islam kita orang hormati dan banyak perkara yang dinamik dibawah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam tapi datang Anwar Ibrahim nak lawan menggunakan Islam untuk kepentingan diri. Jadi Tun Dr. Mahathir Mohamad semakin nampak matlamat Islam Anwar Ibrahim dan beliau semakin tidak percaya. Itulah menyebabkan perpecahan antara Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Anwar Ibrahim. Beliau pemimpin Islam sudah terbuktilah. Beliau buat LRT bagi memudahkan orang lain, tuhan suruh buat kerja boleh bagi memudahkan untuk orang menghadapi masalah, orang pergi kerja sampai kerja pada waktunya, tak sampai lambat.

Jadi banyak benda semua Tun Dr. Mahathir Mohamad buat kepada arah keislaman. Bandar Putrajaya juga maruah Islam tengok dengan kebersihan, keselamatan, tiap-tiap Presint ada masjid jadi beliau binakan Putrajaya untuk maruah orang Islam sebab kita satu bangsa Melayu yang kecil mempunyai bandar Islam yang dihormati oleh dunia bahkan beliau tak gunakan agama dengan politik macam PAS menggunakan politik haramkan, mengkafirkhan orang lain (Informan 5: Zainuddin dan Informan 7: Amiruddin).

Justeru, Informan 6 (Sulastry) berpendapat corak kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad kalau dilihat dalam konteks personaliti beliau ternyata berbeza. Kalau kita membandingkan dengan Perdana Menteri sebelumnya dan jika bandingkan dengan yang terkini saya rasa tak ada kerana tempoh perkhidmatan Tun Dr. Mahathir Mohamad ataupun timbalan menteri dan jawatan-jawatan menteri yang dipegang beliau konsep, pendekatan ternyata berbeza. Cuma apa yang dipertikaian pada era kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad mereka melihat bahawa ada elemen paksaan di mana rakyat tak boleh bersuara tetapi saya melihat paksaan itu menjadikan sesuatu yang baik, dimana pembangunan dijalankan dengan baik, ekonomi dilihat kukuh dengan stabil, nampak lebih positif sewaktu beliau dalam pemerintahan. Oleh sebab itu, ada berbagai versi yang mengatakan era Tun Dr. Mahathir Mohamad banyak nampak panji-panji Islam diketengahkan dalam kepimpinan di Malaysia meskipun agama Islam menjadi agama rasmi di peringkat Persekutuan. Itu adalah satu kelebihan yang Tun Dr. Mahathir Mohamad ada. Apabila saya lihat Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam kepimpinan yang panjang adanya Bank Islam, hukum syariat sudah mula dikuatkuasakan, Mahkamah Syariah, Universiti Islam Antarabangsa, beberapa inisiatif hubungan diplomasi yang beliau ambil apabila berlakunya peperangan di Bosnia dan membawa orang Bosnia masuk

ke Malaysia dan ditempatkan di rumah perlindungan yang dikhaskan untuk Bosnia dan anak-anak mereka boleh bersekolah disini, saya nampak inisiatif itu sangat baik.

Kalau didefinisikan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Islam, tema itu tidak dapat kerana tidak dekat dengan beliau kerana beliau dilihat sebagai seorang tokoh yang sangat hebat maka satu perbincangan pemimpin Islam itu adalah satu kontek yang berbeza. Oleh sebab itu, di Malaysia kita ada ramai tokoh alim ulama dan sekarang kita nampak kemunculan ustaz-ustaz, pakar-pakar agama dengan ideologi yang mereka bawa semakin hebat dan ada pelbagai jenis pemikiran agama mereka masing-masing. Dalam sejarah kepimpinan Malaysia, kalau kita nak cari seorang tokoh, seorang pemimpin Islam akan terpalit kepada parti PAS. Dato Seri Nik Aziz adalah tokoh pemimpin Islam bukan kerana beliau memperjuangkan parti politik Islam tetapi dari segi perwatakan, ideologi perjuangan beliau walaupun tidak bersama parti karakter yang dibawa adalah seorang tokoh agama. Jadi, parti Barisan Nasional pun sama, ada pihak yang cakap positif ada pihak yang akan membawa ke negatif kita tengok imej dari segi personaliti imej pemimpin Islam di Malaysia akan melihat berjubah, berkopiah, berjambang, songkok itu bukan liberal moden benda itu semua tidak ada pada Tun Dr. Mahathir Mohamad tetapi jolokan pemimpin Islam tidak terkena pada Tun Dr. Mahathir Mohamad bahkan jolokan sebagai pemimpin hebat yang beliau buat sebelum ini sudah jelas dengan adanya Bank Islam, hukum syariah dan sebagainya (Informan 6: Sulastri).

Tun Dr. Mahathir Mohamad inginkan Islam dilaksanakan walaupun Islam beliau laksanakan bukan Islam yang sepertimana kita fahami secara syumul, merangkumi maknanya, bukan Islam yang berada sampingan yang mana kita mahu kita ambil, yang mana kita tak nak

kita tolak malah mengambil Islam sebagai cara hidup ini. Kemudiannya sebahagian apabila mereka mengingati bahawa tentang Penerapan Nilai-nilai Islam, Tun Dr. Mahathir Mohamad nak nilai-nilai Islam sebahagian dari nilai-nilai Islam dalam kehidupan tapi tidaklah mahu mengambil islam itu sebagai cara yang betul. Saya ingat pada peringkat awal kita tengok ramai yang memberikan komen yang positif terhadap perkara yang Tun Dr Mahathir Mohamad laksanakan. Daripada awal lagi melihat Islam adalah satu tempelan untuk kelihatan elok tapi sebenarnya bukan itu yang dikehendaki. Kalau mereka memahami Islam sebagai satu agama ritual dan tidak Islam itu sebagai cara hidup akan terpesonalah apa yang Tun Dr. Mahathir Mohamad buat. Contohnya; Takaful, Bank Islam, riba yang ada dan harus kita memahami serta yakin terhadap sistem yang dijalankan. (Informan 7: Amiruddin).

Saya fikir kalau rakyat tengok, saya tidak boleh meletakkan berapa peratus sebahagian akan mengatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad seorang pemimpin Islam dan sebahagian lagi mengatakan bahawa beliau pandai menggunakan suasana supaya rakyat memberikan sokongan kerana mereka mengatakan bahawa dia sebenarnya memang untuk melaksanakan Islam. Selain itu, saya ingat Tun Dr. Mahathir Mohamad pada peringkat awal dulu lagi kefahaman beliau terhadap pemisahan agama memang menebal dan beliau masih lagi terikat kepada kepercayaan cuma Tun Dr. Mahathir Mohamad seorang yang banyak membaca walaupun beliau tidak berguru tapi beliau hanya membaca daripada terjemahan, mungkin ada perubahan-perubahan tapi saya ingat keseluruhan kepercayaan beliau masih lagi menebal (Informan 7: Amiruddin).

Namun begitu, Informan 9 (Hadi Awang) menegaskan sebagai seorang yang mengkaji tentang Islam apa lagi tentang politik Islam, itu bidang saya yang mengkaji tafsir-tafsir al-Quran, kita kena sedar bahawa Allah Taala yang

menjelaskan bahawa tiga peranan manusia di muka bumi; pertama, peranan terhadap jin dan manusia supaya beribadat yakni mengabdikan kepada Allah. Kedua, khilafah dengan maknanya menegak Islam dan mengurus dunia dengan Islam. Ketiga, amanah dalam melaksanakan perintah Allah Taala. Tiga peranan yang tuhan jadikan manusia hidup bermasyarakat iaitu masyarakat madani atau hidup seorang mesti berkelompok-kelompok dan mesti ada pemimpin. Pemimpin mesti memenuhi syarat-syarat jika terselamat Tuhan jadikan manusia dan tuhan jadikan contoh ialah nabi-nabi, rasul-rasul sehingga Nabi Muhammad adalah contoh pemimpin. Maka al-Mawardi tokoh Islam, Abul Haza' al- Farraq tokoh Islam Mazhab Hambali, Ibnu Khaldun termasuk Abu Yusuf tokoh Islam Mazhab Salaki, Ibnu Taimiyyah dan lain-lain menyimpulkan bahawa syarat kepimpinan Islam mestilah pertama, seorang Islam kedua, berilmu tentang Islam itu sendiri dan tentang masalah-masalah semasa. Islam dan masalah semasa mesti kena ada. Kalau tidak, tidak mencukupi definisi itu, mesti ada mungkin pada hari ini kita tidak mempunyai kemampuan untuk mewujudkan seorang pemimpin yang memenuhi syarat di zaman macam nabi, memenuhi syarat seperti Khulafa Arrasyidin memenuhi syarat tak mungkin maka boleh dibuat secara kolektif tetapi memenuhi ciri-ciri. Yang menjadi masalah ialah kita mewarisi kemerdekaan negara mengikut acuan yang dibuat oleh British bukan mengikut Islam. Islam itu satu *religion* dan addin berbeza. Addin ini merangkumi segala aspek manakala *religion* yang berasas haji, umrah, aspek politik, ekonomi, perundangan dalam *religion*. Jadi yang diamal adalah *religion* oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dan menjadi pemimpin yang memerintah mengikut acuan ini. Islam tidak ada kuasa. Kalau tengok Islam dalam Perlembagaan Persekutuan, agama lain bebas mengikut kalau bercanggah dengan pusat dan Islam dihapuskan. Tun Dr. Mahathir Mohamad seorang yang berani

dalam menghadapi dan membela orang Melayu, ia bercanggah dengan perlembagaan Malaysia, memerlukan perubahan dalam UMNO dan perlembagaan Malaysia kerana strategi politik yang salah.

Saya fikir setakat yang saya mampu saya cuba kerana dalam Malaysia ini ada keadaan tertentu yang perlu diambil kira dan dalam Islam pun diberi kelonggaran bukan ia satu agama yang begitu licik sehingga kita tidak boleh ambil kira keadaan. Jadi hakikat yang kita perlu kita terima di negara Malaysia ini ialah kita mempunyai penduduk pelbagai agama dan dalam Islam kita harus *tolerance* kepada agama-agama, kepada mereka, agama mereka, kepada kita, agama kita. Oleh itu, segala percubaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dan mentadbir secara Islam perlu mengambil kira adanya orang bukan islam dalam negara, ada kita boleh buat ada yang kita tak boleh buat. Bahkan tak secocok dengan ajaran Islam. Kita sedar bahawa penduduk Malaysia ini bukan semuanya beragama Islam bererti apabila kita perkenalkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam kita perlu terangkan kepada mereka apakah dasar penerapan ini dan dimana ianya lebih kurang sama dengan dasar manusia sejagat. Jadi dengan itu bermakna kita ambil kira keadaan dalam negara kita dan yang keduanya untuk mereka rakyat terima, rakyat berbilang agama ini terima, kita perlu menjelaskan apakah nilai-nilai Islam dan bagaimanakah kita nak laksanakan? Kuatkuasakan kalau kita tak kira keadaan kita akan cuba secara keras untuk melaksanakan dasar itu sehingga akan tercetus huru hara dalam negara dan agama Islam tidak, al-Quran tidak suka kepada orang yang mencetuskan huru hara. seperti saya katakan tadi, ia bukan bergantung kepada apa yang kita lakukan. Ia bergantung kepada pandangan orang kalau orang itu bermusuh, yang kita buat baik pun jadi buruk, yang sahabat apa yang kita lakukan kadang-kadang tak baik pun dianggap baik. Itu bukan tuduhan tentang baik buruknya apa yang dilakukan itu adalah kerana kita mengikut tafsiran berkenaan dengan sesuatu,

umpamanya berkenaan dengan hukum hudud. Saya tidak bersetuju dengan perlaksanaan hukum hudud yang dicadangkan oleh parti lawan kerana ia akan menyebabkan ketidakadilan berlaku dalam negara (Informan Primer: Mahathir).

Ketidakadilan adalah dilarang dalam agama Islam apabila kamu menghukum, hukumlah dengan adil. Oleh sebab itu, saya berpendapat bahawa apa yang dicadangkan oleh mereka itu bukan secocok dengan ajaran Islam. Kita perlu buat apa yang kita suruh rakyat buat, kita perlu tunjuk kita juga amalkan apa yang disarankan umpamanya kalau saya kata kepada orang kita mesti kerja kuat, maka saya sendiri mesti kerja kuat. Apabila kita kata kita jangan terlibat dengan rasuah kerana bahayanya kepimpinan melalui teladan ialah apabila pemimpin tidak melaksanakan yang baik, kalau pemimpin itu terlibat dengan rasuah maka pengikut juga akan terlibat maka dengan itu. Semua akan menjadi buruk sebaliknya kalau pemimpin amalkan benda yang baik maka pengikut juga sedikit sebanyak akan terpengaruh untuk melakukan yang terbaik (Informan Primer: Mahathir).

Kita perlu sensitif kepada sensitiviti masing-masing kaum. Kita tidak menghinakan amalan kaum lain dan mereka tidak harus hinakan amalan kaum kita. Setakat yang boleh kita boleh bersama dalam perkara-perkara yang tidak ada kelainan umpamanya di Malaysia ini, ini satu budaya bukan ajaran Islam, ajaran Islam cuma berkata kita tak boleh makan babi tapi dia tak kata kita tak boleh tengok babi ataupun kita tak boleh sentuh babi tapi dalam budaya Malaysia kalau kita nak makan bersama ada orang menghidangkan masakan babi itu tidak mengambil kira sensitiviti orang Islam jadi mereka harus terima bahawa tak perlu mereka mengertikan sensitiviti orang Islam sebaliknya ada orang yang makan sayur saja kalau dia makan bersama dengan kita, kita hidangkan sayur saja beri dia, kita hormati dia punya amalan jadi dengan itu barulah kita boleh rapatkan

perhubungan antara orang yang mempunyai agama yang berbeza budaya yang berbeza tetapi kalau kita tidak sensitif kepada orang maka akan berlaku rusuhan sesama kita umpamanya kalau dia kotorkan masjid kita kita tentu marah tetapi balasannya bukan kita kotorkan dia punya gereja ataupun musnahkan gereja mereka. Itu hak mereka jadi kita kena bertimbang rasa terhadap sensitiviti perasaan orang lain barulah kita boleh ada keamanan dan keamanan dituntut dalam agama Islam. Pemisahan agama saya ingat tak pisah sebab itu saya kata kita perkenalkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran tidak ada perpisahan tidak ada bagi saya dalam Islam tidak ada yang agama dan yang sekular. Itu tafsiran orang-orang Kristian di Eropah. Apabila mereka dapati bahawa gereja telah mempunyai banyak sangat kuasa ke atas pentadbiran mereka ingin pisahkan gereja daripada pentadbiran dan mereka labelkan gereja itu sebagai *religion* serta pentadbiran sebagai sekular. Perkara ini tidak berasas kepada agama dengan itu tidak ada penerapan nilai-nilai agama mereka dalam pentadbiran mereka. Mereka boleh seperti sekarang ini agama Kristian umpamanya melarang perbuatan macam al-Qardawi sebut itu dilarang disebut berkali-kali dalam agama Kristian tapi sekarang mereka anggap mereka sekular oleh itu apa yang dilarang oleh agama tidak perlu dipertahankan oleh sebuah pemerintah yang sekular. Ini tidak boleh berlaku dalam Islam kerana Islam Addin meliputi semua kehidupan kita baik daripada segi akil, badan ataupun daripada segi perlaksanaan pentadbiran (Informan Primer: Mahathir).

#### **5.4.7 Kempen Kepimpinan Melalui Teladan**

Dalam kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau telah melaksanakan kempen kepimpinan melalui teladan. Kempen ini bertujuan untuk menanam, memupuk sifat-sifat kepimpinan yang berkesan untuk dicontohi, dihayati dan diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat ( Rusdi & Pandian, 2005). Sehubungan itu, Informan-informan juga memberi tindakbalas yang baik bagi tema ini.

Tun Dr. Mahathir Mohamad ingin mereformasikan suara pentadbiran, jentera birokrasi yang menjadikannya lebih licin, lebih efisyen. Beliau inginkan rakyat membayangkan betapa penting Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang penuh dengan pemikiran yang baik, baru, yang tidak difikir oleh ramai penduduk di Malaysia. Beliau pernah berkata, yang membezakan pemimpin yang baik daripada pemimpin yang tidak baik mestilah mempunyai pemikiran, idea-idea jauh berbeza tetapi yang luar biasa, yang baik, yang tidak dapat difikirkan oleh penduduk-penduduk yang dipimpinnya. Jadi itulah cogankata yang cuba membayangkan imej Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang baik, yang penuh dengan insiatif yang baru, yang boleh mengharapkan ekonomi serta mengubah masyarakat Malaysia menjadikan jentera pentadbiran lebih efisyen. Itulah maksud cogankatanya. Dengan cogankata dia tidak bermaksud orang Malaysia boleh berbangkit menjadi pemimpin sendiri tetapi mereka dengan amalan sendiri, menjadi orang yang lebih baik, bekerja dengan lebih baik, mengikut perintah dengan lebih baik dan berdisiplin (Informan 1: Khoo Boo Teik dan Informan 2: Azizuddin).

Walau bagaimanapun, Informan 3 ( Murad Merican) dan Informan 4 (Rumaizuddin) menyatakan sistem ini dilaksanakan supaya ketua datang awal ke pejabat dan bekerja mengikut masa. Kepimpinan melalui teladan salah satu simbol adalah setia, kalau lihat secara halus kalau tengok Rangkaian Televisyen Malaysia (RTM) yang menggunakan slogan setia. Ini ideologi dimana kita taat dan setia kepada pemimpin tetapi yang dilakukan Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk membentuk satu ruang supaya rakyat menanamkan ciri-ciri kesetiaan bukan hanya kepada pemimpin tetapi negara iaitu menanamkan sifat patriotik.

Saya beri contoh, kempen membeli barang buatan Malaysia. Kempen itu negara kita promosikan banyak barang Malaysia. Kerajaan juga menggunakan kereta Proton dan kita mengutamakan barang buatan Malaysia. Kebanyakan benda pada masa itu kakitangan awam semua kena guna. Itu satu teladan, menteri guna kereta Proton, Perdana Menteri guna Proton, saya pernah tengok Tun Daim naik kereta Proton Saga dan Wira. Zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri orang menggunakan buatan Malaysia, contoh kereta Proton (Informan 8: Tan Keng).

Tun Dr. Mahathir Mohamad punya cogankata itu bagus seperti bersih, cekap dan amanah tetapi dari segi cara penghayatannya perlu ditingkatkan lagi. Saya fikir Tun Dr Mahathir Mohamad tidak memberikan satu teladan yang baik. Sepertimana yang dikatakan ada beliau mencampur-adukkan positif, negatif dan secara umum saya menganggap bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak meninggalkan satu legasi yang boleh diteladani (Informan 10: Khalid).

Saya fikir Tun Dr. Mahathir Mohamad diyakini kerana beliau sering menjadi teladan dari segi kenyakinan diri, keberanian menghadapi dunia, memerangi fikiran-fikiran barat yang menganggap orang Malaysia bahawa rendah, bodoh dan tak ada pemimpin yang berani. Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai keupayaan membuka pemikiran orang lain. Jadi, beliau seorang manusia yang cerdik, berani dan tak takut dengan barat. Selain itu, beliau seorang manusia yang rajin bekerja dan hanya memikirkan benda yang memajukan rakyat (Informan 5: Zainuddin).

Disamping itu, Informan 6 (Sulastry) menegaskan waktu pertama sekali menjadi kekecohan apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih pemerintahan dan dilantik sebagai Perdana Menteri. Beliau memperkenalkan Sistem Kad Perakam

Waktu. Perkara ini mendapat satu reaksi dikatakan kekecohan bagaimana idea daripada luar khususnya Jepun dibawa masuk ke Malaysia. Pada peringkat awal, susah untuk diadaptasi dalam konteks masyarakat kita kerana dalam penjawat awam majoritinya boleh dikatakan lapan puluh lima peratus orang Melayu beragama Islam. Jadi kepimpinan itu bermula daripada disiplin yang hebat. Beliau menerapkan aspek disiplin diri, bebas daripada korupsi, sebab disiplin adalah raja kepada segala-galanya. Kalau disiplin, kita berdisiplin dalam agama, budi bicara, perkhidmatan dan masyarakat. Dalam era Tun Dr. Mahathir Mohamad banyak perkara yang kita melihat positif dan kita boleh bandingkan indeks korupsi sewaktu Tun Dr. Mahathir Mohamad sampai ke harini. Era Tun Dr. Mahathir Mohamad orang takut dan ketakutan itu orang ambil inisiatif supaya tidak melakukan kesalahan bahkan mereka menerapkan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan. Mereka jujur dan amanah untuk pikul tanggungjawab jadi apa yang Tun Dr. Mahathir Mohamad bawa adalah jujur dan amanah selain daripada disiplin dalam kepimpinan.

Walau bagaimanapun, Informan 7 (Amiruddin) berpendapat kempen kepimpinan melalui teladan pertama kalau kita tengok dalam Islam, itu juga ditekankan dalam al-Quran maknanya seorang pemimpin hendaklah menyeru apa yang dia telah lakukan dan milarang orang daripada melakukan sesuatu yang dia telah tinggalkan. Jadi makna konsep ini seperti apa yang disuruh dan dibuat. Justeru, diperkenalkan perakam waktu. Beliau juga masuk kerja awal. Saya ingat perkara ini peringkat awalnya mendapat respon yang positif tapi apabila orang sudah tengok peringkat-peringkat yang lain, orang mula tengok yang atas pun cakap tak serupa bikin jadi orang sudah mula ragu dan yang paling kita tengok ialah apabila bercakap tentang

rasuah, apabila kena tangkap didakwa kena hukuman, ia menjadi satu benda yang lambat diambil tindakan.

Kita kena ikut umpamanya nabi sebagai contoh, nabi ini diharamkan rasuah pada diri, keluarga, orang lain. Diharamkan rasuah kepada mereka. Tetapi masalahnya diharamkan rasuah kepada mereka yang pangkat jadi tidak mewujudkan teladan dan contoh. Nik aziz rumahnya masih seperti dulu, pada harini mula daripada dulu sehingga harini bukan 1MDB dan PERWAJA (Informan 9: Hadi Awang).

#### **5.4.8 Mahathirisme**

Mahathirisme ialah ideologi politik yang terdiri daripada gabungan komitmen dan keyakinan terhadap Islam, kapitalisme, kewajaran sosialisme dan sekularisme yang tersirat (Pandian, 2005). Oleh itu, Informan-informan turut menjelaskan isu ini, antaranya;

Perkataan Mahathirisme bagi saya memberi perhatian penting terhadap nasionalisme Tun Dr. Mahathir Mohamad bukan kepada sistem kapitalisme atau kapitalisme. Ada dua perkara lain yang saya cadangkan iaitu corak politik Tun Dr. Mahathir Mohamad yang boleh dikatakan populis tetapi populis satu konsep yang susah didefinisikan dengan tepat dan saya katakan juga Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh dikatakan seorang ahli politik yang autoritarian sekali lagi katakan, kalau ada pemimpin yang keras tetapi pemimpin yang bertujuan baik, mungkin itu lebih baik daripada pemimpin demokrasi (Informan 1: Khoo Boo Teik).

Ia bukan ideologi sebab Tun Dr. Mahathir Mohamad memerintah lama jadi beliau ada pendekatan yang dibawa dalam pentadbiran. Pendekatan itu disebut Mahathirisme yang pragmatik dan idea pernah digunakan untuk pembangunan negara, ia ada negatif. Secara

umumnya, kalau nak tolak kata sekularisme ia ada elemen Islam kerana salah satu idea utama Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat kepada masyarakat. Satu perkara yang disebut nilai-nilai asia yang berasaskan Islam. Sekularisme tak sesuai sebab ada elemen Islam malah Tun Dr. Mahathir Mohamad bawa satu lebih fokus tapi dalam masa yang sama beliau tak yakin kerana ada pro dan kontra (Informan 2: Azizuddin dan Informan 8: Tan Keng).

Namun begitu, Informan 3 (Murad Merican), Informan 5 (Zainuddin), Informan 6 (Sulastry), Informan 7 (Amiruddin) dan Informan 10 (Khalid) menjelaskan Mahathirisme adalah satu ideologi berlandaskan kepada nilai dan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang difikirkan akan wujud zaman pasca Mahathirisme iaitu zaman 2004 seterusnya. Saya kira wujud isu kenegaraan pentadbiran, pengurusan, penggubalan dasar sosial, dasar luar berlandaskan kepada sistem pemikiran. Bukan berdasarkan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai individu tetapi sistem pemikiran yang dibentuk oleh beliau. Mahathirisme akan kekal buat masa yang lama untuk beberapa dekad akan datang, nilai, impian dan kesedaran saya kira selagi negara tidak stabil selagi itu sistem pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad mesti digunakan untuk menstabilkan negara.

Selain itu, Informan 4 (Rumaizuddin) menyatakan bahawa orang takut kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad apa yang dilihat kepada elemen kejayaan beliau tetapi dalam konteks UMNO sekarang apabila tidak lagi kepada Mahathirisme dan dasar-dasar yang ada sekarang Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak lagi menjurus ke arah itu.

Saya rasa Tun Dr. Mahathir Mohamad telah berundur daripada

Mahathirisme. Beliau ingin buat sesuatu perubahan tetapi malangnya terlalu banyak masalah ditengah jalan yang perlu ditangani (Informan 9: Hadi Awang).

Saya berpendapat dalam Islam tidak ada sekularisme kerana Islam adalah Addin, cara hidup. Kita tidak boleh pisahkan cara hidup kita daripada agama yang kita anuti. Oleh itu, segala yang kita lakukan dipengaruhi oleh agama dan agama mencukupi dari segi panduan untuk memajukan kita. Kemajuan kita itu berpunca atau berasal daripada ajaran Islam yang mana segala kualiti nilai hidup kita memang semuanya baik-baik belaka tetapi yang kita lakukan ialah yang dilarang oleh agama Islam umpamanya kita dapati penipuan, kita dapati korupsi, kita dapati perperangan sesama orang Islam, kita dapati pembunuhan orang Islam sesama Islam. Semua ini tidak ada dalam al-Quran ataupun dalam al-Quran disebut sebagai diharamkan tetapi apabila kita lakukannya kita tidak melaksanakan ajaran Islam supaya kita mengamalkan Addin, cara hidup Islam yang akan memberi banyak kebahagiaan kepada kita (Informan Primer: Mahathir).

#### **5.4.9 Malaysia Boleh**

Slogan ‘Malaysia Boleh’ adalah satu usaha murni Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam meningkatkan tahap keyakinan rakyat Malaysia untuk menceburi pelbagai bidang (Dasuki Ahmad, 2003; Lukman Hakim Rahim, 2012). Oleh itu, terdapat Informan-informan menjelaskan perkara ini. Antaranya;

Sehubungan itu, Informan 1 (Khoo Boo Teik) menjelaskan Malaysia Boleh berasal daripada Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris diterjemahkan daripada Bahasa Cina yang lain. Apa saja orang mahu, *I can do*. Semangat *can do*, kita boleh, Malaysia boleh kerana mahu meningkatkan keyakinan terhadap rakyat Malaysia untuk

menceburi pelbagai bidang. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu menyakinkan penduduk, pekerja dan profesional di Malaysia bahkan semua bidang ini kita dapat lakukannya serta masalah kita boleh selesaikannya cuma kita mesti ada semangat keyakinan sendiri. Oleh sebab itu, cogankata Malaysia Boleh sebagai inspirasi kepada orang ramai terhadap masyarakat Malaysia yang mempunyai kebaikan.

Malaysia boleh orang Malaysia selalu ada negatif kerana dia rasa cukup, diri tak ada pemikiran positif. Itu orang Melayu dan dia tak boleh keluar daripada minda yang positif malah rakyat boleh berubah fikiran. Slogan ini dalam bidang sukan saja bahkan dalam konteks itu bagus, supaya masyarakat *open minded* kepada yang positif (Informan 2: Azizuddin dan Informan 4: Rumaizuddin).

Malaysia Boleh satu slogan kepada rakyat jelata supaya mereka memecah benteng yang pada awalnya merasa tidak boleh. Oleh itu, Malaysia Boleh bukan dalam sukan saja malah dalam semua bidang dan kita mesti ingat Tun Dr. Mahathir Mohamad pandai berslogan (Informan 3: Murad Merican, Informan 5: Zainuddin, Informan 8: Tan Keng dan Informan 9: Hadi Awang).

Walau bagaimanapun, Informan 6 (Sulastry), Informan 7 (Amiruddin) dan Informan 10 (Khalid) menegaskan slogan Malaysia Boleh dijadikan bahan jenaka kerana Malaysia memang boleh buat apa-apa. Malaysia juga sebuah negara yang aman dan harmoni, ada masyarakat yang berbilang kaum yang duduk dalam satu pemerintahan yang sama. Malaysia Boleh sebenarnya kita lihat kejayaan Malaysia di mata dunia, kita hargai apa saja yang rakyat Malaysia buat bukan hanya pemimpin malah akta dan polisi dibanggakan oleh orang luar tetapi sumbangan Tun Dr Mahathir Mohamad sentiasa meniti dibibir masyarakat luar. Kita banyak

melihat orang luar lebih hebat tetapi orang Malaysia ternyata lebih hebat. Orang luar mengiktirafkan orang Malaysia di luar negara namun Malaysia ini boleh hanya diluar negara bukan Malaysia Boleh dalam negara dan konsep itu perlu berubah.

Namun begitu, Informan Primer (Mahathir) menjelaskan sedikit sebanyak memberi kesan kerana kita orang Melayu Islam, kita kurang yakin kepada diri sendiri kita terlalu percaya kita tidak boleh orang lain boleh. Ini menyebabkan kita menjadi mundur tetapi kalau kita percaya dan kita juga boleh maka kita akan menjadi lebih maju. Sebenarnya kita dilahirkan sebagai manusia tergolongan dalam serba kebolehan sama seperti orang lain, bangsa-bangsa lain yang memisahkan kita daripada orang yang maju, lebih berjaya ialah kita serta pegangan nilai hidup kita itu tidak sesuai dengan kemajuan bahkan ia tidak sesuai dengan agama Islam. Kalau kita berpegang kepada nilai hidup yang sesuai dengan kemajuan seperti kita rajin bekerja, kita beramanah, kita berdisiplin, kita lakukan sesuatu kerana kita tak nak berasa malu kerana kegagalan, semua ini adalah nilai mulia dan nilai-nilai ini memang terdapat dalam ajaran Islam. Mengikut al-Quran kalau kita ikut kitab-kitab tulisan imam-imam mungkin berbezalih tetapi kalau kita ikut al-Quran, dalam al-Quran diberikan semua panduan dan cara hidup Islam. Kita tidak ikut sebab kita dapati ada kepercayaan pada kita bahawa ini kita tak boleh buat, itu kita tak boleh buat umpamanya dulu kalau kita nak buat rumah kita panggil tukang Cina, kalau kita nak pasang elektrik kita panggil tukang Cina, kalau kita nak gunting rambut kita tukang India, kalau kita nak buat ini orang lain, yang kita boleh buat tak dak selain daripada tanam padi cara lama ataupun tangkap ikan lilit kail.

#### **5.4.10 Negara Islam**

Kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa Malaysia sebagai sebuah Negara Islam memberi implikasi terhadap masa depan politik negara (Tahir, 2013). Hal ini kerana ia dijadikan hujah untuk umat Islam menuntut pelaksanaan Islam yang menyeluruh dan amalan demokrasi yang lebih telus dalam kepimpinan di Malaysia. Sehubungan itu, Informan-informan turut menjelaskan situasi ini.

Kalau tidak silap saya, Tun Dr. Mahathir Mohamad pertama kali mengeluarkan kenyataan Malaysia sekarang sudah menjadi negara Islam dan beliau keluarkan kenyataan ini selepas kejadian 11 September 2001. Pada masa itu Tun Dr Mahathir Mohamad dan PAS menganggap nasib politiknya sudah berubah. Dua tahun selepas itu ritual haji-haji dalam PAS mengeluarkan kenyataan berkenaan negara Islam mereka tetapi beliau mengatakan pada masa itu Malaysia sudah merupakan negara Islam. Bagi setengah orang tidak bersetuju malah Tun Dr. Mahathir Mohamad pada masa itu ingin mengatakan kepada orang Malaysia dan juga orang yang luar bahawa negara Islam merupakan satu sistem kerajaan yang jauh melebihi apa yang sejak diamalkan dalam Malaysia. Sistem dan model negara Islam lain, yang boleh dikatakan lebih konservatif, tegas mungkin berdasarkan Hudud dan Qisas. Oleh sebab itu, selepas krisis 11 September 2001 Tun Dr. Mahathir Mohamad katakan isu ini. Apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad katakan Malaysia menjadi sebuah negara Islam dan implikasinya pada masa itu janganlah cuba mengusahakan lagi (Informan 1: Khoo Boo Teik dan Informan 2: Azizuddin).

Walau bagaimanapun, Informan 3 (Murad Merican) menegaskan sistem Islam tidak ada negara yang demokrasi, mempunyai kebebasan bersuara dan hak asasi Islam berlandaskan kepada syura, persetujuan dan juga kalau melanggar al-Quran, Hadis,

Ijma dan Qiyyas maka kita perlu mendukung demokrasi yang telus. Kita mesti menjadi golongan minoriti untuk menentang dan membetulkan majoriti. Perkara ini merupakan pertimbangan antara ideologi sekular dan agama, demokrasi dan agama. Negara Islam tidak demokratik ada tahap, ruang boleh mengamalkan demokrasi dan ada tahap yang tidak boleh mengamalkan demokrasi.

Bagi saya negara kita sesuai untuk tinggal oleh semua masyarakat berbilang kaum dan agama. Jadi, orang bukan Islam ada hak untuk menganuti agama masing-masing. (Informan 8: Tan Keng).

Selain itu, Informan 4 (Rumaizuddin), Informan 5 (Zainuddin) dan Informan 10 (Khalid) berpendapat negara Islam yang dimaksudkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad mungkin berbeza bagi sebahagian yang lain. Bagi saya yang faham maksudnya Malaysia merupakan negara yang majoritinya adalah orang Islam dan kepimpinannya mesti dipegang oleh orang Islam sama ada ianya dicorak mengikut acuan Islam adalah aspek yang lain dan takrif negara Islam itu bererti orang Islam yang memerintah bukan bererti bahawa Islam itu yang memerintah.

Oleh itu, Informan 6 (Sulastry) menyatakan rakyat Malaysia tidak takut dengan label Malaysia negara Islam kerana sudah termaktub agama Islam agama sebagai rasmi persekutuan, yang takut adalah negara luar, apa yang Tun Dr. Mahathir Mohamad buat itu daripada proses sejak beliau berkuasa sehingga meletakkan jawatan sudah cukup menunjukkan bahawa kita menerima sokongan yang baik daripada negara-negara Islam yang seringkali membantu kita hingga ke tahap hari ini. Sekiranya bantuan yang diberikan bantuan keselamatan, ekonomi, pelaburan, pelancongan dan pendidikan ini adalah satu konteks yang sangat baik dimana

Malaysia dihormati dan diterima oleh seluruh dunia. Ketakutan orang pada label Islam adalah bukan dalam konteks Malaysia memperjuangkan Islam tetapi Islam adalah agama disanjungi seluruh dunia. Ketakutan ini dipropagandakan, apa yang Tun Dr. Mahathir Mohamad buat, rakyat terima. Malah, Tun Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan Islam dalam pentadbiran dan Islam tidak melampaui apa saja perlaksanaan dalam pentadbiran.

Saya rasa Tun Dr. Mahathir Mohamad kata Malaysia sebuah negara Islam, saya ingat kita kena minta beliau definisikan apa maksud negara Islam? Adakah orang kata Malaysia sebuah negara yang rakyat majoriti Islam, definisinya? Malaysia negara Islam kerana perlembagaan menyebutkan bahawa agama rasmi persekutuan adalah agama Islam atau Malaysia sebagai sebuah negara Islam kerana perlembagaannya dan dasar pemerintahannya sampai ke muamalat hariannya semuanya berlandaskan ke arah agama Islam? Saya kata nak kena tanya Tun Dr. Mahathir Mohamad dulu kenapa beliau kata negara Islam? Definisi mana yang beliau gunakan dan dari segi definisi itu maknanya *depending on definition* mana yang beliau gunakan? Walaupun di Arab Saudi hukumnya, perlaksanaan hukuman syariah dikatakan apa yang diperjelaskan dalam al-Quran tapi Barat memang akan bersama dengan Arab Saudi kerana Arab Saudi boleh berada dalam genggaman Barat tak ada yang jelas (Informan 7: Amiruddin).

Negara Islam mesti ada rukun dan rukun Nabi Muhammad s.a.w. buat negara Islam, gubal Piagam Madinah di mana hukum tertinggi al-Quran, Hadis, Ijma Ulama dan Qias. Hukum-hukum yang bercanggah dengan al-Quran dan Hadis dibatalkan kerana hal ini tak ada dalam Perlembagaan Malaysia jadi kita tergantung hanya sebagai Islam agama rasmi tetapi kesempurnaan hukum wajib belum ada lagi. Itu masalah yang kita hadapi dan kita tak boleh kata negara Islam (Informan 9: Hadi Awang).

Terdapat lebih kurang 50 negara yang mendakwa mereka adalah negara Islam tetapi banyak juga benda-benda yang mereka lakukan itu tidak sebenarnya mengikut kehendak agama Islam. Jadi tafsiran negara Islam ini tidak ada tafsiran yang tepat yang mana kalau kita penuhi segala syarat-syarat baru, kita boleh kata kita negara Islam tapi di Malaysia ini agama Islam ialah agama rasmi namun agama-agama lain boleh diamalkan oleh rakyat dan banyak pentadbiran kita berdasarkan kepada ataupun berpandu kepada ajaran Islam. Oleh sebab itu, kita kadang-kadang ternampak lebih utamakan Islam daripada kebanyakan negara-negara yang mendakwa mereka sebagai negara Islam. Apa yang saya katakan itu bahawa Malaysia adalah negara Islam memang mempunyai asas walaupun bagi pihak lain ianya tak seperti Arab Saudi yang mentadbirkan negara yang mempunyai penduduknya seratus peratus Islam bahkan ada tempat-tempat orang bukan Islam tak boleh pergi. Syarat-syarat itu tidak boleh digunakan di Malaysia kerana kita sudah ada orang bukan Islam di Malaysia dan kita masih memegang kepada ajaran Islam tetapi dengan cara kita mengikut kehendak Islam supaya adil kepada semua rakyat (Informan Primer: Mahathir).

#### **5.4.11 Perpaduan**

Islam mempunyai kedudukan yang teristikewa di Malaysia. Di samping itu, masa depan politik dan pembangunan Islam di Malaysia berkait rapat dengan perpaduan dalam kalangan umat Islam (Pandian, 2005). Oleh yang demikian, Informan-informan turut menjelaskan perkara ini.

Saya cuba mengatakan bahawa mengikut perspektif saya sebenarnya satu unsur yang besar perpecahan demikian ialah Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri bukan beliau sendiri dengan kata keperibadian tetapi dasar-dasar berkenaan dengan program, matlamat yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju namun lebih maju dengan erti kata negara kapitalisme yang lebih maju dengan perubahan-perubahan yang dilaksanakan (Informan 1: Khoo Boo Teik dan Informan 10:

Khalid).

Oleh itu, Informan 2 (Azizuddin) menjelaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengamalkan ahli sunnah wal jamaah namun lebih kepada modenis dalam pendekatan kepimpinan beliau. Oleh sebab itu, ada isu kontroversi yang Tun Dr. Mahathir Mohamad terlibat. Dari segi pemikiran, umat Islam pada zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad agak terbuka dan tidak ada isu-isu keagamaan berbanding sekarang banyak isu-isu tersebut kerana orang Islam perlu menguasai ilmu supaya boleh menilai meskipun zaman beliau lebih menggunakan kekerasan dalam pentadbiran sebab itu orang takut.

Namun begitu, Informan 3 (Murad Merican) menjelaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengatakan berdasarkan negara Islam kita bukan berdakwah kepada orang bukan Islam. Orang Islam dan institusi Islam mesti tunjuk toleransi yang tinggi kepada orang bukan Islam. Dalam sejarah pun orang bukan Islam boleh hidup saling bertanding dengan orang Islam tetapi pencapaian itu masih tidak sampai kerana sikap individu dan imej institusi yang ada itu menakutkan orang bukan Islam.

Setuju dengan apa yang Tun Dr. Mahathir Mohamad kata kerana dalam sebuah negara yang berbilang kaum memang susah nak satukan semua rakyat kerana mereka mempunyai keperluan yang berbeza. Malah, tiap-tiap kaum akan memperjuangkan kepentingan kaum sendiri (Informan 8: Tan Keng).

Justeru, Informan 4 (Rumaizuddin) dan Informan 5 (Zainuddin) menegaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad melihat soal orang Melayu perlu diperkasakan sebab

kedudukan orang Melayu yang lemah, miskin dan menyebabkan perbezaan jurang tinggi. Perkara ini menyebabkan berlaku kemunduran. Oleh sebab itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad merasakan perlu kesamaan antara orang Melayu dan orang Cina. Orang Melayu tidak boleh mengharapkan kerajaan sahaja malah, beliau seolah-olah inginkan orang Melayu ini berdikari dan tidak mengharap kerajaan. Jika perkara ini berlaku, selamanya kita akan bergantung kepada orang lain sahaja.

Yang menarik dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad, beliau sangat bijak dalam perniagaan dan perpaduan bukan saja melihat komposisi masyarakat. Beliau membina satu jaringan yang baik apabila munculnya rakan-rakan yang banyak membantu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Jadi jaringan yang terbina memberi satu perlindungan khas kepada perpaduan di negara kita. Perpaduan sudah wujud sejak British datang. Apabila dapat kemerdekaan, perpaduan politik dicapai. Perpaduan pada era Tun Dr. Mahathir Mohamad boleh dikatakan mudah, perpaduan tercapai melalui pembangunan negara. Perlaksanaan pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menjamin kejayaan negara di mata dunia malah perpaduan pada era Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak melihat komposisi rakyat secara keseluruhan tetapi daripada kesepadan antara parti politik dan diukur melalui pilihanraya. Justeru, perpaduan yang dicapai melalui perpaduan politik pada era Tun Dr. Mahathir Mohamad (Informan 6: Sulastri).

Namun begitu, Informan 9 (Hadi Awang) menjelaskan isu perpaduan kemanusiaan penting kerana pertama, al-Quran, Hadis, Ijma' dan Qiyas. Kedua, manusia bermasyarakat. Semua aspek ini boleh, sebab itu kita kena tahu Islam kepada kita, jadi keadilan hukum Islam itu tidak jelas menyebabkan perpaduan tak jelas.

#### **5.4. 12 Tamadun Islam**

Kemerosotan dan kemunduran tamadun Islam adalah perkara sering diperkatakan bukan sahaja oleh pemikir moden tetapi juga ulama dan negarawan. Malah, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa pembinaan tamadun Islam pada zaman moden ini berdasarkan pencapaian kemanusiaan dan sesuai dengan ajaran Islam (Ghazali, 2012). Justeru, Informan-informan memberi pandangan mereka berkenaan isu ini.

Bagi Tun Dr Mahathir Mohamad kalau kita mahu belajar daripada tamadun Islam yang berjaya perlu melihat kepada corak kepimpinan, etika kerja, penguasaan pengetahuan, kemampuan teknikal orang Islam pada masa itu. Bagi beliau tentulah orang Islam yang katakan tamadun Islam moden akan maju apabila kita memegang lebih kuat kepada prinsip-prinsip Islam. Sebuah negara yang tidak selalunya terperangkap dengan isu-isu perkauman dan pembahagian perkauman dalam negeri sendiri. Jadi bangsa Malaysia bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad suatu bangsa negara Malaysia yang lebih maju dan berpandang ke masa depan tetapi pandang ke arah luar negara dengan lebih maju (Informan 1: Khoo Boo Teik).

Sehubungan itu, Informan 2 (Azizuddin), Informan 5 (Zainuddin) dan Informan 6 (Sulastry) menyatakan Islam mula menjadi tamadun agung suatu ketika dulu tetapi orang Islam tak pernah belajar keagungan tamadun Islam. Isu ilmu dan orang Islam tak dapat kuasai ilmu, yang banyak timba ilmu hanya orang Barat. Kita kena menjadi masyarakat yang berinovasi dan mengeluarkan idea yang bagus. Contohnya; Proton berbeza dengan Jerman dan Jepun. Oleh sebab itu, kita tak ada budaya inovasi dan terlalu banyak berpolitik daripada buat kerja. Kemanusiaan perlukan ilmu malah tamadun yang dulu dominan kepada ilmu. Namun begitu, kita tak inovatif bagaimana nak maju? Ia takkan boleh dicapai untuk menjadi tamadun

kerana masyarakat Malaysia tak mahu berubah.

Tun Dr Mahathir Mohamad sudah membaca sejarah zaman Nabi Muhammad s.a.w, Umaiyyah, Abbasiyyah dan sejarah tamadun lain. Oleh itu, beliau sudah tahu jatuh bangunnya sesebuah tamadun. Tun Dr. Mahathir Mohamad ingin mengacuakan dalam satu tamadun iaitu tamadun yang moden, bermoral walaupun ia menjurus kepada Jepun tetapi Jepun pun ada kelemahan. Kita melihat bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata bagaimana Jepun telah membangun selepas jatuh? Ini yang beliau nak inginkan (Informan 3: Murad Merican).

Bagi saya sebagai orang bukan Islam *I think Malaysia is a good sistem and a good policy*, negara Islam *as long is a good country*. (Informan 8: Tan Keng).

Secara umum, Informan 10 (Khalid) berpendapat tujuan utama datang ajaran Islam untuk memberitahu manusia sebagai hamba abdi kepada Allah Taala dan kedudukan disisi Allah darjatnya semakin tinggi dengan tindakan adil, baik dan mendatangkan manfaat kepada manusia yang lain sambil melakukan ibadah khususiah kepada Allah Taala tetapi semestinya ia perlu ditingkatkan darjatnya hasil daripada kefahaman mengenai kemanusiaan sebagai hamba abdi kepada Allah Taala.

Pembinaan tamadun Islam bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah melihat kepada pembangunan dan sains untuk umat Islam. Umat Islam harus mendalami ilmu Sains, dalam ucapan beliau ada menyebut untuk umat Islam perlu maju dan kemajuan itu harus diselari nilai-nilai Islam (Informan 4: Rumaizuddin).

Kalau kita bangga dengan pencapaian tamadun Islam zaman kegemilangan sama ada melahirkan ramai ahli ilmuan. Ini suatu yang

biasa cumanya bagaimana boleh kita tengok yang berlaku di zaman-zaman kebelakangan ini dan sejauhmana kita mampu membaca perubahan yang berlaku? Kemudian menyediakan platform untuk perubahan dapat berlaku dengan baik melalui tamadun-tamadun contohnya; apa yang boleh menjangkakan bahawa teknologi telefon pintar mampu mengubah cara kita hidup (Informan 7: Amiruddin).

Oleh yang demikian, Informan 9 (Hadi Awang) menyatakan tamadun Islam ialah mengambil ilmu-ilmu daripada orang lain dengan jati diri kita. Jati diri kita ialah dengan iman, sahsiah dan apabila aspek ini tiada akan menyebabkan kegagalan. Contohnya; rasuah.

Sememangnya kita patut menjadi bangsa yang termaju sekali dalam dunia bahkan kita tahu di zaman tamadun Islam, orang Islamlah yang termaju sekali dalam dunia sebabnya mereka tidak di kelirukan dengan ajaran-ajaran yang berlainan, hasil daripada orang-orang, imam-imam dan alim ulama yang memberi ajaran yang berbeza-beza sehingga tercetus kumpulan-kumpulan berlainan seks seperti sunni, syiah dan sebagainya. Perkara ini bukan daripada ajaran Islam bahkan zaman Nabi Muhammad s.a.w. semua ini tidak ada tetapi kerana tafsiran itu berlainan maka dijadikan orang Islam ini berpecah-pecah dan bermusuh sesama mereka mengikut fahaman mereka. Ini tidak harus berlaku sebab itu kalau kita balik kepada al-Quran kerana al-Quran itu satu saja tetapi tafsiran itu mungkin berbeza-beza kerana dalam al-Quran kita tahu ada dua jenis ayat. Pertama, yang jelas iaitu Mukhkamat manakala yang kedua, Mutasyabbihaat dikenali sebagai satu perumpamaan sahaja. Cerita umpamanya berkenaan Nabi Yusuf dan Zulaikha itu cerita dan kita boleh membuat tafsiran daripada cerita itu. Tafsiran kita mungkin berbeza-beza tetapi berkenaan yang secara langsung macam kata orang Islam itu bersaudara. Itu tak boleh kata orang Islam bersaudara bermakna kita berperang sesama sendiri tentu ganjil. Kita semua faham dan kita tidak boleh membunuh orang. Kita

faham dan kita perlu bersih dan hidup tertib. Semua ini kalau kita bermiaga pun, bagaimana nak timbang pun diperjelaskan dalam al-Quran dan kita membuat perjanjian mulut iaitu aku jual dengan harga semua ini terdapat dalam al-Quran tapi kita tak ikut-ikut. Itulah sebabnya kita harini tidak menjadi satu tamadun yang maju seperti di zaman dahulu kerana kita tak ikut ajaran Islam yang sebenar (Informan Primer: Mahathir).

#### 5.4.13 Wawasan 2020

Kepimpinan merupakan kaedah pengarahan bagi mencapai matlamat yang ditentukan. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad turut mempunyai visi iaitu Wawasan 2020 bagi membangunkan Malaysia selaras dengan negara maju yang lain (Abdul Hamid Ahmad Sarji, 2003). Sehubungan itu, Informan-informan turut menjelaskan perkara ini.

Oleh itu, Informan 1 (Khoo Boo Teik) menjelaskan wawasan 2020 membawa banyak populariti kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad dan juga menggerakkan khayalan ramai orang Malaysia. Pada masa itu wawasan 2020 mendapat banyak sokongan daripada orang ramai yang memberikan sesuatu imej yang begitu baik kepada orang ramai berkenaan dengan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dikatakan penuh dengan vision, unik dan kebolehan kepimpinan.

Namun begitu, Informan 2 (Azizuddin) menyatakan satu jangka masa panjang untuk masa depan perlu ada visi dan strategi untuk mencapai dan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan satu *dateline* hingga tahun 2020 kita akan jadi negara maju tetapi negara bukan dilihat dalam kontek ekonomi saja bahkan negara maju adalah merangkumi semua konteks. Ia bermatlamat untuk masyarakat berkembang

ke arah tamadun maju. Dalam konteks kepimpinan setiap orang pemimpin mesti ada misi dan visi untuk dicapai, Tun Dr. Mahathir Mohamad bijak meletakkan satu target 2020 untuk mencapai. Setiap tahun apa yang dibuat oleh kerajaan perlu ke arah itu sebagai idea yang baik yang dicetus oleh beliau. Rakyat sekarang sedang menghadapi perkara itu dalam semua bidang. Apa yang berlaku sekarang hala tuju ke arah Wawasan 2020. Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata mungkin tak capai, mungkin capai dari segi pengeluaran negara kasar, banyak perkara lain yang terkandung dalam Wawasan 2020 tak boleh dicapai.

Disamping itu, Informan 1 (Khoo Boo Teik), Informan 3 (Murad Merican), Informan 4 (Rumaizuddin), Informan 5 (Zainuddin), Informan 6 (Sulastry) dan Informan 8 (Tan Keng) menegaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad inginkan rakyat Malaysia berdiri sama tinggi duduk sama rendah dan beliau tidak mahu rakyat Malaysia ketinggalan. Beliau hasrat supaya kita dapat berganding bahu dengan bangsa-bangsa lain di dunia. Apa yang Tun Dr. Mahathir Mohamad inginkan kita seperti orang Jepun, Korea dan orang putih. Tun Dr. Mahathir Mohamad mengkaji sejarah negara lain dan beliau tengok Korea pada tahun 1960an seperti Malaysia, Jepun tapi bagaimana negara ini boleh maju? Segala ciri-ciri Wawasan 2020 adalah ciri-ciri sebuah tamadun yang maju dengan nilai-nilai yang betul dan maju dengan sikap persaingan yang sesuai. Itu yang Tun Dr. Mahathir Mohamad nak namun beliau gagal mendidik orang Melayu kerana orang Melayu masih mundur bahkan masyarakat yang literasi maklumat masih lagi ada orang yang tidak tahu menilai maklumat. Apa yang disenaraikan oleh Wawasan 2020 ialah idea untuk mencapai satu masyarakat yang lebih sejahtera dan dapat berdaya saing serta maju namun masih ada kengkangan kalau masyarakat tidak dapat mencapai ciri-ciri ini maka

sukar untuk mencapai. Wawasan 2020 bukan halangan tetapi satu idea yang perlu diusahakan oleh warganegara secara individu atau berkumpulan. Setiap lapisan masyarakat mesti sedar kewujudan idea-idea tersebut. Kalau tidak sedar kita tidak boleh maju, yang boleh diharapkan untuk mencapai ialah generasi akan datang dibawa ke masa depan.

Justeru, Informan 7 (Amiruddin) menjelaskan setiap pemimpin yang diingati perlu ada visi dan Tun Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan suatu niat yang baik tentang Wawasan 2020 yang bermula dengan satu ucapan beliau di Harvard. Ucapan itu dijadikan Wawasan 2020 dan meletakkan beberapa cabaran-cabaran yang sebahagiannya diperincikan dan sebahagian diletak secara umum. Usaha untuk mewujudkan satu visi adalah saya rasa usaha yang sangat baik kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad akan meletakkan negara untuk fokus terhadap pencapaian apa yang telah diletakkan. Itu satu benda yang baik dan cukup baik cuma dari segi perlaksanaannya ada perubahan-perubahan yang boleh kita lihat beberapa kejayaan.. Jadi dari segi perlaksanaan dan pencapaianya yang kita harus tengok sekarang tapi bagi saya apapun idea Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk meletakkan Wawasan 2020 adalah satu idea yang cukup baik kerana kita ada target yang kita nak tingkatkan kalau tidak kita tak letak target kita tak tahu berjaya atau tidak.

Kita kena sedar membangunkan negara bukan saja membangunkan ekonomi tapi membangunkan Islam dan manusia dari aspek jasad, akal dan roh. Pendidikan yang kita ada sekarang adalah mewarisi zaman penjajahan malah tidak merangkupi ketiga-tiga aspek. Selain itu, kita kena sedar bagaimana tiga aspek ini dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. selama 23 tahun serta disambung dengan Khulafa

Arrasyiddin? Tun Dr. Mahathir Mohamad buat dan kita kena sedar beliau bangkit dengan caranya sendiri (Informan 9: Hadi Awang dan Informan 10: Khalid).

Kalau kita nak buat sesuatu kita perlu fikirkan target, sasarannya bererti kalau kita tidak tahu apa yang kita harapkan capai pada penghujung maka sukar bagi kita untuk membuat rancangan atau pelan untuk mencapai matlamat. Oleh sebab itu, kita tentukan bahawa pada tahun 2020 kita perlu jadi sebuah negara maju. Jadi, ia memberi kita 20 tahun atau 29 tahun untuk berusaha ke arah itu. Kita perlu tahu ke mana kita ingin pergi akan lebih mudah menyusun langkah ke arahnya. Pada masa pelancaran Wawasan 2020 kita tidak dapat jelaskan secara terperinci apakah yang dimaksudkan dengan negara maju yang ingin kita capai, hanya yang sedikit kita kata ialah kita akan menjadi negara maju mengikut acuan kita sendiri. Acuan inilah dibuat tafsiran kadang-kadang betul atau tidak sekarang ini tumpuan pendapatan saja iaitu asalkan pendapatan itu tinggi maka majulah negara tetapi pendapatan dengan sendirinya tidak menentukan kemajuan ataupun kebenaran sesuatu negara. Ada banyak negara yang mana penduduknya amat kaya kerana mungkin mereka berasas baik mempunyai puncakekayaan daripada *law material* yang ada kepada mereka tetapi mereka masih mundur. Jadi, pendapatan tidak boleh dijadikan satu saja ukuran maju mundur sebuah negara ia mesti mempunyai lain-lain kemajuan umpamanya kemajuan daripada segi perindustrian negara, ilmu pelajaran, *research*, kualiti hidup manusia semua ini akan memberi ukuran sama ada sebuah negara itu sudah maju ataupun tidak. Kalau kita dapati sebilangan yang besar termiskin dan terpisah antara miskin dan kaya semua ini menunjuk bahawa kita belum capai matlamat negara maju diwaktu ini saya dapati tumpuan pemerintah ialah hanya kepada pendapatan. Pendapatan mesti diingat tidak menjadikan kita negara maju. Kita sedar penduduk di negara kita ini bukan daripada satu bangsa, satu kaum, satu etnik ataupun satu agama dia berlainan sebab itu dalam kita mentadbirkan negara kita

perlu ambil kira semua kelainan-kelainan ini dan kita juga rujuk kepada ajaran agama kita apakah yang disuruh dalam agama Islam? disuruh dalam agama Islam bahawa orang bukan Islam itu mereka berlain daripada kita tetapi kepada mereka, agama mereka, kepada kita, agama kita dia beribadat cara dia, kita beribadat cara kita. Semua ini ada dalam al-Quran dalam surah Al-Khafiruun yang menjelaskan kepada kita bahawa kita perlu bersikap toleransi bukan suruh bunuh orang bukan Islam, yang suruh bunuh orang bukan Islam ini Mufti Pahang, dia ini tak siuman. Kalau ikut ajaran Islam tidak suruh kita memanggil orang itu kafir Harbi, kafir Zimmi semua ini tafsiran yang dibuat oleh orang islam dan bukan ajaran yang berasaskan kepada agama islam sendiri (Informan Primer: Mahathir).

## **5.5 Kesimpulan**

Oleh yang demikian, hasil daripada analisis temu bual dapat dilihat bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi banyak kesan kepada pembangunan negara. Malah, Islamisasi Mahathir dapat lihat menerusi pemikiran dan pembangunan negara namun kesan tersebut perlu diubah mengikut peredaran masa dan perkembangan ekonomi sejajar dengan kemajuan negara.

## **BAB ENAM**

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **6.1 Pengenalan**

Penyelidikan ini bermula dengan beberapa soalan khusus mengenai isu-isu kepimpinan Islam iaitu; (i) Apakah latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi seorang pemimpin yang terkenal? (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik? Justeru, kajian ini bertujuan mencapai tiga objektif utama iaitu; (i) Untuk mengetahui latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi seorang pemimpin yang terkenal (ii) Untuk mengenal pasti ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia (iii) Untuk menganalisis kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik. Oleh itu, bab ini merupakan perbincangan tentang hasil analisis berdasarkan objektif kajian. Ia diikuti menyimpulkan signifikan kajian untuk penyelidikan masa depan.

#### **6.2 Latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi seorang pemimpin yang terkenal**

Sebagai Perdana Menteri yang lama memegang kepimpinan di Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad membangunkan negara dengan pelbagai dasar dan pembangunan. Malah, beliau memimpin negara penyelidik mendapat pelbagai tohmahan, kritikan, cacian dan puji membina terhadap beliau namun beliau bijak serta berani mengawal legitimasi kepimpinan. Perkara ini dilihat berdasarkan teori

Max Weber (1968) dan Andre Delbecq serta Robert J. House (2012) menjelaskan kepimpinan karismatik ialah pemimpin dianggap karisma memiliki ciri-ciri keupayaan membezakan dirinya dengan orang lain atau wujud dalam imaginasi pengikutnya. Weber juga mengakui terdapat unsur menentukan kesahan karisma adalah pengiktirafan orang bawahan terhadap autoriti serta kewibawaan terdapat pada pemimpin. Seterusnya beliau menyatakan kepentingan pemimpin memiliki ciri-ciri karismatik kerana menunjukkan kemampuannya sebagai pemimpin memiliki keupayaan bagi membolehkan pemimpin mengekalkan kuasanya.

Sejak kecil Tun Dr. Mahathir Mohamad diterapkan amalan berdisiplin dalam diri oleh bapa *Master* Mohamad. Justeru, penyelidik berpendapat berdisiplin penting dalam individu kerana memiliki sifat disiplin memajukan dan dihormati oleh orang lain. Oleh sebab itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad melaksanakan Dasar Pandang ke Timur, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan kempen Kad Perakam Waktu bagi mewujudkan amalan berdisiplin dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia supaya masyarakat Melayu dihormati oleh orang lain. Sehubungan itu, perkara ini berdasarkan kajian daripada Furuoka (2007) yang menjelaskan dasar dan pembangunan diperkenalkan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah mengikut semangat nasionalisme dan pendirian beliau anti-Barat cenderung pada masa dahulu mengasingkan diri daripada kerajaan Jepun.

Suatu keistimewaan bagi pemimpin seperti Tun Dr. Mahathir Mohamad memiliki pemikiran jauh melangkaui batas. Oleh itu, penyelidik bersetuju kerana pemimpin s memiliki pemikiran jauh melebihi orang bawahan supaya negara dipimpin mampu berkembang dengan maju. Perkara ini diperjelas oleh Hamil Jamaie (2006)

menyatakan tahap kepintaran merujuk tahap keupayaan pemimpin dalam mencetuskan idea, perubahan, penilaian secara kritis dan strategi yang diatur secara konsisten terhadap halangan yang sedang dan bakal dihadapi. Keupayaan pemimpin berkenaan dinilai daripada sesuatu halangan yang timbul dan cara mengatasi halangan berkenaan. Untuk mengatasi kedua-dua rintangan ini, kepimpinan politik memanipulasi dasar dan sumber yang terdapat dalam negara atas alasan untuk tujuan politik pembangunan. Oleh itu, bagi merealisasikan usaha tersebut, pendukung idea dikenal pasti serta cuba mengurangkan tekanan dari pihak lain supaya tidak menghalang kepada tujuan pelaksanaan idea.

Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad dapat mengekalkan kepimpinan beliau selama 22 tahun berbanding Perdana Menteri sebelum ini. Justeru, penyelidik menjelaskan perkara ini disebabkan ciri-ciri kepimpinan yang mewarnai beliau iaitu: kepimpinan efektif akan menentukan kejayaan sesebuah negara. Selain itu, pemimpin mempunyai idea yang luar biasa dan orang-orang bawahan tidak digalakkan mempersoalkan sesuatu keputusan sebaliknya melaksanakan dengan penuh ketekunan untuk kejayaan serta sentiasa menghargai nilai-nilai positif dan bukan bangsa bagi menentukan kejayaan. Perkara ini berdasarkan kepada trait kepimpinan oleh Stogdill (1969) dan Manning dan Curtis (2009) yang dikategorikan kepada enam iaitu; pertama, keupayaan termasuk dalam kategori ini adalah kecerdasan, kewaspadaan, kemudahan bahasa, keaslian dan pertimbangan. Kedua, pencapaian dan berkait rapat dengan kecerdasan dan kesarjanaan. Ketiga, tanggungjawab termasuk ciri boleh bergantung, inisiatif, kecekapan, kelangsangan, yakin diri dan ingin cemerlang. Keempat, penyertaan merangkumi kebolehsosialan, kerjasama, kebolehadaptasikan dan jenaka. Kelima, status termasuk kedudukan

sosiekonomi dan kepopularan. Keenam, situasi termasuk aras fikiran, status, kemahiran, keperluan dan minat.

### **6.3 Ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana**

#### **Menteri di Malaysia**

Pertama, model negara pembangunan Malaysia tidak terdapat kepada negara lain baik Jepun atau Korea Selatan iaitu Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan Dasar Ekonomi Baru di Malaysia sejak tahun 1980an. Perkara ini disebabkan Malaysia mempunyai majoriti rakyat beragama Islam bahkan agama Islam juga menjadi agama persekutuan negara seperti termaktub dalam Fasal 3(1) Perlembagaan Malaysia. Sejak daripada kebangkitan Islam di Malaysia pada tahun 1970an, pelbagai kritikan kepada sistem ekonomi kapitalis Barat dan ekonomi di Malaysia. Oleh itu, penyelidik mendapati sejak Tun Dr. Mahathir Mohamad memegang kepimpinan negara agama Islam semakin difahami oleh rakyat Malaysia bukan kepada rakyat beragama Islam malah rakyat bukan Islam. Sehubungan itu, Daud (2006) berpendapat perkara ini satu aspek model negara membangun dan baru diterokai serta didapati berkesan manakala penerimaan sistem ini oleh masyarakat Malaysia nampak positif.

Namun begitu, penyelidik meninjau dasar dibuat oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad berteraskan Islam. Perkara ini dikaji oleh Schottmann (2008) mengenai fahaman agama Islam sebenar oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Oleh itu, antara dasar berunsurkan keislaman ialah Dasar Pandang ke Timur pada tahun 1982 bertujuan mendidik rakyat terutama orang Islam menghargai masa seperti Islam yang menitikberatkan kepentingan masa dalam apa juu keadaan. Di samping itu, Tun Dr.

Mahathir Mohamad memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran. Dasar ini diperkenalkan pada tahun 1983 untuk memupuk rakyat mengamalkan pendekatan nilai-nilai Islam secara menyeluruh. Dalam Islam, perkara ini termasuk dalam ilmu adab dan akhlak menjadi subjek semua peringkat pengajian bermula daripada pra sekolah hingga ke peringkat universiti. Justeru, apabila tamat pengajian kelak maka apa dipelajari dapat diterapkan dalam alam pekerjaan dan secara langsung syiar Islam dapat diperkembangkan lagi.

Selain itu, daripada kajian Yami (2013) menjelaskan pelbagai dasar-dasar berteraskan Islam selain dasar di atas, antaranya; (1) Dasar Wawasan 2020 sebagai dasar menjadikan negara dan umat Islam sebagai negara maju dan moden (2) Dasar Pembangunan Negara (DPN) sebagai dasar membangunkan umat Islam di Malaysia (3) Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) melahirkan umat Islam mampu bersaing dengan kaum lain dan negara maju lain (4) Dasar 70juta Penduduk bertujuan melahirkan umat Islam lebih ramai daripada agama lain selaras dengan seruan Rasulullah s.a.w. supaya meramaikan umat Islam (5) Dasar Sains dan Teknologi melahirkan umat Islam mempunyai kepakaran berkaitan sains dan teknologi seperti tokoh-tokoh Islam sebelumnya serta menjadikan tokoh-tokoh tersebut sebagai panduan dan rujukan utama (6) Dasar Pendidikan Islam Negara melahirkan umat Islam mempunyai Ilmu Islam untuk mentadbir negara pada masa akan datang.

Kedua, penyelidik berpendapat Kempen Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran bertujuan menerapkan nilai-nilai Islam kepada masyarakat Malaysia termasuk orang beragama Islam dan bukan Islam. Kempen ini mengandungi sebelas

nilai utama iaitu; amanah, ikhlas, sederhana, bersih, bekerjasama, bersyukur, taggungjawab, dedikasi, tekun, berdisiplin dan berbudi mulia. Berdasarkan nilai-nilai Islam dapat mengukuhkan jati diri dan menghasilkan nilai dalam diri yang berbeza dengan masyarakat lain. Perkara ini selaras sistem identiti tidak boleh dipisahkan daripada nilai (Zainal Yang, 2003). Persoalannya ialah; “Apakah nilai yang digunakan mengukuhkan sesuatu identiti?” ramai berpendapat masalah nilai diserahkan kepada individu-individu dan komuniti-komuniti yang berkenaan untuk menentukannya. Tetapi perkara ini tidak akan menyelesaikan masalah malah ia akan berakhir dengan kekeliruan berterusan dalam masyarakat. Oleh yang demikian, sangat wajar sekiranya dijelaskan secara langsung nilai perlu diterima dan diterapkan dalam masyarakat. Bagi masyarakat Malaysia adalah tepat sekiranya nilai diasaskan kepada kehendak dan pengajaran Islam untuk membentuk sebuah negara produktif dan bermoral tinggi.

Ketiga, demokrasi di Malaysia bermula pada tahun 1955 disamping sistem beraja. Penyelidik mendapati Malaysia menerima demokrasi Barat secara bertapis berdasarkan penjelasan daripada Borham (2013) menjelaskan Malaysia mengamalkan pilihan raya tetapi masih mengekalkan nilai asal diwaris daripada pengalaman pemerintahan lampau. Demokrasi memberi ruang penyertaan rakyat dalam menentukan dasar dan hala tuju negara. Oleh itu, umat Islam menjadi kuasa dan hak dalam menilai pemimpin dan dianggap nilai baik dalam demokrasi. Iman Hasan al-Banna menerima sistem demokrasi pilihanraya secara umum dengan cadangan penambahbaikan dan kita perlu mengolah demokrasi berasaskan nilai Islam. Selain itu, penyelidik berpendapat demokrasi rakyat perlu memahami konsep demokrasi bagi memupuk semangat kerjasama dan keadilan dicapai. Pada masa

kini parti politik umat Islam di Malaysia dalam keadaan krisis dari segi fungsi, hubungan serta menghidupkan amalan demokrasi di Malaysia. Ini berpunca daripada tidak jelas hubungan kepimpinan dalam orientasi demokrasi di Malaysia.

Keempat, penyelidik berpendapat sistem kad perakam waktu untuk melahirkan masyarakat Malaysia berdisiplin dan mempunyai etika dalam perkerjaan. Perkara ini berpandukan usaha-usaha Islam menitikberatkan persoalan nilai ke arah kecemerlangan dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan oleh manusia. Antara perkataan-perkataan melambangkan dalam Al-Quran “*ahsanu amala*”, “*aflaha*” dan “*ihsana*”. Malah, laungan azan terkandung seruan ke arah kecemerlangan iaitu “*hayya ‘ala al-falah*” berkali-kali. Antara ciri cemerlang ialah sesuatu pekerjaan dilaksanakan dengan berkualiti seperti tekun, disiplin, khusyuk, ikhlas dan amanah (Syed Ismail, Al-Qudsy, Ab Rahman , Asmak & Mohd Zain, 2009). Justeru, Al-Ghazali Abu Hamid (1973) berpendapat nilai utama dalam akhlak membentuk kecemerlangan.

Kelima, penyelidik berpendapat faktor kemiskinan tumpuan utama Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada orang Melayu sejak beliau memegang kepimpinan. Perkara ini disebabkan beliau inginkan perubahan dalam kalangan orang Melayu. Atas dasar itu, beliau memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru membasmikan kemiskinan. Dalam konteks Islam, kemiskinan dilihat sebagai fakir. Fakir memerlukan kepada sesuatu iaitu golongan fakir memerlukan perubahan. Perubahan ini dituntut oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam “*Malay Dilemma*”. Di samping itu, perkara ini dinyatakan Al-Ghazali Abu Hamid (1973) berpendapat manusia dikatakan fakir kerana mereka memerlukan kepada sesuatu. Manusia tidak

dikategorikan sebagai fakir sekiranya mereka tidak memerlukan sesuatu. Melalui pentafsiran tersebut, hanya Allah s.w.t. tidak memerlukan kepada sesuatu. Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan fakir dimaksudkan melalui surah al-Muhammad ayat 38, menjelaskan bukan maksud fakir mutlak, sebaliknya fakir didefinisikan kepada manusia yang tidak memiliki harta. Justeru, beliau tidak membezakan antara miskin dan fakir bahkan meletakkan kedua-duanya dalam golongan fakir.

Keenam, penyelidik mendapati kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadikan dasar dan pembangunan selari konsep Islam disamping pencapaian dari segi ekonomi dan nilai sosiobudaya Islam. Hal ini bertepatan dengan Pandian (2005) menyatakan elemen penting untuk membincangkan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah hubungan dengan pencapaian ekonomi dan nilai sosiobudaya wujud dalam agama. Perkara ini ditemui dalam penulisan beliau terutamanya “*The Malay Dilemma*” dan “*The Challenge*”. Idea dipaparkan daripada penulisan beliau sebagai berbentuk sekularisme kerana merasionalkan Islam dalam konteks ekonomi dan sosio-politik masyarakat Melayu. Islam adalah agama mengiktirafkan amalan dunia sebagai ibadah dan jalan ke arah menghampirkan diri kepada Allah. Konsep ini jelas terbayang dalam ungkapan dunia, ladang akhirat bermaksud kehidupan di dunia adalah medan amal manusia memetik hasilnya di akhirat nanti. Perkara ini dijelaskan oleh Awang Ramli (2012) menjelaskan kehidupan seharian orang Islam mengucapkan sebagai lafaz dalam solat mereka: “bahawa hidup dan matiku adalah kerana Allah”. Justeru, kehidupan dunia mengikut pandangan Islam sama sekali tidak terpisah dengan akhirat.

Ketujuh, kempen Kepimpinan Melalui Teladan dalam konteks Islam penyelidik mendapati kepimpinan dicontohi oleh umat Islam adalah kepimpinan dipimpin oleh Nabi Muhamad s.a.w. Sehubungan itu, tanggungjawab diamanahkan Nabi Muhammad s.a.w. menunjukkan teladan baik kepada umat Islam. Baginda tidak mengeluarkan arahan, sebaliknya baginda menjadi orang pertama melakukan amalan yang diarahkan kepada pengikutnya. Oleh itu, pendidikan dan asuhan baginda kepada umat Islam adalah menepati konsep mendidik melalui teladan ditunjukkan baginda sendiri. Konsep mendidik melalui teladan dipelajari daripada contoh pengajaran baginda kepada sahabat tentang cara mendirikan solat seperti sabda diriwayatkan oleh Al-Bukhari dari Malik bin Al-Huwaitir;

“kerjakanlah solat sebagaimana kamu melihatku mengerjakan solat”.

Hal ini selaras dengan pandangan Hasan (1988) menyatakan tidak ada pemisahan antara ibadah khas seperti solat dan berpuasa dengan muamalah termasuk mewujudkan pembangunan. Kempen Kepimpinan Melalui Teladan diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad mengikut ajaran Islam. Hal ini berdasarkan teori pembangunan Islam berkait rapat dengan kemajuan umat kerana berteraskan tauhid kepada Allah (Ghazali, 2012). Perkara ini disebut dalam Islam menitikberatkan kesempurnaan dan kesederhanaan.

Kelapan, penyelidik mendapati Mahathirisme merupakan pemikiran merangkumi pelbagai aspek dicetuskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad meskipun terdapat situasi yang kontroversi. Atas dasar itu, Hitam (2016) menyatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad seorang modernis, pragmatis dan strategis. Beliau mempunyai enigma dimanifestasikan perkataan “Mahathirisme” merangkumi seluruh pemikiran beliau

meskipun ada dianggap kontroversial (Hitam, 2016). Oleh sebab itu, Awang Ramli (2012) menjelaskan kepimpinan satu kefarduan atas orang Islam. mereka tidak boleh menghindarkan diri daripadanya bersikap negatif bahkan tanggungjawab orang Islam menyuruh berbuat pemberian dan memerangi kebatilan dengan tangannya jika ia mampu namun sekiranya tidak mampu dengan tangannya maka hendaklah dengan lidahnya dan sekiranya lidah juga tidak mampu maka hendaklah dengan hatinya merupakan selemah-lemah iman iaitu tingkat keimanan rendah. Perkara ini dijelaskan hadis riwayat Muslim sabda Rasulullah s.a.w. bermaksud;

“sesiapa dari kalangan kamu yang melihat kemungkaran hendaklah dengan lidahnya dan sekiranya tidak berkuasa hendaklah dengan hatinya, demikian itu adalah selemah-lemah iman”.

Adalah menjadi kewajipan kepada orang Islam untuk mengambil berat kepentingan umum orang Islam dan menyelesaiannya secara kepimpinan iaitu; hendak mengajar mereka cara-cara menyelesaikan permasalahan hidup yang berbagai-bagai jenis dan sebabnya sama ada masalah kemasyarakatan seperti talak, poligami, remaja, pertikaian keluarga atau masalah ekonomi seperti pendapatan perkapita dan masalah penjajahan ekonomi negara. Begitu juga masalah pendidikan seperti pembasmian buta huruf, pengajaran agama dan pendidikan generasi muda kerana semua perkara tersebut adalah fardu ke atas orang Islam untuk mengetahui dan mengajarnya.

Kesembilan, penyelidik berpendapat slogan Malaysia Boleh satu usaha memotivasi masyarakat Malaysia untuk berusaha dengan gigih dan maju. Perkara ini disebabkan umat Islam mengikut cara lama dalam sistem perairan

menggunakan alat-alat primitif dan kerbau atau lembu untuk bertani. Kadang-kadang mereka meniru ciptaan orang Eropah dengan tidak membuat sebarang pembaikan (Ahmad Amin, 1952). Oleh itu, Dasuki Ahmad (2003) menjelaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan dunia akan menghormati kita apabila ada kekuatan namun sebaliknya dunia terus menerus memperbudakkan kita jika kita mundur dan lemah. Justeru, Tun Dr. Mahathir Mohamad membuktikan kesedaran yang utuh tentang kelemahan umat Islam serta kemunduran negara-negara Islam pada hari ini. Selain daripada tidak ada keyakinan diri, mereka juga tidak berilmu, miskin, tidak bersedia untuk berkorban, hilang jati diri dan bergelumbang dengan dosa.

Kesepuluh, penyelidik berpendapat perpaduan di Malaysia dipupuk dari kecil semangat kesatuan menjadi kuat bagi memerangi perpecahan yang kritikal. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru supaya masyarakat Islam terutamanya perlu bersatu supaya Islam dikembangkan dan diterima oleh seluruh dunia. Perkara ini disebabkan oleh gagasan Islam bahawa kaum muslimin di seluruh dunia wajib membentuk satu perpaduan, satu blok dan satu jamaah berasaskan keimanan dengan bersekutu dalam satu wadah siasah. Apa juar tindakan bersifat perpecahan umat Islam, Awang Ramli (2012) menyatakan ia meruapakan aktiviti kekufuran dan kesesatan besar. Oleh itu, perpaduan mesti berpayung di bawah pemimpin yang boleh diterima oleh seluruh dunia Islam. Oleh yang demikian, berpandukan ciri-ciri tersebut beliau menerima “*King Faisal International Prize*” untuk “*Service To Islam*”. Dalam ucapan majlis tersebut, beliau menyatakan prinsip yang diamalkan diteruskan meskipun dicelar oleh Masyarakat Muslim sendiri kerana hal ini ditegaskan oleh beliau, perpaduan ummah dapat dibentuk melalui kestabilan politik,

pengetahuan sains dan teknologi dan kekayaan material. Itulah kekuatan ummah bersesuaian usaha memartabatkan Islam serta pandangan diterjemahkan kepimpinan beliau selama 22 tahun.

Keselaras, penyelidik menyimpulkan Wawasan 2020 dibina oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad melahirkan negara maju dalam ekonomi dan industri iaitu negara yang memiliki rakyat bersatu padu, taat setia, bermoral tinggi dan beragama serta rakyat berkualiti tinggi. Di samping itu, Malaysia sebagai negara maju berdiri tegak di permukaan bumi sebagai negara maju dengan identiti dan model sendiri bagi menjamin ketamadunan selaras tamadun Islam yang sentiasa maju dan megikut peredaran masa dan zaman. Perkara ini selaras kenyataan Al-Huzaim Yusef Othman (2011) menyarankan pemimpin mesti memiliki kepimpinan berwawasan. Oleh sebab itu, setiap wawasan dibina mempunyai jangka masa panjang kerana memberi semangat dan motivasi kepada rakyat untuk maju serta memenuhi setiap wawasan yang dibina. Wawasan 2020 menekankan aspek pembangunan dari segi keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, kualiti hidup, nilai sosial dan spiritual, kebanggaan dan keyakinan negara. Sehubungan itu, Teik (2003) menjelaskan Wawasan 2020 melahirkan rakyat Malaysia bertaraf *Asian Values* kerana rakyat Malaysia perlu menguasai pelbagai ilmu dari Jepun, Korea dan Taiwan. Namun begitu, rakyat Malaysia perlu menghayati slogan ‘Malaysia Boleh’ bersamaan dengan ‘Orang Asia Tidak Boleh Katakan Tidak’ membolehkan rakyat Malaysia melakukan perubahan untuk memajukan Malaysia.

Keduabelas, negara Islam adalah negara mempunyai majoriti rakyat beragama Islam dan dipimpin oleh orang Islam. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad

mengisytiharkan Malaysia sebuah negara Islam berdasarkan keterangan Al-Qardawi (1997) menggariskan lapan kriteria negara Islam. Sehubungan itu, penyelidik meninjau negara Islam diberikan kepada Malaysia oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad bertepatan keterangan Al-Qardawi kerana Malaysia mempunyai dasar dan pembangunan ke arah Islam selain mempunyai majoriti rakyat beragama Islam dan dipimpin oleh orang Islam. Perkara ini disebabkan pihak kerajaan berusaha untuk pembangunan Islam bagi melayakkannya dilabel sebagai Negara Islam. Kecenderungan Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kenegaraan Islam semenjak tahun 1980an apabila beliau pernah membangkitkan bahawa Islam diterima oleh semua kaum sebagai pedoman hidup mereka. Mengikut beliau, sekiranya umat Islam di Malaysia bersatu dan bersikap toleran terhadap kaum lain, maka mereka akan tertarik kepada agama Islam dan satu masyarakat yang seratus peratus orang Islam akan diwujudkan di Malaysia suatu masa nanti. Tambahan lagi, Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam ditandai oleh episod-episod yang menjadi batu-bata pembinaan negara Islam.

Namun begitu, penyelidik mendapati Malaysia bukan negara Islam kerana kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad dikatakan bersifat polemik politik. Perkara ini diakui oleh Anual Bakhri Haron dan Kamarul Zaman Yusoff (2002) menjelaskan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menyatakan Negara Islam yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak lebih daripada meraikan arus kebangkitan Islam berlaku sekarang. Justeru, Awang (2005) jelas menolak Malaysia sebagai Negara Islam. Beliau berhujah kenyataan YTM Tunku Abdul Rahman Putra, kenyataan hakim-hakim di Malaysia serta laporan Suruhanjaya Reid meletakkan Malaysia sebagai negara sekular yang tidak memberikan kedudukan berdaulat kepada agama

Islam serta objektif Negara Islam sebenar. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang menolak takrif yang diberikan oleh para ulama dan mendakwa takrif dinukilkkan oleh ulama UMNO tidak tepat. Malah, beliau tidak memberikan takrif negara Islam yang dikehendaki sekadar mengkritik tanpa membuat penjelasan lengkap dalam buku tersebut. Walau bagaimanapun, melalui kajian Ghazali (2012) Chandra Muzaffar menyifatkan kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengenai Malaysia sebuah Negara Islam adalah ‘lebih bersifat politik’. Selain itu, Abu Bakar (2002) melihat kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad menimbulkan satu pembudayaan politik yang penting proses Islamisasi dan transformasi yang sedang berlaku dalam sejarah serta masyarakat sepanjang lebih empat dekad yang lalu.

Ketigabelas, tamadun Islam merupakan tamadun mengemilangkan umat Islam suatu ketika dahulu. Penyelidik berpendapat kemerosotan tamadun Islam menjadi semakin parah sekitar abad ke-18 apabila negara-negara Islam dijajah. Umat Islam mengalami kebekuan pemikiran dan kerohanian. Kemunduran bermula dari rentetan jatuh Baghdad ke tangan tentera Mongol pada tahun 1258M. Beberapa pandangan diberikan mengenal pasti faktor-faktor membawa kelemahan umat Islam dan cara mengatasinya. Oleh itu, perkara yang ditimbulkan ialah kefahaman salah terhadap Islam dan amalan umat Islam jauh terpesong daripada ajaran sebenar. Justeru, para reformasi Islam mengerahkan tenaga dan fikiran untuk mengembalikan umat Islam kepada ajaran Islam luhur. Antara ulama, reformasi, modenis membicarakan perkara ini iaitu; Jamal al-Din al-Afghani, Sayyid Qutb, Hassan al-Banna, Muhammad Abduh, al-Maududi, Syed Ahmad Khan, Muhammad Iqbal dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Atas dasar tersebut Mohamad (1984) menegaskan tamadun Islam akan mencapai matlamatnya dan sekali lagi mencipta kegemilangannya sekiranya umat Islam mengamalkan pendekatan sederhana dan seimbang serta sanggup mengkritik diri sendiri. Umat Islam mesti belajar berlaku jujur terhadap diri sendiri. Umat Islam perlu pendekatan seimbang berkaitan kehidupan dunia dan akhirat. Konsep mengenai kehidupan di akhirat diterangkan kepada manusia untuk melunaskan pemikiran mereka dan bukan mengehadkan perhatian mereka terhadap perkara-perkara yang ada sekitar mereka sahaja. Oleh sebab itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru supaya cerdik pandai Islam pada zaman moden agar tidak sibuk dengan hal-hal keduniaan atau asyik dengan perkara-perkara mengenai akhirat sahaja. Sebaliknya segala usaha dan pemikiran mereka berdasarkan kepada kedua-dua aspek tersebut.

#### **6.4 Kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia**

##### **berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik**

Oleh itu, perbincangan ingin dibincangkan adalah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad dari segi positif dan negatif. Perbincangan ini seperti berikut;

##### **6.4.1 Kesan Positif Kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Penyelidik mendapati berdasarkan temubual dijalankan, kesan positif adalah; Penyelidik meninjau bagi tema dasar dan pembangunan, informan-informan menyatakan dasar dan pembangunan diterima oleh masyarakat Malaysia. Ini termasuk penerimaan pembangunan lebuhraya Utara Selatan menghubungkan semua negeri dengan cepat dan mudah. Selain itu, penerimaan rakyat dalam pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan pelaksanaan sistem

perundangan dengan memperkenalkan perbankan Islam sehingga kini diterima baik oleh orang Islam dan orang bukan Islam. Perkara ini dikaji dalam kajian Ghazali (2012) menjelaskan dasar Islamisasi diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Justeru, penyelidik berpendapat tema Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam membawa kesan ketika kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Hal ini disebabkan beliau inginkan nilai-nilai Islam diserapkan kepada masyarakat Malaysia. Pada permulaannya, beliau mengkhususkan penerapan ini diserapkan melalui pentadbiran supaya kekal, diamalkan serta disambungkan kepada generasi lain. Oleh sebab itu, penerapan nilai-nilai Islam menumpukan kepada amalan nilai-nilai Islam dan etika kerja Asia Timur. Perkara ini dilihat Teik (1995) menyatakan orang Islam membentuk kehidupan dalam kebudayaan Islam secara teratur dan membuat sumbangan positif kepada masyarakat lain.

Penyelidik meninjau demokrasi menjadi persoalan bagi masyarakat Malaysia. Perkara ini disebabkan Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai acuan beliau sendiri dalam melaksanakan demokrasi. Demokrasi ala Barat berbeza dengan demokrasi ala Malaysia kerana perkara dilaksanakan oleh Barat kurang bersesuaian untuk dilaksanakan Malaysia mempunyai kepelbagaian etnik, budaya dan agama. Oleh itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad memilih apa sepatutnya dilaksanakan demokrasi di Malaysia disebut demokrasi ala Malaysia. Penyelidik mendapati Tun Dr. Mahathir Mohamad mengambil demokrasi mengikut kesederhanaan Islam dan perkara penting kepimpinan beliau adalah keadilan. Perkara ini selari dengan kajian

Abdul Wahid (2016) menyifatkan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bijaksana dan mempunyai pelbagai kelebihan dalam mentadbir Malaysia.

Namun begitu, penyelidik mendapati Sistem Kad Perakam Waktu satu tamparan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad mendisiplinkan masyarakat di Malaysia kerana beliau mengetahui sikap orang Melayu tidak mengambil berat berkenaan masa. Oleh itu, beliau memperkenalkan sistem mereformasikan jentera dan pentadbiran di Malaysia. Keberkesanan sistem dalam kepimpinan beliau berkesan meskipun banyak kritikan diberikan namun pada hari ini kita lihat semua organisasi kerajaan mahupun swasta melaksanakan sistem ini. Tujuan Tun Dr. Mahathir Mohamad melaksanakan sistem ini adalah beliau mahu masyarakat Malaysia mengikut corak negara maju kerana bangsa maju adalah bangsa berdisiplin dan menepati masa. Hal ini menjadikan masyarakat di Malaysia lebih maju dan produktif bahkan ia bertepatan dengan teori sosial daripada Ibnu Khaldun (Ibnu Khaldun, 2001).

Faktor kemiskinan merupakan agenda utama Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam kepimpinan. Dua aspek diperjuangkan dalam “*The Malay Dilemma*” adalah kemiskinan dan kemunduran. Beliau inginkan orang Melayu keluar dari kepompong kemiskinan. Oleh itu, berdasarkan DEB kemiskinan semakin berkurangan malah mencapai tahun 2020 peratusan miskin tegar akan menurun. Perkara ini disebabkan kemiskinan menghalang orang Islam beribadah kepada Allah s.w.t. Sehubungan itu, Teik (1995) menyatakan orang Islam perlu memiliki kekayaan untuk beribadah kepada Allah s.w.t.

Penyelidik berpendapat kepimpinan Islam adalah proses pengarahan berdasarkan prinsip asas dalam Islam. Oleh itu, berdasarkan informan-informan menyatakan Tun Dr. Mahathir Mohamad melakukan dasar dan pembangunan mengikut prinsip Islam iaitu; al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Tun Dr. Mahathir Mohamad seorang pemimpin Islam modenis, tidak jumud serta tidak zuhud malah beliau lebih kepada logik akal kerana akal pemberian daripada Allah s.w.t. Sehubungan itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengangkat maruah orang Islam dengan ucapan dan cetusan idea beliau kepada negara-negara Islam di luar negara. Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi ruang kepada golongan alim ulama untuk pengembangan program-program berunsurkan keislaman meskipun beliau mempunyai asas dalam agama Islam. Perkara ini dinyatakan oleh Ghazali (2012).

Oleh yang demikian, penyelidik meninjau kempen Kepimpinan melalui Teladan memberikan tamparan hebat bagi Tun Dr. Mahathir Mohamad. Sehubungan itu, beliau perlu melaksanakan gaya kepimpinan yang boleh dicontohi oleh masyarakat Malaysia. Oleh itu, di bawah kempen ini beliau memperkenalkan kempen bersih, cekap dan amanah bagi melancarkan pentadbiran legitimasi beliau. Perkara ini akan melahirkan pentadbiran yang efisyen dalam pembangunan negara.

Penyelidik berpendapat Mahathirisme ialah ideologi daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad mengabungkan komitmen dan keyakinan terhadap Islam, kapitalisme, kewajaran sosialisme dan sekularisme tersirat. Mahathirisme juga dihasilkan daripada sikap, nilai dan kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Oleh itu, ramai informan mengatakan Mahathirisme berkekalan dalam jangka masa panjang sehingga Malaysia menjadi stabil dan maju. Berdasarkan Mahathirisme, Malaysia

mampu membawa perubahan drastik kerana berpandukan Mahathirisme Malaysia mampu berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan negara maju lain dan perkara ini dilihat kajian Rusdi dan Pandian (2005) menyatakan Mahathirisme dicetuskan daripada idea yang melihat keunikan pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama falsafah dan cara pengurusan negara ke arah negara maju pada tahun 2020.

Slogan Malaysia Boleh, penyelidik meninjau satu usaha memotivasikan dan memberi keyakinan kepada masyarakat Malaysia bagi mencapai sesuatu yang luar kawalan namun atas usaha bersungguh-sungguh masyarakat Malaysia meraih kejayaan. Slogan ini digunakan dalam bidang sukan. Oleh itu, dalam bidang Sukan slogan ini mampu meraih kejayaan. Perkara ini dinyatakan oleh Dasuki Ahmad (2003) menyatakan umat Islam perlu menguasai pelbagai ilmu pengetahuan sepetimana situasi berlaku ketika kegemilangan zaman tamadun Islam dahulu.

Sehubungan itu, penyelidik berpendapat perpaduan isu penting dalam menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum. Oleh itu, isu perpaduan sukar untuk disatupadukan sejak zaman kegemilangan Islam. Islam mengalakkan umat Islam untuk bersatu padu membangunkan pembangunan Islam. Malah, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bersatu padu kita dapat menegakkan keadilan. Justeru, Abdul Wahid (2016) menyatakan umat Islam perlu bersatu padu dan mengekalkan perpaduan berhadapan dengan dunia Barat ingin memusnahkan umat Islam. Selain itu, perkara ini berdasarkan teori kepimpinan Islam daripada Sayid Qutb mengenai keadilan dan ketaatan rakyat.

Dalam konteks tamadun Islam, penyelidik berpendapat berdasarkan sejarah Islam terdahulu umat Islam adalah umat berjaya malah tamadun Islam juga mencapai tahap kegemilangannya. Perkara ini disebabkan masyarakat Islam berpegang teguh dengan ajaran Islam. Atas dasar itu, umat Islam perlu rajin mendalami ilmu pengetahuan serta kepakaran. Oleh sebab itu, tamadun Islam banyak kemajuan dari segi pelbagai aspek. Oleh yang demikian, untuk membangunkan tamadun Islam moden Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru supaya umat Islam mendalami ilmu pengetahuan dan kepakaran disamping berpegang teguh kepada ajaran Islam sebenar. Justeru, Ghazali (2012) menjelaskan untuk mencapai tamadun Islam moden, pencapaian kemanusiaan perlu selari dengan nilai-nilai Islam bagi membangunkan umat Islam.

Visi Wawasan 2020, penyelidik meninjau adalah ketepatan dan ketajaman lensa pada tahun 2020 bagi memajukan Malaysia dengan negara maju yang lain. Oleh itu, ia menjadi khayalan masyarakat yang inginkan perubahan. Perubahan dilakukan adalah pertumbuhan ekonomi dan melahirkan bangsa Malaysia yang berilmu pengetahuan serta mempunyai “*Asian Values*” bahkan ia selari dengan Azizuddin Sani (2010) menjelaskan masyarakat Malaysia perlu mempunyai “*Asian Values*” kerana mampu menyokong agenda kerajaan bagi mencapai Wawasan 2020.

#### **6.4.2 Kesan Negatif Kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Manakala dalam kajian ini kesan negatif Kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad, iaitu;

Bagi tema dasar dan pembangunan informan-informan menjelaskan sebahagian dasar dan pembangunan tidak diterima umum adalah Industri Automotif Berat seperti Proton dan Perwaja.

Justeru, penyelidik berpendapat kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad dilabel tidak mempunyai personaliti Islamik seperti berjubah, berkopiah dan berjanggut. Perkara ini disebabkan pemimpin dilihat personaliti dan ideologi namun aspek personaliti beliau tidak dilihat sedemikian. Perkara ini bertepatan dengan Pandian (2005) menjelaskan Tun Dr. Mahathir Mohamad memiliki pemikiran Islam jauh berbeza dengan pemimpin-pemimpin Islam di Timur Tengah dengan perjuangan beliau dalam membela maruah orang Islam.

Dalam tema Malaysia Boleh dari segi negatif, segelintir masyarakat Malaysia menjadikan slogan ini sebagai bahan jenaka. Oleh sebab itu, segala pembangunan dilaksanakan masyarakat menyatakan “Malaysia Boleh buat apa saja” bahkan Lukman Hakim Rahim (2012) menjelaskan slogan Malaysia Boleh mempunyai kuasa yang mampu membawa kejayaan kepada Malaysia.

Konsep Negara Islam, penyelidik berpendapat satu propaganda politik. Oleh sebab itu, Malaysia menuju ke arah penubuhan Negara Islam kerana Malaysia mempunyai agama Islam sebagai agama persekutuan dalam perlembagaan Malaysia. Justeru, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengisyiharkan Malaysia sebagai Negara Islam ketika berlakunya pergolakan PAS yang menubuhkan konsep negara Islam mereka. Namun begitu, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan Malaysia menjadi Negara Islam berdasarkan Malaysia dipimpin oleh pemimpin Islam dan memiliki rakyat

majoriti beragama Islam. Perkara ini turut bertepatan dengan kriteria Negara Islam yang dikemuka oleh al-Qardawi (Al-Qardawi, 1997).

Walau bagaimanapun, penyelidik meninjau perpaduan yang dilaksanakan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi cabaran yang kuat kerana perpaduan yang dicapai dalam negara mempunyai pelbagai kaum dan etnik mengambil masa yang panjang. Namun begitu, sesetengah informan menyatakan perpaduan tidak dapat dicapai kerana Tun Dr. Mahathir Mohamad memecah belahan rakyat Malaysia. Hal ini dilihat apabila berlaku perpecahan dalam kalangan Tun Musa Hitam, Tun Ghafar Baba dan Tunku Razaleigh bahkan situasi ini dilihat melalui Hitam (2016) menjelaskan isu tersebut.

Namun begitu, penyelidik menyatakan Wawasan 2020 visi utama kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Beliau meletakkan satu jangka masa boleh dicapai visi tersebut dengan pelaksanaan berpandukan sembilan cabaran utama dibina dalam Wawasan 2020. Justeru, dalam konteks menghadapi tahun 2020 ramai informan menjelaskan Wawasan 2020 tidak dapat dicapai kerana kesinambungan pemimpin selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak menekankan pembangunan ke arah Wawasan 2020. Malah, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Wawasan 2020 tidak mampu dicapai kerana masyarakat Malaysia tidak diberi penjelasan yang mendalam berkaitan sembilan cara utama yang terbina dalam Wawasan 2020.


## **6.5 Model Kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia**

Hasil kajian mempersoalkan idea tentang Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dirangkakan oleh Abdul Wahid (2016), Ghazali (2012) dan Pandian (2005) serta

Teik (1995) menggabungkan keislaman dicetuskan daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad. Hasil kajian memberi gambaran tentang bagaimana ia digabungkan dan diadaptasikan dalam negara yang mempunyai kepelbagaian kaum dan agama.

Walau bagaimanapun, tujuan kajian untuk membina model kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia daripada literatur dan kajian ini. Latar belakang, ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad tdijelaskan daripada pandangan peribadi dengan memberi penekanan kepada kepimpinan jelas, personaliti yang luar biasa serta kebijaksanaan beliau dalam kepimpinan. Ditambah pula penjelasan informan dalam kajian mempunyai peranan penting dalam pembentukan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia.

Justeru, Rajah 1.6 menerangkan Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pemikiran Islam iaitu Mahathirisme. Beliau melaksanakan pembangunan Islam iaitu Islamisasi dan kepimpinan Islam dapat dilihat melalui pelaksanaan dasar dan pembangunan ketika dalam memimpin Malaysia. Oleh itu, kesan kepimpinan dapat dilihat daripada dua segi iaitu positif dan negatif.



Rajah 1.6. Model Kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia

## **6.6 Implikasi Kajian**

Kebanyakan kajian kepimpinan Islam dilakukan dalam konteks prinsip asas kepimpinan menggunakan penyelidikan kualitatif yang berbentuk biografi. Hasilnya, dapatan kajian sedia ada tidak mencukupi memahami konsep kepimpinan dan bagaimana pengalaman tersebut memberi pemahaman terhadap kepimpinan daripada konteks Islam. Justeru, kajian banyak membuka peluang dan menarik minat generasi muda untuk mengkaji corak kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan meluas dan terperinci serta dapat memberikan sumbangan kepada bidang ilmu kepimpinan Islam, khususnya di peringkat persekolahan menengah hingga ke universiti dengan mewujudkan matapelajaran kepimpinan Islam bagi membolehkan generasi muda mengetahui isu kepimpinan. Melalui kajian ini, meningkatkan ilmu pengetahuan dan membuka peluang kepada pembuat dasar untuk mendalami bidang kepimpinan Islam. Hal ini kerana adanya kajian yang mengkaji 13 tema dari pembangunan dan dasar dijalankan ketika kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia adalah kepimpinan Islam. Justeru, ia bertepatan dengan prinsip asas Islam selaras dengan Perlembagaan Persekutuan iaitu Artikel 3 (Agama bagi Persekutuan) dan membawa kepada pengisytiharan Malaysia sebuah negara Islam kerana pemerintahan dan perlombagaan berdasarkan Islam.

## **6.7 Limitasi dan kajian akan datang**

Sebelum membuat kesimpulan kajian ini, limitasi pendekatan digunakan perlu diambil perhatian. Kajian ini memberi tumpuan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia. Di samping itu, kajian masa depan diperluaskan menjalankan kajian ini dari aspek luar negara terutama negara-negara Islam yang melihat Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Islam. Kajian tersebut

kemungkinan melihat kepada ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di luar negara.

Namun begitu, kajian masa depan diperluaskan lagi perbandingan kepimpinan Islam dibawa oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan pemimpin di negara-negara Islam yang lain dengan menjalankan pelbagai metodologi bagi mengetahui kesan kepimpinan Islam di bawah pemerintahan mereka. Memandangkan ramai sarjana menekankan kajian kualitatif bagi kajian berkaitan Tun Dr. Mahathir Mohamad, kemungkinan kajian masa depan dipelbagaikan kajian *mix method* dan kuantitatif bagi menambahkan keberkesanan kajian seperti ini.

Akhir sekali, memandangkan kajian ini melibatkan informan daripada ahli politik dan ahli akademik dalam temu bual secara mendalam namun jika diambil sampel daripada ahli alim ulama Islam mempunyai latar belakang berbagai akan meningkatkan lagi pemahaman terhadap kepimpinan Islam.

Oleh yang demikian, kajian kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia mempunyai pelbagai persoalan berkait dengan masyarakat dan budaya. Sejajar dengan itu, kepimpinan beliau wajar dianalisis menggunakan pendekatan berlainan untuk mengetahui fenomena berlaku dengan teliti dan terancang. Daripada analisis ini, dapat menyerlahkan lagi persoalan sosial serta memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan Islam dan kesan daripada kepimpinan tersebut.

## **6.8 Kesimpulan**

Ironinya, penyelidikan ini mendapati Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang pemimpin nasionalisme mempunyai gaya Islam kontemporari semasa beliau mentadbir Malaysia. Hal ini kerana dalam dunia Islam selepas kewafatan pemimpin Islam teragung Nabi Muhamad s.a.w. dan Khulafa' Arrasyidin tidak ada sesiapa yang mampu mengganti mereka sebagai pemimpin. Sehubungan itu, perkara ini diakui oleh Dato' Seri Haji Hadi Awang ketika sesi temu bual dijalankan menjelaskan pada masa kini pemimpin Islam perlu dipilih secara kolektif. Justeru, penyelidik berpendapat perkara ini berdasarkan al-Mawardi (1880) menyatakan kepimpinan baik adalah mempunyai pemimpin memenuhi syarat-syarat seperti; (a) adil (b) mempunyai ilmu pengetahuan yang membolehkan pemimpin berijtihad dalam persoalan hukum dan peristiwa yang berlaku (c) sempurna pancaindera dari segi pendengaran, penglihatan dan percakapan (d) sihat anggota tubuh badan dari kekurangan yang menghalang pergerakkannya (e) mempunyai kemampuan berfikir tentang pentadbiran dan siasah rakyat (f) bersifat berani dan tegas yang membolehkannya mempertahankan negara dan melakukan jihad ke atas musuh (g) berketurunan mulia. Melalui kriteria syarat tersebut Imam al-Mawardi amat menitikberatkan soal pemilihan dan perlantikan pemimpin bagi sesebuah kepimpinan. Perkara ini disebabkan pemimpin yang menepati kriteria-kriteria tersebut akan dilantik untuk memastikan mereka dapat menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, amanah, bertanggungjawab dan ikhlas bagi memastikan matlamat sebenar kepimpinan Islam.

## RUJUKAN

- Ab Majid, Mohamad Kamil, Ab Majid, Norafifah & Mohamad, N. (2012). *Sayyid Qutb: Cetusan Idea Seorang Pejuang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Manaf Ahmad. (2004). *Negara Islam: Satu Analisis Perbandingan*. Kuala Lumpur: YADIM.
- Abdul Aziz Bari. (2005). *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia.
- Abdul Ghani Azmi ilhaamie, S. I. S. H. & B. S. A. (2013). *Kualiti Perkhidmatan Awam Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Halim el-Muhammady. (2000). *Ciri-ciri Kenegaraan Menurut Perspektif Syarak: Tinjauan Kepada Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Hamid Ahmad Sarji. (2003). Wawasan 2020 Malaysia Memahami Konsep, Implikasi dan Cabaran. In *Ke Arah Memahami Konsep, Implikasi dan Cabaran Wawasan 2020 Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Hamid Hazil. (1990). *Sosiologi Pendidikan dalam Perspektif Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Muati @ Zamri Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdul Mutalib, M. (2012). The Influence of Leadership Traits Toward Leadership Behavior Amongst Imams in Peninsular Malaysia, (November).
- Abdul Rahman, Rosfazila, Lyndon, Novel & Awang Abd, H. (2015). Pembentukan Budaya Organisasi Korporat Islam : Suatu Penelitian Kualitatif terhadap FPPOP Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, 2, 52–66.
- Abdul Wahid, A. R. (2016). *A Wise Man In A Crazy World*. Kuala Lumpur: Media Hub Connection Sdn Bhd.
- Abdullah, S. (2013). Memperkasakan Pembangunan Insan Melalui Amalan Infaq, (November), 169–182.
- Abi 'Ali, al-A. (1984). *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Abu Bakar, M. (2002). *Polemik Negara Islam dan Pembudayaan Politik Malaysia*. Petaling Jaya: Inmind.
- Abu Bakar Hussain. (2011). Pemikiran Sekular Tun Mahathir Penyebab Rakyat Tidak Faham Tentang Islam yang yang Sebenar. Retrieved from

<https://ustazabubakar.wordpress.com/tag/pemikiran-sekular-tun-mahathir-penyebab-rakyat-tidak-faham-tentang-islam-yang-sebenar/>

Abu Talib, S. H. (1990). *Tatbiq al-Syariah al-Islamiyyah fi Bilad al-Arabiyyah*. Kaherah: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.

Adam, C & Cavendish, W. (1995). Privatizing Malaysia: Rents, Rhetoric, Realities. In *Background* (San Franci). Westview Press.

Adila, H. (2013). *Kepimpinan dan Motivasi. Dimensi Koop*. Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan.

Ahmad, M. M. (2013). *Amalan Kepimpinan Islam Pengetua dan Perkaitannya Terhadap Atribut Komuniti Pembelajaran Profesional*. Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad, S. L. (2011). *Dua Dekad Dasar Pandang Ke Timur Satu Penilaian Aspek Pendidikan (1982-2002)*. Perak Darul Ridzuan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ahmad Amin. (1952). *Yaumul Islam*. Kaherah: Muassasah al-Khariji.

Ahmad Atory, H., & Malike, B. (2004). Politik pentadbiran di Malaysia : Penilaian pegawai awam terhadap dasar politik dan kepimpinan nasional. *Jurnal Kemanusiaan*, 8, 92–112.

Ahmad Ibrahim. (1985). Prinsip-Prinsip Perlembagaan Islam dalam Perlembagaan Malaysia. In *The Position of Islamic in the Modern States*. Kuala Lumpur.

Ahmad Ibrahim. (1988). *Ke Arah Islamisasi Undang-Undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: YADIM.

Ahmad Sabri, Ahmad Zaharuddin Sani & Abdul Rohman, M. (2017). Pendidikan Era Globalisasi Menurut Pandangan Tun Dr Mahathir Mohamad. In *Peradaban Islam di Asia: Isu Sejarah, Pendidikan dan Sains Sosial*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

Ahmad Sabri, Ahmad Zaharuddin Sani & Rosli, N. F. (2014). Hak Asasi Manusia menurut Perspektif Islam. In *Demokrasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Ahmad Sabri, A. Z. S. (2014). *Raksa Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Ahmad Sabri, A. Z. S. & O. A. (2014). Demokrasi dan Pilihan raya di Malaysia. In *Demokrasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Ahmad Sabri Ahmad Zaharuddin Sani. (2015, June 8). MAS berdepan cabaran baharu pertahanan imej. *Berita Harian*. Kuala Lumpur. Retrieved from <http://ipdm.uum.edu.my/images/article/MAS.jpg>

- Akor, P. U. (2014). Influence of Autocratic Leadership Style on the Job Performance of Academic Librarians in Benue State, 4(7), 148–152. <http://doi.org/10.5901/jesr.2014.v4n7p148>
- al-Alayli, A. (1975). *As Suhah Fil Lughah Wal Ulum* (2nd ed.). Beirut: Dar al-Hadhara Arabiyah.
- al-Ghazali, I. (1987). *al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Ghazali Abu Hamid. (1973). *Ihya' 'Ulumuddin* (1st ed.). Cairo: Amal Kitabi Al-Araby.
- Al-Huzaim Yusef Othman. (2011). *The Principles Of Leadership In The Light Of Islamic Heritage and The American Experience*. Riyadh: Maktabah Darussalam.
- al-Mawardi, A. I. M. I. H. (1880). *al- Ahkam al-Sultaniyyah*. Kaherah: Matba'ah al-Watan Bi Misr.
- Al-Munjad. (2003). *Fi al-Lughah Wa al-Ilam* (40th ed.). Beirut: Dar-al-Mashriq.
- Al-Qardawi. (1997). *Min Fiqh al-Dawlah*. al-Qahirah: Dar Al-Shuruq.
- Al-Qardawi. (1999). *Tamadun Islam: Alternatif Masa Depan*. (J. Juanda, Ed.). Selangor: Maktabah Al-Qardawi.
- Al-Saleh, S. (1997). *Politik dan Pentadbiran dalam Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Aman, I. (2004). Bahasa dan Kepimpinan : Pengkhlayakan Wacana Perdana Menteri Dato ' Seri Dr . Mahathir Mohamad. *Akademiqa*, 65, 3–25.
- Aman Hashim. (1981). *Surat Pekeling Am Kerajaan Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Aminuddin, M. Y. (1990). *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andre Delbecq, Robert J. House, M. S. de L. & N. R. Q. (2012). Implicit Motives, Leadership, and Follower Outcomes: An Empirical Test of CEOs. *Journal of Leadership & Organizational Studies*, 20(1), 7–24. <http://doi.org/10.1177/1548051812467207>
- Anual Bakhri Haron & Kamarul Zaman Yusoff. (2002). *Negara Islam Nota-Nota Penting*. Kota Bharu: Pustaka Qamar.
- Arthur, L. W. (1982). *Teori Pertumbuhan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Avolio, B. J. (1999, September). Are Leaders born or made? *Psychology Today*.
- Awang, A. hadi. (2005). *Hadharah Islamiyyah bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur:

Nufair Street Sdn. Bhd.  
Awang Ramlie. (2012). *ISLAM: Pemikiran Kenegaraan & Pemerintahan*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.

Azizuddin, M., & Sani, M. (2010). A comparative analysis of Asian values and Islam Hadhari in Malaysia \*. *Jurnal Kemanusiaan*, 15, 11–22. <http://doi.org/10.5539/jpl.v2n3p110>

B.M. Bass & B.J. Avolio. (1990). *Bass and Stogdill's Handbook of Leadership: Theory, research and management application*. New York: Free Press.

Baxter, P., & Jack, S. (2008). Qualitative Case Study Methodology: Study Design and Implementation for Novice Researchers. *The Qualitative Report 544-The Qualitative Report Volume 13 Number 4 December 2008*, 13(4), 544–559. <http://doi.org/10.2174/1874434600802010058>

Bennis, W. & Nanus, B. (1985). *Leaders: The Strategies For Taking Charge*. New York: Harper & Row.

Bennis, W & Goldsmith, J. (1997). *Learning to Lead: A Workbook on Becoming a Leader*. Reading, MA: Addison-Wesley.

Bennis, W. (2009). *On Becoming a Leader*. New York: Basic Books. Retrieved from <http://forleadership.org/wp-content/uploads/On-Becoming-a-Leader.pdf>

Bernard, M. B. (1984). *Leadership-Multidisciplinary Perspectives*. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Bibi, J., & Kassim, J. (2011). Instructional leadership and attitude towards organizational change among secondary schools principal in Pahang , Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 15, 3304–3309. <http://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.04.290>

Birch, A. H. (2001). *Concept & Theories of Modern Democracy* (2nd ed.). London: Routledge Falmer.

Borham, A. J. (2013). Konsep siyasah syar'iyyah dan perlaksanaannya dalam konteks Malaysia. In *Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siyasah Syar'iyyah Dalam Konteks Masa Kini: Isu Dan Cabaran*, (pp. 1–16).

Burns, J. M. (1978). *Leadership*. New York: Harper & Row.

C.D. Pigie. (1977). *The Scientific Study of Political Leadership*. New York: Free Press.

Carpenter .C. & Suto .M. (2008). *Qualitative Research for Occupational and Physical Therapists: A Practical Guide*. Oxford: Blackwell Publishing.

Chandra Muzaffar. (2001). Pengenalan Ilmu Ketamadunan. In *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Choudhury, G. (1993). *The Prophet Muhammad: His Life and Eternal Message*. Kuala Lumpur: WHS Publications Sdn Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Claar, V. V., Jackson, L. L., & TenHaken, V. R. (2014). Are Servant Leaders Born or Made? *Servant Leadership: Theory & Practice*, 1(1), 46–52. Retrieved from [http://www.sltpjournal.org/uploads/2/6/3/9/26394582/5\\_claar\\_et\\_al\\_-\\_print\\_v1\\_i1\\_2.pdf](http://www.sltpjournal.org/uploads/2/6/3/9/26394582/5_claar_et_al_-_print_v1_i1_2.pdf)
- Collingwood, R. G. (1978). *The Idea of History*. London: Oxford University Press.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design, Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks. CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2003). Research design Qualitative quantitative and mixed methods approaches. *Research Design Qualitative Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 3–26. <http://doi.org/10.3109/08941939.2012.723954>
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative Inquiry & Research Design: Choosing Among Five Approaches*. USA: Sage Publications.
- Creswell J.W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks. CA: Sage Publications.
- Dasuki Ahmad. (2003, October 19). Malaysia Boleh Negara Islam pun boleh. *Utusan Online*. Kuala Lumpur. Retrieved from [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1019&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1019&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm)
- Dasuki Ahmad. (2004). *Pembaharuan Pemikiran Islam Tun Dr Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: RD Network Sdn. Bhd.
- Daud, S. (2006). Negara dan Ideologi Pembangunan. In *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam politik Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Daud Mustafa. (1988). *Beberapa Aspek Pemikiran Al-Maududi*. (A. K. Mohamed, Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ekonomi, U. P. (2015). *Rancangan Malaysia ke Sebelas, Kertas Strategi 7: Mewujudkan Persekutaran Hidup Lebih Selamat dan Terjamin*. Kuala Lumpur.
- Faaland Just, P. J. & S. R. (2005). *Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Fadhil Siddiq. (1994). *Kepimpinan Islam dalam Menghadapi Abad KE 21*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

- Faridah Che Husain, & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2006). Pendekatan Psikologi Dalam Pendidikan Akhlak Muslim Sebagai Pemangkin Pembangunan Insan Dan Tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu*, 17, 290–306.
- Fauzi Hussin, J. A. & M. S. Z. N. (2014). *Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Fiedler, F. E. (1964). A Contingency Model of Leadership Effectiveness. In L. Berkowitz (Ed.), *Advances In Experimental Social Psychology*. New York: Academic Press.
- Fiedler, F. E. (1967). *A Theory of Leadership Effectiveness*. New York: McGraw Hill.
- Furuoka, F. (2007). Malaysia-Japan Relations under the Mahathir Administration: Case Studies of the “Look East” Policy and Japanese Investment in Malaysia. *Asian Survey*, 47(3), 505–519. <http://doi.org/10.1525/as.2007.47.3.505>
- G. Choudhury. (1993). *The Prophet Muhamad His Life and Eternal Message*. Kuala Lumpur: WHS Publications Sdn Bhd.
- Gentry, W., Deal, J. J., Stawiski, S., & Ruderman, M. (2012). *Are leaders born or made? Perspectives from the executive suite*. Center of creative leadership. Retrieved from <http://insights.ccl.org/wp-content/uploads/2015/02/AreLeadersBornOrMade.pdf>
- Gerring, J. (2007). *Case Study Research: Principles and Practices*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ghazali, M. R. (2012). *Pembangunan Islam di Malaysia Era Mahathir*. Kuala Lumpur: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Graen, G.B. & Schiemann, W. (1978). Leader Member Agreement: A Vertical Dyad Linkage Approach. *Journal Of Applied Psychology*, 63, 206–212.
- Grbich, C. (2007). *Qualitative Data Analysis: An Introduction*. London: Sage Publications.
- Hambali Abdul Latiff. (2001). *Dr Mahathir- Amanah & Visi*. Selangor: Penerbitan Wadah Karya.
- Hamid, D. H. T. B. A. H., Omar, A. H. H., & Sariffudin, R. S. (2005). Aplikasi Perisian Nvivo Dalam Analisis Data Kualitatif. *Qualitative Conference*, 1–18. Retrieved from [http://eprints.utm.my/2220/1/p24.Dayang\\_Hjh\\_Tiawa.pdf](http://eprints.utm.my/2220/1/p24.Dayang_Hjh_Tiawa.pdf)
- Hamil Jamaie. (2006). Dinamika Kepimpinan Politik UMNO. In D. S. & O. Z. Mayudin Ghazali, Hamil Jamaie (Ed.), *Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam politik Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasan, A.-B. (1988). *Konsep Pembaharuan Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn Bhd.

- Hashim Makaruddin. (2001). *Islam & The Muslim Ummah*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd.
- Hassan, Z., Silong, A. D., & Muslim, N. (2009). Kepimpinan Beretika dan Kecemerlangan Organisasi dalam Perkhidmatan Awam. *Malim*, 10(2009), 39–52.
- Hilley, J. (2009). *Malaysia: Mahathirisme, Hegemoni dan Pembangkang Baru*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Hitam, M. (2016). *Frankly Speaking*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd.
- House, R. J. & Mitchell, R. (1974). Theory of Leadership. *Journal of Contemporary Business*, 3(4), 81–98.
- House R.J. (1977). Theory of Charismatic Leadership. In J.G. Hunt & L.L. Larson (Ed.), *Leadership: The Cutting Edge*. Carbondale: University of Illinois University Press.
- Hung, Y. H. (2003). *Ketua Pengawai Eksekutif Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hung Yung Hng. (1998). *CEO MALAYSIA: Strategy In Nation-Building*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd.
- Husna, N., Shafie, M., Syakir, M., & Rosdi, M. (2016). Sains Humanika The Implications of Tun Dr . Mahathir Mohamad â€™ s Leadership on Islamic Economic Development in Malaysia, 1983(2003), 81–86.
- Hussai, A. A. (2006). Administrative Modernization in the Malaysian Local Government : A Study in Promoting Efficiency , Effectiveness and Productivity. *Pertanika Journal Social Science and Humanity*, 14(1), 51–62.
- Hussain, A. A. (1997). The Leadership Factor in Administrative Reform in Malaysia, with a Specific Study on the Leadership of Dr. Mahathir Mohamad, Prime Minister of Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 5(2), 103–123.
- Hussain, A. A. (2006). Islam Hadhari : Suatu Kesinambungan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam selepas Era Tun Dr . Mahathir Mohamad Islam Hadhari : A Continuation of the Adoption of Islamic Values after Tun Dr . Mahathir 's Era, 2, 1–10.
- Hussin Kamarudin, Abd Shukor Nasrudin, K. N. S. & Y. M. N. (2005). Sistem K-Kedatangan di Kampus Teragih. *Jurnal Penyelidikan Dan Pendidikan Kejuruteraan*, 2, 9–16.
- Ibn Hisham. (1930). *Sirat al-Rasul* (2nd ed.). al-Qahirah: Matba'ah Mustafa al-Babiy al-Halabiyy.
- Ibn Qatadah. (1904). *al-Imamah wa al-Siyasah*. ( al-R. Muhammad Mahmud, Ed.).

Kaherah.

- Ibnu, K. (1993). *Mukaddimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Asir, M. A. S. A.-M. M. J. (n.d.). *Al-Nihayah Fi Qarib Al-Hadis Wa Al-Asry*. Mesir: Dar- Ihya Al-Kitabul Arabiyyah.
- Ibnu Khaldun. (2001). *Mukadimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Manzur, A. al-F. M. ibn M. (1997). *Lisan al-Arab* (4th ed.). Cairo: Maktabah al-Khanji.
- Ibrahim Mazlan, A. J. (2003). Pemikiran Siasah Sayid Qutb: Satu Analisis Berdasarkan Kitab Fi Zilal Al-Quran. In Y. U. & O. I. Othman Mohd Radzi, Muhammat Zaleha, Abdullah Atikullah, Mat Akhir Noor Shakirah (Ed.), *WARISAN AL-QURAN: Politik dan Pemikiran Semasa*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Ibrahim Muslim. (2012). Satu Milenium Islam Sebagai Paksi Perpaduan Serumpun. In *ISLAM dan WASATIYYAH*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Idris, A. (2006). *Bahasa dan Kepimpinan: Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iman An-Nawawi. (1995). *Riyadhush Shalihin*. Darul Haq.
- Infante, D. A. A. S. R. & D. F. W. (2003). *Building Communication Theory*. Illinois: Waveland Press.
- Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (INTAN). (1988). *Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia*. Selangor: Ampang Press Sdn Bhd.
- INTAN. (1996). *Panduan Etika Kerja Urusetia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam*. Kuala Lumpur.
- Iqbal N, A. S. & H. N. (2015). Effect of Leadership Style on Employee Performance. *Arabian Journal of Business and Management Review*, 5(5), 1–6. <http://doi.org/10.4172/2223-5833.1000146>
- Iran Herman. (2004). *Statistik dan Analisis Data Sains Sosial*. kedah: Ustaras Sdn. Bhd.
- Ishak, S. (2011). Model Kepemimpinan Etika Berlandas Sirah Nabi Muhammad Saw. *Jurnal Hadhari* 3, 3(2), 23–44.
- Ismail Harlina. (2008). Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia. In *Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Ismail Lutfi. (1990). *Iktilaf al-Darayn wa Atharuhu Fi al-Ahkam al-Munakahat wa Mu'amalat*. al-Qahirah: Dar al-Salam.

J. Cribbin. (1981). *Leadership: Strategies For Organizational Effectiveness*. New York: Amacom.

J.W. Gardner. (1984). *Leadership and Power*. Washington: Independent Sector.  
Jabatan Penerangan Malaysia. (2016). Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran. Retrieved from <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/243-dasar-penerapan-nilai-nilai-islam-dalam-pen>

Jackson, T. A., Meyer, J. P., & Wang, X.-H. (2013). Leadership, Commitment, and Culture: A Meta-Analysis. *Journal of Leadership & Organizational Studies*, 20(1), 84–106. <http://doi.org/10.1177/1548051812466919>

Jamaie Hamil. (2003). Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik UMNO. *Akademika*, 62, 17–39.

James, B. (1987). *Leadership*. New York: Harper Colophon.

Jerry Bass. (1983). *Malaysia in 1982: A New Frontier, Asian Survey*. New York: Columbia University Press.

John Gill & Phil Johnson. (2010). *Research Methods For Managers* (4th ed.). Britain: Sage Publications.

Jomo K.S. (2010). *Warisan Ekonomi Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Joyce Cheah Lynn-Sze. (2016). *Nilai Confucianisme Dalam Komunikasi Kepimpinan Silang Budaya Tun Dr Mahathir Mohamad*. Universiti Utara Malaysia, Sintok.

Junita, B. R. (2014). *Kuasa Insaniah Negara Malaysia dan Imej-Imej Selebriti Tun Dr Mahathir Mohamad*. Universiti Utara Malaysia.

Kaiser, R.B., Hogan, R. & Craig, S. B. (2008). American Psychologist: Leadership and The Fact Of Organizations, 96–110.

Kamil, M., Majid, A., Affandi, R., & Rahim, A. (2009). Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun. *Jurnal Hadhari*, 1, 45–76.

Kamila Ghazali. (2004). *The Rhetoric of Dr. Mahathir Mohamad: A Critical Discourse Perspective*. Kuala Lumpur. Retrieved from Universiti Malaya.

Khaldun, 'Abd Rahman Ibnu. (1984). *Muqaddimah*. Beirut: Dar Al-Arqam.

Khalid, K. A. T. @. (2016). Dilema Kemiskinan : Falsafah , Budaya dan Strategi. *Akademika*, 86(2), 65–78.

Khazanah Nasional. (2014). *Membina Kembali Ikon Negara : Pelan Pemulihan MAS*. Retrieved from [http://www.khazanah.com.my/docs/Membina\\_Kembali\\_Ikon\\_Negara\\_Pelan\\_Pemulihan\\_MAS.pdf](http://www.khazanah.com.my/docs/Membina_Kembali_Ikon_Negara_Pelan_Pemulihan_MAS.pdf)

- Kurshid Ahmad. (2000). Islam and Democracy: Some Conceptual and Contemporary Dimensions. *The Muslim World*, 90, 1–21. Retrieved from <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/j.1478-1913.2000.tb03679.x/abstract>
- L.K. Trevino. M.Brown & L.P. Hartman. (2003). *A Qualitative investigation of Perceived Executive Ethical Leadership: Perceptions From Inside and Outside The Executive uite*. Human Relations.
- Latham, G. P., & Piccolo, R. F. (2013). Introduction to the special issue of the journal of leadership and organizational studies. *Journal of Leadership & Organizational Studies*, 20(1), 5–6. <http://doi.org/10.1177/1548051812466593>
- Latifah Abdul Majid, W. N. W. A. & N. H. A. Z. (2012). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Pra Sekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 51-65, 51–65.
- Liamputpong, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif* (3rd ed.). Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Lincoln, Y., & Guba, E. (1985). *Naturalistic Inquiry*. New York: Sage Publications.
- Lukman Hakim Rahim. (2012). Kuasa slogan “Malaysia Boleh.” *Kosmo!* Kuala Lumpur. Retrieved from [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0225&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne\\_10.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=0225&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_10.htm)
- M.G. Herman. (1977). Introduction: A Statement of Issues. In *Psychological Examination of Political Leaders*. New York: Free Press.
- MacPherson, S. & S. R. (1970). The Meaning and Measurement of Poverty. In *Majma' al-Lughah al-Arabiyyah*. Mesir: al-Hay'ah al-Misriyyah al-Ammah li al-Ta'lif wa al-Nasyr.
- Mad Shah, I. (2006). *Kepimpinan dan Hubungan Interpersonal dalam Organisasi*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mardin, Z. (2004). *Wira Tak Didendang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Makhdom, Hind KramatauGhazali, M. Z. (2013). Towards a Substantive Theory of Leadership , Negotiation and Decision Making of Leaders. *International Journal of Innovation and Business Strategy*, 2, 30–44. Retrieved from [http://www.ibs.utm.my/ijibs/attachments/article/40/IJIBS\\_02\\_03.pdf](http://www.ibs.utm.my/ijibs/attachments/article/40/IJIBS_02_03.pdf)
- Malaysia. (1981). *Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- MalaysiaKini. (2017). PAS: Malaysia Rosak Lagi Jika Mahathir Kembali Jadi PM. Berita. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/405406#qfs2M6XHaRA6R2BV.99>

Malaysia Today. (2017). Bolehkah Mahathir Di Percaya? Retrieved From <http://www.malaysia-today.net/%E2%81%A0%E2%81%A0%E2%81%A0siri-6-bolehkah-mahathir-dipercayai/>

Malike Ibrahim. (2015). *Kepimpinan Politik di Malaysia*. Perlis: Universiti Malaysia Perlis.

Manning, G. & Curtis, K. (2009). *The Art of Leadership*. New York: McGraw Hill International Edition.

Mat, C. (2012). *Kursus Kepimpinan Profesional: Siri Kursus dan Modul Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Mat Chek. (2003). *Kemahiran Memimpin*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Mat Zain, R. (1993). *Kepimpinan dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Maxwell, J. A. (1996). *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*. Thousand Oaks. CA: Sage Publications.

Maxwell, J. C. (2008). *The 21 Irrefutable Laws of Leadership: Folloe Them And People Will Follow You, Revised & Upadated 10th Anniversary Edition*. Illinois: Audio Teck Business Book Summaries.

Mazlan, M. (2014). *Pemikiran Tun Dr Mahathir Mengenai Politik Orang Melayu Malaysia Pasca Persaraan (2003-2012)*. Universiti Utara Malaysia.

Md Nawi Nurul Hudani, Redzuan Ma'rof, H. H. & A. A. M. I. (2014). Hubungan antara Trait Personaliti dengan Tingkah Laku Kpeimpinan. *Sains Humanika*, 1(2000), 107–115.

Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study; Applications in Education*. San Francisco: Jossey Bass Pub.

Mikdar Rusdi. (2011). Konsep Warisan Dalam Al-Qur'an Suatu Tinjauan Tafsir Maudu'I. *Seminar Antarabangsa Sejarah Dan Warisan Empayar Johor-Riau*, 1–22.

Miles, M. & Huberman, A. (1994). *Qualitative Data Analysis* (2nd ed.). Thousand Oaks. CA: Sage Publications.

Milicent, A. J. & P. (2011). *Penulisan Tugas & Tesis*. (Puteh Marzita & Baharom Sadiah, Ed.) (4th ed.). Kuala Lumpur: Universiti Pendidikan Sultan Idris & Institut Terjemahan Negara Malaysia.

Miller, K. (2005). *Communication Theories: Perfectives, Processes and Contexts*. Boston: McGraw Hill.

- Mohamad Kamil Majid, Rahimin Affandi Abd Rahim, Muhammed Yusof. (2014). Pembangunan Modal Insan Di Malaysia: Analisis Terhadap Pendekatan Islam Selepas Negara Merdeka. *Jurnal Hadhari*, 6, 15-34.
- Mohamad, M. (1976). *The Challenge*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd.
- Mohamad, M. Ucapan Perasmian Kursus Kepimpinan Rohaniah, Anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia (1978).
- Mohamad, M. (1981). Satu Tanggungjawab dan Amanah. Ucapan Penangguhan pada Perhimpunan Agong UMNO tahun 1981.
- Mohamad, M. (1984). *Ke Arah Tamadun Islam yang Lebih Cemerlang*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.
- Mohamad, M. (1994). Ucapan Dr Mahathir Mohamad: The Awakening.
- Mohamad, M. (1995a). *Ke Era Kegemilangan Ummah*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.
- Mohamad, M. (1995b). Ucapan Perasmian Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan. Kuala Lumpur: Prime Minister Officer.
- Mohamad, M. (1997a). Learning From The Lessons of History. In *Towards the 21st Century: Reformation and Challenges for Muslims in the Region*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Mohamad, M. (1997b). Wawasan 2020. In *Menuju Ke Puncak*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd.
- Mohamad, M. (1999a). *A New Deal For Asia*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd.
- Mohamad, M. (1999b). *Jalan ke Puncak*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd.
- Mohamad, M. (2000). Ucapan Dr Mahathir Mohamad: “ The Future of Muslims In The 21st Century”.
- Mohamad, M. (2002a). Ucapan Perasmian Konvensyen Dunia Melayu Islam Ketiga. Kuala Lumpur: Prime Minister Officer.
- Mohamad, M. (2002b). Ucapan Perhimpunan Agung UMNO 2001. In *Koleksi Ucapan Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Mohamad, M. (2003). *Dilema Melayu*. (S. Ibrahim, Ed.). Kuala Lumpur: Times Book Interntional.
- Mohamad, M. (2004). *Achieving True Globalisation: Interview and Composition by*

- Kohei Hashimoto*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications Sdn Bhd.
- Mohamad, M. (2012). *Doktor Umum Memoir Tun Dr Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Mohamad Hisyam Muhammad. (2007). *Pembangunan dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd Haidar Kamarzaman, Norakmal Azraf Awaluddin, Muhammad Akmal othoman, Y. M. ramli. (2013). Elemen Kebangsaan dalam Pemilihan Pemimpin : Analisis Kontekstual Pemilihan Saidina Abu Bakr , Muawiyyah serta Kesultanan Melayu. *Gjat*, 3(2), 91–106. <http://doi.org/10.7187/GJAT462013.03.02>
- Mohd Izani Mohd Zain & Hussain Mohamed. (2005). Islam Dan Demokrasi : Islam Politik Muslim Malaysia Dan Indonesia Indonesia. *Jati*, 10, 9–25.
- Mohd Izhar Ariff, M. K., Ezad, A. J., Mohamad, Zulfazdlee Abul Hassan, A., Mohd Al-adib, S., & Salmy Edawati, Y. (2012). Penentuan ciri negara Islam menurut pemikiran empat mazhab fiqah. *Jurnal Hadhari*, 4(2), 89–106. Retrieved from [www.ukm.my/jhadhari](http://www.ukm.my/jhadhari)
- Mohd Rejab, I. (1985). *Kepimpinan dalam Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Rodzi Abd Razak. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 36, 90-106.
- Mohd Shafie Noor Husna & Mohd Rosdi, M. S. (2016). The Implications of Tun Dr . Mahathir Mohamad â€™ s Leadership on Islamic Economic Development in Malaysia. *Sains Humanika*, 1983(2003), 81–86.
- Mohd Yunus, A. R. (2001). *Demokrasi dan Kepemimpinan: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Moten, A. R. (2011). Leadership in the West and the Islamic World : A Comparative Analysis. *World Applied Sciences Journal*, 15(3), 339–349.
- Muhammad Saqib Khan, Irfanullah Khan, Qamar Afaq Qureshi, Hafiz Muhammad Ismail, Hamid Rauf, A. L. & M. T. (2015). The Styles of Leadership : A Critical Review. *Public Policy and Administration Research*, 5(3), 87–93.
- Muhd Akmal, N. @ B. R., Razaleigh, M. @ K., Rosli, S., Zanariah, J., & A'dawiyah, I. (2015). Teori Gaya Kepimpinan Barat Diadaptasi Daripada Teori Gaya Kepimpinan Islam (Al-Quran). *Journal of Human Capital Development*, 8(1), 73–91.
- Mustapha, N. H. N. (2012). Pendekatan Tamadun kepada Model Baru Ekonomi Negara. In *Model Baru Ekonomi: Tinjauan dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

- Mutalib, H. (1993). *Islam in Malaysia: From Revivalism to Islamic State*. Singapore: Singapore University Press.
- Nor Azni Abdul Aziz, Foo Say Fooi, A. H. & S. A. (2014). Instructional Leadership : Validity and Reliability of PIMRS 22-item Instrument. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 8(23), 200–206.
- Nordin, S. A. (2012). *Pemikiran Politik Islam di Aceh pada Abad ke 17 M: Kajian Perbandingan Antara Kitab Taj Al-Salatin, Sulalih Al-Salatin da Bustan Al-Salatin*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Hudai Md Nawi, Ma’rof Redzuan, Hanina Hamsan & Mohd Ibrani Adam Asim (2014). Hubungan antara Trait Personaliti dengan Tingkah Laku Kepimpinan. *Sains Humanika*, 107-115.
- Nurul Izzati Nazirmuddin & Nazirmuddin Ahmad. (2011). Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Satu Analisis dari Perspektif al-Hadis. In F. Deraman,Fauzi, Sulaiman, Ishak & Ahmad Shah (Ed.), *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Omar, Rusdi & Pandian, S. (2005). Falsafah pemikiran politik Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal Kemanusiaan*, 78–91.
- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Padgett D.K. (2008). *Qualitative Methods n Social Work Research* (2nd ed.). Los Angeles: Sage Publications.
- Pandian, S. (2005). *Legasi Mahathir*. Kuala Lumpur: Utusan Publications& Distributors Sdn Bhd.
- Patto, M. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods* (3rd ed.). Thousand Oaks. CA: Sage Publications.
- Piaw, C. Y. (2011). *Kaedah Penyelidikan Buku 1* (Kedua). Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Piçak, M., Doğan, B. B., & Oğrak, A. (2013). Abu Al-Hasan Al-Mawardi ' s Views on Economic Policies, 5(3), 56–65.
- Prime Minister's Office Goverment Malaysia. (n.d.). Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran.
- Prime Minister's Office Goverment Malaysia.(1983). Dasar-Dasar Malaysia: Bersih, Cekap, Amanah.
- Punch, K. F. (2001). *Developing Effective Research Proposals*. London: Sage Publications.
- Rais Yatim. (2013). Sistem Pemilihan UMNO Boleh Dijadikan Contoh. *Utusan*

*Online.* Retrieved from [http://www.utusan.com.my/utusan/UMNO\\_2013/20131019/um\\_60/Sistem-pemilihan-UMNO-boleh-dijadikan-contoh---Rais](http://www.utusan.com.my/utusan/UMNO_2013/20131019/um_60/Sistem-pemilihan-UMNO-boleh-dijadikan-contoh---Rais)

Rashid, Z. Z. (2006). *Penerbitan Biografi Di Malaysia: Pengalaman Menulis Tiga Buku Biografi Tun Dr Mahathir Mohamad. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negara.* Kuala Lumpur: Watan Sdn Bhd.

Rawls, J. (1971). *A Theory of Justice.* USA: Harvard University Press.

Rizqi, M. A. (2010). *Analisis Model Kepimpinan Islam pada Cv Dharma Utama Batu Malang.* Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim.

Rosdi, Mohd Syakir Mohd & Mohd Shafie, N. H. (2016). Declaration Of Malaysia As An Islamic State In The Era Tun Dr Mahathir Mohamad ' s Governance : Implications Towards Political Economics In Islamic Ways. *International Journal of Management and Economics Invention*, 2(3), 566–572.

Sa'idi Mustapha Mursilalaili. (2005). *Ibadat dalam Pekerjaan dan Kesannya Terhadap Pembangunan Negara.* Putrajaya: JAKIM.

Saat, I. (2010). *Siri Pengajian Sejarah: Penulisan Sejarah.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Sani, A. S. A. Z. (2012, April 23). Keaslian Pakar Agama. *Mstar Kolumn Dari Rantau.* Retrieved from <http://dev.mstar.com.my/kolumnis/2012/04/23/keaslian-pakar-agama>

Saravanamuttu, J. (2009). Malaysian Foreign Policy in the Mahathir Era 1981–2003: Dilemmas of Development. *Contemporary Southeast Asia.* <http://doi.org/10.1355/cs31-3g>

Sardiman AM. (2005). Kepemimpinan Mahathir Mohamad Sebuah Refleksi. In *International Conference on Tun Dr Mahathir Mohamad: Managing Governance & Development in the 21st Century.* Kuala Lumpur: Institute of Tun Dr Mahathir Mohamad's Thoughts.

Schottmann, S. A. (2008). Will this be the Asian century? In *17th Biennial Conference of the Asian Studies Association of Australia* (pp. 1–18). Melbourne.

Schottmann, S. A. (2011). The Pillars of “Mahathir’s Islam”: Mahathir Mohamad on Being-Muslim in the Modern World. *Asian Studies Review*, 35(3), 355–372. <http://doi.org/10.1080/10357823.2011.602663>

Schottmann, S. A. (2013). God helps those who help themselves: Islam according to Mahathir Mohamad. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 24(1), 57–69. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.1080/09596410.2012.712454>

Shakti, F. F. (2012). *Kepimpinan Islam Untuk Pengurusan Kualiti Universiti Utara Malaysia Ogos 2012.*

- Shuib, S., Saludin, M. N., Feigenblatt, O. F. Von, Keling, M. F., & Ajis, N. (2010). The Role of Malaysian Leaders in Nation Building Process ( 1957-2003 ). *Arts and Social Sciences Journal, 2010: ASSJ*, 1–17.
- Shukeri Mohamad. (1997). Pembentukan Masyarakat Berakhhlak Mengikut Politik Islam. *Jurnal Usuluddin*, 154-174.
- Siagian Haidir Fitra, Abdullah Mohd Yusof, Mustaffa Normah, A. F. (2014). Bentuk Komunikasi Penyertaan Ulama the Forms of Participatory Communication of Ulama As Opinion Leaders in Supporting National Development of the Province of South. *Journal of Communication*, 30, 75–94.
- Silva, A. (1999). What Do We Really Know about Leadership? *Journal of Business Studies Quarterly*, 5(4), 1–4.
- Solahuddin Ismail. (2009). Pembentukan Organisasi Cemerlang: Pandangan Islam Melantik Pemimpin. *Jurnal Usuluddin*, 29, 207–220.
- Stogdill, R. M. (1969). *Manual for Leader Behavior Description Questionnaire*. OH: Ohio State University.
- Strauss,A. & Corbin, J. (1998). *Basic of Qualitative Research, Grounded Theory Procedures and Techniques*. Newbury Park: Sage Publications.
- Sulaiman, al-A. 'Umar. (1982). *Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Kuwait: Maktabah al-Falah.
- Syakir, M. R. M. (2014). *Ekonomi Politik Islam: Teori dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ismail, Al-Qudsy, Ab Rahman , Asmak & Mohd Zain, M. I. (2009). Pengukuhan Nilai dan Profesionalisme di Kalangan Penjawat Awam Ke Arah Efektif Governan di Malaysia. *Shariah Journal*, 17(3), 559–592.
- Tahir, M. (2013). Tidak Islamiknya Pembangunan di Negara Islam. *Gjat*, 3(1), 85–106.
- Teik, K. B. (1995). *Paradoxes of Mahathirism: AN Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. New York: Oxford University Press.
- Teik, K. B. (2003a). *Beyond Mahathir: Malaysian Politics and Its Discontents*. London: Zed Books Ltd.
- Teik, K. B. (2003b). *Nationalism and Religionalism: Vision 2020 and Asian Values*. USA: Zed Books Ltd.
- Teik, K. B., & Hadiz, V. R. (2010). Critical connections: Islamic politics and political economy in Indonesia and Malaysia. *Institute of Developing Economies*, (239), 34.
- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. (1977). *Looking Back*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Rancangan Malaysia Ke Sebelas 2016-2020: Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat*. Kuala Lumpur.

Van Wart, M. (2013). Lessons from leadership theory and the contemporary challenges of leaders. *Public Administration Review*, 73(4). <http://doi.org/10.1111/puar.12069>

Vol, J. I., Zainuddin, N. A., Aurani, J., & Rosmani, A. F. (2014). Solat Bio Theraphy Module Kajian-Kajian Terdahulu Berkaitan. *Jurnal Intelek*, 9(1), 23–33.

W.M. Watt. (1961). *Muhammad: Prophet and Stateman*. London: Oxford University Press.

Wahid, A. (2006). Islamku, Islam Anda, Islam Kita : Agama Masyarakat Negara Demokrasi. *The Wahid Institution*. <http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

Wan Daud Wan Mohd Nor. (2005). *Pembangunan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Wan Hassan, W. Z. (2009). Nilai-nilai Fleksibiliti dalam Sumber Perundangan Islam. *MALIM*, 10, 53–72.

Weber, M. (1947a). *Essay On Sociology*. New York: Oxford University Press.

Weber, M. (1947b). *The Theory of Social and Economic Organization*. New York: Free Press.

Weber, M. (1968). *On Charisma and Institution Building*. London: University of Chicago.

Wiersma, W. (1991). *Research Methods In Education 15th ed.* Boston: Allyn & Bacon.

Yami, M. J. (2013). *Pemikiran Islam Tun Dr Mahathir Semasa Memerintah(1981-2003)*. Universiti Utara Malaysia.

Yukl, G. (2006). *Leadership In Organizations* (6th ed.). Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall Inc.

Zaharuddin, A., Sabri, S., Utara, U., Youth, M., View, P., Zaharuddin, A., & Sabri, S. (2016). Malaysia Youth Leaders : Personality Traits Versus Leadership Styles, (December).

Zahidi, W. T. W. (2003). *Warisan Al-Quran Politik dan Pemikiran Semasa: Al-Quran dan Siyasah Syar'iyyah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Zainal Yang. (2003). Nilai dan budaya kerja dalam pentadbiran sektor awam di Malaysia dari perspektif Islam. *Jurnal Pengurusan Awam*, 2(1), 45–67.

Zakaria, Stapa, Noranizah, Yusuf & Abdul Fatah, S. (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran dan Sunnah serta Peranannya dalam Memperkasakan Tamadun Ummah.

*Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 7-22, 7–22.*

- Zakaria, I. (1986). *Teori Kenegaraan Al-Farabi*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zariza, A. A. (1990). *Mahathir: Triumph and Trials*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.
- Zariza, A. A. (1997). *Mahathir's Paradigm Shift The Man Behind The Vision*. Kuala Lumpur: Firma Malaysia.
- Zaydan, A. al-K. (1989). *al-Madkhal li Dir'sat al-Shariah al-Islamiyyah*. Beirut: Maktabah al-Quds.
- Zenger H. John & Folkman Joseph. (2004). *The Handbook for Leaders:24 Lessons for Extraordinary Leadership*. Singapore: McGraw Hill.
- Zenger H. John & Folkman Joseph. (2005). *Panduan Untuk Memimpin 24 Pengajaran Bagi Kepimpinan Luar Biasa* (Bahasa Mel). Kuala Lumpur: McGraw Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Zook, D. C. (2010). Making Space for Islam: Religion, Science, and Politics in Contemporary Malaysia. *The Journal of Asian Studies*, 69(4), 1143–1166.  
<http://doi.org/10.1017/S0021911810002925>
- Zulfa Jamalie. (2011). *Analisis Pemikiran Mahathir Mohamad Mengenai Islam dan Perlaksanaan Dasarnya dalam Negara Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Zulkefli, D., & Hassan, A. (2007). Isu dan Strategi Ke Arah Pembangunan Modal Insan Sektor Pengajian Tinggi Bertaraf Dunia. *Jurnal Pengurusan Awam*, 23–44.

## LAMPIRAN A

### Soalan Temu Bual

Justeru, kajian ini menjalankan sesi temu bual berstruktur dengan informan kajian berdasarkan jadual dibawah;

Soalan Temu Bual	Persoalan Kajian
1. Dalam sejarah manusia, seorang pemimpin diingati sama ada secara baik atau kurang baik dan ia berasaskan kepada pencapaian yang dilakukan semasa hidupnya. Dalam konteks Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan tokoh negarawan yang sering menjadi perhatian umum. Sejauhmanakah Tuan mengenali beliau?	(i) Apakah latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi seorang pemimpin yang terkenal?
2. Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai jangka masa yang agak lama memegang jawatan Perdana Menteri, malah pelbagai dasar dan pembangunan yang telah dilaksanakan bagi memajukan Malaysia. Tuan, adakah pembangunan tersebut dapat diterima oleh masyarakat Malaysia sehingga kini?	(ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?
3.Kepimpinan merupakan kaedah pengarahan bagi mencapai matlamat yang ditentukan. Oleh itu, Tun Dr Mahathir Mohamad turut mempunyai visi iaitu wawasan 2020 bagi membangunkan Malaysia selaras dengan negara maju yang lain. Apa pandangan Tuan?	(ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?

4. Islam dipilih sebagai agama persekutuan bagi Malaysia. Malah, Islam juga berpegang kepada prinsip asas iaitu, Al-Quran, Al-Sunnah, Qias dan Ijma' Ulama. Tuan, adakah Tun Dr Mahathir Mohamad mengamalkan prinsip asas tersebut dalam legasi kepimpinan beliau?
- (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?
5. Tun Dr Mahathir Mohamad banyak melaksanakan pembangunan dan dasar yang berkonsepkan Islam di Malaysia dari pelbagai aspek termasuk ekonomi, sosial dan politik. Tuan, adakah masyarakat Malaysia melihat Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin Islam meskipun beliau telah melaksanakan pembangunan dan dasar berdasarkan prinsip asas dalam agama Islam?
- (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?
6. Dalam kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad, beliau telah melaksanakan kempen kepimpinan melalui teladan. Kempen ini bertujuan untuk menanam, memupuk sifat-sifat kepimpinan yang berkesan untuk dicontohi, dihayati dan diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat. Tuan, bagaimanakah Tun Dr Mahathir Mohamad melaksanakan kempen ini kepada rakyat?
- (i) Apakah latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi seorang pemimpin yang terkenal? (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik

dan ahli akademik?

7. Dasar Penerapan nilai-nilai Islam ialah satu rancangan kerajaan untuk menanam nilai murni yang membina dalam pentadbiran negara. Tuan, bagaimanakah Tun Dr Mahathir Mohamad menjalankan dasar ini sehingga nilai-nilai ini boleh dihayati pada masa kini?

(i) Apakah latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi seorang pemimpin yang terkenal? (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?

8. Faktor kemiskinan orang melayu merupakan salah satu perjuangan Tun Dr Mahathir Mohamad sejak dari mula beliau mencebur dunia politik. Ini dapat dilihat menerusi penulisan buku dan teks ucapan beliau yang inginkan perubahan dalam pemikiran orang melayu supaya maju setanding bangsa lain. Apa pandangan Tuan?

(i) Apakah latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi seorang pemimpin yang terkenal? (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?

9. Mahathirisme ialah ideologi politik yang terdiri daripada gabungan komitmen dan keyakinan terhadap Islam, kapitalisme, kewajaran sosialisme

(i) Apakah latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi

dan sekularisme yang tersirat. Apa pandangan Tuan mengenainya?

seorang pemimpin yang terkenal? (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?

10. Slogan ‘Malaysia Boleh’ adalah satu usaha murni Tun Dr Mahathir Mohamad dalam meningkatkan tahap keyakinan rakyat Malaysia untuk menceburi pelbagai bidang. Tuan, adakah ia memberi kesan kepada rakyat sehingga ke hari ini?
- (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?

11. Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan seorang yang berdisiplin tinggi. Justeru, beliau memperkenalkan sistem kad perakam waktu supaya kakitangan kerajaan datang bertugas tepat pada waktunya. Tuan, sejauhmanakah keberkesanan sistem ini pada hari ini?
- (i) Apakah latar belakang yang mempengaruhi Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi seorang pemimpin yang terkenal? (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?

12. Kemerosotan dan kemunduran tamadun Islam adalah perkara yang sering diperkatakan, bukan sahaja oleh pemikir moden tetapi juga ulama dan negarawan. Malah, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa pembinaan tamadun Islam pada zaman moden ini berdasarkan pencapaian kemanusiaan dan sesuai dengan ajaran Islam. Tuan, bagaimanakah pembinaan tamadun Islam dilaksanakan?
- (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?
13. Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa cabaran utama dan asas yang dihadapi oleh negara ialah mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu serta menikmati kehidupan bersama. Apa pandangan Tuan?
- (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?
14. Islam mempunyai kedudukan yang teristikewa di Malaysia. Di samping itu, masa depan politik dan pembangunan Islam di Malaysia berkait rapat dengan dengan perpaduan dalam kalangan umat Islam. Bagaimanakah Tun Dr Mahathir Mohamad mengatasi isu perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, adat budaya dan etnik ini?
- (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?
15. Tun Dr Mahathir Mohamad mempercayai bahawa agama Islam merupakan satu tuntutan agama yang lengkap dalam kehidupan dan beliau menolak pemisahan antara agama dan pemerintahan. Hal ini turut dipersetujui oleh Al-
- (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam

Qardawi apabila beliau menyebut bahawa dunia Islam tidak boleh meniru Barat dalam perkara ini. Tuan, bagaimana Tun Dr Mahathir Mohamad mengatasi isu ini?

16. Dalam konteks Malaysia pengamalan demokrasi oleh Tun Dr Mahathir Mohamad adalah mengikut acuan beliau sendiri. Walau bagaimanapun, beliau mengamalkan demokrasi tetapi dalam beberapa hal ia berbeza dengan demokrasi Barat yang memberikan kebebasan mutlak kepada rakyat sehingga boleh melakukan tindakan lain diatas nama demokrasi. Tuan, mengapakah hal ini berlaku?
- (ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?

17. Kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa Malaysia sebagai sebuah Negara Islam memberi implikasi terhadap masa depan politik negara. Hal ini kerana ia dijadikan hujah untuk umat Islam menuntut pelaksanaan Islam yang menyeluruh dan amalan demokrasi yang lebih telus dalam kepimpinan di Malaysia. Apa pandangan Tuan mengenai isu ini?

(ii) Apakah ciri-ciri kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri di Malaysia? (iii) Apakah kesan kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad di Malaysia berdasarkan persepsi ahli politik dan ahli akademik?